

**KERJASAMA DAN KONFLIK ANTARA PARTI KOMUNIS MALAYA  
DENGAN BRITISH DI TANAH MELAYU, 1941-1948**

**AHMAD ZAKI BIN MOHD JOHARI**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

KERJASAMA DAN KONFLIK ANTARA PARTI KOMUNIS MALAYA  
DENGAN BRITISH DI TANAH MELAYU, 1941-1948

AHMAD ZAKI BIN MOHD JOHARI  
AHA 120013

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI DOKTOR FALSAFAH

JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2017

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: AHMAD ZAKI BIN MOHD JOHARI

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 120013

Nama Ijazah: Ph.D

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertai/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**KERJASAMA DAN KONFLIK ANTARA PARTI KOMUNIS MALAYA DENGAN  
BRITISH DI TANAH MELAYU, 1941-1948**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain.
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:  
Jawatan

## **ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji hubungan antara Parti Komunis Malaya (PKM) dengan Kerajaan Kolonial British di Tanah Melayu, daripada tahun 1941 hingga 1948. Dalam tempoh tersebut, hubungan antara kedua-dua kuasa yang berpengaruh itu berlangsung dalam dua situasi yang berbeza. Oleh itu, tesis ini telah membuktikan bahawa dalam tempoh tersebut sememangnya berlaku hubungan antara kedua-dua kuasa tersebut sama ada dalam bentuk konflik ataupun kerjasama politik. Proses hubungan itu berlaku sejak sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, sekitar tahun 1920-an. Hubungan ini berlanjutan ketika perang memuncak sehingga era pasca perang dan berakhir pada penghujung tahun 1948, iaitu tempoh kajian tesis berkenaan. Dengan penemuan perjanjian yang ditandatangani antara kedua-dua pihak dan penyertaan PKM dalam Majlis Penasihat Negeri di negeri-negeri Melayu ketika pemerintahan BMA, telah membuktikan kewujudan hubungan yang mendalam antara mereka ketika itu. Bagaimanapun, hubungan yang terbina itu ternyata tidak konsisten dan sering berubah dan diwarnai oleh pertentangan ideologi atas desakan politik tempatan dan antarabangsa. PKM jelas berusaha keras bagi mengembangkan ideologi sosialis-komunis mereka, di samping menentang segala dasar imperialisme-kapitalisme British yang dianggap tidak demokratik dan menguntungkan rakyat. Bagaimanapun, tindakan awal komunis tersebut telah berjaya dikesan dan dikawal oleh kerajaan kolonial tersebut sehingga akhirnya mencetuskan konflik bersenjata antara kedua-dua pihak. Oleh itu, dalam mengukuhkan dapatan tesis ini, pelbagai kaedah telah digunakan, sama ada melalui kajian lapangan, mahu pun dengan kaedah rujukan di perpustakaan dan arkib yang terdapat di dalam dan luar negara. Dengan itu, pelbagai sumber primer telah dirujuk sebagai bahan utama kajian tanpa mengenepikan sumber sekunder yang tersedia ada. Berdasarkan rekod tersebut, beberapa penemuan baru mengenai kerjasama dan

konflik antara PKM dan British itu telah diperoleh melalui rekod pejabat kolonial, rekod kerajaan persekutuan, rekod kerajaan negeri, buletin, laporan, surat-surat persendirian, memoir dan memorandum serta wawancara dengan tokoh yang terlibat secara langsung atau sebagai pemerhati pada zaman tersebut. Hasil daripada dapatan kajian ini akan dapat digunakan dalam oleh semua pihak baik dari dalam maupun luar negara, terutamanya daripada kalangan pengkaji sejarah tempatan maupun pemerintah dalam menyusun dasar-dasar kerajaan dan negara, agar ia bersifat telus dan mementingkan kemajuan serta keamanan sejagat.

## ***ABSTRACT***

This thesis examines the relationship between the Communist Party of Malaya (CPM) and the British Colonial Government in Malaya, from 1941 to 1948. During this period, relations between the two powers took place in two different situations. This study has proven that during the period relation between the two powers were either of conflict or political cooperation. The relationship began in the 1920s before the outbreak of the Second World War and continued when the war broke out, and the post-war era, and ended in 1948. The findings of this thesis revealing the agreement signed between the two parties and CPM participation in the Advisory Council in the Malay states during the BMA, has proved the existence of a deep connection between them. However, the relationship was not consistent and often changed and was coloured by ideological conflict influenced by a local and international politics. CPM obviously tried hard to develop the socialist-communist ideology, as well as resist British imperialism-capitalist policies. However, the early communist action was brought under control by the colonial government. In order to reinforce the findings of this thesis, various methods have been used such as library and archival research at home and abroad. Thus, various primary sources were referred to without neglecting the study of secondary sources available. Based on the primary record; some new discoveries about cooperation and conflict between the CPM and the British have been revealed through the records of colonial officials, the records of the federal government, the records of state governments, newsletters, reports, letters, private memoirs and memorandums and interviews with personalities involved directly or as an observer at the time. The results of this study could be used by all parties, both historians as well as the government in formulating policies, so that it is transparent and promotes progress and peace.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Dengan limpah kurnia-Nya yang tidak terhingga serta selawat dan salam kepada baginda Rusulullah s.a.w. Saya akhirnya dapat juga menyudahkan dan menyiapkan sebuah tesis Ph.D, Sejarah Malaysia, dengan nasihat dan bimbingan daripada dua orang penyelia saya, iaitu Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dan Dr Ho Hui Ling, daripada Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Di sini, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya, kerana mereka telah banyak memberi panduan, pandangan, bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna kepada saya dalam memartabatkan ilmu kesarjanaan saya sehingga ke peringkat ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan di Universiti Malaya dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Idris, Pengkalan Baharu, Pantai Remis, kerana banyak membantu dalam memberi pandangan serta dorongan kepada saya untuk pergi sejauh ini dalam dunia pendidikan, tanpa usaha kuat dan semangat yang kental sudah tentu impian itu tidak menjadi kenyataan. Turut berlapang dada saya, dengan jutaan terima kasih saya kepada kakitangan di Perpustakaan Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Arkib Nasional Singapura, serta tidak lupa juga ucapan terima kasih buat seisi keluarga tercinta; isteri Salniah binti Abdul Mutualib dan anak-anak: Munawvir Syazilli, Aina Syazwani, Ammar Fahim, Iman Muzakkir dan Dania Qistina, yang sentiasa bersama ayahanda membantu mengharungi liku-liku kehidupan pengajian di universiti. Semoga usaha ayah ini menjadi dorongan kepada anak-anak untuk terus berusaha menuntut ilmu sehingga ke peringkat tertinggi dalam dunia akademik suatu hari nanti.

Ahmad Zaki bin Mohd Johari  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## **KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>TAJUK</b>	
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>PEMBAHAGIAN BAB</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>PETA SEMENANJUNG TANAH MELAYU DAN SINGAPURA</b>	xiv

### **BAB 1 PENDAHULUAN**

Pendahuluan	1
Persoalan Kajian	2
Objektif Kajian	2
Skop Kajian	3
Kepentingan Kajian	4
Kaedah Kajian	4
Kajian Lepas	6
Pembahagian Bab	17
Kesimpulan	17

## **BAB 2 PERKEMBANGAN IDEOLOGI KOMUNIS DI TANAH MELAYU, 1921-1940**

Pengenalan	18
Dasar Komunis Antarabangsa	19
Penyebaran Ideologi Komunis di Tanah Melayu	23
Hasutan Mogok dan Tindak balas British	37
Prinsip Perjuangan PKM	48
Kesimpulan	51

## **BAB 3 KERJASAMA PKM-BRITISH KETIKA ERA PERANG, 1941-1945**

Pengenalan	52
Dasar PKM Terhadap Kolonialisme British	53
Tawaran Kerjasama PKM Terhadap British	55
101 Special Training School	61
Force 136 dan Penubuhan MPAJA	69
Perjanjian Persefahaman PKM-British	78
Kesimpulan	88

**BAB 4 KERJASAMA PKM-BRITISH DI TANAH  
MELAYU PASCA PERANG, 1945-1946**

Pengenalan	90
PKM Menguasai Negeri-Negeri Melayu	90
Pemerintahan BMA	106
PKM Menganggotai Majlis Penasihat Negeri	112
Pergaduhan Kaum dan Penyelesaian Bersama	117
Kesimpulan	124

**BAB 5 KONFLIK PKM-BRITISH, 1945-1947**

Pengenalan	125
Dasar British terhadap PKM, Pasca Perang 1945	126
Provokasi PKM dan Reaksi British	134
PKM Memimpin Kesatuan Sekerja	162
Penentangan PKM Terhadap Malayan Union dan Persekutuan 1948	164
Kesimpulan	172

## **BAB 6 KONFLIK BERSENJATA PKM-BRITISH, 1948**

Pengenalan	173
PKM Mengukuhkan Kekuatan	174
PKM Menguasai Kesatuan Sekerja	176
Strategi Peperangan PKM	194
Pemberontakan PKM	199
British Memerangi PKM	213
Kesimpulan	227

<b>BAB 7 KESIMPULAN</b>	228
-------------------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	237
-----------------	-----

<b>RUJUKAN</b>	248
----------------	-----

## **SENARAI SINGKATAN**

AEBUS	Anti-Enemy Backing-Up Society
AFO	Anti-Fasict Organization
AJU	Anti-Japanese Union
AJUF	Anti-Japanese Union and Force
ALFSEA	Allied Land Force, South East Asia
AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
AP	Auxiliary Police/Polis Bantuan
API	Angkatan Pemuda Insaf
APWI	Allied Prisoners of War and Internees
AWAS	Angkatan Wanita Sedara /Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani SeMalaya
Bintang Tiga	TAJRM/MPAJA
BMA	British Military Administration
CAS (M)	Civil Affairs Service (Malaya)
CCAO	Chief Civil Affairs Officers
C-in-C	Commander in Chief
Comintern	Communist International
CRC	Communal Relation Committee
D.C.C.A.O	Deputy Chief Civil Affairs Officer
D DAY	Operasi Serangan Balas Pihak Tentera
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
EWTU	Estate Workers' Trade Union
F.M.S	Federated Malay State
GERAM	Gerakan Angkatan Muda Singapura
GHQ	General HeadQuaters
GLU	General Labour Union
IIL	Indian Independence League
INA	Indian National Army
ISP	Incorporated Society of Planters
Kerajaan	British/Kolonial British
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMT	Kuomintang

MATA	Majlis Islam Tertinggi
MGLU	Malayan General Labour Union
MNLA	Malayan National Liberation Army
MPABA	Malayan People Anti-British Army
MPIEA	Malayan Planting Industri Employers Association
MRLA	Malayan Races Liberation Army
NDYL	New Democratic Youth League
NGLU	Nanyang General Labour Union
N.S	Negeri Sembilan
NSRWA	Negri Sembilan Rubber Workers' Association
OBE	Order of the British Empire
P.I.A.T	Projector Infantry Anti-Tank
PKC	Parti Komunis China
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKN	Parti Komunis Nanyang
PMFTU	Pan-Malayan Federation Trade Union
POW	Prisoner-of-War
PRWU	Perak Rubber Worker Union
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
R.A.F	Royal Air Force
R.E	Royal Engineer
SAC	Supreme Allied Commander
SC	Special Constables
SCAO	Senior Civil Affairs Officer
SEAC	South East Asia Command
Sel. CA	Selangor Civil Affairs
SFTU	State Federations of Trade Unions
SOE	Special Operation Executive
101 STC	101 Special Training School
SLK 101	Sekolah Latihan Khas 101
UPAM	United Planters Association of Malaya
WFDY	World Federation of Democratic Youth
YM	Yang Mulia

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO. LAMPIRAN</b>		<b>HALAMAN</b>
1	Sampul Surat PKM kepada Gabenor Malayan Union	237
2	Surat Rasmi PKM kepada Gabenor Malayan Union	238
3	Surat daripada beberapa Kesatuan Sekerja dan Ex-Comrade Association MPAJA, Sungai Siput, Perak, kepada Gabenor Malayan Union.	239
4	Peta Sempadan Kawasan Lingkungan Pengaruh SEAC.	240
5	British Menggambarkan Perilaku Orang Melayu daripada Angkatan Pemuda Insaf (API) yang Berwatak Samseng.	241
6	Sijil Pengesahan Berakhirnya Penglibatan Anggota MPAJA dan sejumlah wang bayaran yang diterima oleh mereka.	242
7	Mahkamah Rakyat PKM di Pantai Remis, Perak.	243
8	Mahkamah Rakyat PKM di Beruas, Perak.	244
9	Laksamana Lord Louis Mounbatten, bersalam erat dengan anggota MPAJA dalam suatu Majlis Perarakan Anugerah di Singapura, pada 6 Januari 1946.	245
10	Kontjen MPAJA yang diketuai oleh Liew Yau, ketika diraikan dalam suatu majlis Perarakan Kemenangan ‘Victory Parade’ di London, pada 8 Jun 1946.	246
11	Kubur Mangsa Pembunuhan Beramai-Ramai Penduduk Kampung Bekor, Mukim Senggang, Kuala Kangsar.	247



**PETA SEMENANJUNG TANAH MELAYU DAN SINGAPURA**

Sumber: Ong Chit Chung, *Operation Matador: World War II, Britain's Attempt to Foil the Japanese Invasion of Malaya and Singapore*, Singapore: Eastern Universities Press, 2003.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### PENGENALAN

Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua pada 1941-1945, berlaku persaingan antara tiga pengaruh utama ideologi atau fahaman iaitu kapitalisme, fasisme dan komunisme. Pendokong ideologi tersebut saling bersaing kuasa bagi merebut wilayah bagi mengukuhkan ideologi masing-masing. Keadaan itu berlaku di seluruh dunia. Di Asia, terutamanya Asia Tenggara dan lebih khususnya di Tanah Melayu, turut berlaku persaingan daripada tiga pengaruh fahaman tersebut. Sejak awal 1920-an, fahaman komunis mula berkembang di Tanah Melayu dan cuba menggugat kekuasaan dan penguasaan kerajaan kolonial British yang telah lama bertapak dan menjadi pendokong utama sistem kapitalisme dunia itu. Bagaimanapun, persaingan antara dua kuasa tersebut terhenti untuk seketika, dengan kehadiran kuasa fasis Jepun yang menduduki Tanah Melayu (1942-1945). Kehadiran Jepun, telah mengubah suasana politik dan hubungan antara kedua-dua pihak. PKM dan kolonial British dengan segera menjalin persahabatan dan kerjasama, sehingga PKM diiktiraf menjadi sebuah pertubuhan politik yang sah di Tanah Melayu ketika itu. British menaruh kepercayaan kepada PKM untuk bekerjasama membantu membebaskan Tanah Melayu daripada pendudukan Jepun. Bagaimanapun, kerjasama itu tidak berpanjangan. Selepas perang berakhir, krisis demi krisis timbul antara kedua pihak dan persengketaan itu menjadi semakin meruncing sehingga meletusnya penentangan bersenjata PKM terhadap British. British juga mendapati PKM berusaha menjadikan Tanah Melayu sebuah negara berfahaman komunis dan mengusir keluar British dari negara ini. Kajian menunjukkan kedua-dua pihak melaksanakan satu bentuk hubungan yang tidak konsisten atas sebab dan kepentingan tertentu yang dibayangi oleh rasa syak wasangka akibat perbezaan ideologi, persaingan pengaruh dan kuasa dengan matlamat memerintah Tanah Melayu.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian dilakukan untuk mengetahui bagaimanakah kerajaan kolonial British dan PKM, pada peringkat awalnya telah melakukan satu bentuk hubungan politik dalam rangka kerjasama ketenteraan ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu, walaupun kedua-duanya ternyata mempunyai ideologi dan matlamat perjuangan politik yang bertentangan. Persoalannya juga mahu melihat, bagaimanakah kerajaan colonial British dan PKM menggunakan hubungan singkat yang terjalin ketika era perang dan pasca perang, sehingga mereka bersaing kemudiannya bagi mencapai matlamat dan kepentingan politik masing-masing. PKM berusaha mengukuhkan pengaruh dan ideologi mereka dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Manakala, kerajaan British menggunakan kuasa pemerintahan mereka bagi menghalang matlamat dan cita-cita komunis tersebut. Kajian juga ingin mengetahui, bagaimanakah kedua-dua pihak akhirnya menunjukkan sikap persaingan dan permusuhan secara terbuka kerana jurang yang ketara dalam ideologi dan matlamat perjuangan, sehingga berlakunya penentangan bersenjata dalam memenuhi tuntutan politik masing-masing dan akhirnya mewujudkan suasana tidak aman dalam negara akibat peperangan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah bertujuan mengkaji hubungan kerjasama dan konflik yang berlaku antara PKM dan kerajaan British di Tanah Melayu, bermula sejak kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu sehinggalah penghujung tahun 1948, dengan merujuk beberapa penemuan baru yang diperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripadanya yang belum didedahkan oleh mana-mana pengkaji lain sebelum ini. Kajian berkenaan akan mendedahkan sebab dan bagaimana hubungan kerjasama antara pihak kerajaan British dan PKM itu dilakukan serta bagaimana kerjasama itu dilaksanakan bagi mencapai objektif perjuangan mereka untuk menguasai Tanah Melayu. Kajian juga bertujuan

meneliti bagaimanakah berlakunya persaingan ideologi yang diperjuangkan sehingga mencetuskan konflik antara kerajaan kolonial British dan PKM secara berterusan, dan konflik itu menjadi semakin buruk sehingga akhirnya tercetusnya pertentangan senjata antara kedua-dua pihak sehingga berlakunya pengisytiharan darurat.

## **SKOP KAJIAN**

Skop tempoh, tesis ini mengambil akhir tahun 1941 sehingga pada penghujung tahun 1948, sebagai skop masa kajian bagi membuktikan berlakunya hubungan kerjasama dan konflik antara Parti Komunis Malaya dengan kerajaan kolonial British. Kajian dalam tempoh tersebut telah meletakkan Tanah Melayu sebagai tempat perbincangan kajian. Oleh sebab kajian ini mahu menunjukkan berlaku hubungan kerjasama dan konflik antara kerajaan kolonial British dan Parti Komunis Malaya. Tempoh tersebut secara umumnya dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melibatkan hubungan peringkat awal antara kedua-dua pihak tersebut telah diterjemahkan dalam bentuk rangka persahabatan dan kerjasama yang erat bagi menentang penaklukan Jepun pada penghujung tahun 1941, sehingga berakhirnya pendudukan Jepun pada 15 Ogos 1945. Bahagian kedua pula melibatkan kajian sekitar zaman pasca perang, sebaik tamatnya perang sehingga pertengahan tahun 1946, bagi membuktikan dalam tempoh tersebut masih berlaku kerjasama antara kerajaan kolonial British dengan PKM dalam urusan mentadbir negara, walaupun krisis demi krisis mula berlaku antara kedua-dua pihak ketika itu. Manakala, bahagian ketiga skop kajian merujuk zaman selepas perang, bermula pada pertengahan tahun 1946 hingga penghujung 1948. Bahagian ini mengkaji bagaimana berlakunya konflik antara kedua-dua pihak. Konflik tersebut berterusan sehingga akhirnya membawa kepada tercetusnya peperangan. Kajian juga membincangkan tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan British bagi

menghapus pengaruh komunis di Tanah Melayu dan tindak balas PKM terhadap kerajaan British.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Pentingnya kajian ini kerana ia akan mendedahkan banyak dapatkan-dapatkan baru mengenai hubungan British dan komunis yang tidak diperjelaskan oleh pengkaji sebelum ini dengan sepenuhnya kerana kekangan sumber pertama. Disebabkan masalah birokrasi dan pelbagai sekatan undang-undang atau akta rahsia kerajaan telah menjadi batu penghalang besar bagi pengkaji memperoleh bahan-bahan sumber tersebut sehingga dapatkan kajian yang diketengahkan itu menjadi sangat terbatas dengan sebab kurangnya maklumat baru yang diperoleh. Kajian juga mendapati penyelidikan sejarah sosiopolitik zaman berkenaan lebih tertumpu kepada era tahun 1948 dan tahun-tahun seterusnya berbanding zaman Perang Dunia Kedua dan era sebelumnya. Dengan ini kajian berkenaan ianya dapat menambah, memperkaya, dan merekontruksi sejarah sosiopolitik di negara kita pada era tersebut dengan merujuk sumber-sumber baru setelah kajian diperluaskan dengan memasukkan sumber lisan sebagai sebahagian sumber utama tesis dan maklumat baru berdasarkan dokumen-dokumen rahsia yang telah ditarik semula sekatannya.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah berdasarkan penggabungan pelbagai kaedah membantu memperkayakan lagi bidang kajian akademik. Antaranya, kaedah kajian penyelidikan berasaskan kepada bahan sumber pertama seperti dokumen rasmi kerajaan, surat-surat persendirian atau individu tertentu, surat-surat daripada badan dan pertubuhan NGO dan pertubuhan-pertubuhan serta pelbagai akhbar-akhbar pada zaman berkenaan yang boleh diperoleh dari Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur dan

cawangannya yang terdapat di beberapa buah negeri di tanah air. Juga maklumat terutamanya yang terdapat di Arkib Nasional Singapura serta juga bahan berbentuk maklumat yang boleh diperoleh dari buku-buku memoir bekas pemimpin PKM, termasuk teks-teks, dokumen, surat-surat perjanjian, gambar, peta, pelan dan sebagainya. Penyelidikan juga berdasarkan sumber-sumber bertulis lain yang berwibawa atau berautoritatif, tanpa meminggirkan maklumat daripada sumber lisan, kerana sumber lisan juga ternyata banyak membantu melengkapkan lagi fakta-fakta sejarah yang ditulis yang boleh diperoleh dari tokoh atau individu yang telah mengalami dan melalui peristiwa-peristiwa berkenaan secara langsung atau sebagai pemerhati, tetapi tidak berkesempatan untuk menulis dan merekodkan pengalaman yang mereka lalui. Manakala, kajian daripada bahan-bahan sumber kedua pula adalah berdasarkan sumber yang diperakui akan kesahihannya seperti buku, jurnal, dan kertas kerja seminar yang berkaitan yang dianjurkan dari semasa ke semasa dan bahan-bahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan di beberapa perpustakaan utama di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia, terutamanya dari perpustakaan utama Universiti Malaya dan juga Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya.

Oleh itu, pengkajian ini dilakukan dengan menggabungkan hasil dapatan daripada dokumen-dokumen berkenaan dengan huraian fakta dan beberapa fakta tambahan dari sumber lisan yang tidak pernah dikaji dan ditemui oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Fakta-fakta yang diperoleh itu telah dikaji, diteliti dan disahkan kebenarannya melalui kaedah perbandingan dengan membuat rujukan secara bersilang dengan pelbagai sumber lain sebagai pengukuran terhadap kajian tesis berkenaan. Kaedah kajian lapangan turut dilakukan dengan membuat lawatan dan penyelidikan terhadap bahan tinggalan kejadian bagi merakam maklumat lisan, membuat pemetaan

lokasi, pengambilan gambar dan sebagainya. Dengan gabungan kaedah-kaedah penyelidikan itu adalah diharapkan penghasilan tesis ini menjadi lebih bernilai.

## **KAJIAN LEPAS**

Disebabkan kajian ini merupakan satu kajian tentang hubungan PKM dengan British pada zaman perang dan pasca perang, maka satu perbandingan kandungan beberapa buah buku mengenai bentuk hubungan antara dua kuasa militer itu telah dianalisis bagi menambahkan lagi kekuatan kajian ini terhadap tajuk tesis. Dengan merujuk penulisan Gene Z. Hanrahan, dalam *The Communist Struggle in Malaya*<sup>1</sup> merupakan sebuah buku yang mengandungi 237 halaman muka. Dengan memuatkan sejarah kegiatan komunis dan PKM daripada awal perkembangannya sejak tahun 1920-an sehingga tahun 1951.

Kekuatan buku berkenaan kerana ianya menyentuh banyak aspek terutamanya mengenai hubungan dan kerjasama ketenteraan antara kerajaan British dengan PKM ketika era Perang. Beliau juga menekankan bagaimana bermula perkembangan fahaman komunis pada peringkat awal di Tanah Melayu, disusuli dengan kegiatan komunis dalam kesatuan-kesatuan sekerja, terutamanya dalam sektor perlombongan dan perladangan ketika sebelum perang sehingga berlarutan selepas perang. Gene Z. Hanrahan, turut membincangkan secara jelas bagaimana kerajaan British bertindak tegas menangani pengaruh komunis sehingga pengisytiharan Undang-Undang Darurat 1948, dan seterusnya dengan beberapa langkah tegas yang diambil oleh kerajaan British bagi membanteras PKM dan fahaman komunis. Bagaimanapun, disebabkan tempoh kajian beliau itu agak panjang berbanding dengan buku yang dihasilkan agak kecil, dengan itu, kajian beliau terhadap beberapa aspek yang disentuh didapati agak terbatas

---

<sup>1</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya of Press, 1970,

dan tidak terperinci. Beliau juga tidak menjelaskan tentang hubungan kerjasama yang berlaku antara British dengan PKM ketika zaman pasca perang.

Richard Stubbs dalam *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*<sup>2</sup>. Buku yang diterbitkan pada 1989 ini, banyak menyentuh tentang usaha yang dilakukan oleh kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu untuk memenangi hati dan pemikiran penduduk Tanah Melayu dalam kempen memerangi kegiatan komunis. Richard Stubbs juga menyentuh kesan-kesan yang dialami oleh negara daripada aspek ekonomi dan politik semasa tempoh Persekutuan Tanah Melayu ketika diletak di bawah undang-undang darurat. Bagaimanapun perbincangan beliau yang menyeluruh itu juga tidak begitu terperinci kerana beliau lebih membincangkan dan memenuhi setiap aspek yang mahu dinyatakan sahaja. Dengan itu, tesis ini akan melengkapkan lagi maklumat daripada bahan yang tidak disentuh oleh penulis berkenaan, terutamanya berkaitan dengan lebih banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan British bagi membendung pemberontakan bersenjata komunis tersebut.

Anthony Short dalam *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*<sup>3</sup>. Buku tersebut mengandungi 547 halaman dan diterbitkan pada tahun 2000. Dalam buku ini, penulis menyentuh mengenai sistem organisasi PKM dan bagaimana parti tersebut menyusun strategi serta taktik-taktik bagi menentang Kerajaan Persekutuan melalui pemberontakan bersenjata. Penulis kemudian membincangkan pula bagaimana Kerajaan Persekutuan bertindak melalui pelbagai strategi secara menyeluruh bagi membanteras PKM dan pengaruh komunis, sehingga akhirnya kerajaan berjaya

<sup>2</sup> Richard Stubbs, *Hearts And Minds In Guerrilla Warfare; The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

<sup>3</sup> Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Limited, 1975.

melumpuhkan kekuatan PKM. Kandungan buku beliau ini banyak menggunakan sumber daripada kertas-kertas sulit dan rahsia kerajaan. Pandangan beliau juga banyak dipengaruhi oleh rekod-rekod kerajaan tersebut. Bagaimanapun, penulis terlalu memberi penekanan terhadap tindakan PKM dan peranan kerajaan memerangi komunis secara umum, tetapi tidak memberi penelitian setiap tindakan dan strategi yang digunakan oleh kedua-dua pihak.

Mahmud Embong dalam artikel beliau yang berjudul ‘Penglibatan Orang Melayu Dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu 1924-1938’<sup>4</sup>, diterbitkan dalam jurnal Purba, 1992. Beliau mengaitkan peranan *Comintern* dan beberapa orang pemimpin Parti Komunis Indonesia (PKI) yang berusaha mempengaruhi orang Melayu dengan ideologi komunis. Bagaimanapun, usaha penyebaran fahaman komunis itu didapati kurang berjaya. Sikap orang Melayu yang dianggap masih kolot, konservatif dalam suasana kehidupan dan belum mengenali sistem ekonomi serta politik negara mereka, telah menggagalkan perancangan komunis. Bagaimanapun, beliau membataskan hasil kajian sehingga tahun 1938. Sebenarnya banyak perubahan sikap dan pandangan orang Melayu terhadap politik negara telah berlaku selepas tempoh kajian tersebut. Dengan itu, perkara tersebut tentulah tidak dapat dinyatakan beliau dalam artikel tersebut dan bagaimana proses berkenaan berlaku seterusnya. Ketika itu, orang Melayu ternyata kurang terlibat dalam ekonomi dagangan seperti sektor perlombongan dan perladangan yang menjadi tumpuan terhadap penyebaran ideologi komunis. Tambahan lagi ideologi komunis dan PKM itu didominasi oleh orang Cina yang merupakan golongan pendatang. Kesedaran orang Melayu terhadap politik negara mereka semakin kuat setelah pendudukan Jepun, 1942-1945. Jepun ternyata berjaya menyuburkan semangat kebangsaan orang Melayu menentang penjajah. Dalam pada itu,

<sup>4</sup> Mahmud Embong, ‘Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu 1924-1938’, *Purba*. Bilangan 11, 1992.

kebangkitan PKM, bersama pasukan tentera MPAJA, organisasi awamnya, serta kesatuan-kesatuan sekerja berfahaman komunis hampir di seluruh Tanah Melayu, menyebabkan orang Melayu dapat merasakan kedudukan dan masa depan mereka di negara sendiri telah terancam. Faktor ini menjadikan sebahagian besar orang Melayu menjauhkan orang Melayu daripada komunis dan mengambil sikap anti-Cina.

Ho Hui Ling dengan buku beliau berjudul, *Pembanterasan Komunis Di Tanah Melayu*.<sup>5</sup> Buku ini telah menambah satu lagi koleksi buku mengenai kegiatan komunis terutamanya bagaimana dasar-dasar kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melaksanakan pelbagai kaedah dalam usaha memenangi hati rakyat. Dalam tempoh masa yang sama, kerajaan juga memerangi pemberontakan PKM secara bersungguh-sungguh sehingga komunis kehilangan kekuatan dan terpaksa berundur ke sempadan Malaysia-Thailand. Dengan menilai kekuatan buku ini, penulis sememangnya banyak menggunakan sumber pertama yang berwibawa atau berautoritatif terutamanya sumber-sumber dari Colonial Office Records (CO), Foreign Office Records (FO), Rekod Kerajaan Persekutuan, Rekod Kerajaan Negeri dan Terbitan Kerajaan. Bagaimanapun adalah lebih baik jika buku ini menjelaskan pula dasar-dasar kerajaan British dalam menangani penyebaran ideologi komunis sejak awal tahun 1920-an sehingga tahun 1941 serta bagaimana pula dasar-dasar yang dijalankan oleh pemerintah tentera Jepun terhadap komunis sehingga menimbulkan pertentangan yang amat jelas antara kedua-dua pihak. Bagaimanapun, buku penulisan Ho Hui Ling masih berkisar mengenai peristiwa pemberontakan komunis daripada tahun 1948 sehingga tahun 1960. Begitu juga dengan buku beliau yang berjudul, *Darurat 1948-1960: Keadilan Sosial di Tanah Melayu*<sup>6</sup>. Buku ini berdasarkan tesis Doktor Falsafah yang diajukan kepada Jabatan Sejarah Universiti Malaya pada tahun 2002. Perkara yang dibincangkan pada awal bab adalah mengenai

<sup>5</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010.

<sup>6</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadilan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2004.

perkembangan fahaman di Tanah Melayu sejak tahun 1921/1922 berlanjut sehingga 1940, di mana pengaruh komunis Rusia terutamanya dari China begitu mempengaruhi keadaan sosio-politik ketika itu. Buku ini banyak membincangkan kekejaman komunis terhadap penduduk yang berbilang kaum di negara ini serta sabotaj yang dilakukan terhadap ekonomi negara bagi melemahkan pentadbiran British, sehingga kerajaan British terpaksa mengisyiharkan darurat pada tahun 1948, dan usaha-usaha secara bersepada membendung dan memerangi komunis di negara ini sehingga komunis kehilangan pengaruh dan kekuatan mereka dan terpaksa berundur ke sempadan Malaysia Thailand. Setiap bab telah diuraikan dengan jelas dan terperinci tentang tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menyekat pengaruh komunis tersebut. Oleh itu, buku ini menunjukkan kekuatannya berdasarkan sumber-sumber berautoritatif dan dokumen yang dirujuk dari luar negara. Bagaimanapun penulis tidak pula memasukkan hubungan yang wujud antara PKM dan British ketika era Perang Dunia Kedua dan zaman pasca perang sehingga perbincangan itu menimbulkan satu lompong dalam era tahun-tahun tersebut.

Buku oleh Richard Clutterbuck yang bertajuk *Riot and Revolution In Singapore and Malaya 1945-1963*, penulis telah mengaitkan bentuk perjuangan PKM dalam usaha mereka menguasai Tanah Melayu dan Singapura dengan menerima pengaruh komunis antarabangsa terutamanya Rusia dan China. Kesatuan sekerja dijadikan media untuk melancarkan tindakan mogok dan tunjuk-tunjuk perasaan menentang British. Buku berkenaan juga ada menyebut hubungan kerjasama PKM-British ketika Perang Dunia Kedua. Bagaimanapun buku ini lebih memberi focus kepada tindakan MPAJA dan PKM terhadap pengkhianat yang terdiri daripada kaum Cina,Melayu, India dan lain-lain, sehingga menimbulkan pergaduhan antara kaum seperti di Muar dan Batu Pahat, Johor. PKM juga telah mengukuhkan kekuatan mereka dengan menyusun semula sistem

organisasi mereka mulai 1949, bagi melancarkan pemberontakan teradap kerajaan British. Bagaimanapun, penganalisaan terhadap beberapa perkara terutamanya hubungan PKM-British ketika era perang Dunia Kedua dan pasca perang tidak dihalusi oleh pengarang buku berkenaan sehingga ianya menimbulkan persoalan kepada pembaca.<sup>7</sup>

Karl Hack dengan buku beliau, *Defence and Decolonisation in Southeast Asia*<sup>8</sup>, menganalisis dasar British terhadap negara tanah jajahannya terutamanya mengenai usaha British mempertahankan wilayah penguasaannya di Tanah Melayu, Singapura dan Asia Tenggara keseluruhannya. Dengan dasar dikolonisasi terhadap tanah-tanah jajahannya, British tetap mempertahankan dan menjamin bekas tanah jajahannya daripada jatuh ke tangan kuasa luar terutamanya komunis, melalui beberapa ikatan perjanjian kerjasama politik dan ketenteraan. Buku ini memiliki kelebihan berbanding dengan buku-buku penulisan sarjana lainnya disebabkan perbincangan melihat terus mengenai dasar yang direncanakan di Britain dan perkaitannya dengan keputusan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dengan merujuk buku Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya; Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1948*<sup>9</sup>, buku ini ternyata memberi kupasan yang tepat mengenai kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada, 1942-1945. Bagaimana berlakunya kebangkitan PKM-MPAJA dan gerakan-gerakan anti-Jepun sehingga PKM mengambil alih pemerintahan di Tanah Melayu dalam tempoh zaman peralihan tersebut, sehingga berlakunya kezaliman

<sup>7</sup> Richard Clutterbuck, *Riot and Revolution In Singapore and Malaya 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973.

<sup>8</sup> Karl Hack, *Defence and Decolonisation in Southeast Asia: Britain Malaya and Singapore*, Cornwall: Curzon Press, 2001.

<sup>9</sup> Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya; Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1948*, National University of Singapore: Singapore University Press, 1983.

terhadap penduduk dan pergaduhan antara kaum Melayu dan Cina di beberapa kawasan di Tanah Melayu akibat tindakan prasangka dan balas dendam ketika pendudukan Jepun sebelum itu, serta usaha PKM untuk mengusir keluar British sehingga berlakunya pertentangan senjata antara kedua-dua pihak. Buku ini menjelaskan dengan teliti setiap peristiwa atau kejadian yang berlaku. Bagaimanapun, penulis tidak pula menyentuh bentuk kerjasama erat PKM-British ketika zaman Perang Dunia Kedua dan era pasca perang 1945 dengan jelas serta bibit-bibit awal pertelingkahan kedua-dua kuasa tersebut sehingga berkembang menjadi suatu pertelingkahan bersenjata yang membawa kepada pengisytiharan darurat pada 1948.

Aloysius Chin dengan bukunya, *The Communist party of Malaya*, menceritakan sejarah perkembangan PKM sejak awal penubuhannya 1930, sehinggalah Perjanjian Damai Hadyai. Buku ini lebih menyebut sistem organisasi PKM dan strategi-strategi PKM menentang kerajaan British dan kerajaan Malaysia (1957-1989). Bagaimanapun, buku berkenaan melihat PKM daripada satu sudut pandangan sahaja dan jangkauan masa juga terlalu panjang dari tahun 1920-an sehinggalah 1989. Keadaan ini menyebabkan huraian kebanyakan tajuk yang dibincangkan menjadi terlalu ringkas dan kurang maklumat yang diperlukan oleh pembaca.<sup>10</sup>

Dengan melihat kepada buku yang diterbitkan oleh beberapa orang pemimpin Parti Komunis Malaya, antaranya Chin Peng, iaitu Setiausaha Agong PKM dalam bukunya *My Side Of History*. Buku berkenaan menjadi sumber rujukan terpenting bagi pengkaji sejarah perjuangan PKM, telah memuatkan sejarah awal penglibatan beliau dalam parti tersebut, terutamanya kerjasama yang berlaku antara PKM dengan British ketika Perang Dunia Kedua dan ketika pasca perang. Buku ini telah memuatkan

---

<sup>10</sup> Aloysius Chin, *The Communist Party Of Malaya*, Kuala Lumpur: Vinpress Sdn Bhd, 1994.

maklumat-maklumat yang sebelum ini tidak diketahui oleh ramai pengkaji sejarah PKM seperti kandungan perjanjian Kem Blantan dan Kem Bidor, antara PKM dan British serta juga bagaimana PKM diberi mandat untuk menguruskan beberapa hal pengurusan pentadbiran Tanah Melayu sebelum kedatangan semula British menguasai Tanah Melayu. Buku ini sangat menarik kerana sumber yang diperoleh adalah daripada pemimpin tertinggi parti itu sendiri dan turut merujuk juga kepada dokumen-dokumen kerajaan seperti CO, DO, WO, FO, DEFE dan sebagainya. Oleh itu, maklumat yang diberi dan diketengahkan itu kelihatan sangat relevan dengan catatan sejarah.<sup>11</sup>

Manakala, buku yang dihasilkan oleh Abdullah CD, iaitu *Perang Anti-British dan Perdamaian*.<sup>12</sup> Sebuah buku memoir yang mengisahkan perjalanan beliau menjadi seorang pejuang komunis bersama beberapa orang pemimpin PKM lain. Beliau banyak menceritakan babak-babak mengenai penentangan bersenjata PKM terhadap tentera Jepun dan kolonial British, sebelum berundur ke sempadan Thailand. Buku berkenaan juga hanya melihat perjuangan komunis dari sudut pandangan perjuangan komunis yang dipenuhi dengan kebaikan dan kejayaan komunis semata-mata. Penulisan Abdullah C.D juga kelihatan sama seperti pengarang daripada pihak komunis yang lain di atas, dengan meletakkan satu tarikh yang amat panjang bagi sejarah perjuangan komunis dalam sebuah buku yang dianggap kecil. Oleh itu, banyak peristiwa penting tidak diberi ulasan secara terperinci sehingga menimbulkan beberapa persoalan kepada pembaca yang ingin tahu sesuatu peristiwa yang berlaku dengan lebih terperinci. Buku berkenaan juga ditulis tanpa membuat sebarang rujukan pada mana-mana dokumen, catatan dan perbandingan dengan dokumen-dokumen lain. Beliau juga kelihatan amat sukar untuk mengakui bahawa pihak komunis telah mengalami banyak kekalahan dalam perjuangan bersenjata mereka menentang kerajaan, sehingga mereka terpaksa berundur ke

<sup>11</sup> Chin Peng, *My Side Of History*, Singapore: Media Master, 203.

<sup>12</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong: Nan Dao Publisher, 1998.

sempadan Malaysia-Thailand, akhirnya menerima perjanjian damai iaitu Perjanjian Hadyai pada 2 Disember 1989. Dengan itu, tesis ini akan mengulas lebih lanjut punca kekalahan komunis itu sehingga mereka terpaksa berundur ke sempadan Malaysia-Thailand dan strategi-strategi berkesan yang dirancangkan dan dilaksanakan oleh kerajaan British dalam membanteras komunis.

Shan Ru Hong, seorang AJK Pusat PKM dalam buku beliau, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*.<sup>13</sup> Buku ini banyak menceritakan penglibatan awal beliau dalam PKM. Bagaimana beliau dan rakan-rakan mengatur propaganda komunis dalam kesatuan sekerja ketika era sebelum Perang Dunia Kedua, terutamanya dalam sektor perlombongan bijih timah, di beberapa tempat terutamanya di Perak. Kekuatan dalam buku berkenaan, beliau banyak memperkatakan propaganda komunis PKM bagi merekrut anggota, penglibatan komunis dalam kesatuan sekerja, isu undang-undang pengusiran dan hukuman penjara terhadap aktivis-aktivis komunis oleh kerajaan British. Buku ini menarik untuk dibaca dan dibuat kajian disebabkan maklumat yang diberi adalah relevan setelah dibuat perbandingan dengan sumber-sumber berautoriti yang lain, terutamanya dengan rekod-rekod kerajaan British. Bagaimanapun, buku ini membataskan maklumat penulisan terutamanya sekitar zaman 1930-an dan zaman awal peperangan. Terlalu sedikit perkara yang disentuh mengenai kegiatan komunis pada zaman pendudukan Jepun dan diakhiri dengan secara tiba-tiba mengenai peristiwa pengharaman akhbar ‘Suara Rakyat’ pada 15 Jun tahun 1948. Oleh itu, hampir sama seperti penulisan buku oleh pemimpin komunis PKM yang lain, beliau juga tidak menyenaraikan bibliografi sebagai rujukannya, sebaliknya menggunakan pengalaman beliau dan rakan-rakan, sebagai sumber utama dalam rujukan penulisan mereka.

---

<sup>13</sup> Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abad Ke Dua Puluh Satu, 2007.

Dengan merujuk kepada buku *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*<sup>14</sup> yang diterjemahkan dan diadaptasikan oleh Indrajaya Abdullah, ternyata buku ini lebih bersifat akademik untuk dirujuk oleh pengkaji, berbanding dengan buku yang dihasilkan oleh kebanyakan pemimpin PKM. Buku ini menunjukkan pengisian sejarah sebenar pasukan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (TAJRM) pada kaca mata komunis dengan berpandukan kepada pengalaman yang dilalui oleh pemimpin rejimen MPAJA dan ahli jawatakuasa PKM. Sejarah penceritaan bermula dengan terbinanya hubungan antara PKM dengan pihak British sehingga tertubuhnya TAJRM dan liku-liku perjuangan yang dihadapi oleh pasukan tersebut yang dibantu oleh Force 136 (British) bagi menentang pendudukan Jepun. Menariknya buku ini dikaji disebabkan penulisannya diolah dengan bantuan ramai bekas pemimpin TAJRM. Pengetahuan mereka kemudiannya disatukan dalam buku berkenaan, sehingga buku ini kelihatan menggunakan sumber yang berautoritatif, iaitu berdasarkan dokumen-dokumen yang sahih dan tepat, yang tentunya juga dimiliki dan di dalam simpanan mereka. Bagaimanapun, seperti buku-buku penulisan pemimpin PKM yang lain, buku ini juga tidak menyatakan dan menyenaraikan sumber rujukan yang mereka gunakan, walaupun ada disebutkan pada bahagian tertentu dalam buku berkenaan sumber untuk dirujuk oleh pembaca bagi menguatkan penghujahannya.

Dengan melihat kepada kekurangan persembahan penulisan daripada beberapa penulis buku tersebut, maka cadangan tesis ini bersifat mengisi kekosongan bentuk penulisan yang diperkatakan itu. Kebanyakan pengkaji seolah-olah tidak melihat berlakunya pertembungan hubungan, antara kerajaan kolonial British dan PKM yang terjalin dalam bentuk kerjasama ketika zaman Perang Dunia Kedua dan Pasca Perang yang dilihat secara terperinci. Malah, banyak buku yang dihasilkan hanya melihat

<sup>14</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya* (terjemahan dan adaptasi), Petaling Jaya Malaysia: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2014.

daripada sudut pandangan satu pihak sahaja sehingga memadamkan kebenaran yang ada. Sedangkan hubungan yang berlaku itu sebenarnya, telah memberi impak besar kepada suasana politik negara kemudiannya. Apatah lagi, kajian yang dibuat banyak berdasarkan sumber-sumber kerajaan British, zaman berlakunya konflik antara kedua-dua pihak, yang ternyata tidak memberi ruang kepada pengkaji untuk menyatakan hubungan yang berlaku ketika itu. Untuk itu, cadangan tesis ini akan merujuk kepada dokumen-dokumen, perjanjian-perjanjian, dan surat-surat daripada organisasi PKM kepada kerajaan British serta daripada sumber-sumber lisan bagi mendapat gambaran yang lebih jelas. Maka dengan itu, penyelidikan dibuat dengan membandingkan dapatan dan keterangan daripada buku-buku memoir bekas pemimpin-pemimpin PKM, dokumen-dokumen rasmi kerajaan yang boleh diperoleh dan sumber-sumber lisan daripada mereka yang terlibat secara langsung pada zaman berkenaan.

## **PEMBAHAGIAN BAB**

Bagi mengukuhkan dan memperjelaskan lagi kajian terhadap tajuk berkenaan, pembahagian tesis dilakukan dengan membahagikannya kepada tujuh bab. Bab pertama merupakan bahagian kerangka awal tesis yang memuatkan perkara yang berhubungan dengan persoalan kajian, objektif, kaedah, literatur review (kajian lepas), kepentingan dan pembahagian bab. Perkara tersebut menjadi asas kepada pembentukan tesis ini. Bab kedua pula mengenai perbincangan awal perkembangan ideologi komunis antarabangsa dan penularannya ke Tanah Melayu serta bagaimana penerimaan kerajaan British terhadap kehadiran pengaruh tersebut. Manakala perbincangan untuk bab ketiga dan keempat, perhatian diberikan terhadap kerjasama yang dibina oleh kedua-dua pihak, PKM dan British, bagi menentang imperialism Jepun, juga merupakan musuh bersama dengan melupakan sebentar perseteruan yang berlaku antara mereka sebelum itu. Bab kelima dan keenam pula, memberi penelitian dan fokus terhadap krisis atau pun konflik

yang berlaku antara mereka, kesan lanjutan daripada perbezaan ideologi komunisme dan kapitalisme yang dianuti oleh kedua-dua pihak, sehingga mencetuskan satu konflik besar yang membawa kepada perperangan antara mereka kemudiannya. Manakala bab ketujuh merupakan bab terakhir tesis ini dengan memberi satu kesimpulan terhadap keseluruhan perbincangan yang dilakukan daripada dapatan tajuk kajian.

## **KESIMPULAN**

Oleh itu, kajian terhadap tajuk berkenaan sebenarnya adalah sangat diperlukan bagi menjawab beberapa persoalan yang masih tidak dapat dicungkil dan diberi jawapan oleh ramai para pengkaji sebelum ini. Selain itu, tesis ini diharapkan dapat memperkayakan lagi bahan dan maklumat yang tersedia ada. Oleh itu, melalui proses kajian yang dikemukakan melalui tesis ini, kita percaya bahawa khazanah ilmu pensejarahan di negara kita akan terus berkembang, seiring dengan perkembangan dunia intelektual dan ia akan menjadikan bidang pensejarahan itu akan lebih dinamik untuk dikaji dan diterokai oleh pengkaji seterusnya.

## **BAB 2**

### **PERKEMBANGAN IDEOLOGI KOMUNIS DI TANAH MELAYU, 1921-1940**

#### **Pengenalan**

Bab ini membincangkan bagaimana bermulanya perkembangan ideologi komunis di Eropah dan penubuhan Comintern yang mempengaruhi perkembangan dan penularan ideologi komunis di Tanah Melayu daripada sekitar tahun 1921-1922, sehinggalah tertubuhnya Parti Komunis Malaya (PKM) pada 30 April 1930. Bab ini kemudiannya menghuraikan bagaimana berlaku persaingan pengaruh antara ideologi komunis yang dibawa oleh PKM dengan kuasa British di Tanah Melayu sekitar tahun 1930-1941, terutamanya terhadap dasar kapitalisme dan imperialism yang didokongi oleh kuasa Barat tersebut. Komunis mendapati dasar tersebut telah menindas dan menghalang kebebasan rakyat. Bab ini akan menjelaskan bagaimana PKM bergerak melalui kegiatan parti politik secara sulit di bawah pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu dari tahun 1930 hingga 1941. Dalam tempoh tersebut, PKM mengambil kesempatan melakukan hasutan terhadap buruh terutamanya melalui kesatuan sekerja untuk melakukan tunjuk perasaan dan pemogokan di kawasan-kawasan lombong, industri dan ladang-ladang getah serta di pelabuhan, bagi mendapatkan sokongan dan menyebarkan lagi pengaruh dalam kalangan rakyat. Tindakan komunis itu telah menjelaskan produktiviti syarikat sehingga kerajaan mengambil tindakan perundangan yang tegas terhadap mereka. Namun, saat sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua, kerjasama antara kedua-dua pihak yang berlainan ideologi itu mulai terjalin. Bagaimanapun, hubungan itu terbina adalah semata-mata untuk menentang musuh mereka yang sama, iaitu Jepun.

## **Dasar Komunis Antarabangsa**

Perkembangan ideologi komunis berkait rapat dengan peristiwa kekalahan Parti Bolshevik di Jerman dan Hungary pada 1919. Kekalahan Parti Bolshevik itu bermakna, ideologi komunis di Eropah telah menemui kegagalan. Dengan kegagalan itu, pakar-pakar teori komunis mengalihkan tumpuan mereka bagi mengembangkan pengaruh komunis ke bahagian timur dunia. Tindakan itu seiring dengan penubuhan The Third International of the Soviet Republic atau Comintern, oleh Vladimir Ilich Ulyanov Lenin, melalui Parti Bolshevik pada Mac 1919, di Moscow, Rusia, setelah komunis merampas kuasa pada Oktober 1917. The Third International atau Communist International ataupun lebih dikenali sebagai Comintern<sup>1</sup> adalah merupakan sebuah badan revolusi bertaraf antarabangsa yang berpangkalan di Soviet Union (Rusia). Tujuan penubuhannya untuk mengembangkan fahaman sosialis-komunis ke seluruh dunia dengan menubuhkan negara berfahaman komunis. Bagi Comintern, matlamat tersebut akan dicapai dengan cara membantu parti-parti sosialis-komunis yang sedia ada di negara terbabit atau dengan membantu menubuhkan parti-parti sosialis-komunis di negara yang masih belum wujudnya parti tersebut. Oleh itu, matlamat tersebut perlu dicapai walaupun menggunakan kekerasan. Dengan perancangan tersebut, Comintern telah bergerak sebagai badan revolusi yang bersifat profesional dalam menyelaras, membantu dan mengarahkan pergerakan revolusi bersifat kebangsaan.<sup>2</sup> Bagaimanapun, dengan kegagalan komunis di Eropah, Vladimir Lenin mengarahkan Comintern supaya mengalihkan tumpuan mereka untuk sementara waktu dari negara-negara barat,

---

<sup>1</sup> Pertubuhan bersifat internasional ini bagaimanapun telah dibubarkan pada tahun 1943, dalam usaha Moscow untuk berbaik-baik dengan negara Eropah Barat, tetapi Comintern kembali bergerak pada Ogos 1947, bagi menyatukan semula kawalan Soviet Union terhadap negara-negara Eropah Timur, di samping melemahkan kebangkitan ekonomi negara Eropah Barat, setelah Amerika Syarikat mengisyitiharkan projek Marshall Plan pada musim panas tahun 1947. Tujuannya bagi membantu negara Eropah Barat, termasuklah Britain daripada mengalami kesan kemelesetan ekonomi selepas perang, di samping mengelak negara-negara tersebut daripada jatuh di bawah penguasaan komunis. Albert Feuerwerker, *Modern China*, New Jersey: Eaglewood Cliffs, 1964, hlm. 53. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, Singapore: Donald Moore, Tarikh ?, hlm. 3; John Vaizey, *The Squandered Peace, The World: 1945-1975*, London: Hodder and Stoughton, 1983, hlm. 73; David Thomson, *Eropah Sejak Napoleon* (Jilid 2), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 495.

<sup>2</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 19. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 4; Harry Miller, *The Story of Malaysia*, Kuala Lumpur: Media Synergy, 2007, hlm. 194; Anthony Shaw and Ian Westwell, *World in Conflict 1914-45*, London-Chicago: Fitzroy Dearborn Publisher, 2000, hlm. 126.

sebaliknya memberi tumpuan kepada gerakan komunisme di tanah-tanah jajahan kolonial barat di Asia, dalam usaha membangkitkan pertentangan kelas masyarakat antara golongan proletariat atau kaum pekerja dan borjuis, iaitu golongan kelas pertengahan yang memiliki banyak harta dalam sistem kapitalis, terutamanya dalam sektor industri yang menjadi nadi kekuatan negara-negara kapitalis barat tersebut. Dengan cara itu, kekuatan kuasa imperialism negara kapitalis itu dapat dilumpuhkan.<sup>3</sup>

Dalam pada itu, Vladimir Lenin juga mendapati negara-negara imperialis barat yang mengamalkan dasar kapitalisme, terutamanya Britain dan Amerika Syarikat, menjadi penghalang utama kepada cita-cita komunis yang mahu mengembangkan pengaruh ke seluruh dunia.<sup>4</sup> Dengan itu, pada Julai 1919, Comintern membuat gesaan supaya parti komunis di negara-negara kapitalis barat, memberi sokongan berbentuk senjata dan moral kepada badan-badan pergerakan yang bersifat revolusiner di tanah-tanah jajahan Asia, bagi menentang golongan kapitalis dan penajah kapitalis.<sup>5</sup> Manakala, di negara China, penubuhan Parti Komunis China (PKC) pada 1921, adalah dengan bantuan dan nasihat daripada Comintern. Bagaimanapun, kawalan Soviet Rusia terhadap dasar PKC dianggap berakhir pada 1935, setelah PKC mendapati dasar tersebut tidak lagi menguntungkan mereka.<sup>6</sup> Manakala, di Asia Tenggara, semua kegiatan komunisme dikawal selia oleh Nanyang Communist Party (Parti Komunis Nanyang/PKN) atau dikenali sebagai Parti Komunis Nanyang Cawangan Laut Selatan (South Seas Communist Party) yang diletakkan di bawah kawalan Parti Komunis China (PKC). PKN ditubuhkan di Singapura pada Januari 1928, dengan berperanan untuk mengawal keseluruhan kegiatan komunis di rantau Asia Tenggara meliputi negara Thailand, Indo-China, Indonesia dan Tanah Melayu. Parti tersebut dibantu oleh dua organisasi awam

<sup>3</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 19. Lihat juga Harry Miller, *The Story of Malaya*, hlm. 194; Mahmud Embong, ‘Perkembangan Rejimen ke-10 Melayu, Parti Komunis Malaya dari 1948 hingga 1989’, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 2.

<sup>4</sup> Albert Feuerwerker, *Modern China*, hlm. 53; Tan Cheng Keang, ‘Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku’, dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984, hlm. 30.

<sup>5</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 19.

<sup>6</sup> Albert Feuerwerker, *Modern China*, New Jersey, hlm. 53. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 3.

atau massa, iaitu Nanyang General Labour Union dan Communist Youth League.<sup>7</sup> Matlamat parti tersebut hanya dapat dicapai melalui sebaran propaganda kepada kaum belia, kelas pekerja dan mengambil bahagian dalam tindakan pemogokan. Namun begitu, pencapaian yang diperoleh parti tersebut adalah kecil. Ini bererti, Parti Komunis Nanyang Cawangan Laut Selatan, telah gagal memenangi simpati golongan sasaran tersebut, kecuali sebahagian kecil dalam kalangan penduduk Cina di Tanah Melayu.<sup>8</sup>

Bagi menjadikan gerakan komunis lebih efektif di kawasan rantau Asia Tenggara, yang memiliki ramai penduduk yang berlainan bangsa, kebudayaan, dan agama, serta pencapaian yang kecil diperoleh Parti Komunis Nanyang sebelum ini. Comintern juga turut mahu menjadikan parti komunis tersebut lebih bersifat kebangsaan dengan menjadikan parti tersebut berasaskan perjuangan penduduk tempatan. Dengan itu, arahan diterima daripada Comintern supaya parti tersebut dibubarkan dan pembubarannya dilakukan pada minggu terakhir April, 1930. Comintern kemudiannya memutuskan bahawa, Parti Komunis Malaya (PKM) perlu ditubuhkan bagi menggantikan Parti Komunis Nanyang Cawangan Laut Selatan. Bagaimanapun, PKM akan diletakkan di bawah kawalan operasi secara langsung oleh Biro Timur Jauh Comintern (Far Eastern Bureau) yang mempunyai ibu pejabat serantaunya di Hong Kong, dengan dikawal oleh Parti Komunis Rusia yang berpangkalan di Shanghai, China.<sup>9</sup> Dengan itu, pada 30 April 1930, berdasarkan kongres parti yang diadakan di sebuah ladang getah berdekatan dengan daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, PKM telah ditubuhkan. Ketika kongres

<sup>7</sup> M.R. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya; Prelude Communist Revolt of 1948*, London: Oxford University Press, 1970, hlm. 19. Lihat juga, J.H Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 11; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence Malaya, 1945-1957*, Petaling Jaya Selangor: SIRD, 2003, hlm. 28; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 6; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn. Bhd., dan Yayasan Pelajaran Islam, (edisi kedua), 2007, hlm. 1.

<sup>8</sup> J.H Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 11.

<sup>9</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 39 dan 40. Lihat juga, Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, Singapore: Graham Bass, 1998; Rupert Emerson, *Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 427 dan 624; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence Malaya*, hlm. 22 dan 28; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 1; Sebahagian sarjana sejarah seperti Gene Z. Hanrahan, dalam buku beliau *The Communist Struggle in Malaya*, J.H. Brimmell daripada buku *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 38 dan Bryan C. Cooper, dalam buku *Decade of Change, Malaya and Straits Settlements*. Mereka berpendapat, PKM ditubuhkan di Singapura, iaitu sebaik sahaja pembubarannya Parti Komunis Nanyang pada 30 April 1930.

tersebut berlangsung, wakil daripada Comintern, seorang pemimpin kanan komunis Vietnam iaitu Nguyen Ai Quoc atau lebih dikenali sebagai Ho Chi Minh, serta beberapa ahli jawatankuasa daripada Parti Komunis China (PKC) turut hadir.<sup>10</sup>

Bagi mengukuhkan kedudukan parti tersebut di Tanah Melayu, PKM menempatkan jawatankuasa peringkat pusat parti tersebut di Singapura. Manakala, jawatankuasa peringkat negeri adalah ditempatkan hampir di setiap daerah ataupun negeri-negeri Melayu yang lain, seperti Kuala Lumpur, Melaka, Singapura, Pulau Pinang, Perak, Muar dan Batu Pahat di Johor, Negeri Sembilan, Selangor, dan Kuantan di Pahang. Jawatankuasa PKM tersebut bersidang sama ada sekali atau dua kali setahun bagi membincangkan dasar-dasar parti, arahan yang diterima daripada Comintern dan program-program parti.<sup>11</sup> Selepas April 1930, kebanyakan kegiatan PKM dianjurkan oleh NGLU. Dalam proses penyusunan semula struktur parti tersebut, pada tahun 1930, NGLU turut diberi penjenamaan baru kepada Malayan General Labour Union (MGLU) yang menjadi satu seksyen kepada Anti-Enemy Backing-up Societies (AEBUS). Turut terlibat dalam proses penyusunan itu adalah dua buah organisasi yang turut dikekalkan penubuhannya iaitu Anti-Imperialist League dan Communist Youth League. Pada 1945, MGLU sekali lagi mengalami penyusunan semula dan bertukar nama kepada General Labour Union (GLU).<sup>12</sup> Sejak awal tahun 1930-an, terutamanya mulai tahun 1934 hingga 1937, PKM telah melakukan penentangan terhadap pentadbiran kerajaan kolonial British di Tanah Melayu secara terbuka, melalui pelbagai tindakan mogok secara besar-besaran oleh kaum buruh daripada pelbagai sektor seperti di Batu Arang, Selangor dan Singapore Traction Company, iaitu sebuah syarikat pengangkutan terbesar

<sup>10</sup> Chin Peng, *My Side of History*, Singapore: Media Master, 2003, hlm. 57. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, (terjemahan dan adaptasi) *Ringkasan Sejarah Tentara Anti-British Rakyat Malaya*, Petaling Jaya Malaysia: SIRD, 2014, hlm. 14.

<sup>11</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm 58 dan 59. Lihat juga C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, Singapore: Oxford University Press, hlm. 167.

<sup>12</sup> Khoo Kay Kim, ‘The Beginnings Of Political Extremism In Malaya, 1915-1935’, Tesis MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1973, hlm. 255 dan 256. Lihat juga, Parti Komunis Malaya, *Communism in Malaysia and Singapore*, Pengarang ?, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 5.

di Singapura. Ketika itu, MGLU bergerak sebagai sebuah pertubuhan sekerja haram dan menjadi penggerak kepada aspirasi PKM bagi menuntut agar kerajaan British melakukan perubahan dalam amalan demokrasi dan memperbaiki taraf hidup masyarakat buruh di Tanah Melayu.<sup>13</sup>

### **Penyebaran Ideologi Komunis di Tanah Melayu**

Sejarah perkembangan ideologi komunis di Tanah Melayu, dikesan bermula sejak awal abad ke-20, sekitar tahun 1921 dan 1922. Ini berdasarkan penemuan artikel berbahasa Cina di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang memuatkan dan menyebarkan ideologi, serta propaganda komunis dalam bentuk risalah, surat berita, akhbar dan buku, mengenai kegiatan komunis di China, Rusia dan manifesto Parti Komunis Amerika. Malahan, pada sekitar tahun 1929 hingga 1930, lebih banyak artikel dan dokumen propaganda komunis dalam bahasa Cina, Inggeris dan Melayu, ditemui di negeri-negeri Melayu untuk mempengaruhi penduduk agar menyokong perjuangan komunis.<sup>14</sup> Ideologi komunis tersebut dibawa daripada tanah besar China ke Tanah Melayu, oleh masyarakat Cina kelas pekerja, buruh kasar, dan juga golongan terpelajar, terutamanya daripada kalangan guru.<sup>15</sup> Sejak tahun 1930-an, komunis turut berusaha menarik kaum-kaum lain di Tanah Melayu, seperti daripada kalangan orang Melayu dan India untuk menyertai komunis. Dengan itu, komunis menubuhkan Liga Pembebasan Kaum Tanah Melayu.<sup>16</sup> Comintern juga berusaha mewujudkan sebuah pergerakan komunis bersifat kosmopolitan. Untuk itu, Comintern cuba menarik minat orang Melayu dengan ideologi komunis dengan menghantar pemimpin Parti Komunis Indonesia (PKI) ke Tanah

<sup>13</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5.

<sup>14</sup> Selangor Confidential. 58/30. Communist Activities in Kuala Lumpur (A). Lihat juga, Khoo Kay Kim, ‘The Beginnings Of Political Extremism In Malaya, 1915-1935’. Tesis MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 1973, hlm. 256; Khoo Kay Kim, ‘Gerakan Komunis di Tanah Melayu Sehingga Tertubuhnya PKM’, dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang (penyunting), *Darurat 1948-1960*, hlm. 18; Ho Hui Ling, ‘Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960’, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 3-4.

<sup>15</sup> Pahang Confidential. 42/37: Efforts to Deal With Communist. Office of the Commissioner of Police, F.M.S., Kuala Lumpur, 3 April 1937. Lihat juga, Selangor Confidential. 58/30. Communist Activities in Kuala Lumpur, hlm. C. 6/30 (A); Khoong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence, 1945-1957*, hlm. 21.

<sup>16</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, Nik Hasnaa Nik Mahmood (terjemahan), Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1997, hlm. 237.

Melayu.<sup>17</sup> Sebenarnya terdapat hubungan rapat antara PKM dengan Parti Komunis Indonesia (PKI). Ramai pemimpin PKI yang menghadapi tindakan daripada pemerintah Belanda telah menjadikan Singapura sebagai tempat persembunyian dan mereka mendapat bantuan perlindungan daripada PKM. Dalam pada itu, Tanah Melayu juga dijadikan sebagai tempat persinggahan sementara pemimpin PKI dalam usaha mereka menyebarkan fahaman Marxis.<sup>18</sup> Beberapa orang pemimpin PKI telah berusaha menyebarkan ideologi komunis kepada orang Melayu sekitar tahun 1920-an dan awal 1930-an.<sup>19</sup>

Dengan kegagalan PKI dalam pemberontakan di Pulau Jawa pada 1925, beberapa orang pemimpin PKI telah melarikan diri. Ramai daripada kalangan mereka kemudiannya tinggal menetap di Singapura. Antaranya Tan Malaka, Subakat, Jamaluddin Tamin dan diikuti kemudiannya oleh Mas Alimin dan Musso.<sup>20</sup> Pemimpin-pemimpin PKI tersebut juga didapati mengunjungi Tanah Melayu seperti di Pulau Pinang, Kedah, Perak Utara dan Johor, dengan menjadikan tempat tersebut sebagai persinggahan mereka untuk menyebarkan ideologi komunis. Mereka disusuli oleh Hasanoesi, Soebakat, Winanta, Sunan Perpatih, dan Boedisoejitro. Kehadiran mereka adalah berasaskan adanya persamaan bangsa dan bahasa dengan masyarakat tempatan.<sup>21</sup> Namun, usaha menyebarkan ideologi komunis yang bersifat revolusiner daripada

<sup>17</sup> Mahmud Embung, ‘Golongan Revolucioner Komunis Indonesia di Tanah Melayu dan Kesan Awal Ke Atas Pergerakan Komunis Melayu 1924-1942’, dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia, 2004, hlm. 89.

<sup>18</sup> C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, Singapore: Singapore University Press, 2005, hlm. 71.

<sup>19</sup> Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960’. Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme Ke Arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm. 6. Lihat juga, C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 72

<sup>20</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 29. Lihat juga, C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 71; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 6 dan 7.

<sup>21</sup> Selangor Confidential Communist Activities in Kuala Lumpur, hlm. C. 6/30 (A). Lihat juga, Pahang Confidential. 42/37: Efforts to Deal With Communist. Office of the Commissioner of Police, F.M.S., Kuala Lumpur, 3 April 1937; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence, in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis (INSAN), 1984, hlm. 21. Parti Komunis Indonesia (PKI) telah gagal dalam pemberontakan yang dilancarkan di Candi Prambanan, Yogyakarta di Pulau Jawa pada 25 Disember 1925. Lihat Masykur Arif Rahman, *Tan Malaka Pahlawan Besar Yang Dilupakan Sejarah*, Jakarta: PALAPA, 2013, hlm. 170; Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960’. Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme ke arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm. 6; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 6 dan 7.

pemimpin PKI terhadap orang Melayu tidak berjaya. Ini disebabkan sikap dan pemikiran orang Melayu yang sentiasa berpuas hati dan kuat dengan ikatan feudal tradisionalnya. Dalam pada itu, Comintern mengambil kesempatan mengembangkan ideologi komunis mereka melalui ranting dan cawangan KMT mulai 1925 sehingga pada April 1927, setelah kedua-dua parti tersebut bersetuju untuk bekerjasama dengan membentuk United Front. Bagaimanapun, Parti KMT yang disokong oleh Kerajaan Nasionalis China dan PKC, kemudian telah berpecah setelah Chiang Kai Shek, mengambil tindakan melakukan pembersihan parti tersebut daripada golongan komunis. Oleh itu, perpecahan KMT daripada kumpulan komunis itu turut berlaku di Tanah Melayu pada tahun tersebut. Tindakan pembersihan parti KMT daripada kumpulan komunis itu dikatakan berakhir pada awal tahun 1928.<sup>22</sup>

Dalam usaha menyebarkan pengaruh mereka dalam masyarakat di Tanah Melayu, komunis turut menggunakan pelbagai saluran. Fahaman komunis didapati menyerap dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan sekerja, sekolah malam (Sekolah Murba), penyebaran melalui syarahan, ceramah, buku, majalah, akhbar dan risalah serta menaikkan bendera komunis di beberapa tempat. Semuanya bersifat anti-British dan kapitalis serta mahu mendokongi negara Soviet Rusia.<sup>23</sup> Penyebaran ideologi komunis, turut berlaku di cawangan dan ranting KMT yang banyak terdapat di negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat. Di China, Parti KMT mula didaftarkan penubuhannya pada 13 Ogos 1912, selepas Revolusi 1911, telah menamatkan penguasaan Dinasti

<sup>22</sup> Memorandum On The Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies Royal Engineers, Secret. 15 Sept 45, dalam Defuty Chief Civil Affair Officer (D.C.C.A.O.), 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, helaian 1. Lihat juga, Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 206, 208, 235 dan 243; Albert Lau, *The Malayan Union Controversy, 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 21; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence Malaya, 1945-1957*, hlm. 21 dan 28.

<sup>23</sup> Selangor Secretariat General. 915/1932. Petition Against the Arrest of her Husband Oh Giok on a Charge of Fixing a Communist Flag at the Public Latrine, hlm. 1. Lihat juga, Abdullah Ghazali Zakaria, ‘Komunikasi dan Komunisme di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1960: Kempen Memenangi Jiwa dan Pemikiran Penduduk’, Kertas Kerja, Seminar Komunikasi dan Komunisme di Persekutuan Tanah Melayu 1948-1960, hlm. 1; Hanrahan, Gene Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 34; Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 236.

Manchu. Pada penghujung tahun 1912, KMT membuka cawangannya di Singapura. Manakala, di negeri-negeri Melayu, cawangan KMT mula ditubuhkan pada 1920-an. Di negeri Perak, cawangan dan ranting KMT ditubuhkan mulai tahun 1926. Kawasan tersebut meliputi Lahat, Tapah, Ipoh, Bidor, Kampar, Sitiawan, Tronoh, Menglembu, Intan, Kroh, Taiping, Telok Intan, Larut dan Klian Intan. Di Selangor, cawangannya terdapat di Kuala Lumpur, Pudu, Klang, Port Swettenham, Kuala Selangor, Batu Arang, Serendah, Rawang, Rasa, Kuala Kubu, Sungai Besi dan Ampang. Di Negeri Sembilan, cawangannya di Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Sepang Road, Mantin, Kampong Salak dan Rantau. Manakala di Pahang, cawangannya di Bentong, Sungai Lembing, Raub dan Kuala Lipis. Di Johor, cawangannya Muar, Chung Lam, Segamat, Mersing, Panchor, Batu Pahat dan Kluang. Di Kedah, cawangannya terdapat di Sungai Petani, Kulim, Pulau Langkawi, Baling, Selama, dan Bukit Mertajam. Di Melaka, cawangannya terdapat di Asahan, Tangkak dan Jasin. Manakala, di Pulau Pinang, cawangan dan rantingnya ditubuhkan di Province Wellesley dan Tongkah serta cawangan di Singapura. Asas penubuhannya untuk menyatukan masyarakat Cina dan mewujudkan hubungan rapat dengan negara China. Oleh itu, KMT mendapat sokongan kuat daripada penduduk Cina dengan dipimpin oleh golongan tauke kaya.<sup>24</sup>

Pada awal hingga pertengahan tahun 1920-an (1924-1927), dengan terbinanya hubungan kerjasama antara KMT dan PKC, komunis mula menjadikan cawangan dan ranting-ranting KMT sebagai saluran bagi menyebarkan ideologi mereka secara agresif, dengan menghasut tindakan-tindakan mogok anti-imperialis British, seperti yang berlaku di China. Di Tanah Melayu, PKM juga menggunakan beberapa saluran yang

<sup>24</sup> CO 273/537/28053, Enclosure No. 1 to Straits Settlement and the Federated Malay States Secret Despatch of February 1927, hlm. 2, 5 dan 6. Lihat juga, C. F. Yong and R.B. McKenna, *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 87; Khoong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence, 1945-1957*, hlm. 20; Leon Comber, *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Graham Brash (Pte) Ltd, 36-C Prinsep Street, Singapore 0718, 2001, hlm. 18; Stephen Mun Yoon Leong, ‘Sources Agencies and Manifestations of Overseas Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 191 dan 192; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 2 dan 3.

dinyatakan sebelum ini bagi melindungi tindakan mereka menyebarkan pengaruh komunis dalam kalangan penduduk, pekerja, belia, dan pelajar sekolah. Sekolah Cina, sekolah malam milik orang Cina Hailam, dan kesatuan-kesatuan sekerja, telah menjadi sasaran utama kepada penyebaran fahaman komunis. Matlamat komunis tersebut bertujuan untuk mendapat sokongan daripada golongan terpelajar dan juga masyarakat pekerja kelas bawahan. Dengan kegiatan KMT yang bersifat anti-British tersebut, menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi British, Cecil Clementi, mengharamkan kegiatan parti tersebut pada tahun 1925.<sup>25</sup>

Pada tahun 1925, pengaruh komunis dalam kalangan orang Cina berpendidikan juga didapati mula berkembang di Tanah Melayu, terutamanya di sekolah Cina. Malahan, seorang guru graduasi berasal dari Foochow, China, dikenali sebagai Sia Hsien Chang @ Sia Pin Tze, didapati datang ke Tanah Melayu pada 1925. Beliau telah mengajar di beberapa buah sekolah Cina, seperti Koh Min School di Sitiawan, Perak dan Hua Khiu School di Bekoh, Segamat, Johor serta pernah menjadi guru besar di Yoke Hwa School, di daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Beliau didapati menyebarkan fahaman komunis. Kegiatan dan tindakan yang dilakukan oleh Sia Hsien Chang, menyebabkan beliau ditahan di bawah Seksyen 12, Enakmen 20, 1927, dengan ikat jamin sebanyak \$500.00. Pada 1930, satu hukuman Waran Buang Negeri di bawah Banishment Enakmen dikenakan ke atas beliau. Pada tahun 1927, kerajaan British turut merampas kertas, surat, dan catatan harian daripada seorang guru yang mengajar di Sekolah Malam Phing Man (*Phing Man Night School*), di Kuala Lumpur, kerana

<sup>25</sup> Abdullah Ghazali Zakaria, ‘Komunikasi dan Komunisme di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1960: Kempen Memenangi Jiwa dan Pemikiran Penduduk’, Kertas Kerja, Seminar Komunikasi dan Komunisme di Persekutuan Tanah Melayu 1948-1960, hlm. 1. Lihat juga, Rupert Emerson, *Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*, 1974, hlm. 630; Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960’, Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme Ke Arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2010, hlm. 2; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 2; Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 197; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 10; Leon Comber, 13 May 1969, *A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, hlm. 18.

didapati cuba menghasut pelajarnya dengan fahaman komunis. Oleh itu, sekitar tahun 1920-an, telah dikesan terdapat 16 buah sekolah telah dijadikan tempat penyebaran fahaman tersebut.<sup>26</sup>

Keadaan ini menunjukkan, PKM bergerak dan menyebarkan pengaruh mereka terutamanya di sekolah Cina dan sekolah Cina swasta yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran mereka. Di sekolah Cina tersebut, fahaman komunis telah dikesan tersebar kepada pelajar melalui guru. Bahkan, tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada mereka yang berpegang kuat idea fahaman kiri dengan meletakkan ideologi komunis sebagai sesuatu yang idealistik. Begitu juga sekolah malam, sekolah tersebut ditubuhkan untuk mereka yang bekerja pada hari siang. Kebanyakan gurunya terdiri daripada masyarakat Cina Hailam. Sekolah berkenaan digunakan oleh belia komunis untuk mengembangkan propaganda mereka secara agresif kepada pelajar dengan menghasut keganasan, melakukan tunjuk perasaan, dan gangguan awam, di mana sahaja tempat yang dapat mereka dilakukan. Fahaman komunis juga bergerak aktif dalam badan-badan NGO seperti kesatuan sekerja yang bernaung di bawah GLU dan badan-badan belia yang mengisyiharkan mereka sebagai sebuah pertubuhan, serta organisasi yang bersifat anti-Jepun, seperti AEBUS. Keadaan tersebut terus berlanjutan sehingga tercetusnya Perang Dunia Kedua. Sekitar tahun 1926, sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai CYL telah ditubuhkan di Singapura. Pertubuhan ini kemudiannya turut diperluaskan ke Semenanjung Tanah Melayu.<sup>27</sup> Dalam pada itu, akhbar-akhbar juga digunakan oleh komunis untuk menyebarkan pengaruh, ideologi dan propaganda mereka terhadap orang awam. Akhbar-akhbar

<sup>26</sup> Selangor Confidential 58/30. Communist Activities in Kuala Lumpur, hlm. C. 6/30. Lihat juga, Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 5. Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, hlm. 234;

<sup>27</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col D.G Gill-Davies R.E, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136. Copy No.6. hlm 1. Lihat juga Hanrahan, Gene Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 9. Lihat juga Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 33

seperti *Red Star Weekly*, *Red Star Supplement*, *Charcoal, Struggle, Youths' War Front Weekly*, *Red Flag*, *The Economic Policy of New China* dan akhbar-akhbar KMT seperti *Yik Khwan Yat Po* dan *Thin Sing Yat Po*. Manakala, terbitan berkala seperti *The Guide Weekly*, *Chinese Youth* dan *Chinese Seamen's Union*, telah dirampas oleh kerajaan pada Disember 1926, kerana mengandungi hasutan komunis. Manakala, pada tahun 1928, sebuah akhbar mingguan berbahasa Cina, *Tao Sing Weekly* didapati telah menerbitkan berita-berita yang berunsur hasutan, lucah, ganas, dan mengugut. Oleh itu, kerajaan mendapati jika keadaan tersebut dibiarkan ianya boleh mengakibatkan berlakunya pembunuhan, kegiatan pemogokan dan gangguan-gangguan lain. Bagaimanapun, British telah menyedari akhbar mingguan Cina yang diterbitkan di Kuala Lumpur secara berkala itu sebenarnya telah menyebarkan propaganda komunis.<sup>28</sup>

Bagaimanapun, perkembangan ideologi dan kegiatan komunis di Tanah Melayu mula mendapat kejayaan, setelah ekonomi negara mengalami kesan kemelesetan ekonomi dunia pada sekitar tahun 1929 hingga 1932. Dengan berlakunya kemelesetan ekonomi, banyak kesulitan hidup berlaku ke atas rakyat, terutamanya masyarakat buruh dalam sektor perlombongan bijih timah, kilang dan perladangan getah. Ramai kalangan mereka kehilangan pekerjaan, akibat daripada pasaran perniagaan yang mengalami kejatuhan. Malahan, gaji kakitangan kerajaan turut dipotong. Ini menyebabkan wang kini berkurangan. Kehidupan masyarakat dilanda pelbagai kegawatan sosial dengan berlaku banyak kegiatan kecurian dan rompakan. Di setengah tempat, berlaku keganasan seperti yang berlaku di lombong bijih timah Po Chen. Keadaan tersebut menyebabkan kerajaan British menawarkan pembayaran tiket kepada mereka yang

---

<sup>28</sup> Sel. Sec. G. 1410/1928. Publication Intended for Communistic Propaganda in K. Lumpur, hlm. C (1) dan (2). Lihat juga, C. 6/30, dalam Selangor Confidential 58/30. Communist Activities in Kuala Lumpur; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 5.

mahu pulang ke negara asal mereka di China.<sup>29</sup> Bagaimanapun, dengan berlakunya pemulihan ekonomi dunia pada pertengahan tahun 1930-an, terutamanya mulai tahun 1937, keadaan ekonomi di Tanah Melayu turut meningkat. Masyarakat buruh mula memperoleh semula pekerjaan mereka. Keadaan ini selaras dengan kenaikan harga bijih timah dan getah, terutamanya pada tahun 1939. Namun, hubungan antara majikan dan pekerja masih tidak baik. Pihak majikan telah ternyata enggan menaikkan semula gaji kaum buruh setelah gaji mereka dikurangkan pada zaman kemelesetan ekonomi sebelum itu. Dengan itu, kesempatan ini telah digunakan oleh komunis untuk memperjuangkan nasib kaum buruh.<sup>30</sup>

Dengan keadaan kemelesetan ekonomi negara yang berlaku pada sekitar awal 1930-an, telah timbul perasaan tidak puas hati golongan buruh terhadap majikan mereka disebabkan faktor gaji yang diberikan sangat rendah. Tambahan pula dengan kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang semakin meningkat, serta kemudahan di tempat bekerja yang buruk. Semua keadaan tersebut telah memberi kesempatan kepada PKM untuk mempengaruhi golongan buruh untuk melakukan siri tindakan pemogokan dan tunjuk perasaan dalam banyak sektor, seperti dalam kalangan buruh lombong arang batu, pembersihan, kereta api, perkayuan, pembinaan, pengangkutan, dan pelabuhan. Tujuannya bagi menuntut hak-hak demokrasi kepada golongan buruh yang ditindas oleh majikan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Dengan situasi sedemikian, komunis telah berjaya mempengaruhi golongan buruh untuk melakukan provokasi terhadap kerajaan dengan melakukan tindakan mogok. Akhirnya, tindakan mogok tersebut berkembang menjadi pemogokan raksasa di seluruh Tanah Melayu dan berlaku sekitar

<sup>29</sup> Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abad Dua Puluh Satu, 2007, hlm. 58. Shan Ru Hong menyatakan tentang kejadian rusuhan pekerja lombong Po Chen, tetapi beliau tidak menyatakan pula bentuk keganasan itu dan di negeri serta daerah manakah letaknya lokasi tersebut. Lihat juga Leon Comber, *13 May 1969: A Historical of Sino-Malay Relations*, hlm. 19.

<sup>30</sup> Ibid. Lihat juga, Kua Kia Soong, *Patriots & Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, Petaling Jaya: Suaram Komunikasi, 2011, hlm. 21; Mohd Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 12.

tahun 1936-1938, terutamanya di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, dan Pahang, selain daripada di Singapura.<sup>31</sup> Pada tahun 1931, berlakunya penaklukan Jepun ke atas Manchuria dan peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Nanjing, China pada 1937-1938. Keadaan ini menjadikan semangat anti-Jepun di negara China semakin memuncak. Pada 7 Julai 1937, tentera Jepun menyerang bahagian utara China, setelah berlakunya peristiwa di Jambatan Marco Polo (Lugouqiao) yang terletak berhampiran Beijing. Peristiwa tersebut menyebabkan beberapa orang tentera Jepun telah terbunuh. Dengan itu, Jepun menuduh China terlibat dalam kejadian tersebut hingga mengakibatkan meletusnya perang yang tidak diisyiharkan antara China dan Jepun. Perang tersebut berlarutan sehingga tahun 1945. Selepas peristiwa tersebut, Jepun bertindak balas menyerang China dengan menawan Peking dan Tientsin. Keadaan ini menyebabkan seluruh rakyat China, bangkit menentang Jepun. Dalam situasi tersebut, Chiang Kai Shek, pemimpin kerajaan Nasionalis China, menyeru seluruh penduduk China agar bersatu tanpa mengira perbezaan fahaman ideologi bagi menentang kemaraan Jepun tersebut. Pegawai tentera dihantar ke Tanah Melayu, untuk merekrut pemuda Cina bagi menyertai gerakan pembebasan menentang pendudukan Jepun di samping membantu pelarian perang di China. Dianggarkan, ratusan pemuda Cina di Tanah Melayu pulang dan menyertai KMT bagi menentang pendudukan Jepun di China. Proses tersebut berterusan sehingga tahun 1940. Pernyataan serupa juga dikeluarkan oleh PKC dalam Persidangan Ke-VIII, tentang kedudukan bahaya yang terpaksa dihadapi oleh rakyat dan negara China, dengan kemaraan tentera Jepun ke negara tersebut ketika itu.<sup>32</sup>

<sup>31</sup> Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 58. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 8; Kua Kia Soong, *Patriots & Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 21.

<sup>32</sup> Ibid., 45 dan 46. Lihat juga, Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 44; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 2; Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars, 1948-1966*, London and New York: Rouledge, 1991, hlm. 7; C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 60; David Thomson, *Eropah Sejak Napoleon*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 370; Tsuneo Watanabe (edited), *From Marco Polo Bridge to Pearl Harbor: Who was Responsible?* Tokyo: Toppan

Dengan berlakunya kekejaman Jepun terhadap rakyat di China, seperti yang berlaku di Shanghai dan di beberapa tempat lain di negeri tersebut, telah mendorong penduduk Cina di Tanah Melayu, melancarkan kempen memulau barang Jepun, mengumpul dan menghantar wang kepada kerajaan China untuk membeli senjata bagi membebaskan negara mereka daripada pendudukan Jepun.<sup>33</sup> Komunis juga dengan segera mengeksplorasi perasaan takut dan sentimen kebencian orang Cina terhadap Jepun, dengan membentuk organisasi yang bersifat anti-imperialis dan anti-Jepun, terutamanya kepada generasi muda dan mereka yang bersifat patriotik. Gerakan penentangan terhadap Jepun ditubuhkan oleh penduduk Cina. Pertubuhan tersebut dinamakan ‘Tentang Jepun dan Selamatkan China.’ Pelajar sekolah Cina turut mengadakan tunjuk perasaan menentang pendudukan Jepun ke atas China. Sejurus selepas pendudukan Jepun di Manchuria, sebuah pertubuhan yang kuat dan bersifat anti-Jepun telah ditubuhkan di Singapura, pertubuhan ini dikenali sebagai Malayan Anti-Imperialist League. Pertubuhan ini telah dijadikan sebagai alat propaganda anti-imperialis dan anti-Jepun oleh komunis.<sup>34</sup>

Bagaimanapun, dengan meletusnya Perang China-Jepun pada 1937, golongan nasionalis China (KMT) dan golongan komunis (PKC) di Tanah Besar China telah sekali lagi bekerjasama dengan melakukan gencatan senjata dan membentuk Barisan Bersatu (United Front) bagi menentang pencerobohan Jepun. Chiang Kai-Shek dan PKC telah membuat desakan agar rakyat China bangkit menentang pencerobohan Jepun, seperti yang diputuskan oleh Konvensyen KMT Ke-50, pada November 1935 dan Deklarasi 8/1 PKC yang diterbitkan dalam akhbar Cina di Paris pada 1 Ogos

---

Printing Co., Ltd., 2006, hlm. 33, 73 dan 77; Great Britain Ministry of Defence (NAVY), *War With Japan: Background To The War* (Volume 1), London: HMSO, 1995, bab 1, hlm. 13

<sup>33</sup> Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign, 1941-1942*, Kuala Lumpur: Documentation and Publication Unit, Department of Museums and Antiquities Malaysia, 2002, hlm. 74.

<sup>34</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 430. Lihat juga, James Wong Wing On (terjemahan), *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences Of Abdullah C.D, Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, Petaling Jaya Selangor: SIRD, 2005, hlm. 7.

1935.<sup>35</sup> Dengan itu, hubungan kerjasama KMT dan PKC bagi menentang pencerobohan Jepun, turut berkembang keluar daripada Tanah Besar China. Di Tanah Melayu, PKM turut menu buhkan Barisan Bersatu sebagai persediaan menentang kehadiran kuasa fasis Jepun seperti mana yang diputuskan oleh Persidangan Tahunan PKM Kali Ke-6 pada tahun 1939, berkenaan dengan *Peranan Massa dan Barisan Bersatu Menentang Fasis*.<sup>36</sup> Di Tanah Melayu, dengan meletusnya Perang China-Jepun pada 1937, keadaan tersebut memberi peluang besar kepada PKM mendapatkan sokongan rakyat. Antara tahun 1937 hingga 1940, PKM telah menggunakan kegiatan anti-Jepun untuk mendapatkan sokongan rakyat terutamanya daripada golongan pelajar, kaum buruh dan merekrut pemimpin berfahaman komunis dalam kesatuan buruh. Perluasan imperialisme oleh kuasa Barat, terutamanya dengan pencerobohan Jepun ke atas China telah membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Sentimen itu digunakan dan dieksplotasi sepenuhnya oleh PKM bagi membentuk kumpulan-kumpulan bersifat anti-Jepun. Pertubuhan seperti AEBUS dan Pertubuhan Pembebasan Kebangsaan (National Salvation Association) didapati berkembang tumbuh di merata-rata kawasan. PKM menganjurkan kempen-kempen bagi memboikot barang Jepun dan mewujudkan tabung kutipan (China Relief Fund) bagi membantu negara China. Kesempatan yang diambil oleh PKM itu, telah membolehkan parti tersebut meluas dan mengukuhkan pengaruh mereka dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Sehingga tahun 1937, bilangan anggota komunis dikatakan telah mencapai 37,000 orang. Keadaan tersebut berlanjutan sehingga Jepun menyerang pada Disember 1941. Pada ketika ini, PKM telah menjadi satu-satunya kuasa politik terkuat di negara ini. Malah, mereka juga telah membuktikan, kejayaan mereka menempuh pelbagai halangan getir sebelum perang meletus, terutamanya dengan tindakan keras

<sup>35</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 50 dan 51. Lihat Tsuneo Watanabe (edited), *From Marco Polo Bridge to Pearl Harbor: Who was Responsible?*, hlm. 65.

<sup>36</sup> Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. 45, 46, 113 dan 115. Lihat juga, Robert Jackson, *The Malayan Emergency; The Commonwealth's Wars, 1948-1966*, hlm. 7; C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 60.

kerajaan British terhadap mereka dengan menangkap, memenjarai dan menjatuhkan hukuman buang negeri terhadap pemimpin dan kader PKM.<sup>37</sup> Dalam pada itu, usaha pembersihan pengaruh komunis yang bersikap radikal dalam Parti KMT yang dilakukan oleh Ching Kai Shek di China, turut memberi kesan di Tanah Melayu. Golongan pelampau iaitu golongan komunis yang berada di dalam Parti Kuomintang, kemudiannya telah berpecah daripada parti tersebut dan mewujudkan organisasi mereka sendiri. Dengan itu wujud Jawatankuasa Revolusioneri moden Kuomintang China, Suruhanjaya Sementara Laut Selatan Parti Komunis China, Parti Belia Komunis, dan Kesatuan Sekerja Nanyang. Pertubuhan tersebut kebanyakannya terdiri daripada orang Cina Hailam dari kepulauan Hainan yang terletak di selatan China. Mereka sememangnya berusaha keras untuk menyebarkan ideologi komunis kepada orang Cina di Tanah Melayu.<sup>38</sup>

Pada tahun 1930-an, kemaraan tentera Jepun telah menyemarakkan lagi ketegangan politik, terutamanya setelah Jepun menceroboh China. Gerakan anti-Jepun berlaku di seluruh Asia dan keadaan ini turut dirasai di Tanah Melayu. PKM yang bergerak secara bawah tanah atau sulit, telah membentuk sebuah organisasi yang dinamakan Persatuan Membantu Negara China Melawan Musuh, dan Persatuan Pelajar Membantu Negara China Melawan Jepun, di sekolah Cina Nan Hwa High School, Sitiawan, Perak. Menurut sumber PKM, kegiatan yang dianjurkan oleh parti tersebut telah mendapat sambutan dalam kalangan orang Cina daripada pelbagai lapisan masyarakat, sama ada dalam kalangan buruh, petani, pelajar dan guru, kerana pada

<sup>37</sup> Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 23. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya* (Terjemahan), hlm. 4; Victor Purcell, (Terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 271; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 152; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 11; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited, 1948-1960*, hlm. 5.

<sup>38</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 279. Lihat juga, Ahmad Zaki Mohd Johari, ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Berusas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan,’ Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 6.

ketika itu, semangat patriotik masyarakat Cina cukup tinggi.<sup>39</sup> PKM turut menghantar seorang anggota jawatankuasa pusatnya iaitu Chang Yen Bao, ketua bahagian propaganda PKM untuk mempengaruhi orang ramai dan pelajar sekolah Cina, agar menyertai gerakan massa yang dikenali sebagai AEBUS. AEBUS merupakan sebuah pertubuhan yang dibentuk oleh PKM bagi membantu negara China menentang pendudukan Jepun. Persatuan dan kumpulan propaganda PKM turut ditubuhkan dalam bentuk kumpulan nyanyian, tarian dan sandiwara, di samping menganjurkan rapat umum serta kutipan derma sebagai sokongan kepada rakyat China menentang Jepun.<sup>40</sup>

PKM telah mewujudkan propaganda komunis melalui gerakan bawah tanah atau secara sulit<sup>41</sup> dengan aktif melalui penubuhan persatuan, aktiviti dan gerakan pelajar di sekolah Cina dengan mengeksplorasi serangan dan penaklukan Jepun terhadap negara China untuk membangkitkan kemarahan dan kebencian orang Cina terhadap Jepun. Tujuan PKM bagi mendapatkan sokongan penduduk Cina terhadap perjuangan mereka, di samping menyuburkan lagi ideologi sosialis dan nasionalis melalui buku-buku yang dibekalkan kepada pelajar sekolah untuk bacaan dan perbincangan. Banyak buku-buku berfahaman komunis dan sosialis telah berjaya mempengaruhi pembacanya, termasuklah Chin Peng (Setiausaha Agong PKM), sehingga beliau turut menyertai komunis kemudiannya selepas membaca buku-buku berideologi komunis. Antaranya, buku tulisan John Strachey seperti *Socialist Theory and Practice*, dan *The Problem of Socialism* (buku berkenaan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina). Manakala, Anna Louise Strong, seorang jurnalis berbangsa Amerika, dengan hasil buku berjudul *Soviet Democracy*. Manakala, Edgar Snow, juga seorang penulis berbangsa Amerika, dengan

<sup>39</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD), 2005, hlm. 5-6. Lihat juga, C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 57.

<sup>40</sup> Ibid., hlm. 57-58.

<sup>41</sup> Bawah tanah bermaksud, gerakan sulit. Sila rujuk *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*, Kuala Lumpur: Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, hlm. 140.

karya bukunya bertajuk *Red Star Over China*. Buku tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Cina dan diterbitkan di Shanghai. Buku-buku lain yang menyebarkan ideologi komunis, termasuklah buku berjudul *Gorky, Lenin in 1918, Life of Lenin*, dan *The History of the Chinese Workers Movement*. Semua buku Marxisme dan Leninisme tersebut, dibawa masuk dari Hong Kong dan Shanghai, China. Buku-buku ini pula diperoleh dengan cara meminjam daripada rakan-rakan seperjuangan mereka dalam PKM. Intipati buku-buku tersebut sangat berkaitan dengan perjuangan golongan pekerja, petani dan tentera di Rusia, Revolusi Sosialis, perjuangan Parti Bolshevik, Menshevik dan perang anti-Jepun.<sup>42</sup>

Menurut Shan Ru Hong<sup>43</sup> dalam buku *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, beliau menerangkan, bagaimana peranan rakan-rakan beliau dan buku seperti yang dinyatakan di atas, sangat mempengaruhi penglibatan beliau untuk menyertai komunis. Tujuan asasnya untuk menentang dasar-dasar kapitalis dan imperialis kerajaan kolonial British yang didapati menindas dan menghalang penduduk di Tanah Melayu daripada mendapat kebebasan dan kemerdekaan negara, di samping mengaut hasil keuntungan yang cukup besar daripada negara yang dijajah itu.<sup>44</sup> Berikut adalah petikan daripada pernyataan beliau:

Bo Sui was the one who showed me the revolutionary road. He deepened my cultural understanding, my study of history and understanding the nature of society and the force for change, I learnt the meaning of capitalism in the age of imperialism; how the imperialists divide the spoils and occupied other countries; how the

<sup>42</sup> Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. 22 dan 26. Lihat juga, C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 66 dan 74.

<sup>43</sup> Dikenali juga dengan nama Ah Hai @ Ah Chen @ Jasa, lahir pada tanggal 27 . 8 . 1919. Menyertai PKM pada tahun 1938, merupakan Ahli Politbiro dan Ahli Jawatankuasa Pusat PKM. Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Persediaan Persatuan Pekerja Lombong Perak pada 1938, hadir sebagai tetamu jemputan dalam Kongres Ke-8 CPC di Nanjing, China, pada tahun 1956. Menghadiri Kongres Soviet Ke-20 pada Februari 1956, di Leningrad dan beliau juga terlibat dalam Delegasi Rundingan Damai antara Kerajaan Thailand dan PKM pada 1988. Lihat dalam Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. I - IV.

<sup>44</sup> Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. 26 dan 27.

colonialists enslaved and oppressed the colonial peoples, and of how the oppressed nation and peoples could achieve their independence and emancipation. There grew in me the feeling that my mission was to overthrow the unjust system and fight for the interests of the people. Bo Sui's teaching led to a point in my life: I became a believer in communism and a revolutionary.<sup>45</sup>

Ketika meletusnya Perang Dunia Kedua, kawalan pihak pentadbiran British terhadap kemasukan buku berfahaman komunis menjadi longgar. Kemasukan buku tidak ditapis dan disemak terlebih dahulu. Terdapat antara buku tersebut sebenarnya telah diharamkan beberapa tahun sebelum itu.<sup>46</sup> Manakala, guru dan pelajar di sebuah sekolah Cina iaitu Sekolah Tinggi Nan Hwa di Sitiawan, Perak, pengaruh ideologi komunis berkembang melalui kelab bacaan di sekolah berkenaan. Malahan buku *Red Star Over China*, tulisan Edger Snow, telah disimpan di perpustakaan Sekolah Nan Hwa, secara rahasia untuk dijadikan rujukan kepada pelajar sekolah tersebut.<sup>47</sup>

### **Hasutan Mogok dan Tindak Balas British**

Pada September 1928, berdasarkan Kongres *Comintern* Ke-VI, *Comintern* telah membuat keputusan bahawa; *most important is the development of a strong Communist Party with a big mass influence...work in trade unions.*<sup>48</sup> Jadi, salah satu strategi utama PKM, berdasarkan keputusan Kongres Ke-VI tersebut, *Comintern*, mengambil tindakan untuk mengembangkan pengaruh komunis dalam kalangan pekerja India di kawasan ladang. Bagaimanapun, kegiatan dan operasi PKM pada peringkat awalnya lebih tertumpu di Singapura. Ini berikutan kegiatan kesatuan yang terdapat di pulau tersebut adalah lebih besar berbanding dengan mana-mana kawasan di Tanah Melayu.<sup>49</sup>

<sup>45</sup> Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. 26 dan 27.

<sup>46</sup> C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 66 dan 74.

<sup>47</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 6. Lihat juga, Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 47. Lihat juga C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 66-67.

<sup>48</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 23.

<sup>49</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 57. Lihat juga, Victor Purcell, (terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 236.

Pada sekitar tahun 1930-an, berlakunya banyak tindakan mogok yang dilakukan secara bersiri dan besar-besaran oleh kesatuan sekerja terutamanya melalui MGLU, sebuah pertubuhan sekerja haram yang dipengaruhi oleh komunis.<sup>50</sup> PKM menggunakan kesempatan terhadap kemasukan buruh dari China yang dibawa oleh British. PKM telah menggerakkan golongan buruh, terutamanya dalam sektor perlombongan dan ladang getah, termasuk juga pekerja kuari, buruh kereta api, pengangkutan bas, pembinaan, pembersihan, penyembelihan, kilang kasut, kilang nanas, tukang jahit, orang gaji tempatan dan pekerja kilang getah. PKM mewujudkan kesatuan sekerja untuk mereka dan kemudiannya menggerakkan tindakan pemogokan bagi menuntut kenaikan gaji dan suasana tempat bekerja yang lebih baik. Tujuannya adalah, dengan wujud keadaan tidak stabil dalam sektor tersebut akan melemahkan tulang belakang ekonomi negara dan pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu.<sup>51</sup> Kedaan ini dapat dilihat pada petikan berikut:

The MCP was able to take advantage of the increasing number of Chinese workers imported by the British in the early 1930s. They provided fertile ground for MCP agitation. Soon there was a growing number of strikes by dockers, transport and contruction workers, and those in the pineapple canning factories, but the most serious strikes occurred in the rubber estates - the backbone of the Malayan economy.<sup>52</sup>

Dengan keadaan perburuhan yang semakin merosot dalam negara akibat kemelesetan ekonomi, manakala semangat nasionalis orang Cina yang memuncak, PKM mengambil kesempatan dalam situasi tersebut bagi memimpin kesatuan buruh iaitu MGLU untuk menganjurkan pemogokan dalam kalangan pekerja. Bermula pada

<sup>50</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5. Lihat juga, C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 144.

<sup>51</sup> Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 60. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5; Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu, 1930-1960’, Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi dan Komunisme; Ke Arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm. 7; Ho Hui Ling, *Pemberantasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 8; Kua Kia Soong, *Patriots & Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 21; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 3.

<sup>52</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 3.

akhir 1931, komunis menghasut pelaut yang kehilangan pekerjaan dan tindakan itu diteruskan sehingga tahun 1933.<sup>53</sup> Pada pertengahan tahun 1930-an, komunis telah memperoleh kejayaan awal dengan menguji kekuatan mereka melalui tindakan melakukan tunjuk perasaan dan menimbulkan masalah dalam kalangan buruh ladang getah dan perlombongan serta dalam sektor industri lainnya. Antaranya, mogok oleh tukang kasut dan tukang jahit di Kuala Lumpur pada 30 Disember 1933, dan pada 8 Januari 1934, mogok oleh pemandu lori Cina di Pulau Pinang, kerana menuntut dinaikkan semula bayaran muatan lori yang diturunkan sebelum itu daripada 60 sen kepada 50 sen, mogok kecil oleh pekerja rotan di Negeri Sembilan pada Disember 1934, disebabkan menuntut kenaikan gaji yang ditolak oleh majikan mereka.<sup>54</sup> Bukti juga menunjukkan, pada tahun 1934, arahan awal telah dikeluarkan oleh *Comintern* di Shanghai kepada Jawatankuasa Pusat PKM, supaya melancarkan tindakan mogok dan sabotaj terhadap kepentingan kolonial British di Tanah Melayu dan di pangkalan Tentera Laut British di Singapura. Pemulauan terhadap sistem pengangkutan dan demonstrasi itu bertujuan menentang kenaikan cukai dan sebagainya ke atas penduduk.<sup>55</sup>

On receipt of this letter, the Malayan Communist Party and Malayan Communist Youth Corp, launched a 'purification' campaign and 'rushing' period was started to give impetus to the party's forward march to its final goal, the Malayan Revolution.<sup>56</sup>

Ekoran arahan tersebut juga, MGLU mengadakan demonstrasi bagi membantah majlis menyambut Perayaan Jubli Perak pada Mei 1935, dengan menaikkan slogan anti-British, menyebarkan risalah, dan membakar perhiasan di beberapa tempat di Pulau

<sup>53</sup> Stephen Mun Yoon Leong, Sources, 'Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941', Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 238.

<sup>54</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 8 dan 9. Lihat juga, Harry Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 195.

<sup>55</sup> Victor Purcell, (terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 236. Lihat juga Ahmad Zaki Mohd Johari, 'Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan,' Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 3 dan 4.

<sup>56</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 218.

Pinang, Kuala Lumpur, dan Singapura serta dengan penemuan risalah komunis di kawasan tersebut. Keadaan ini menunjukkan, betapa seriusnya ancaman yang dihadapi oleh kerajaan British ketika itu.<sup>57</sup> Jawatankuasa Pusat PKM juga diminta mengadakan hubungan secara rahsia dengan komunis antarabangsa termasuk parti komunis di India dan Britain serta menghantar perwakilan ke Rusia untuk diberi latihan.<sup>58</sup> Manakala, pada 26 September 1935, berlaku mogok dalam kalangan pekerja Cina di lombong besi Sri Medan, Batu Pahat, Johor, bagi menuntut kenaikan gaji. Manakala, pada 5 November 1935, 200 orang penoreh getah Cina pergi ke balai polis Pagoh untuk meminta kerja dan makanan. Pekerja tersebut sebenarnya telah dihasut. Akibatnya, 181 orang daripada mereka ditahan untuk siasatan.<sup>59</sup> Pada sekitar tahun 1935-1937, tindakan mogok akibat hasutan komunis semakin meluas meliputi hampir seluruh negeri di Tanah Melayu. Tindakan mogok tersebut dianjurkan oleh GLU. Pada tahun 1936, komunis didapati cuba menghasut golongan pelaut terhadap British dalam usaha mereka membuat tawaran memecahkan pegangan terhadap rumah tumpangan berlesen untuk rekrut pelaut, menganjurkan mogok pekerja Majlis Perbandaran dan pengangkutan awam, kilang nanas, binaan dan buruh kontraktor.<sup>60</sup>

Pada tahun tersebut juga, berlaku satu tunjuk perasaan dengan anggaran seramai 30,000 orang pekerja kilang nanas dan sektor pembinaan di Singapura. Tunjuk perasaan itu berlaku selama dua puluh empat jam. Dalam kejadian itu, penunjuk perasaan bertindak agresif dengan mengepung bangunan kerajaan. Oleh itu, pada September 1936, British mula mengambil tindakan dengan menangkap penghasut-penghasut daripada kalangan komunis tersebut. Tindakan British itu menyebabkan, pihak komunis

<sup>57</sup> Victor Purcell, (terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 236. Lihat juga, Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 238; Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 429.

<sup>58</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 218.

<sup>59</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 9.

<sup>60</sup> C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 144. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 9.

bertindak balas. Komunis memanggil beribu-ribu pekerja yang terdiri daripada buruh pelabuhan, mekanik kimpalan, penoreh getah, dan pelombong bijih timah, terutamanya daripada sektor perburuhan yang dikuasai oleh orang Cina, bagi menganjurkan mogok simpati terhadap mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa British. Menurut sumber komunis, dianggarkan ratusan ribu orang penunjuk perasaan terlibat dalam kejadian tersebut.<sup>61</sup>

Pada awal tahun 1937, satu siri pemogokan telah berlaku di beberapa buah ladang getah dan kilang di Selangor, Negeri Sembilan dan kemudiannya merebak ke Johor. Semuanya bermula dengan isu pemberhentian pekerja oleh pihak majikan ladang. Di Selangor, mogok berlaku dalam kalangan pekerja ladang di Bolton Estate dan Wardeburn Estate, berdekatan Kuala Lumpur. Manakala, di kawasan industri, mogok berlaku di Elkaye's Match Factory di Port Swettenham dan Shum Yip Leong Rubber Shoe Factory, di Klang. Pada 20 Mac 1937, berlaku mogok pekerja ladang di Kajang dan Sungai Chuah, yang terletak Ulu Langat, Selangor. Di Kajang, British bertindak dengan menahan 20 orang pekerja daripada 111 orang pekerja lelaki dan wanita terbabit dalam mogok tersebut. Mereka kemudiannya dibawa ke mahkamah untuk diambil tindakan. Akibat kejadian itu, satu mogok melibatkan seramai 20,000 orang dianjurkan secara serentak oleh pekerja ladang getah di Selangor.

Di Hawthronden Estate, 200 orang anggota polis terpaksa dihantar ke ladang tersebut bagi menyuraikan mogok dan polis menahan seorang kepala atau ketua pekerja ladang terbabit kerana memalsukan akaun pekerja dan memecat sebahagian pekerja secara tidak adil. Dalam kejadian tersebut, empat orang ditahan. Semua mogok yang

<sup>61</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 53. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5; Khong Kim Hoong, *Merdeka, British rule and The Struggle for Independence in Malaya 1945-1957*, hlm. 22 dan 29; Leong Yee Fong, *Labour and Trade Unionism in Colonial Malaya, A Study of the Socio-Economic and Political Bases of the Malayan Labour Movement, 1930-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1999, hlm. 92.

dianjurkan itu juga bagi membantah penahanan seseorang yang dilakukan oleh pihak berkuasa ketika mogok yang berlaku di Kajang, sebelum itu. Tuntutan utama mereka agar semua tahanan tersebut dibebaskan. Mogok pekerja yang didalangi oleh komunis itu kemudian meluas sehingga ke seluruh Tanah Melayu. Di Negeri Sembilan, mogok melibatkan ladang di beberapa kawasan seperti di daerah Rantau, Mantin, Tanah Merah, Labu, Nilai dan Bahau. Di Bahau, Negeri Sembilan, pekerja daripada lima buah ladang di daerah tersebut menganjurkan mogok, termasuk di Sydney Estate, Semenyih, dengan melibatkan seramai enam puluh orang pekerja ladang tersebut. Bagi menyelesaikan tuntutan pekerja itu, Pegawai Pelindung Orang Cina, Mr. D. Gray dengan disertai oleh Dato Wong Yick Tong, telah bertemu dengan pemimpin pekerja di Mantin, untuk berunding mengenai perkara tersebut.<sup>62</sup> Dengan tindakan mogok besar-besaran oleh pekerja yang dianggarkan seramai 30,000 orang di Selangor dan Negeri Sembilan itu, menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Sir Shenton Thomas, bersama Setiausaha Persekutuan, Mr. C.D, Ahearne, dengan segera mengadakan rundingan dengan wakil United Planters Association of Malaya (UPAM) di Kuala Lumpur, bagi membincangkan situasi tersebut.<sup>63</sup>

Bagaimanapun, pada 23 hingga 27 Mac 1937, PKM telah memperoleh pengaruh dan mereka telah berjaya bergerak lebih jauh dalam kesatuan buruh terutamanya MGLU, saluran utama yang dikuasai oleh mereka dalam menganjurkan kegiatan pemogokan sehingga mengancam pentadbiran British di Tanah Melayu. PKM berjaya menghasut seramai 6,000 orang pekerja lombong arang batu di Batu Arang, Selangor. Lombong arang batu tersebut adalah pengeluar utama bahan api untuk janakuasa

<sup>62</sup> *The Malay Weekly Mail*, 25 Mac 1937, hlm. 1. Lihat juga, *The Malay Weekly Mail*, 1 April 1937, hlm. 2; Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 239; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 9.

<sup>63</sup> *The Malay Weekly Mail*, 25 Mac 1937, hlm. 1.

elektrik dan kereta api di Tanah Melayu. Dengan tindakan pemogok mengambil alih semua kegiatan perlombongan di kawasan tersebut pada 24 Mac 1937, telah mengakibatkan semua aktiviti di kawasan perlombongan tersebut menjadi lumpuh. Mereka mendirikan sebuah ‘Kerajaan Soviet’, dengan penubuhan sistem pertahanan, mahkamah, dan pentadbiran yang menyerupai negara pengasas ideologi komunis tersebut. Pada 26 Mac 1937, usaha telah dilakukan oleh pihak pengurusan lombong dengan memimpin kesatuan sekerja, bagi menyelesaikan pemogokan tersebut, tetapi gagal. Kesatuan sekerja tetap mahu menuntut dua puluh tiga tuntutan. Antaranya, kenaikan sehingga lima puluh peratus kadar upah buruh dan pembebasan terhadap semua mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa dalam beberapa siri pemogokan yang dianjurkan di beberapa tempat di Selangor sebelum itu.<sup>64</sup> Peristiwa itu menunjukkan, PKM menggunakan isu tuntutan kenaikan gaji dan pembebasan orang tertentu yang ditahan oleh pihak berkuasa sebagai alasan bagi mewujudkan keadaan tidak stabil dalam negara. Dengan kegagalan rundingan itu, pada awal pagi 27 Mac 1937, pasukan keselamatan membuat serbuan dan mengambil alih kawasan lombong tersebut dengan menggunakan kekuatan 100 orang anggota polis dengan dibantu seramai 200 orang tentera daripada dua pasukan Rejimen Askar Melayu (RAM). Ini berikutan, jawatankuasa penganjuran mogok tersebut melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang. Mereka mengenakan sekatan terhadap pekerja yang enggan untuk mengambil bahagian dalam mogok, melakukan halangan jalan raya, ugutan jenayah, dan perhimpunan haram. Dalam serbuan itu, berlaku pertempuran antara pasukan keselamatan dengan penunjuk perasaan sehingga menyebabkan seorang terbunuh dan dua orang lagi tercedera, manakala seramai 120 orang pekerja lombong ditahan.<sup>65</sup>

<sup>64</sup> Selangor Secretariat. 192/1937. Report of Chief Police Officer, Selangor, 4.6.37, dalam Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 240 dan 241. Lihat juga, Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 52; Kua Kia Soong, *Patriots & Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 21.

<sup>65</sup> *The Malay Weekly Mail*, 1 April 1937, hlm. 2. Lihat juga, Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 52. Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 10; Stephen Mun Yoon Leong, Sources, ‘Agencies and Manifestations

Berikutnya dengan serbuan yang dilakukan di Kajang, Sungai Chuah, dan Batu Arang itu, seramai tiga ratus tentera daripada Batalion Kedua daripada 21 Rejimen Punjabi, yang berpangkalan di Taiping telah dihantar ke Kuala Lumpur bagi persediaan untuk mengawal keadaan daripada sebarang kemungkinan.<sup>66</sup> Pada 27 Mac 1937, beberapa siri pemogokan turut berlaku di beberapa buah estet di Johor. Antaranya di Estet Paya Lang, Batu Anam. Seramai 67 orang pekerja Cina Kantonis telah bertindak berhenti kerja bagi menuntut kenaikan gaji. Tindakan itu diikuti oleh 88 orang pekerja Cina Hailam pada keesokannya, dengan sebab yang tidak diketahui.<sup>67</sup> Disebabkan ancaman dan pengaruh komunis di Tanah Melayu semakin berkembang pada akhir tahun 1930-an, menyebabkan keadaan tersebut perlu ditangani dengan tegas oleh kerajaan kolonial British seperti yang berlaku di Selangor dan Negeri Sembilan. Mereka yang bersalah akan ditahan dan dihantar pulang ke negara asal mereka. Di Negeri Sembilan, seramai 12 orang yang terlibat dalam menghasut mogok telah dikenakan tindakan undang-undang pengusiran tersebut. Dengan itu, pengaruh komunis telah berjaya dibendung dan tidak lagi membimbangkan di negeri tersebut. Sekumpulan terakhir 50 orang anggota tentera daripada Rejimen Melayu, turut ditarik keluar dari Port Dickson.<sup>68</sup> Petikan di bawah menjelaskan tindakan tegas British terhadap kegiatan komunis tersebut:

Intensive police activity against known communist must be maintained for several months and government may be asked to employ banishment powers more freely than hitherto. I consider that government must act with firmness in this matter. The progress of communism in this country as exhibited in the recent trouble is alarming to one who has been in close touch with its growth and history during the past 15 years.<sup>69</sup>

of the Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941', Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 239, 240 dan 241.

<sup>66</sup> *The Malay Weekly Mail*, 1 April 1937, hlm. 3. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 3.

<sup>67</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 10.

<sup>68</sup> Pahang Confidential 42/37. Effort to Deal With Communist. Office of the Federal Commissioner of Police, F.M.S., Kuala Lumpur, 3<sup>rd</sup> April, 1937. Lihat juga, Negeri Sembilan Secretariat 273/1938. Annual Report, 1937, Para 40, hlm. 6.

<sup>69</sup> Ibid., Lihat juga, Negeri Sembilan. Secretariat 273/1938. Annual Report, 1937, Para 40, hlm. 6.

Ketika era Pra-Perang Dunia Kedua, 1940 hingga 1941, komunis meneruskan gelombang pemogokan mereka dengan menyusup masuk dalam kesatuan pekerja pelabuhan, lombong bijih timah, penarik beca dan buruh binaan. Di Ladang Geddes, Bahau, Negeri Sembilan, pada 18 Disember 1940, seramai 2,000 orang penoreh getah Cina melancarkan mogok dan diikuti mogok pekerja India di Estet Bahau yang terletak bersebelahan ladang tersebut. Bagaimanapun, permogokan umum yang dianjurkan oleh komunis pada tempoh tersebut telah berjaya ditamatkan dan dikawal British secara beransur-ansur melalui beberapa tindakan, termasuklah setelah pihak majikan ladang bersetuju untuk menaikkan gaji harian pekerja seperti mana yang dituntut.<sup>70</sup> Bagaimanapun, dengan merujuk petikan yang ditulis oleh Shan Ru Hong dalam *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, beliau telah mengulas situasi ketika itu:

The workers had the lallang, and the boss the milk. The workers did not know that only unity and organisation could better their lot. Also the colonial concept of ‘legality’ had a hold over them. Taking into account the past ten years experience, we decided to organise in the form of mutual assistance to unite the workers and to raise their class consciousness. We set up a preparatory committee and drafted a programme.<sup>71</sup>

Oleh itu ternyata, pada era zaman sebelum Perang Dunia Kedua, pada pandangan British, PKM bukanlah sebuah parti politik tempatan berpengaruh dan menjadi ancaman sebenar kepada kerajaan British. Tetapi PKM hanyalah merupakan sebuah pertubuhan yang bergerak aktif, tetapi secara sulit dan haram dengan menyalahi undang-undang. Malah, sejak 1 Jun 1930, gerakan awal PKM telah menerima tumparan hebat apabila setiausaha agong pertamanya Joseph Ducroux, bersama 14 orang lagi pemimpin kanan PKM telah ditangkap oleh pasukan polis cawangan khas di Singapura.<sup>72</sup> Sekitar tahun

<sup>70</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 52 dan 53. Lihat juga, Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 10.

<sup>71</sup> Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 60.

<sup>72</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 427.

1931 hingga 1935, sebanyak 432 serbuan telah dilakukan oleh polis Singapura. Berikutan tindakan itu seramai 226 orang yang disyaki menjadi ahli PKM telah ditahan. Sebahagian besar mereka yang ditahan itu dihantar pulang ke negara asal mereka di China dan sebahagian lagi dipenjarakan oleh kerajaan British. Dengan tindakan keras kerajaan British, menyebabkan kegiatan PKM hampir lumpuh dan bantuan kewangan yang diterima dari luar juga terjejas.<sup>73</sup>

Dengan situasi pemogokan yang berlaku secara meluas ketika itu, pihak berkuasa British di Tanah Melayu, telah mengambil pelbagai langkah bagi menghalang dan menyekat kegiatan komunis. Dengan itu, PKM bukan sahaja sebuah pertubuhan yang dianggap tidak sah ataupun pertubuhan haram,<sup>74</sup> tetapi sejak awal Januari 1929 hingga tahun 1940, British telah menggunakan Section 2, of Kedah Banishment Enactment No. 5 of 1341 dan Section 3 (i) Federal Banishment Enactmen, bagi mengusir keluar pemimpin tertinggi PKM dan ahli-ahli komunis yang terdapat di negeri-negeri Melayu. Keadaan itu diambil berikutan tindakan-tindakan yang mereka lakukan didapati menyusahkan dan memalukan kerajaan British. Tindakan tegas tersebut diambil oleh kerajaan untuk menjamin keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara. Di bawah ordinan tersebut juga turut menyatakan, mana-mana bukan subjek British, mereka boleh diisyiharkan sebagai orang asing yang tidak diingini. Dengan itu mereka akan diusir dan dihantar pulang ke negara asal mereka.<sup>75</sup>

<sup>73</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 57, 58 dan 59. Lihat juga, Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 427.

<sup>74</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 14. Lihat juga Bryan C. Cooper, *Decade of Change*, hlm. 432. Sebahagian sarjana berpendapat, kedudukan organisasi PKM daripada sudut perundungan sebelum pengisytiharan Undang-Undang Darurat Jun 1948, adalah sebuah pertubuhan haram tetapi mereka tidak pula menyatakan bilakah pengharaman itu dilakukan. Bagaimanapun, sebahagian sarjana beranggapan, PKM tidak diharamkan tetapi bergerak hanya secara separuh sah, sehingga organisasi itu diharamkan pada 23 Jun 1948.

<sup>75</sup> H.C.O. No. 344-29. Department Papers. Correspondence from and to H.B., Malaya's Consul-General Canton, Regarding Communist in Malaya. Forward for Transmission to the British Adviser Kedah, hlm. 29 dan 3A. Lihat juga, C.P.O. The Secretariat Negeri Sembilan. 1129/40. Federated Malay State. State of Negeri Sembilan. The Federal Banishment Enactment, hlm. 1; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements, 1936-1945*, hlm. 432 dan 433; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 14.

Sebelum meletusnya perang di Eropah, kerajaan Britain juga telah meluaskan beberapa undang-undang perburuhan di tanah-tanah jajahannya. Rang undang-undang tersebut meliputi Undang-Undang Mahkamah Perusahaan dan Undang-Undang Kesatuan Sekerja. Undang-Undang Kesatuan Sekerja ini diluluskan di Singapura pada 1940, Undang-Undang Pertikaian Perdagangan pada 1941, dan Enakmen Kesatuan Sekerja 1940, untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang meliputi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Undang-undang tersebut mewajibkan pendaftaran bagi semua persatuan, berserta dengan objektif kesatuan. Akaun kesatuan perlu diaudit dan penggunaan dana kesatuan untuk tujuan politik adalah dilarang. Enakmen tersebut merupakan langkah undang-undang yang ternyata berkesan bagi mengurangkan dan menghalang aktiviti komunis dalam kesatuan sekerja di Tanah Melayu dan bagi mewujudkan kesatuan sekerja yang tulen, dengan ahli-ahli mereka mendapat perlindungan undang-undang dalam menjalankan aktiviti rasmi mereka.<sup>76</sup>

Bagaimanapun, dengan penguatkuasaan undang-undang tersebut, pihak komunis telah menuduh kerajaan British dengan sengaja melarang golongan pekerja daripada menubuhkan sebarang kesatuan buruh yang sah, melarang aktiviti tunjuk perasaan dan kegiatan propaganda anti-Jepun. Malah, pertubuhan yang sah, seperti organisasi Kesatuan Mengumpul Derma (Chinese Relief Fund Group) hanya dibenarkan bergerak sebagai sebuah badan kebajikan dan bukannya sebuah pertubuhan anti-Jepun. Malahan, sebarang kegiatan pertubuhan itu juga turut tertakluk dalam Empat Fasal Sekatan yang dikenakan oleh kerajaan British. Berikut adalah syarat yang dikenakan ke atas organisasi tersebut:

---

<sup>76</sup> NegeriSembilan. Secretariat. 237/1940, ‘The Trade Union Bill, 1940’, hlm 2A. Lihat juga, Federated Malay States. Enactment No. Of 1940., An Enactment to Provide for the Registration and Control of Trade Unions, hlm. 2A, dalam Negeri Sembilan. Secretariat 237/1940. The Trade Unions Bill, 1940. C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 144; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements, 1936-1945*, hlm. 432 dan 433.

1. Wang derma yang dikutip tidak boleh diumumkan untuk pembelian senjata.
2. Tidak boleh menganjurkan pemulauan barang-barang Jepun.
3. Wang derma yang dikumpul perlu dihantar serentak dan tidak dibenarkan membentuk organisasi pengurusan yang lain untuk tujuan tersebut.
4. Gabenor akan menentukan ke mana tempat wang itu akan dihantar.<sup>77</sup>

### **Prinsip Perjuangan PKM**

Pada Ogos 1941, kerajaan Britain juga telah mengharamkan sebarang tindakan mogok dalam industri-industri penting dan penangkutan awam di Tanah Melayu dan Singapura. Ahli PKM yang aktif terlibat akan ditangkap dan dipenjarakan, kemudiannya diusir keluar ke negara asal mereka (China). Mereka yang dikenakan tindakan itu, termasuk daripada kalangan pemimpin PKM dan Kuomintang yang terlibat dalam usaha membantu negara China menentang Jepun. Antara mereka seperti Lin Chiangsi, Tai Un-long, Chen Ronghuo @ Chen Chingsan, Chiang Tian, Yang Kuo, Chen Siching daripada golongan komunis dan Hau Say-huan daripada parti Kuomintang. Mereka ditangkap dan diusir keluar dari negara ini penghujung tahun 1941. Tindakan British tersebut berikutan kebimbangan gerakan anti-Jepun yang semakin berkembang dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu itu akan bertukar menjadi gerakan anti-British yang akan menggugat penguasaan kerajaan kolonial tersebut.<sup>78</sup> Dengan merujuk kepada buku terjemahan dan diadaptasi semula oleh Indrajaya Abdullah Ringkasan iaitu Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya. Pada peringkat awal kerajaan British juga menolak cadangan diwujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak seperti yang dikemukakan oleh PKM bagi menentang Jepun, termasuk pemberian senjata kepada penduduk. Ini berikutan, perkara tersebut tertakluk dalam perkara Empat Fasal Sekatan

---

<sup>77</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 9 dan 10.

<sup>78</sup> Negeri Sembilan. Secretariat. 237/1940, ‘The Trade Union Bill, 1940’, hlm 2A. Lihat juga, C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 144; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements, 1936-1945*, hlm. 432 dan 433. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringlasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 9 dan 10.

yang dikenakan terhadap golongan pejuang demokrasi (komunis) dan pertubuhan-pertubuhan anti-Jepun di Tanah Melayu dan Singapura.<sup>79</sup> Pada tahun 1940, pihak berkuasa British telah menemui manifesto PKM. Manifesto tersebut dengan jelas menggariskan perjuangan PKM adalah berteraskan kepada 10 prinsip. Ianya merupakan satu perancangan parti komunis tersebut untuk menujuhkan sebuah negara yang dinamakan Republik Demokratik Malaya di Tanah Melayu. Berdasarkan prinsip itu, PKM telah menggariskan satu slogan perjuangan mereka iaitu '*Drive British Out of Malaya! Fight for the independence of the various races, establish a Malayan Democratic Republic*'.<sup>80</sup> Sepuluh prinsip perjuangan yang digariskan oleh PKM itu, adalah dinyatakan seperti berikut:

1. Mengusir imperialis British keluar daripada Tanah Melayu dan Singapura, berjuang untuk kemerdekaan bagi semua bangsa dan menujuhkan Republik Demokratik Malaya.
2. Membentuk All Malayan Congress dan Majlis Negeri di setiap negeri bagi ahli-ahli mengundi dalam pilihan raya umum untuk semua parti dan pertubuhan anti-British dan semua rakyat di Tanah Melayu dan Singapura.
3. Menekankan sistem demokrasi dan menjamin kebebasan berucap, melakukan penerbitan, berhimpun, berpersatuan, mogok dan sebagainya. Menghukum pegawai yang rasuah.
4. Meningkatkan gaji, mengurangkan tekanan kerja, dan membantu mereka yang tidak memiliki pekerjaan. Menggalakkan industri dan perdagangan; membangunkan ekonomi negara dan melaksanakan tarif ekonomi.
5. Melaksanakan sistem kerja 8 jam sehari, menaikkan kadar upah, menghapuskan sistem kontrak dan latihan serta melaksanakan perlindungan sosial.

<sup>79</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 9 dan 10.

<sup>80</sup> Negeri.Sembilan, 1129/1940. Translation. The Malayan Communist Party's Ten Principles, hlm. 6A.

6. Menghapuskan semua kadar cukai dan lain-lain kadar pembayaran yang terlalu tinggi serta amalan riba; mengurangkan kadar sewa, menggalakkan pembangunan pengaliran dan saliran; menghapuskan kawalan terhadap pertanian; Melaksanakan kebebasan dalam pertanian dan bercucuk tanam.
7. Penggajian yang sama bagi kerja yang sama, sama ada lelaki dan perempuan untuk semua bangsa; dua bulan cuti bergaji bagi wanita yang melahirkan anak; persamaan status politik, ekonomi dan sosial bagi kedua-dua jantina; menghapuskan sistem Mui Tsai dan Po Leung Kok.
8. Mendemokrasikan tentera dan memberikan rawatan yang sama, menghapuskan peraturan yang menindas askar, memberi rawatan istimewa kepada keluarga tentera.
9. Mempopularkan pendidikan melalui penggunaan bahasa vernakular, pendidikan percuma kepada pelajar-pelajar miskin dan mengembangkan kebudayaan pelbagai kaum.
10. Bersatu dengan semua bangsa yang tertindas dan negara serta rakyat yang cintakan kedamaian bagi menentang perang pihak imperialis; menyokong dasar keamanan oleh Soviet Union; Menyokong perang penentangan di China dan gerakan menuntut kemerdekaan di India.<sup>81</sup>

Oleh itu, berdasarkan pernyataan 10 Prinsip perjuangan tersebut, PKM sememangnya berhasrat untuk mentadbir sendiri Tanah Melayu secara bebas dan merdeka daripada kerajaan British. Bentuk pemerintahan akan dilaksanakan melalui amalan sistem demokrasi seperti yang diamalkan oleh kerajaan Soviet Union ketika itu. Bagaimanapun, matlamat tersebut hanya dapat dicapai setelah British digusir keluar daripada Tanah Melayu. Ternyata 10 Prinsip yang digariskan oleh PKM itu menunjukkan parti tersebut mempunyai matlamat yang lebih jauh, melewati sempadan negara dan akan dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Oleh itu, mereka turut

---

<sup>81</sup> Negeri Sembilan. 1129/1940. Translation. The Malayan Communist Party's Ten Principles, hlm. 6A.

menyokong gerakan kemerdekaan yang berlaku di India dengan tujuan yang serupa seperti mana di Tanah Melayu, iaitu dengan mengusir keluar British daripada negara tersebut.<sup>82</sup>

## Kesimpulan

Perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu sejak awal 1920-an hingga 1941, menunjukkan dengan jelas terdapatnya hubungan daripada pengaruh luar terutamanya daripada Soviet Rusia mahupun Tanah Besar China dengan komunis tempatan di Tanah Melayu. British ternyata amat menyedari keadaan tersebut, apatah lagi fahaman yang baru berkembang itu bukan sahaja sangat bertentangan, malah memberi ancaman besar terhadap dasar politik dan amalan ekonomi kerajaan kolonial tersebut. Oleh itu, perkembangan fahaman komunis di Tanah Melayu telah disekat oleh British sejak awal 1920-an. Pelbagai tindakan undang-undang dikenakan terhadap aktivis PKM, termasuk hukuman penjara dan pengusiran pulang ke negara asal terhadap mereka yang terlibat. Bagaimanapun, fahaman tersebut tetap berkembang di kalangan penduduk terutamanya golongan pekerja dan perkara tersebut berlaku secara sulit, sehingga penubuhan PKM itu dirancang penubuhannya di luar pengetahuan kerajaan British. Ini menunjukkan komunis mempunyai satu matlamat besar jangka panjang bagi menuju sebuah negara komunis di Tanah Melayu dan matlamat itu hanya dapat dicapai dengan mengusir keluar British daripada negara ini.

---

<sup>82</sup> The Selangor State Committee The Communist Party of Malaya dalam Sel. Civil Affairs. 162/1945. The Communist Party of Malaya, hlm. 3 dan 4. Lihat juga, N.S. 1129/1940. Translation. The Malayan Communist Party's Ten Principles, hlm. 6A; *The Straits Times*, 5 Ogos 1948, hlm. 6; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 92; Indrajaya Abdullah, *Ringkas Sejarah Tentara Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm 119; Hanrahan, Gene Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 10; Richard Clutterbuck, *The Long-Long War; The Emergency in Malaya, 1948-1960*, London: Cassell and Companyhlm. 14; Cheah Boon Keng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1925-1945*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 5.

## **KERJASAMA PKM-BRITISH KETIKA ERA PERANG, 1941-1945**

### **Pengenalan**

Bab ini membincangkan hubungan yang terjalin dalam bentuk ikatan kerjasama antara kerajaan British yang diwakili oleh pasukan Force 136 dan kemudiannya oleh British Military Administration (BMA) dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang diwakili oleh pasukan bersenjatanya iaitu Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA). Hubungan antara kedua-dua pihak itu dibina dalam bentuk kerjasama ketenteraan dan pentadbiran negara ketika era perang dan pasca perang. Kerjasama antara kerajaan British dengan PKM ini bermula sejak kemaraan tentera Jepun ke Tanah Melayu dan Singapura. Matlamat utama kerjasama tersebut untuk mengusir Jepun. Oleh itu, beberapa rundingan dan perjanjian telah dicapai termasuk kesediaan kerajaan British menerima tawaran PKM untuk bekerjasama menentang Jepun, melatih anggota-anggota komunis serta melibatkan PKM dengan operasi sulit bagi menawan semula Tanah Melayu dan Singapura daripada pendudukan Jepun juga melindungi anggota MPAJA selama tempoh PKM memerintah Tanah Melayu daripada sebarang dakwaan jenayah perang. Hubungan baik kedua-dua pihak antara PKM-Kerajaan British terus berkekalan dalam tempoh yang agak panjang sehingga pertengahan tahun 1946, setelah British menerima pembubaran pasukan MPAJA secara rasmi. Namun begitu, pada prinsipnya kerajaan British ternyata melaksanakan dua dasar yang berbeza dalam hubungannya dengan PKM. Pada satu aspek British menunjukkan hubungan kerjasama tetapi dalam sudut yang lain, British jelas berusaha melaksanakan dasar bagi menghalang dan mengawal kegiatan PKM.

## **Dasar PKM Terhadap Kolonialisme British**

Dasar dan tindakan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu dan Singapura amat dipengaruhi dengan dasar yang ditentukan oleh Comintern, terutamanya setelah Stalin (Rusia) dan Hitler (Jerman) menandatangani ‘Non Aggression Pact’ pada 23 Ogos 1939. Manakala, pada 1 September 1939, Britain dan Perancis telah mengisyiharkan perang terhadap Jerman, setelah negara tersebut menceroboh Poland. Dengan termeterainya perjanjian dan perang tersebut, pendirian PKM yang bersifat anti-imperialis barat dan anti-Fasis juga berubah dengan segera.<sup>1</sup> Comintern mula mengarahkan PKM agar meningkatkan masalah dan tuntutan perburuhan dengan melakukan tindakan mogok secara haram melalui Malayan General Labour Union (MGLU) yang dikuasai mereka. Tujuannya bagi menganggu persediaan peperangan Britain.<sup>2</sup> Pendirian PKM yang bersifat anti-British menjadi lebih nyata setelah meletusnya Perang Rusia-Finland (Russo-Finnish War) pada 1939-1940.<sup>3</sup> Ini merujuk kepada sumber kerajaan British yang menjelaskan bahawa:

The MCP became Anti-British with outbreak of the Russo-Finnish War of 1940, and remained so until the Germans declared war on Russia, when they became Pro-Allied.<sup>4</sup>

Bagaimanapun, dengan termeterainya Perjanjian Pakatan Bertiga (The Tripartite Pact) antara Jerman, Itali, dan Jepun, di Berlin pada 27 September 1940, PKM mula menerima arahan sebaliknya daripada Parti Komunis China (PKC) cawangan Hong Kong, supaya mengubah dasar perjuangan mereka sebelum ini, iaitu daripada dasarnya yang bersifat anti-British kepada dasar Pro-Pakatan Bersekutu. Ini

<sup>1</sup> Anthony Shaw and Ian Westwell, *World in Conflict 1914-45*, hlm. 213 dan 214. Lihat juga Indrajaya Abdullah *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 1; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 434.

<sup>2</sup> C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 165. Lihat juga Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, Oxford: University Press, 1983, hlm. 191.

<sup>3</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, hlm 1, Para 5.

<sup>4</sup> Ibid.

berikutan dengan kemungkinan besar meletusnya perang antara Jepun dengan Britain. Oleh itu, semua gerakan anti-British dan kegiatan pemogokan serta masalah perburuhan yang sengaja dicetuskan di Tanah Melayu ketika itu, terutamanya dalam sektor industri perlu diberhentikan serta-merta. PKM mestilah menyatupadukan gerakan anti-Jepun dan menyokong gerakan pembebasan kebangsaan yang terdapat di Tanah Melayu serta membantu British menghadapi perang.<sup>5</sup> Dengan tindakan Adolf Hitler, memimpin Jerman menyerang tentera komunis Rusia, pada 22 Jun 1941, melalui Operasi Barbarossa, menyebabkan Soviet Rusia mengambil tindakan segera pada Jun 1941, untuk menyertai Britain dan Amerika Syarikat dalam Pakatan Bersekutu. Dengan berlakunya situasi tersebut, PKM sekali lagi menerima arahan daripada Comintern agar menyokong Pakatan Bersekutu dan mengambil langkah bekerjasama dengan Britain bagi menentang dasar pencerobohan kuasa Jepun yang bersekutu dengan Jerman.<sup>6</sup> Ketika inilah, PKM mula memperlihatkan dasar anti-fasisnya yang sangat ketara, sehingga dasar anti-imperialis-kapitalis yang diamalkan oleh parti tersebut selama ini menjadi tidak jelas diperlihatkan. Bagaimanapun, secara rahsianya PKM masih tetap komited dengan dasar mereka untuk memerangi amalan kapitalisme dan kolonialisme British. Dengan itu, PKM tetap meneruskan matlamat perjuangannya untuk menuju Republik Demokratik Malaya di Tanah Melayu, walaupun pada masa yang sama komunis Rusia telah pun bersekutu dengan Britain.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Anthony Shaw and Ian Westwell, *World in Conflict 1914-45*, hlm. 238. Lihat juga, Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 220 dan 238; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 434 dan 435; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 166. Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 1.

<sup>6</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 60. Lihat juga, Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E dalam D.C.C.A.O. 227/42. Resistance Force, Force 136, hlm 1, Para 5; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 9; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 435; Harry Miller, *The Story of Malaya*, hlm. 196; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 167; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 191; Antony Shaw dan Ian Westwell, *World in Conflict, 1914-1945*, hlm. 254; Tsuneo Watanabe (edited), *From Marco Polo Bridge to Pearl Harbor: Who Was Responsible?*, hlm. 117; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 1.

<sup>7</sup> N.S. 1129/1940. Translation. The Malayan Communist Party's Ten Principles, hlm. 6A. Lihat juga, Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 60; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 9; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 435; Harry Miller, *The Story of Malaya*, hlm. 196; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 167.

## Tawaran Kerjasama PKM Terhadap British

Pada 10 Julai 1941, enam bulan sebelum berlakunya serangan Jepun ke atas Tanah Melayu dan berdasarkan keputusan Mesyuarat Eksekutif PKM kali Kedua, dalam Perhimpunan Ke-7 parti tersebut di Singapura, PKM telah mengambil keputusan untuk menentang kemaraan tentera Jepun dan mempertahankan Tanah Melayu. Oleh itu, tawaran diajukan kepada kerajaan kolonial British untuk bekerjasama, termasuk dalam perkara yang berkaitan dengan hal-hal bantuan sekiranya berlaku pererangan antara kedua-dua pihak. Komunis China di Asia Tenggara, sememangnya memahami dasar perluasan kuasa Jepun seperti yang berlaku di negara China dan seterusnya menjadi ancaman terhadap kedudukan British di Tanah Melayu itu sendiri.<sup>8</sup> Dengan perkembangan tersebut, Lai Tek melalui Pegawai Cawangan Khas beliau di Singapura, telah menawarkan rekrut PKM untuk menerima latihan ketenteraan daripada tentera British. Lai Tek turut mencadangkan, pasukan tersebut digerakkan dalam unit pertahanan khas, di bawah pemerintahan langsung Ketua Pegawai Pemerintah Tanah Melayu, Lt. Jeneral Arthur Ernest Perchival. Bagaimanapun, pada peringkat awal tawaran tersebut, Gabenor Singapura, yang juga Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-Negeri Melayu, Sir Shenton Thomas,<sup>9</sup> secara terang-terangan telah menolak cadangan PKM untuk membuat pakatan bersama bagi menentang Jepun.<sup>10</sup> Keadaan ini berikutan dasar dan pendirian kerajaan British adalah jelas, British tidak akan berkompromi dan berurus dengan pertubuhan yang telah diharamkan dalam politik serta menjadi pendorong kepada kebangkitan

<sup>8</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 238. Lihat juga Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm.117; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 61.

<sup>9</sup> Beliau pernah dilantik sebagai Gabenor Malawi (Nyasaland) pada 1929, Gabenor Gold Coast pada 1932. Kemudiannya menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Negeri-Negeri Melayu serta Gabenor Singapura, mulai 9 November 1934 hingga 1942. Beliau tidak menjangkakan, akan berlakunya pererangan antara Britain dengan Jepun dan jika berlaku konflik antara kedua-dua pihak, tentera British akan dapat mengalahkan tentera Jepun dengan mudah. Lihat dalam Brian Montgomery, *Shenton of Singapore: Governor and Prisoner of War*, London: Leo Cooper, 1984, hlm. 1. Lihat juga Justin Corfield and Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore*, Singapura: Talisman Publishing Ltd, 2012, hlm. 27 dan 28.

<sup>10</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 60. Lihat juga, F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, Singapore: Times Edition International, 1997, hlm. 13; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 435; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 45; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 10.

gerakan anti-kapitalis dan imperialis British di Tanah Melayu. PKM adalah sebuah pertubuhan politik yang ditubuh secara tidak sah, kerana organisasi tersebut ditubuhkan secara menyalahi Undang-Undang Pertubuhan Tahun 1928, malahan organisasi itu juga bergerak secara haram. Justeru itu, ramai dalam kalangan anggota dan pemimpin PKM telah ditangkap dan dibicara. Mereka kemudiannya dijatuhi hukuman, sama ada dipenjarakan ataupun dihantar pulang ke negara asal mereka. Ini berikutan anggota komunis didapati melakukan pelbagai kesalahan disebabkan menentang pentadbiran kerajaan British. Dengan menganggotai PKM dan kesatuan sekerja, mereka melakukan pelbagai hasutan terhadap pekerja lombong dan ladang supaya melakukan tunjuk perasaan terhadap majikan. Alasannya, mereka mahu menuntut suasana bekerja yang lebih baik dan upah yang lebih tinggi. Bagaimanapun, tindakan mereka itu telah menjaskan banyak produktiviti syarikat dan menyusahkan kerajaan. Oleh itu, sebarang tindakan untuk menerima tawaran pakatan PKM dan bekerjasama dengan pihak komunis itu dianggap sebagai suatu pengiktirafan terhadap kedudukan musuh British, di tanah jajahan milik British itu sendiri. Justeru itu, sebarang usaha dan tindakan untuk bekerjasama dengan pihak komunis, tentunya akan mengecewa dan dianggap mematahkan semangat penduduk di Tanah Melayu. Sebenarnya, penerimaan terhadap tawaran komunis itu juga akan menjaskan dan memalukan kerajaan British. Ini disebabkan tindakan British sebelum itu terhadap pemimpin dan anggota PKM. Mereka dianggap sebagai golongan yang tidak diingini ataupun musuh. Dengan itu ramai daripada mereka yang telah ditangkap dan dipenjarakan atau pun diusir keluar daripada negara ini.<sup>11</sup>

Bagaimanapun, setelah Jepun menyerang dan mendarat di wilayah kekuasaan British di bahagian utara Tanah Melayu pada awal pagi, sekitar 1.00 am, 7 Disember 1941,

<sup>11</sup> Memorandum OnThe Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, helaihan 1. Lihat juga, Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 63, 64, 132, 133 dan 139; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 10 dan 11; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 435.

dengan kekuatan seramai 100,000 anggota tentera daripada Divisyen Ke-5 dan Ke-18.<sup>12</sup> Serangan dilancarkan tanpa memberi sebarang isyarat perang atau pun pengisytiharan perang terhadap Britain. Dalam tempoh yang sama, tentera Jepun turut menyerang dan melumpuhkan Pearl Harbour di Pulau Oahu, Hawaii, sebuah pangkalan tentera laut terbesar Amerika Syarikat di Lautan Pasifik. Serangan juga disasarkan ke atas kota Manila di Filipina, Guam, Wake Island dan Midway, iaitu wilayah penguasaan Amerika Syarikat. Di Singapura, Jepun melakukan pengeboman terhadap kawasan Seletar, bahagian tengah lapangan terbang dan tengah bandar di Raffles Place. Dalam tempoh yang sama juga, tentera Jepun turut menyerang tanah jajahan mahkota British di Hong Kong. Dengan serangan tersebut, Perdana Menteri Britain, Sir Winston S. Churchill telah mengisytiharkan perang ke atas Jepun pada keesokannya, 8 Disember 1941.

Dengan meletusnya perang Britain-Jepun tersebut, Persidangan Kedua Jawatankuasa Kerja Pusat Ke-7 PKM yang berlangsung pada 10 Disember 1941, telah mengambil keputusan untuk menyokong penuh kerajaan British. PKM mencadangkan agar semua rakyat di Tanah Melayu dan Singapura, diberikan senjata untuk menentang kemaraan tentera Jepun. Di Singapura, penduduk Cina di pulau tersebut yang dianggarkan berjumlah 600,000 orang itu hendaklah diberi senjata dan kebebasan untuk menentang pencerobohan Jepun. PKM turut meminta agar British mengukuhkan usaha dan persiapan peperangan menentang Jepun di Tanah Melayu. Dengan perkembangan itu, PKM kini menumpukan kepada usaha menentang kemaraan Jepun secara bersenjata, di samping melupakan sebentar isu pertentangan kelas masyarakat yang dibangkitkan oleh mereka terhadap pemerintahan British

<sup>12</sup> ‘The London Gazette’, dalam Justin Corfield and Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore*, hlm. 138 dan 139. Lihat juga C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 162; Anthony Shaw and Ian Westwell, *World in Conflict 1914-45*, hlm. 270; David Thomson, *Eropah Sejak Napoleon*, hlm. 368.

sebelum ini.<sup>13</sup> Di Singapura, beberapa pertubuhan buruh yang dikuasai oleh PKM, seperti Kesatuan Buruh Kilang Papan, Kesatuan Buruh Gudang, Kesatuan Buruh Pengangkutan Beras, Kesatuan Buruh Pemunggah, Kesatuan Buruh Batu, Kesatuan Kebajikan Para Pemandu Tionghoa, Kesatuan Kebajikan Buruh Pelabuhan dan Kesatuan Kebajikan Buruh Penarik Beca, turut menghantar memorandum kepada Gabenor Sir Shenton Thomas. Mereka meminta supaya setiap penduduk diberi kebebasan untuk menentang Jepun dengan senjata. Pada 18 Disember 1945, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat Kedua PKM yang berlangsung sebelum itu, parti tersebut sekali lagi mengulangi usul tersebut kepada kerajaan Singapura (British). Dalam tempoh yang sama, Parti Kuomintang (KMT) yang diharamkan sejak 1925, oleh Pesuruhjaya Tinggi British Sir Cecil Clementi, turut sama membuat tawaran kepada Gabenor Singapura, Sir Shenton Thomas, untuk bekerjasama dengan tentera Bersekutu bagi menentang kemaraan Jepun dan tawaran KMT tersebut juga telah diterima oleh British tanpa sebarang halangan.<sup>14</sup>

Dengan situasi itu, berdasarkan keputusan Persidangan Jawatankuasa Pusat Keenam PKM, dengan berpandukan keadaan dan situasi semasa yang dihadapi negara ketika itu berada dalam kegetiran kancang perang di mana Tanah Melayu serta Singapura, dijangka akan jatuh ke tangan fasis Jepun. Dengan itu, PKM mengambil keputusan untuk mengubahsuai dasar perjuangan parti. PKM bersetuju menawarkan kerjasama kepada British dengan syarat-syarat tertentu. Dengan itu, PKM menuntut supaya semua anggota PKM dan ahli-ahli parti politik berhaluan kiri yang ditahan dan dipenjarakan oleh pihak berkuasa British sebelum ini mesti

<sup>13</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 15. Lihat juga, Great Britain Ministry of Defence (NAVY), *War With Japan: Background To The War* (Volume 1), hlm. 5; Lynette Ramsay Silver, *The Heroes of Rimau*, Singapore: Cultured Lotus, 2001, hlm. 13 dan 14; Anthony Shaw and Ian Westwell, *World in Conflict 1914-45*, hlm. 265 dan 266.

<sup>14</sup> *The Straits Times*, 3 Disember 1945, hlm. 2. Lihat juga, Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 5 dan 15; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 177; Lihat nota kaki dalam Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 97; David Thomson, *Eropah Sejak Napoleon*, hlm. 368.

dibebaskan. Pihak komunis juga meminta agar British memberi pengiktirafan terhadap kedudukan parti PKM sebagai sebuah pertubuhan yang sah. Kerajaan British juga hendaklah memberi kebebasan kepada rakyat untuk menentang Jepun, melengkapkan persenjataan kepada rakyat, dan melakukan persiapan perperangan dengan bersungguh-sungguh. PKM turut mahukan kerajaan British mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bersubahat dengan pencerobohan Jepun.<sup>15</sup> Keadaan ini berikutan terdapat individu daripada parti politik berhaluan kiri Melayu, iaitu daripada parti Kesatuan Melayu Muda (KMM)<sup>16</sup> kerana mereka didapati mengkhianati perjuangan PKM dan British. Mereka bertindak bersubahat dengan memberi maklumat penting pertahanan British kepada tentera Jepun dan membantu tentera Jepun menangkap anggota komunis Cina.<sup>17</sup>

Hasil daripada keputusan Persidangan Jawatankuas Pusat PKM tersebut, pada 15 Disember 1941, Lai Tek membuat tawaran kepada British untuk menyediakan sukarelawan komunis dengan diberi latihan dan peralatan senjata, bagi membantu pihak British, tetapi Gabenor Sir Shenton Thomas tetap mengulangi pendirian dengan menolak tawaran PKM tersebut. Bagaimanapun, pada saat akhir, pendirian Gabenor Sir Shenton Thomas terhadap tawaran PKM itu telah berubah, setelah mendapat taklimat lanjut daripada Pemerintah Angkatan Tentera British di Tanah Melayu, Lt. Kolonel Arthur Ernest Perchival. Serangan tentera Jepun dilakukan melalui Singora (Songkhla), Tepa dan Patani di Selatan Thailand. Tentera Jepun melalui Rejimen Ke-5 dan Rejimen Ke-18 daripada Ketumbukan Ke-25, di bawah

<sup>15</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 3 dan 6. Lihat juga, Romen Bose, *Secrets of the Battlebox*, Singapore: Marshall Cavendish, 2011, hlm. 87; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 6.

<sup>16</sup> Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada Mei 1937, di Kampung Baru, Kuala Lumpur. KMM merupakan sebuah parti politik Melayu berhaluan kiri bersifat anti-kolonial British dengan matlamat untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia. Presiden pertamanya ialah Ibrahim Haji Yaacob. Beliau berkelulusan daripada Sultan Idris Training School (SITC) pada 1931. Lihat dalam Abdullah CD, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 34 dan 35; Rustam A. Sani, *Asal Usul Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, Petaling Jaya: SIRD, 2011, hlm.47.

<sup>17</sup> Surat Mustapha bin Hussain, Vice-President, Kesatuan Melayu Muda, KMM Headquarters, Taiping kepada Gabenor Perak, Taiping, bertarikh 30 Mac 1942 (2602), hlm. 1.

Pegawai Pemerintah, Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita telah berjaya masuk dan menembusi pertahanan tentera British, bahagian utara Tanah Melayu. Pada 8 Disember 1941 (waktu Tokyo), tentera Jepun telah berjaya mendarat di Pantai Badang dan Pantai Sabak berhampiran Kota Bharu, Kelantan, dengan diikuti Changlun dan Jitra, Kedah pada 12 Disember 1941, dan Alor Setar pada 14 Disember 1941, dalam misi Jepun, mara ke Singapura. Laporan terkini menunjukkan kedudukan barisan hadapan ketumbukan Tentera India-British di bahagian utara di negeri Kedah telah menjadi kucar-kacir. Pada Selasa, 9 Disember 1941, tiga buah pangkalan utama tentera udara British di Alor Setar, Sungai Petani dan Kota Bharu termasuk di Butterworth dan lapangan terbang awam Teluk Tempoyak di Pulau Pinang, telah mengalami kerosakan teruk dan hampir lumpuh akibat serangan udara tentera Jepun. Dalam masa yang sama, Jepun turut menyerang Pengkalan Tentera Laut British di Sembawang dan Pengkalan Tentera Udara British di Seletar, Singapura. Dua hari kemudian, Rabu, 10 Disember 1945, dua buah kapal perang dan kapal tempur British yang dihantar khusus untuk mempertahankan Tanah Melayu, iaitu Prince of Wales dan Repulse, bersama 845 anggota tentera telah diserang dan ditenggelamkan oleh tentera udara Jepun di Teluk Siam.<sup>18</sup>

Laporan yang diterima oleh British juga turut menyatakan, pada 14 Disember 1941, Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita, telah berjaya memindahkan ibu pejabat pemerintahan tenteranya ke Alor Setar, Kedah, dan tentera Jepun meraikan kejayaan mereka di negeri tersebut. Setelah perperangan berlangsung selama 22 hari, separuh daripada wilayah Tanah Melayu telah jatuh ke tangan Jepun, termasuk Kedah dan

<sup>18</sup> Great Britain, Ministry of Defence (NAVY), *War With Japan* (volume 1): *Background To The War*, 1995, bab 1, hlm. 5 dan bab 4, hlm. 44, 45, 46 dan 49. Lihat juga Justin Corfield and Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore*, Singapore: Talisman Publishing Pte. Ltd, 2012, hlm. 126, 215 dan 227; Margaret Shennan, *Out in the Midday Sun: The British in Malaya, 1880-1960*, London: John Murray Ltd, 2000, hlm. 231; Romen Bose, *Secrets of the Battlebox*, hlm. 87; Karl Hack dan Kevin Blackburn, *Did Singapore Have To Fall?: Churchill and Impregnable Fortress*, London and New York: Routledge, 2003, hlm. 69; Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign, 1941-1942*, hlm. 12; Tsuneo Watanabe (Edited), *From Marco Polo Bridge to Pearl Harbor: Who was Responsible?*, hlm. 130; Lynette Ramsay Silver, *The Heroes of Rimau*, hlm. 14.

Pulau Pinang dan kini kuasa fasis Jepun tersebut mara ke Perak dengan menghampiri benteng pertahanan tentera British di Slim River. Dengan situasi kritikal tersebut, tawaran pakatan kerjasama yang diajukan oleh PKM kali ini, telah disambut oleh kerajaan British. Penerimaan tawaran oleh British itu adalah berdasarkan tindakan berkerjasama, iaitu sebagai satu langkah bersatu padu atas semangat perpaduan dan muhibah antara kedua-dua pihak.<sup>19</sup> Petikan berikut menunjukkan bahawa penerimaan kerajaan British terhadap tawaran daripada PKM untuk mewujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak tersebut:

The Governor of Singapore, shortly before the fall of Island had extended recognition to the Chinese parties-including the Kuomintang and the Communist Party of Malaya.<sup>20</sup>

With the declaration of war between Britain and Japan, the MCP offered their services to the colonial government, which were not accepted until too late. Nevertheless, with the agreement of the government, Force 136 were able to train some 200 young MCP Chinese who offered the nucleus of what is now as the AJUF.<sup>21</sup>

## 101 Special Training School

Dengan perubahan dasar dan penerimaan kerajaan British untuk bekerjasama dengan PKM pada 15 Disember 1941, satu mesyuarat sulit antara pegawai-pegawai British berlangsung beberapa hari kemudian, dengan merancang satu ‘blue print’ mengenai suatu tindakan khas terhadap rancangan tersebut. Dengan perancangan itu, Gabenor Singapura, Sir Shenton Thomas segera menggugurkan pengharaman terhadap PKM

<sup>19</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 10 dan 65. Lihat Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.F dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, hlm. 1, para 6; Nota kaki Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff, by The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice-Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty’s Stationery Office, hlm. 301; F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 13; Justin Corfield and Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore*, hlm. 227; Louis Allen, *Singapore, 1941-1942*, London: Davis-Poynter, 1977, hlm. 123-124; Chye Kooi Loong, *The British Battalion in the Malayan Campaign, 1941-1942*, hlm. 46; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 7, 10 dan 11.

<sup>20</sup> Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff, by The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice-Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty’s Stationery Office, Nota kaki, hlm. 301.

<sup>21</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam D.C.C.A.D., 227/42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, hlm. 1

dan juga sekatan ke atas KMT. Kedua-dua organisasi tersebut merupakan pertubuhan haram di Tanah Melayu. KMT mula didaftarkan pada 1912, dengan tujuan menyatukan orang Cina, supaya mereka kekal menjalin hubungan rapat dengan negara asal mereka, China. Bagaimanapun, KMT diharamkan pada Oktober 1925, oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, akibat daripada pergolakan anti-imperialisme British di China, dan tindakan mogok serta kekacauan yang terjadi di Tanah Melayu pada tahun tersebut yang berpunca daripada hubungan Sino-British di China. British menuduh KMT terbabit mendalangi tindakan tersebut. Pengharaman itu ditarik semula pada 1930, setelah rundingan diadakan antara Menteri British iaitu Sir Miles Lampson dengan kerajaan China yang diwakili oleh Wang Cheng-ting. Walaupun pengharaman itu ditarik balik, tetapi cawangan KMT masih tidak dibenarkan ditubuhkan di Tanah Melayu. Bagaimanapun, mereka hanya dibenarkan untuk menjadi ahli kepada KMT untuk negara China. Turut digugurkan dalam pengharaman itu termasuk beberapa pertubuhan Cina yang lain.<sup>22</sup> Dengan keputusan untuk membentuk kerjasama kumpulan Resistance Forces tersebut, British juga segera bertindak membebaskan tanpa syarat ke atas hampir 200 orang ahli komunis dan 150 orang tahanan daripada pertubuhan Melayu berhaluan kiri yang bersifat anti-British yang dipenjarakan sebelum itu. Mereka terdiri daripada pemimpin dan ahli kepada Kesatuan Melayu Muda (KMM). Antara mereka yang ditahan dan dibebaskan kemudiannya ialah Ibrahim Haji Yaacob, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammed dan beberapa tokoh KMM yang lain. Semua mereka ditahan, saat sebelum tercetusnya perang. Mereka dipenjarakan di Penjara Changi, Singapura. Sir Shenton Thomas, turut menerima cadangan bagi penubuhan Majlis Gerakan Orang

<sup>22</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam D.C.C.A.D., 227/42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, Copy No.6. Lihat juga CO 237/534/23307, "Kuomintang". Sec. St. Col. to Gov., 12.17.26 (Secret) dalam Stephen Mun Yoon Leong, 'Sources, Agencies, and Manifestation of Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941', Tesis Ph.D, University of California, Los Angeles, 1976, hlm. 198. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 20 dan 21; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 10; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press, 1947, hlm. 214 dan 217.

Cina. Majlis gerakan tersebut terdiri daripada penyokong parti KMT, Dewan Perniagaan Cina, Kumpulan Tabung Bantuan Wang Masyarakat Cina (Chinese Relief Fund Group) dan PKM. Dengan berlakunya perubahan terhadap dasar Gabenor Shenton Thomas, yang memberi pengiktirafan terhadap PKM sebagai pertubuhan yang sah, maka parti tersebut secara terbuka mengumumkan sokongan mereka terhadap British yang dimuatkan dalam tiga buah akhbar berbahasa Inggeris. PKM mengalu-alukan tindakan British tersebut, sambil meminta semua penduduk berketurunan Cina supaya turut sama membantu British bagi menentang kemaraan Jepun.<sup>23</sup> Dengan perkembangan terbaru itu, pada 18 Disember 1941, di tingkat atas sebuah bilik kecil rumah kedai tempat mengedar arang kayu yang terletak di lorong belakang di Geylang, Singapura, satu pertemuan sulit diatur antara Lai Tek (Setiausaha Agong PKM) dengan Mejar Frederick Spencer Chapman (Timbalan Komander Sekolah Latihan Khas 101). Turut sama dalam pertemuan itu ialah seorang pegawai polis berketurunan Cina, Inspektor Wong Ching Yok (Pegawai Hal Ehwal Sulit Masyarakat Cina).<sup>24</sup> Dalam pertemuan tersebut, satu perjanjian bersama telah dicapai antara kedua-dua pihak, PKM dan kerajaan British. PKM akan menghantar sekumpulan pemuda Cina, yang juga merupakan kader komunis ke Sekolah Latihan Khas 101. Anggota PKM akan diberi latihan dan senjata untuk berperang di barisan hadapan bersama pasukan tentera British dan Eropah, bagi menghadapi kemaraan serangan tentera Jepun.<sup>25</sup> Dengan dasar penerimaan tawaran

<sup>23</sup> Surat daripada Mustapha Bin Hussain, Vice-President, Kesatuan Melayu Muda, Taiping, kepada Gabenor Perak, Taiping, pada 30 Mac 1942 (Versi Inggeris). Lihat juga Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 65; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 10 dan 11; Nota kaki Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff, by The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice-Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 62 dan 63; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 177; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 436; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 20 dan 45; J.H. Brimmel, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 14; Rustam A. Sani, *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkaitan Kesatuan Melayu Muda*, hlm. 28.

<sup>24</sup> F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 58. Lihat juga Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 65; Bryan C. Cooper, *Decade of Change: Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 436.

<sup>25</sup> Suriany Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 16. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 10; *The Straits Times*, Singapore, 8 Disember 1945, hlm. 3; Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 98; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lessons from Malaya and Vietnam*, Westport Connecticut London: Praeger, 2002, hlm. 61; Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force-136*,

kerjasama itu juga, semua tahanan komunis yang dibebaskan itu dengan dianggarkan seramai 165 hingga 200 orang, termasuk pemimpin gerila PKM, telah ditawarkan menyertai kursus dan latihan jangka pendek perang gerila di 101 Special Training School (Sekolah Latihan Khas 101/SLK 101).<sup>26</sup> Kumpulan gerila komunis ini kemudiannya dibentuk menjadi sebuah pertubuhan dalam gerakan penentangan bersenjata (Resistance Force) di Tanah Melayu, sebelum jatuhnya Singapura ke tangan Jepun. Kumpulan tersebut juga akan bekerjasama dengan British bagi menentang tentera Jepun yang sedang mara ke arah selatan Semenanjung Tanah Melayu, menuju ke Singapura.<sup>27</sup> Dengan termeterainya perjanjian itu, PKM dengan segera menghantar empat kumpulan anggota mereka yang didatangkan daripada Singapura, Perak, Selangor dan Johor, ke SLK 101. Setiap kumpulan mendapat latihan antara 7 hingga 10 hari. Manakala, 15 orang anggota teras PKM akan diberi kursus maklumat ketenteraan di Kuala Lumpur dan Kluang, Johor. Dengan itu, PKM telah menghantar anggotanya untuk diberi kursus dan latihan dalam perang gerila itu. Mereka terdiri daripada pemuda yang berkebolehan, memiliki semangat juang yang tinggi dan setia kepada parti. Keadaan tersebut merupakan suatu perkara yang sangat diperlukan oleh British ketika itu. Jadi, satu laporan daripada Frederick Spencer Chapman telah dihantar kepada ibu pejabat Special Operation Executif (SOE) mengenai hubungan persahabatan yang terjalin antara PKM dan British, kini

---

Singapore: Heinemann, 1983, hlm. 59; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 45; J.H. Brimmel, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 14; Kitt Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*, Bangkok Thailand: Publishing House, 1996, hlm. 3.

<sup>26</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 16. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, Para, 98, hlm. 301; Boris Hembry, *Malayan Spymaster; Memoir of a Rubber Planter, Bandit Fighter and Spy*, Singapore: Monsoon Books Pte. Ltd. 2011, hlm. 130; F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 10; Ian Trenowden, Operation Most Secret-Force 136, hlm. 78; James Wong Wing On, *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences of Abdullah C.D, Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, hlm. 8; Indrajaya Abdullah, *Ringkas Sejarah Tentara Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 11; Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua Peranan Gerila Melayu Force 136*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993, hlm. 5; Richard Clutterbuck, *The Long-Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*, hlm. 15; Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, hlm. 288; Kitt Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*, hlm. 3.

<sup>27</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 98. Lihat juga Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 101, 102 dan 103; Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 16; Boris Hembry, *Malayan Spymaster; Memoir of a Rubber Planter, Bandit Fighter and Spy*, hlm. 130; F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 10; Kitt Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*, hlm. 3.

diberitakan berada dalam keadaan yang sangat baik dan mesra.<sup>28</sup> Bagaimanapun ternyata, SLK 101 yang ditubuhkan oleh kerajaan British dalam keadaan tergesa-gesa itu, merupakan persediaan terakhir British menentang kemaraan tentera Jepun. Walaupun SLK 101, hanya dapat beroperasi selama enam minggu, bermula pada 21 Disember 1942, tetapi sekolah latihan khas itu telah pun berjaya melatih seramai 165 gerila PKM. Di SLK 101, kader PKM telah menerima latihan secara intensif mengenai kaedah melancarkan serangan hendap dan sabotaj terhadap tentera Jepun.<sup>29</sup> Seramai 165 orang gerila komunis PKM tersebut juga, segera dihantar ke Semenanjung Tanah Melayu dalam empat kumpulan kecil sebagai kumpulan penentang bersenjata. Kumpulan tersebut dibekalkan peralatan senjata yang terhad jumlahnya, seperti senapang, senapang automatik, pistol, bren gun dan bom tangan. Mereka bertugas di kawasan yang ditentukan di beberapa buah negeri Melayu, dengan diketuai oleh beberapa orang pegawai British. Kumpulan gerila tersebut, mula menyerang kedudukan musuh, mensabotaj jalan kereta api, jambatan, menyerang hendap tentera Jepun, menerima dan menghantar askar British yang tercincir ketika berundur.<sup>30</sup> Kumpulan pertama lulusan 101 STS, terdiri daripada 15 orang anggota komunis itu telah dihantar untuk beroperasi di kawasan Serendah yang terletak 15 batu ke utara Kuala Lumpur. Tujuannya untuk mengancam sistem komunikasi tentera Jepun di kawasan utara Selangor dan kawasan utara pergunungan di negeri tersebut.<sup>31</sup> Manakala, lulusan kedua SLK 101, seramai 30 orang anggota komunis dihantar beroperasi di Tampin dan 60 orang gerila di Tenang, kedua-dua kawasan tersebut terletak di Negeri Sembilan. Kumpulan

<sup>28</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 65 dan 66. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 114 dan 115; Frederick Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 13; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 437.

<sup>29</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 17 dan 65. Lihat juga F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm.10; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 437.

<sup>30</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 16. Lihat juga *The Straits Times*, 8 Disember 1945, hlm. 3; F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 13; Khong Kim Hoong, *Merdeka!: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 34; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 2; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm.16 dan 47.

<sup>31</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 67. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 32.

seterusnya seramai 58 anggota komunis meninggalkan Singapura pada 20 Januari 1942, ditugaskan di kawasan hutan dan pergunungan Utara Johor. Kumpulan terakhir kader komunis lulusan SLK 101 telah meninggalkan Singapura pada 30 Januari 1942, beroperasi di kawasan hutan Selatan Johor. Lokasi operasi bagi kedua-dua kumpulan terakhir ini adalah di kawasan Ayer Hitam, Pontian Kecil, Kluang dan Kota Tinggi.<sup>32</sup> Menurut perancangan asalnya, kumpulan pertama tersebut akan dihantar ke utara Tanah Melayu, kumpulan kedua ke negeri Perak, kumpulan ketiga ke Selangor dan kumpulan keempat ke Johor. Bagaimanapun, disebabkan tentera British terlalu cepat berundur, maka perancangan asal itu dibatalkan.<sup>33</sup> Bagaimanapun, pada peringkat awalnya, penubuhan SLK 101 bertujuan untuk menyatukan semua kaum di Tanah Melayu bagi membantu British menentang dan menyekat kemaraan tentera Jepun serta melatih kaedah peperangan secara gerila di pedalaman hutan.<sup>34</sup> SLK 101, turut berperanan merekrut dan melatih orang perseorangan sama ada daripada kalangan orang Eropah mahu pun Asia, orang awam, dan juga anggota tentera dalam peperangan gerila. SLK 101 turut beroperasi bagi mengumpul maklumat risikan, menjalankan kegiatan sabotaj dan operasi-operasi lain, seperti yang diarahkan oleh G.H.Q Timur Jauh, diletak di bawah kendalian seorang Pegawai Perhubungan, iaitu Lt. Kolonel Alan Warren, R.M.<sup>35</sup> Latihan pertama SLK 101, bertempat di pejabat Sekolah Tanjong Balai, yang terletak muara Sungai Jurong, 10 km dari Bandar Singapura.<sup>36</sup> Sekolah berkenaan diletakkan di bawah sebuah badan yang dikenali sebagai Special Operation Executif (SOE). SOE diletakan di bawah projek “Oriental Mission” yang dikendalikan

<sup>32</sup> Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 63 dan 64. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 32-39; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 438.

<sup>33</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 39.

<sup>34</sup> Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua Peranan Gerila Melayu Force 136*, hlm. 73.

<sup>35</sup> F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 10. Lihat juga Boris Hembry, *Malayan Spy maste: Memoirs of a Rubber Planter, Bandit Fighter and Spy*, hlm. 130.

<sup>36</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 65. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 114.

Kementerian Perang Ekonomi (Ministry of Economic Warfare) dengan kelulusan daripada Whitehall. SOE mula ditubuhkan pada 22 Julai 1940, merupakan sebuah badan khas untuk melakukan kegiatan sabotaj di negara-negara musuh Pakatan Bersekutu.<sup>37</sup> SLK 101, dikelolakan oleh pentadbiran tentera British di bawah kendalian Lt. Kolonel J.M.L Garvin R.E, yang dibawa daripada Special Training Centre di Lochailort, Scotland, sebagai komandan dengan dibantu oleh Mejor Frederick Spencer Chapman sebagai timbalan komandan serta serta 10 orang pegawai dan 50 kakitangan lelaki yang lain.<sup>38</sup>

Dengan lahirnya kader komunis daripada SLK 101, tajaan British di bawah kendalian Force 136 yang ditubuhkan pada awal 1942,<sup>39</sup> dengan berpangkalan di Meerut, India, sebelum berpindah ke New Delhi dan kemudiannya ke Colombo atau Kandy di Sri Langka. Pada 25 November 1945, ibu pejabat SEAC tersebut di Sri Langka itu ditutup dan dipindahkan ke Singapura. Turut berpindah ke Singapura adalah Ibu Pejabat C-in-C ALFSEA dan C-in-C Allied Air. Dengan lahirnya kader komunis yang menerima latihan tersebut, ianya menjadi asas kepada bermulanya gerakan penentangan bersenjata secara gerila oleh PKM terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu.<sup>40</sup> Perkara ini turut diperkatakan oleh Gene Z. Hanrahan dalam buku beliau, *The Communist Struggle in Malaya*:

<sup>37</sup> Brian Montgomery, *Shenton of Singapore: Governor and Prisoner of War*, London: Leo Cooper, Secker and Warburg, 1984, hlm. 130. Lihat juga Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 2.

<sup>38</sup> Ibid. Lihat juga F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm.10; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 16; Bryan C. Cooper, *Decade of Change; Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 437; Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua Peranan Gerila Melayu Force 136*, hlm. 73.

<sup>39</sup> Penggunaan nama Force 136 secara rasminya pada April 1944. Force 136 (Group B) dibangunkan oleh Tentera Bersekutu bagi menentang kuasa Jepun di Asia Tenggara. Force 136 (Group A) beroperasi di Siam dan Burma. Manakala, Force 136 (Group C) beroperasi di China. India dan Sri Langka merupakan dua buah negara tanah jajahan British di Asia yang tidak pernah ditawan oleh Jepun atau sekutunya. Lihat Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force 136*, hlm. 13, 14, 111 dan 114. Lihat juga Minit Mesyuarat No. DCCAO. 227/45. Penasihat Kewangan kepada Ketua Setiausaha, bertarikh 24.9.45, hlm. 1., dalam DCCAO. 227/42. Resistance Forces: Force 136; Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua: Peranan Gerila Melayu Force 136*, hlm. 3-5; Peter Lyon, *War and Peace in South-East Asia*, London Oxford New York: Oxford University Press, 1969, hlm. 1; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 266.

<sup>40</sup> Memorandum on the Force 136 Organisation in Malaya By Lt. Col. D.G. Gill-Davies dalam D.C.C.A.O.,227/42. Resistance Force, Force 136, hlm 1, Para 6. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 300, Para, 96; C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 8.

The 165 graduates of 101 STS were subsequently to prove their mettle forming the hard core around which later grew the Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA).<sup>41</sup>

Manakala, sebahagian lagi anggota tahanan komunis yang dibebaskan sebelum itu, telah menyertai pasukan Dalforce atau Dal Force, tetapi lebih dikenali dengan nama, Singapore Overseas Chinese Anti-Japanese Volunteer Army.<sup>42</sup> Dalforce merupakan tentera sukarela yang dianggotai oleh orang Cina Singapura untuk menentang kemaraan Jepun di Singapura. Keanggotaannya dianggarkan seramai 1,250 orang, terdiri daripada ahli-ahli parti komunis, Parti Kuomintang, pelajar universiti, guru, penjaja, pemandu, penjaga setor, pemimpin kesatuan wanita, pekerja kolar biru dan petani. Dalforce ditubuh pada 25 Disember 1942, oleh Lt. Kol. John Douglas Dalley, seorang Pegawai Khas Polis Tanah Melayu (Pengarah Bahagian Perisikan Jenayah) dengan dibantu oleh Mejar Foh Teh Chung. Pasukan ini diletak di bawah arahan tentera Kompeni Ke-8, dengan bertindak sebagai pasukan sokongan kepada pasukan tentera British, India, Melayu dan Australia, yang berjuang di barisan hadapan. Oleh itu, Dalforce ditugaskan membuat rondaan di kawasan semak dan berpaya, termasuk di kawasan Bukit Timah, Woodlands, Kranji, Pantai Sarimbun dan kawasan pantai di sepanjang Selat Johor yang terletak berhadapan dengan Semenanjung Tanah Melayu. Bagaimanapun, pasukan Dalforce dan AJUF ini dibekalkan dengan senjata rifles, senapang dan sejumlah peluru yang sangat terhad.<sup>43</sup>

<sup>41</sup> Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 64. Lihat juga Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, hlm. 10.

<sup>42</sup> Beribu pejabat di Nanyang Overseas Chinese Normal School. Pasukan ini dibahagikan kepada lapan kompani dan dibubarkan pada 13 Februari 1942, dua hari sebelum Left. Gen. Arthur Ernest Parchival menyerah kalah. Lihat dalam MLF/117, Dal Force: Notes on the Volunteers During the Japanese Occupation, hlm. 8. Lihat juga Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 101, 102, dan 103; Frank Owen, *The Fall of Singapore: Great True Stories of World War Two*, London: Micheal Joseph Ltd, 1960, hlm. 160.

<sup>43</sup> MLF/117, Dal Force: Notes on the Volunteers During the Japanese Occupation, hlm. 8. Lihat juga Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 16; Boris Hembry, *Malayan Spymaster; Memoir of a Rubber Planter, Bandit Fighter and Spy*, hlm. 130; F. Frederick Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 10; Justin Corfield and Robin Corfield, *The Malayan Campaign: The Fall of Singapore*, hlm. 77 dan 340; Frank Owen, *The Fall of Singapore: Great True Stories of World War Two*, hlm. 160; Kitti Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*, hlm. 3; Lynette Ramsay Silver, *The Heroes of Rimau*, hlm. 27; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 47.

## **FORCE 136 dan Penubuhan MPAJA**

Dengan termeterai perjanjian kerjasama PKM-British tersebut, PKM berpeluang mengembangkan pengaruhnya daripada segi moral dan material, setelah menerima pelbagai bantuan berupa peralatan senjata, bahan-bahan letupan, kewangan, bantuan perubatan dan latihan daripada kerajaan British.<sup>44</sup> Begitu juga, PKM telah berjaya menukuhkan sebuah unit pasukan bersenjatanya sendiri, yang dikenali sebagai Independent Regiments of the Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau lebih dikenali juga sebagai Bintang Tiga. Tujuan penubuhan MPAJA untuk mengukuhkan perjuangan bersenjata mereka, di samping membuat pakatan kerjasama dengan kerajaan British dalam usaha menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Saat sebelum kejatuhan Singapura, kumpulan penentang anti-Jepun yang terdiri daripada pertubuhan orang Cina, terutamanya Anti-Japanese Union Force (AJUF) atau lebih dikenali sebagai Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) dan Kuomintang (KMT). Pertubuhan tersebut telah berkembang dengan pantas setelah mendapat pengiktirafan daripada Gabenor Singapura. Pada Februari 1945, AJUF telah pun membuat persediaan untuk menyerang kedudukan musuh, setelah kader dan pemimpin gerila tersebut memperoleh bantuan senjata dan kemudahan lain daripada Force 136, sama seperti bantuan yang diberikan kepada Anti-Fascist Organisation (A.F.O) di Burma.<sup>45</sup> Manakala, pasukan Force 136, diletakkan di bawah satu organisasi yang lebih besar yang dikenali sebagai Special Operation Executive (SOE). Manakala SOE diletak di bawah kawalan operasi oleh South East Asian Command (SEAC) yang diketuai oleh Laksamana Lord Louis Mounbatten daripada Ketumbukan Ke-14 Tentara British. Dengan kelahiran kader

<sup>44</sup> F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 247. Lihat juga *The Straits Times*, Singapore: 8 Disember 1945, hlm. 3; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 26; C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm.114.

<sup>45</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 97 dan 98. Lihat juga Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 21-22; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 14; Ho Hui Ling, 'Keadaan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan', *Purba*, bil. 26, 2007, hlm. 142.

komunis daripada latihan yang diterima oleh anggota PKM itu menjadikan mereka memiliki pengetahuan yang baik dalam pembacaan peta, selok belok kawasan hutan, taktik peperangan gerila, termasuk penggunaan peralatan senjata seperti karbin, stan gun, bran gun, rifle dan bom tangan. Bagaimanapun, timbul persoalan kepada pasukan Force 136, ketika kumpulan penentang tersebut mula bersiap untuk menyerang dan mengambil alih kedudukan musuh. Persoalannya, sama ada bantuan senjata dan keperluan lain yang diberi melalui Force 136 kepada MPAJA perlu digantung atas sebab keselamatan dalam negeri, seperti yang diutarakan oleh Mejor Jeneral Pearce. Ini berdasarkan MPAJA merupakan organisasi sayap kiri, sama seperti bantuan yang diberikan kepada Anti- Fascist Organization (A.F.O) di Burma.

Bagaimanapun, Laksamana Lord Mountbatten, berpuas hati dengan kelulusan yang diberi oleh ketua staf beliau untuk meneruskan bantuan senjata kepada MPAJA. Malah, setelah Operasi ZIPPER mula mengambil alih peranan untuk menakluki semula Tanah Melayu melalui serangan Tentera Bersekutu secara besar-besaran pada 9 September 1945, bantuan persenjataan kepada pasukan MPAJA turut dipertingkatkan dan disegerakan. Ini sejajar dengan kedudukan pasukan MPAJA sebagai kumpulan penentang anti-Jepun yang terbesar dengan dianggotai lebih daripada 3,000 orang anggota ketika itu serta mendapat sokongan besar penduduk. Tambahan pula dengan adanya tempat simpanan senjata di Siam (Thailand). Selain itu, kemudahan senjata, peluru, peralatan tentera dan kelengkapan khas yang lain turut digugurkan melalui pesawat pengebom jarak jauh Amerika B-24 dan B-29 yang berpangkalan di Calcutta, India.<sup>46</sup>

---

<sup>46</sup> Memorandum on the Force 136 Organisation in Malaya By Lt. Col. D.G. Gill-Davies dalam D.C.C.A.O.,227/42. Resistance Force, Force 136, hlm. 2. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 98; D.G. Kent, Sgt. P.L.O., Operation Carpenter Green, Report on General Situation of AJUF in Malaya, Kuala Lumpur, 11 Disember 1945; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 127.

Pada peringkat awal, MPAJA hanya mempunyai beberapa ratus orang ahli sahaja dan pengaruhnya juga amat terbatas, tetapi dengan bermulanya serangan tentera Jepun pada 8 Disember 1941, telah memberi peluang kepada MPAJA untuk membina kekuatan mereka dengan menubuhkan pasukan gerila sebagai kumpulan penentang bersenjata yang beroperasi jauh di pedalaman hutan dan secara bersembunyi di kawasan hutan dan bukit. MPAJA telah membentuk empat buah Rejimen Pembebasan (Independence Regiment). Bermula dengan penubuhan Rejimen Pembebasan Pertama MPAJA pada 10 Januari tahun 1942, berpangkalan dan beroperasi di Utara Selangor dan diikuti dengan penubuhan Rejimen MPAJA Kedua, beroperasi di Negeri Sembilan, Rejimen MPAJA Ketiga beroperasi di Johor Utara dan Melaka dan Rejimen MPAJA Keempat beroperasi di Johor Selatan. Pada peringkat awal, sebaik selepas British menyerah kalah, penentangan pasukan MPAJA terhadap Jepun tidak begitu agresif. MPAJA lebih menumpukan masa mengatur dan menyusun kedudukan mereka dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Anggota MPAJA juga terlibat dengan sejumlah latihan dengan bantuan pegawai British yang sengaja ditinggalkan bersama pasukan MPAJA.<sup>47</sup> Mulai penghujung tahun 1942, MPAJA menambah lagi empat Rejimen Pembebasan. Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-5 ditubuhkan pada 1 Disember 1942. Rejimen ini telah beroperasi di Perak dan Kelantan, kemudian diikuti dengan penubuhan Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-6 pada Ogos 1943, yang beroperasi di Pahang Barat. Manakala, Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-7 ditubuhkan pada September 1944, dengan beroperasi di Pahang Timur dan Terengganu. Sementara itu, Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-8, beroperasi di Kedah. Dengan itu, dianggarkan jumlah

<sup>47</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam D.C.C.A.D., 227/42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, hlm. 1, Para 7. Lihat juga CO. 1022/187 *The Enemy In Malaya*, Times, 19 Februari 1952; CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. I, Kuala Lumpur, Khamis, 1 November 1945, 'Note on Chinese Resistance Organisations in Malaya dalam British Military Administration, Region No. 9. S.C.A.O. File 9/45: Chinese Resistance Organisations, hlm. 1A; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 67; Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 21-22; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 1997, hlm. 292; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 258 dan 259.

keseluruhan anggota MPAJA adalah seramai 7,000 orang, dengan setiap rejimen mempunyai antara 400-500 anggota. Kesemua lapan buah rejimen MPAJA tersebut dikuasai sepenuhnya oleh orang Cina dengan diletakan di bawah kawalan langsung daripada Ibu Pejabat PKM di Kuala Lumpur.<sup>48</sup> Pertubuhan MPAJA yang didokongi oleh PKM adalah merupakan sebuah pasukan gerila bersenjata, bersifat berbilang bangsa yang digambarkan dengan pemakaian simbol bintang tiga pada bendera merah dan topi khaki berbucu lima.<sup>49</sup> Matlamat perjuangan adalah mengusir pendudukan Jepun dan membebaskan Tanah Melayu bagi menubuhkan sebuah negara komunis berdasarkan idea-idea komunis mereka yang berhubungan dengan Soviet Rusia. Negara Rusia dijadikan contoh oleh PKM sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi bentuk baru tersebut.<sup>50</sup> Berikut adalah petikan yang menunjukkan sifat dan arah tujuan perjuangan PKM dan pasukan bersenjatanya ketika itu:

Since their primary role to harass the Japanese, the MCP named this new guerrilla force the Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA). The name suggested a multiracial force, consisting of Malays, Chinese, and Indian, who would eventually fight for the independence of Malaya, and establish a communist state.<sup>51</sup>

<sup>48</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 21-22. Lihat juga CO 1022/187 *The Enemy In Malaya*, Times, 19 Februari 1952; CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. I, Kuala Lumpur, Khamis, 1 November 1945, ‘Note on Chinese Resistance Organisations in Malaya dalam British Military Administration, Region No. 9. S.C.A.O. File 9/45: Chinese Resistance Organisations’, hlm. 1A; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 67; Abdullah C.D (bahagian kedua), *Penaja dan Pemimpin Rejimen ke-10*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD.), 2007, hlm. 4; D.G Kent Sgt, P.L.O., Operation Carpenter Green, Report on General Situation of AJUF in Malaya, Kuala Lumpur, 11 Disember 1945; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 77; Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik dalam Wacana Sejarah Semasa’ (Chin Peng dan PKM), Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 2 dan 3; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 258 dan 259; Richard Clutterbuck, *The Long-Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*, hlm. 15; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, hlm. 292; James Wong Wing On, *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences of Abdullah C.D, Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah* (Terjemahan), hlm. 74;

<sup>49</sup> CO 574/88-90, ‘Note Chinese Resistance Organizations in Malaya’ dalam British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. 11. Vol. 1, Kuala Lumpur. Khamis, 1 November 1945, hlm. 1A. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 9.

<sup>50</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam D.C.C.A.O., 227 / 42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, 15 September 1945, hlm. 3, Para 24. Lihat juga British Military Administration, Region No. 9. S.C.A.O. File 9/45: Chinese Resistance Organisations (1A); Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 9. The Reaction of MPAJA Members of the Vitory Parade Contigent to England, Appendix E, hlm. 2. dalam CO 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary. ‘Rusia adalah negara contoh bentuk kerajaan demokrasi baru yang mahu diikuti oleh rakyat Britain’. Petikan daripada ucapan Lau Mah (Setiausaha Rejimen Pembebasan Ke-5 MPAJA) ketika perasmian pembukaan cawangan baru NDYL di Bagan Serai, Perak pada 28 Julai 1946.

<sup>51</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 9.

Terdapat tujuh buah negeri atau wilayah yang menjadi tempat kegiatan penentangan pasukan MPAJA terhadap Jepun. Negeri atau wilayah tersebut meliputi negeri Selangor, Negeri Sembilan, Utara Johor, Selatan Johor, Perak, Kelantan, Barat Pahang dan Kedah. Sebelum rancangan pendaratan tentera Bersekutu di bawah arahan Komander Tertinggi Tentera Bersekutu untuk menakluki semula Tanah Melayu pada 15 September 1945, terdapat 290 orang kakitangan Force 136 yang memberi latihan kepada pasukan MPAJA tersebut serta mendapat maklumat keadaan di Tanah Melayu ketika itu. 190 orang daripada mereka merupakan pegawai British dan selebihnya daripada kalangan orang Melayu, Cina dan Gurkha. Pada ketika ini, peralatan senjata tambahan turut dihantar kepada gerila MPAJA, seperti karbines, Stens, S.Y. rifle, Brens, P.I.A.T, A/T rifle dan pistol termasuk juga bom tangan dan bahan-bahan letupan lain.<sup>52</sup> Seawal pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1942, terutama selepas kejatuhan Singapura, dasar pentadbiran tentera Jepun pertama sekali adalah dengan melakukan pembersihan terhadap golongan anti-Jepun. Orang Cina dianggap sebagai musuh, terutamanya mereka yang menjadi ahli komunis kerana ia memberi ancaman terhadap tentera Jepun.<sup>53</sup> Ini berikutan, ketika mara menakluki Singapura, tentera Jepun telah mendapat tentangan kuat daripada pasukan gerila yang terdiri daripada orang Cina, seperti pasukan Dalforce, gerila komunis yang dilatih oleh SLK 101 dan Pasukan Sukarelawan Cina Singapura. Setelah Jepun menakluki Tanah Melayu dan Singapura, pentadbiran tentera Jepun melihat orang Cina dengan penuh rasa curiga. Orang Cina dilayan dengan buruk dan menghadapi hukuman berat daripada skuad Kempetai. Dianggarkan 5,000 orang Cina dibunuh dalam sehari melalui operasi yang dikenali sebagai *Sook Ching*, iaitu satu bentuk penghapusan etnik oleh tentera Jepun terhadap orang Cina secara

<sup>52</sup> Memorandum OnThe Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, kata pengantarj hlm. V dan hlm 1, Para 10. Lihat juga Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 262.

<sup>53</sup> Victor Purcell, (terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 271. Lihat juga C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 152.

beramai-ramai. Dianggarkan seratus ribu orang Cina terkorban dalam tempoh beberapa hari sahaja.<sup>54</sup>

Berikut dengan tindakan Jepun membawa masuk tentera dari Manchuria ke Tanah Melayu juga menimbulkan perasaan marah orang Cina terhadap Jepun. Orang Manchuria dianggap sebagai kaum penindas. Banyak kekejaman dilakukan oleh mereka terhadap orang Cina di Tanah Besar China. Dasar penindasan itu kemudiannya diteruskan oleh tentera Manchuria yang berkhidmat dengan pentadbiran tentera Jepun, terhadap orang Cina di Tanah Melayu.<sup>55</sup> Dengan keadaan sedemikian, menyebabkan ramai generasi muda Cina, terutamanya dalam lingkungan usia 18 hingga 22 tahun, mula tertarik dengan ideologi komunis. Mereka menyertai parti tersebut kerana percaya bahawa PKM sahaja sebuah organisasi yang mampu menentang Jepun dan dasar peluasan kuasanya.<sup>56</sup>

Dengan adanya kerjasama dengan kerajaan British, keadaan itu memberi peluang besar kepada PKM untuk mengembangkan pengaruhnya, sama ada dari segi moral dan material. PKM setelah menerima pelbagai bantuan dalam bentuk peralatan senjata, bahan letupan, kewangan, perubatan dan latihan dari kerajaan British yang dihantar melalui pesawat udara oleh pasukan Force 136. PKM juga mendapat arahan terus melalui Force 136 SEAC yang bergerak secara sulit di pedalaman hutan.<sup>57</sup> Dengan kemampuan tersebut, pasukan bersenjata MPAJA,

<sup>54</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 32. Lihat juga *The Malay Mail*, 2 Mac 1946, hlm. 1; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 194. Di Pulau Pinang dan Singapura dalam masa satu hari dianggarkan 5,000 orang berketurunan Cina mati dibunuhi disebabkan kekejaman tentera Jepun dan pendapat daripada orang Cina, angka sebenarnya lima kali lebih besar. Lihat juga, keterangan Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 7.

<sup>55</sup> Wawancara dengan Lim Ah Lai, Kampung Batu Hampar, Beruas, Perak. 05 Jun 2010. Lihat juga Ahmad Zaki bin Mohd Johari, 'Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan' Tesis MA Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011, hlm. 5.

<sup>56</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 430 dan 437.

<sup>57</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam DCCAO 227/42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, 15 September 1945, hlm. 4. Lihat juga Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force 136*, hlm. 13.F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 247. Lihat juga *The Straits Times*, 8 Disember

menyerang kedudukan dan kepentingan Jepun dengan memutus dan menghalang jalan-jalan raya dan keretapi. Mereka juga melakukan serangan hendap, menyerang sistem komunikasi radar, pesawat pejuang dan peralatan jentera dan unit teknikal dan pasukan peninjau tentera Jepun serta membakar ladang-ladang getah, stesen janakuasa elektrik, perkhidmatan bekalan air, memutuskan perkhidmatan telekomunikasi radio dan talian telefon. Semua kegiatan tersebut dilakukan di bawah kod Operasi ZIPPER. Menjelang Julai 1945, kekuatan anggota pasukan bersenjata MPAJA di negeri-negeri Melayu dikatakan telah meningkat sehingga berjumlah 10,000 orang. MPAJA menjadi sebuah organisasi ketenteraan tempatan yang terkuat dalam persediaan membantu British menakluki semula Tanah Melayu dan Singapura melalui Operasi ZIPPER tersebut. Operasi tersebut dirancang melibatkan pendaratan lebih 100,000 tentera British dengan melakukan serangan di bahagian tengah Semenanjung Tanah Melayu, iaitu melibatkan kawasan Port Dickson di Negeri Sembilan, dan Port Swettenham serta Morib di Selangor, bagi menawan semula Tanah Melayu dan Singapura daripada pendudukan Jepun pada 9 September 1945. Matlamatnya memecahkan kedudukan tentera Jepun kepada dua bahagian iaitu di bahagian utara dan selatan Tanah Melayu. Bagaimanapun rancangan tersebut dibatalkan setelah Jepun menyerah kalah tanpa syarat pada 15 Ogos 1945.<sup>58</sup> Pertubuhan gerila MPAJA ini disokong oleh sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Malayan People Anti-Japanese Union (MPAJU) atau singkatannya Anti-Japanese Union (AJU), iaitu sebuah organisasi yang dikawal sepenuhnya oleh orang Cina dan PKM. Manakala keahliannya, terdiri daripada orang awam yang

---

1945, hlm. 3; C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm.114; Note on Chinese Resistance Organization in Malaya, dalam CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. II, Vol. 1, Kuala Lumpur, Thursday, 1<sup>st</sup> November 1945, hlm. 3.

<sup>58</sup> Memorandum OnThe Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, Para 21, helaian 3. Lihat Pengisytiharan oleh Lt. General O.L. Roberts, CBE, DSO, General Officer Commanding, Tentera India-British Ke-34, Pada 14 September, 1945, dalam Sel. Civil Affairs. 162/1945; Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force 136*, hlm. 207; *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 8; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, hlm. 294. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 292-293; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 262.

menyokong perjuangan MPAJA dengan memberi pelbagai bantuan berbentuk makanan, kewangan, perubatan, perisikan, menyediakan dan membekalkan rekrut-rekrut untuk MPAJA, serta membentuk sebuah organisasi bagi tujuan propaganda komunis.<sup>59</sup> Mulai Januari 1942, penentangan bersenjata PKM terhadap tentera Jepun menjadi sangat agresif. MPAJA mula melakukan serangan hendap bersenjata secara tersusun.<sup>60</sup> Beberapa kumpulan penentang mula dibentuk di Tanah Melayu dan orang Cina dikatakan paling aktif menentang, terutamanya pada dua tahun pertama pendudukan Jepun.<sup>61</sup> Kebanyakan mereka terdiri daripada orang Cina yang melarikan diri daripada penindasan Jepun dan mencari keselamatan di hutan.<sup>62</sup> Ramai wanita Cina turut menyertai pasukan MPAJA terutamanya mereka yang kehilangan bapa, abang, suami, anak, dan ahli keluarga yang lain akibat kekejaman Jepun.<sup>63</sup> Pasukan MPAJA turut menyerang sistem komunikasi tentera Jepun hampir setiap tempat di mana sahaja mereka berada.<sup>64</sup>

Bermula tahun 1942 hingga 1945, PKM telah mendakwa mereka telah melakukan sebanyak 340 operasi menentang tentera Jepun dan 230 daripadanya dianggap sebagai operasi besar. Pihak komunis mendakwa mereka telah berjaya membunuh atau mencederakan sebanyak 5,500 orang tentera Jepun dan 2,500 orang pengkhianat.<sup>65</sup> Bagaimanapun, maklumat daripada sumber Jepun mendakwa daripada Disember 1941 hingga Ogos 1945, jumlah tentera dan polis mereka yang terkorban dan tercedera di Tanah Melayu dianggarkan seramai 2,300 orang dan

<sup>59</sup> Bah Kah Choon dan Yap Hong Kuan, *Rehearsal for War The Underground War Against the Japanese*, Singapore: Horizon Books, 2002, hlm. 113. Lihat juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, hlm. 292.

<sup>60</sup> D.G Kent, SGT, P.L.O, Operation Carpenter Green, Report on General Situation of AJUF in Malaya, Kuala Lumpur, 11 Disember 1945, hlm. 1. Lihat juga C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 8.

<sup>61</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 279.

<sup>62</sup> Hanrahan Gene Z. *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 70.

<sup>63</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 440.

<sup>64</sup> C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 8.

<sup>65</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong: Nan Dao Publisher (cetakan pertama), 1998, hlm. 32; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 168.

sejumlah 2,900 orang gerila PKM-MPAJA dibunuh. Ini tidak termasuk ribuan lelaki, wanita, dan kanak-kanak, ketika serangan dilakukan terhadap gerila MPAJA, di kawasan pinggir-pinggir hutan dan kawasan-kawasan bukit.<sup>66</sup>

Oleh yang demikian, penubuhan rejimen MPAJA, merupakan permulaan kejayaan menentang Jepun yang dikenali sebagai perang anti-Jepun.<sup>67</sup> Semua kegiatan ketenteraan MPAJA telah disokong oleh pelbagai bentuk bantuan senjata dan peluru, bahan makanan untuk kelangsungan hidup di hutan belantara yang dihantar melalui pesawat udara. MPAJA juga mendapat bantuan kewangan, latihan dan kemudahan perubatan<sup>68</sup> daripada pasukan Force 136, dengan arahan terus melalui SEAC. Force 136 SEAC, bergerak secara sulit di pedalaman hutan di bahagian utara Perak, Kedah, Pahang dan juga di beberapa buah negeri Melayu yang lain, iaitu di mana-mana kawasan yang terdapat kegiatan pasukan penentang anti-Jepun terutamanya MPAJA. Kebanyakan anggotanya terdiri daripada pegawai British, sukarelawan Melayu, Gurkha, dan Cina. Force 136 membuat hubungan ketenteraan secara terhad dengan kumpulan gerakan penentang tersebut sebagai pegawai perhubungan dan penterjemah serta mengawasi rapi kegiatan MPAJA. Turut digolongkan sebagai pasukan penentang anti-Jepun adalah sukarelawan Melayu daripada Askar Melayu Setia (Royal Malay Army) dan gerila KMT. Bagaimanapun, KMT dilabelkan oleh British sebagai kumpulan penganas.<sup>69</sup> KMT dikesan bergerak di bahagian utara negeri Perak seperti di Beruas, Port Weld, dan Lambor dan juga di negeri Kelantan serta sempadan Thailand. Keanggotaan

<sup>66</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 464.

<sup>67</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 21.

<sup>68</sup> Memorandum on the Force 136, Organisation in Malaya by Lt. Col. D.G. Gill-Davies R.E. dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force. Force 136, Copy No.6, 15 September 1945, hlm. 4. Lihat juga Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force 136*, hlm. 13; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 259

<sup>69</sup> D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, hlm. 2. Lihat juga Memorandum On The Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, hlm 1, Para 10; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 294; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 258 dan 259; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 12; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 129.

kumpulan ini adalah terhad dengan jumlah seramai 550 orang, dan hanya 350 anggota kumpulan ini di bawah kawalan Force 136. Force 136 juga mewujudkan hubungan dengan unit-unit gerila lain.<sup>70</sup> Anggota Force 136 yang terdiri daripada sukarelawan Melayu,<sup>71</sup> iaitu daripada kalangan mereka yang pernah berkhidmat sebagai Tentera Sukarela Negeri Melayu dan Tentera Laut Melayu serta pelajar Melayu yang menuntut di luar negara, seperti di Makkah dan India. Manakala, dalam kalangan orang Cina keanggotaan dalam Force 136, dianggarkan berjumlah hampir seratus orang. Mereka terdiri daripada ahli-ahli parti KMT daripada kalangan penduduk tempatan. Manakala, pegawai Force 136, terdiri daripada pegawai-pegawai British.<sup>72</sup>

### **Perjanjian Persefahaman PKM-British**

Pada Ogos 1941, satu pelan bagi menukuhan organisasi untuk menyokong sistem pertahanan Tanah Melayu telah dirancang dengan teliti, diketuai oleh Sir Shenton Thomas. Turut serta ialah pegawai tentera yang pakar dalam perang gerila, pegawai polis, pekebun dan orang Eropah yang boleh berbahasa Melayu dan berpengetahuan luas mengenai lokasi tempat operasi. Ia turut dianggotai oleh orang Cina, Melayu dan India. Tujuannya bagi mendapatkan maklumat risikan, mengadakan hubungan komunikasi, sabotaj dan propaganda anti-Jepun.<sup>73</sup> Oleh itu, pada awal Disember 1941, dengan berlakunya pencerobohan Jepun ke atas Semenanjung Tanah Melayu dengan andaian Tanah Melayu ditakluki, seolah-olah satu langkah telah diambil oleh kerajaan British untuk mewujudkan satu rangkaian subversif yang akan beroperasi

<sup>70</sup> Note on Chinese Resistance Organization in Malaya, dalam CO 574 88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. II, Vol. 1, Kuala Lumpur, Thursday, 1<sup>st</sup> November 1945, hlm. 3.

<sup>71</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 81. Lihat juga Hanrahan Gene Z. *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 81; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, hlm. 294; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 12.

<sup>72</sup> *The Malaya Tribune*, 4 Disember 1945, hlm. 4. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 6 Disember 1945; Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua: Peranan Gerila Melayu Force 136*, hlm. 6 dan 7; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, hlm. 294; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, Singapore: Nus Press, 2012, hlm. 97; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 12.

<sup>73</sup> F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 12.

menentang Jepun, dengan berpangkalan di hutan. British mendapati, satu-satunya organisasi yang mampu menjalankan tugas besar ini adalah PKM, walaupun pentadbiran British berasa sangsi dengan langkah yang diambil demikian, tetapi ternyata British tidak memiliki alternatif yang lain. Dalam pada itu, British juga mendapati mulai awal tahun 1943, pasukan MPAJA menjadi kritikal kerana kekurangan peralatan senjata, peluru, dan sumber bekalan lain. Oleh itu, sekiranya tidak diberi bantuan pertubuhan MPAJA akan berakhir.<sup>74</sup> Dengan itu, dua orang pegawai Force 136, iaitu John L.H Davis dan Richard Broome, yang sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan gerila komunis MPAJA dengan dibantu oleh sekumpulan anggota Kuomintang China, telah melakukan satu operasi dengan menyusup masuk ke Tanah Melayu melalui pesisiran pantai untuk berhubung dengan PKM.<sup>75</sup> Pada 24 Mei 1943, melalui Operasi Gustavus 1, beberapa pegawai British yang diketuai oleh Kol. John Davis daripada pasukan Force 136. Kehadiran beliau turut disertakan surat perlantikan daripada SEAC. Turut serta satu pasukan petugas daripada Special Operation Executif (SOE) yang terdiri daripada empat anggota Parti KMT China. Mereka juga merupakan penduduk Tanah Melayu yang berasal dari China. Kumpulan tersebut mendapat latihan di India dan Sri Lanka (Ceylon), telah berjaya menyusup masuk ke Semenanjung Tanah Melayu melalui jalan laut dengan menggunakan kapal selam kecil, bernombor 024, milik Belanda dan mendarat di pantai Tanjung Hantu berdekatan Pasir Panjang, Segari, Perak yang terletak 4 km ke utara Pulau Pangkor, di perairan Selat Melaka. Mereka ditugaskan untuk membuat hubungan dengan PKM dan pasukan tenteranya MPAJA, seperti yang diarahkan oleh Markas Asia Tenggara Tentera Bersekutu (SEAC). Tujuannya bagi menuuhkan jentera yang diperlukan untuk penghantaran senjata dan peluru

<sup>74</sup> Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's War, 1948-1966*, hlm. 8.

<sup>75</sup> Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force 136*, hlm. 147. Lihat juga J.H Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 118.

melalui kapal terbang dari udara dan operasi kapal selam dari laut serta mengarahkan operasi ke atas MPAJA daripada barisan belakang, sehinggalah tibanya pasukan Tentera Bersekutu untuk membebaskan Tanah Melayu dan Singapura.<sup>76</sup> Pasukan Force 136, telah dirancang penubuhannya oleh kerajaan British melalui SEAC untuk melakukan operasi di semua negara yang diduduki Jepun. Dengan itu, kehadiran Force 136 adalah bertujuan melakukan risikan untuk memastikan terdapatnya rangkaian gerila PKM bergerak di seluruh Tanah Melayu dan menghalusi kemungkinan rundingan serta hubungan akan diadakan pada masa akan datang dengan pihak Jawatankuasa Tertinggi PKM. Force 136 juga ditugaskan mengumpul maklumat mengenai kekuatan tentera Jepun di kawasan sekitarnya serta menubuhkan tentera-tentera sukarelawan dan pasukan bawah tanah (gerakan sulit) bagi menentang pendudukan Jepun. Mereka dihantar bagi melatih pasukan anti-Jepun, menjadi pegawai perhubungan antara pasukan anti-Jepun dengan pasukan Tentera Bersekutu dan pada masa yang sama menjalankan tugas dalam komunikasi radio risikan. Dalam tempoh jangka panjangnya pula, British mahu agar PKM bersedia menerima arahan dalam bentuk Commander in Chief (C-in-C) daripada Pakatan Bersekutu.<sup>77</sup>

Pada 4 Ogos 1943, sekali lagi melalui Operasi Gustavus II, berlaku pendaratan kali kedua pasukan Force 136 berhampiran pantai Tanjung Hantu, Pasir Panjang, Segari di Perak, dengan diketuai oleh Kol. John L.H. Davis dan dibantu oleh Kapt. Richard Broome. Mereka turut disertai oleh dua orang pemuda Cina daripada Force

<sup>76</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 16. Lihat juga F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 194 dan 197; *The Malaya Tribune*, 4 Disember 1945, hlm. 4; Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force 136*, hlm. 79; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 118; Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's War, 1948-1966*, hlm. 8; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lessons from Malaya and Vietnam*, hlm. 61; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 259; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 193.

<sup>77</sup> *The Malaya Tribune*, 4 Disember 1945. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 6 Disember 1945; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 16. Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force 136*, hlm. 147; J.H Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15; Sharul Anuar, Biografi Mubarok Melaka, *Datuk Hj. Ahmad Bin Hj. Joned, Pejuang Force 136*, Universiti Teknikal Malaysia Melaka: Penerbit Universiti Kampus Bandar UTMM, 2008, hlm. 36; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 259.

136, iaitu Kol. Lim Mou Shing (Lim Bo Seng?) dan Chuang Hui Tsuan, dengan dibantu oleh Chin Peng daripada PKM. Mereka kemudiannya bergerak melalui Selat Dinding menuju ke muara Sungai Perak dan ke Telok Anson. Mereka segera dibantu oleh Kian Aik Chan dan Kapten Wu Chai Sin yang sebelum ini menjalankan kegiatan sulit anti-Jepun di sekitar Ipoh, ketika sambil menunggu persediaan PKM menyediakan tempat yang selamat untuk mengadakan rundingan antara kedua-dua pihak, Force 136 bagi pihak kerajaan British dengan MPAJA (PKM).<sup>78</sup> Dengan kejayaan penyusupan tersebut, pada tanggal 30 dan 31 Disember 1943, satu rundingan dan perjanjian antara PKM-MPAJA dengan Force 136 yang mewakili SEAC bagi pihak kerajaan British diadakan di Kem Blantan,<sup>79</sup> sebuah kem gerila MPAJA berdekatan dengan bandar kecil Bidor dan Tapah di Perak, terletak berhampiran Cameron Highland. Dalam rundingan tersebut pasukan Force 136 diwakili oleh Mejar John L.H. Davis, Mejar Frederick Spencer Chapman dan Kapten Richard Broome. Manakala, Tan Chong Lim @ Lim Bo Seng, ditugaskan sebagai penterjemah bahasa Mandarin ke dalam bahasa Inggeris, dengan mewakili South East Asian Command (SEAC). Manakala, PKM-MPAJA diwakili oleh Lai Tek dengan menggunakan gelaran sebagai Chang Hong (Setiausaha Agong PKM) dan Chin Peng (Setiausaha PKM Negeri Perak yang baru dilantik) dengan dbantu oleh kawalan keselamatan daripada gerila Rejimen Pembebasan Ke-5 MPAJA.<sup>80</sup>

Rundingan antara kedua-dua pihak itu dilakukan dalam bahasa Mandarin dan

<sup>78</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 16. Lihat juga F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 194 dan 197; *The Malaya Tribune*, 4 Disember 1945, hlm. 4. Mengenai kecelakaan ke atas Lim Bo Seng, Lai Tek dituduh sebagai dalang dalam pengkhianatan tersebut: Mereka antara seratus orang pemuda Cina yang dihantar ke India dan Sri Langka oleh Kerajaan Nasionalis China yang dipimpin oleh Chiang Kai Shek, bagi menganggotai pasukan Force 136 SEAC. Di China, pejabat rekrut bagi anggota Force 136 beroperasi di Chungkin dan Kunming. Lihat dalam *The Malaya Tribune*, 4 Disember 1945, hlm. 4; *The Malaya Tribune*, 6 Disember 1945; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 194; Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force 136*, hlm. 149 dan 209; Bryan Moynahan, *Jungle Soldier: The True of Freddy Spencer Chapman*, London: Ellipsis Books Limited, 2009, hlm. 271 dan 281; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 126; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 194 dan 195.

<sup>79</sup> Kem ini terletak puncak sebuah bukit, iaitu Bukit Bidor, dengan ketinggian 2,200 kaki dari paras laut, 7 km dari bandar Bidor, Perak dan juga berhampiran dengan Cameron Highland, Pahang. Kawasan ini dipilih Chin Peng untuk berunding dengan pihak British kerana kedudukannya yang strategik dan selamat daripada sebarang tindakan Jepun dengan dikawal oleh Rejimen Pembebasan Ke-5 MPAJA. Lihat dalam Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 19.

<sup>80</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 15 dan 16. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Sejarah Ringkas Tentara Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 118; F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 202; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 25.

Inggeris. Mejari John L.H. Davis diberi kuasa penuh bagi mewakili pihak tentera British yang diketuai oleh Laksamana Lord Louis Mountbatten di SEAC, untuk berunding dengan mana-mana kumpulan penentang Jepun di Tanah Melayu, dengan tujuan membantu dan mengukuhkan kumpulan penentang anti-Jepun.<sup>81</sup> Dengan rundingan tersebut, satu persetujuan dicapai antara PKM dengan SEAC yang diwakili oleh Force 136. Perjanjian ditandatangani oleh Mejari John L.H. Davis, Kapten Richard Broome dan Tan Chong Lim @ Lim Bo Seng sebagai penterjemah bahasa Cina dan Inggeris, mewakili pihak SEAC. Manakala, bagi pihak PKM, perjanjian tersebut ditandatangani oleh Lai Tek (Setiausaha Agong PKM).<sup>82</sup> Dalam rundingan tersebut juga, satu persetujuan dicapai antara kedua-dua pihak. PKM-MPAJA bersetuju dan komited untuk bekerjasama penuh bagi membantu kerajaan British mengambil semula (menawan) Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, daripada pendudukan Jepun, dengan menerima arahan British dalam bentuk Commander in Chief (C-in-C) ketika dalam peperangan dan juga semasa pentadbiran tentera British selepas perang. Manakala, SEAC bertanggungjawab terhadap pemerintahan dan undang-undang selepas itu. Semua anggota PKM diminta memberi sokongan penuh kepada pegawai SEAC. Sebagai ganjaran daripada bantuan dan kerjasama tersebut, PKM akan menerima bantuan daripada SEAC dalam bentuk latihan, senjata, peluru, kewangan, perubatan dan pakaian seragam.<sup>83</sup> Dalam rundingan tersebut pegawai Force 136, dikatakan mengajukan tawaran kepada PKM. Bagaimanapun, dalam masa yang sama mereka juga memberi

<sup>81</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 25. Lihat juga Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force-136*, hlm. 154; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 194.

<sup>82</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 25. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15.

<sup>83</sup> Ibid., hlm. 24. Lihat juga F. Spencer Chapman, *The Jungle is Neutral*, hlm. 202; Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force-136*, hlm. 153 dan 154; James Wong Wing On (terjemahan), *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences Of Abdullah C.D. Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, hlm. 21; C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 114; Cheah Boon Keng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1925-1945*, hlm. 5; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 266; Charles Cruickshank, *SOE in the Far East*, hlm. 195 dan 196.

jawapan yang tidak begitu jelas kepada persoalan yang dibangkitkan oleh PKM. Antaranya penggunaan istilah ‘*re-occupying*’ dan ‘*re-occupation*’, ketika kembalinya British untuk menduduki semula Tanah Melayu. Persoalan juga timbul mengenai pernyataan wakil Force 136, bahawa kehadiran mereka bukan mewakili kerajaan British atau mana-mana kerajaan Pakatan Tentera Bersekutu, mahupun daripada kerajaan Soviet Union sebagai rakan sekutu, tetapi semata-mata mewakili pihak Laksamana Lord Louis Mountbatten di SEAC. Persoalan menjadi lebih kabur mengenai zaman pasca perang ketika pemerintahan tentera dilaksanakan. PKM berpandangan perundingan tersebut hanya membincangkan hal berkaitan kerjasama dan bantuan ketenteraan bagi menentang Jepun dan tidak melibatkan permasalahan politik selepas perang, walaupun terdapat klausa dalam perjanjian tersebut ada menyatakan bahawa “Kerjasama antara PKM dengan Tentera Bersekutu harus diteruskan sehingga perdamaian dan peraturan di Malaya dapat dipulihkan penuhnya”.<sup>84</sup> Dengan itu ternyata, hasil daripada perjanjian tersebut, kedua-dua pihak sama ada di pihak PKM atau pun British, kedua-duanya memiliki maksud atau matlamat yang berlawanan. PKM bercita-cita mahu mewujudkan Tanah Melayu sebagai Republik Demokratik Malaya setelah berlakunya pengusiran terhadap tentera Jepun. Manakala, British mahu menggunakan PKM-MPAJA untuk mengekang tentera Jepun, di samping mengurangkan kerugian dari segi kemudahan peralatan dan nyawa tentera di pihak British, ketika melakukan serangan bagi menguasai semula Tanah Melayu. Chin Peng berpandangan rundingan itu sangat penting kepada masa depan PKM. Bagaimanapun, dalam rundingan tersebut, PKM berada dalam proses tawar menawar yang sangat kuat, sehingga tuntutan PKM sebanyak \$50,000 hingga \$70,000 (Straits dollar) setiap bulan seperti yang diajukan

<sup>84</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 122. Buku berkenaan telah menyiarkan semula perjanjian kerjasama ketenteraan antara PKM-TAJRM dengan SEAC yang ditandatangani di Bukit Bidor, pada 30 dan 31 Disember 1943.

langsung dipersetujui oleh SEAC tanpa ragu-ragu. Dengan itu, adalah jelas menunjukkan British sangat memerlukan bantuan PKM ketika itu.<sup>85</sup> Kekaburuan perjanjian itu turut disentuh oleh Ian Trenowden, dalam buku beliau Malayan Operation Most Secret-Force-136, terutamanya ketika pemerintahan tentera berkuatkuasa:

Considering the vagueness of the offers of the British officers had to put forward, of the discussion was surprisingly clear-cut. The last point meant a probable end to the shilly-shallying and secretiveness that had obtained from time to time up till then. On the difficult question of the post war period of military occupation....The letter of this agreement was always adhered to, though not always in spirit, so its very achievement was a remarkable feat.<sup>86</sup>

Bagaimanapun, disebabkan syarat-syarat perjanjian pertama yang dipersetujui sebelum itu tidak memuaskan pihak British dan kewajipan di pihak PKM juga didapati tidak jelas. Oleh itu, tidak lama selepas perjanjian pertama itu berlangsung, pada 18 April 1945, sekali lagi perjanjian untuk kali kedua antara kerajaan British dengan PKM ditandatangani di Kem Bidor di Perak. Perjanjian Saling Membantu Melawan Jepun itu bertujuan untuk mengukuhkan lagi perjanjian yang telah dicapai dan ditandatangani antara kedua-dua pihak pada penghujung tahun 1943. Bagaimanapun, PKM menyedari bahawa kerajaan British melalui Markas Tentera Bersekutu Asia Tenggara, sememangnya berusaha untuk mengarah atau menguasai pemerintahan pasukan MPAJA terutamanya di Perak. Oleh itu, permintaan British itu tidak dapat dipersetujui oleh PKM. Bagaimanapun, PKM bersedia untuk menyalurkan maklumat kepada pihak British mengenai hal-hal ketenteraan, politik dan ekonomi bagi kawasan luar bandar serta menjalinkan kordinasi dalam

<sup>85</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 24 dan 25. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 119; Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force-136*, hlm. 154.

<sup>86</sup> Ian Trenowden, *Malayan Operation Most Secret-Force-136*, hlm. 154.

peperangan di Tanah Melayu. Namun begitu, perjanjian kali kedua tersebut, mempunyai kesan jangka panjang kepada PKM, sehingga akhirnya parti komunis itu mengisyiharkan pemberontakan bersenjata menentang kerajaan British pada Jun 1948. Berdasarkan terma perjanjian kali kedua antara Force 136, SEAC dengan PKM itu adalah seperti berikut:

1. PKM akan mengembangkan ketenteraannya.
2. PKM akan menerima lebih banyak bantuan senjata dan peluru yang akan digugurkan daripada udara.
3. PKM akan menerima sejumlah 150 tahlil jongkong emas dengan nilai 3,000 wang paund British, wang palsu Jepun dan bantuan makanan. Semuanya akan digugurkan dari udara.
4. PKM akan menerima bantuan wang bulanan sebanyak 300 paund.
5. PKM juga akan menerima Pegawai Perhubungan (Liaison Officers) dari SEAC dan setiap Pegawai Perhubungan itu akan dibantu dengan satu pasukan platon tentera Gurkha.
6. PKM pada prinsipnya juga akan menerima seorang Pegawai Perhubungan Besar British bagi setiap unit tentera mereka, sebelum penyerahan senjata dilakukan dan ketika senjata-senjata itu akan diserahkan semula selepas perang.
7. Mejari John Davis? (D.G. Gill Davis adalah nama yang disebut oleh sumber PKM) akan mewakili pihak ibu pejabat PKM atau Pegawai Tertinggi PKM akan mewakili Major John Davis. (sekiranya, PKM mahu mengekalkan penamaan mereka, mereka boleh memilih kemudiannya, dan Chin Peng boleh mencalonkan mana-mana anggota mereka bagi mewakili beliau).<sup>87</sup>

---

<sup>87</sup> Indrajaya Abdullah, *Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 128 dan 129. Lihat juga, Mohd Azzam Mohd Haniff Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 11; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 259.

Dalam rundingan dan perjanjian tersebut, pihak tentera Bersekutu diwakili oleh Lt. Kol. D.G. Hill Davis dan pegawai tentera British yang lain antaranya Lt. Kol. James P. Hannah. Manakala wakil PKM turut disertai oleh Komander Liew Wei Chung daripada pasukan Rejimen Ke-5 MPAJA. Sebaik selepas perjanjian kedua itu ditandatangani, satu siri pengguguran bahan keperluan yang dikehendaki oleh pasukan MPAJA seperti senjata, bahan kelengkapan tentera, ubat-ubatan dan bahan-keperluan hidup di dalam hutan, telah dihantar oleh kapal terbang British ke kawasan hutan berdekatan perkhemahan tentera MPAJA, seperti yang diarahkan melalui kawat perhubungan. Dalam tempoh yang singkat, PKM telah dapat mengumpul sejumlah bekalan senjata dan peluru yang mencukupi, termasuk bekalan perubatan dan bahan keperluan lain di kawasan pedalaman hutan, tempat mereka beroperasi.

Pada masa yang sama, pegawai Force 136, terus melatih gerila MPAJA. Daripada Mei 1943 hingga akhir 1 September 1945, seramai 308 orang anggota Force 136, termasuk lebih 90 orang pegawai tentera dan doktor daripada Britain, Amerika dan Australia telah dihantar ke Tanah Melayu, melalui kapal selam dan kapal terbang pengebom jarak jauh Amerika dengan dibantu oleh sekumpulan tentera Gurkha. Dengan perkembangan itu, Force 136 telah berjaya melatih sebanyak 30 unit peronda PKM. Sebahagian besar mereka telah bergiat bersama-sama dengan gerila MPAJA dan kebanyakan mereka tertumpu di pantai barat Tanah Melayu. Selepas peperangan berakhir, pegawai British daripada Force 136, terus menetap di semua markas dan kompeni MPAJA sebagai pegawai perhubungan dan penterjemah serta mengawasi segala kegiatan anggota MPAJA.<sup>88</sup>

<sup>88</sup> Indrajaya Abdullah, *Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 127. Indrajaya Abdullah menegaskan mulai tarikh tersebut dianggarkan seramai 160 orang anggota pasukan Force 136 telah dihantar ke Tanah Melayu untuk membantu dan

Bagaimanapun, menjelang Julai 1945, kekuatan anggota pasukan bersenjata MPAJA di negeri-negeri Melayu dikatakan telah meningkat sehingga melebihi 10,000 orang. Kebanyakannya anggotanya terdiri daripada masyarakat Cina kelas pekerja dan hanya sejumlah kecil daripada golongan intelektual dan juga daripada bukan kalangan orang Cina.<sup>89</sup> Bagaimanapun, pada Oktober 1945, kekuatan anggota MPAJA telah dianggarkan semula. MPAJA dianggarkan mempunyai kekuatan seramai 7,000 orang setelah anggaran separuh daripada mereka telah menyerah diri atau meletak senjata dengan melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat.<sup>90</sup> Malah, dianggarkan juga, 95 peratus daripada gerila MPAJA adalah terdiri daripada orang Cina, seperti yang dinyatakan dalam petikan berikutnya.<sup>91</sup> Manakala, ulasan yang dibuat oleh Harry Miller dalam bukunya *The History of Malaya*, beliau menjelaskan bahawa:

During the occupation, the communist guerrillas called themselves the ‘Malayan People Anti-Japanese Army’. They grew in strength as hundred of young Chinese rubber tapper, miners, vegetable gardeners, woodcutters, barbers, shop assistants and house servants joined them in order to fight the Japanese.<sup>92</sup>

Manakala, menurut wawancara dengan Saad bin Ariffin, beliau menyatakan kedudukan situasi ketika itu:

Lepas Jepun lari lari tu [kalah perang], depa [komunis] bangkitlah berapa hari, depa bangkitlah [memerintah]. Ramailah meneru-neru [jumlah yang ramai] Cina komunis semua, pakaian kuning semua depa [Bintang Tiga], topi bucu lima, bintang tiga,...Kebanyakan komunis ini banyak Cinalah, Cina. Melayu kita ni ada, ada juga, tapi depa [orang Melayu] taklah tunjuk sangat [kurang], tapi banyak, Cinalah.<sup>93</sup>

---

melatih pasukan gerila MPAJA. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Haniff Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 11.

<sup>89</sup> CO 574/88-90, British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. 11. Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis 1 November 1945, hlm. 1. Lihat juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 292-293; Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, hlm. 294; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 292-293; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*; Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 262.

<sup>90</sup> CO 574/88-90, British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. 11. Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis 1 November 1945, Bab 1, hlm. 20.

<sup>91</sup> Victor Purcell, ‘Introduction’ dalam Hanrahan Gene. Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 14.

<sup>92</sup> Harry Miller, *The Story of Malaysia*, hlm. 196.

<sup>93</sup> Wawancara dengan Saad bin Ariffin, 11 Mei 2010. Lihat dalam Ahmad Zaki Mohd Johari, ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan’, Tesis MA., Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains

Bagaimanapun, menurut pandangan pihak komunis, perubahan dasar British untuk bekerjasama dengan PKM yang diwakili oleh MPAJA ketika itu adalah suatu tindakan terdesak dan langkah terakhir British untuk mendapatkan semula sebuah wilayah dan maruah yang hilang setelah kalah dalam perang dengan Jepun. Mulai tarikh tersebut, daripada penghujung tahun 1941 hingga 1945, PKM dan British telah menjadi rakan sekutu bagi menentang musuh mereka yang sama, iaitu Jepun.<sup>94</sup> Bagaimanapun, dengan kekalahan Jepun pada 15 Ogos 1945, bererti Operasi ZIPPER yang melibatkan kerjasama daripada PKM untuk melakukan serangan balas (D DAY) terhadap Jepun yang dikordinasi perancangannya dari dalam dan luar negara pada 9 November 1945, telah dibatalkan. Walaupun PKM-MPAJA, sememangnya banyak membantu British mengusir Jepun keluar dari Tanah Melayu, tetapi berdasarkan perjanjian antara PKM dengan Pakatan Bersekutu yang dimeterai sebelum itu, maka peranan PKM-MPAJA dan masa hadapan pertubuhan itu di negara ini, untuk menjaga keamanan negara tidak lagi dikehendaki dan pasukan itu perlu dibubarkan. Ini berikutan perjanjian yang dimeterai tersebut menjelaskan bahawa kekuasaan British di Tanah Melayu akan diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan kolonial itu setelah keamanan dan peraturan negara dapat dipulihkan semula.<sup>95</sup>

## Kesimpulan

Kerjasama antara kerajaan British dengan PKM bermula dengan ancaman Jepun terhadap negara-negara yang berfahaman komunis dan kapitalis. Jepun telah meluaskan kuasanya ke China komunis dan negara-negara di Asia Tenggara yang

---

Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, bab 1, hlm. 20; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 130.

<sup>94</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 11. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 11 dan 16.

<sup>95</sup> Memorandum On The Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, Para. 22, hlm. 3. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 123 dan 124.

berfahaman kapitalis. Ini bermakna, British dan PKM serta Kuomintang, terpaksa bersatu tenaga menentang musuh mereka bersama. Tambahan pula, dengan kejayaan Jepun mempengaruhi INA dan beberapa parti berhaluan kiri di Tanah Melayu seperti KMM untuk bekerjasama dengannya bagi menentang British. Dengan itu, British berusaha untuk mengimbangi kembali kuasanya dengan Jepun. Perkara ini dilakukan dengan menjadikan PKM sebagai rakan sekutunya. Oleh itu, PKM telah diberi bantuan dengan pelbagai keperluan, baik dari segi persenjataan, kewangan, latihan, bagi menentang pendudukan Jepun dari dalam negara. Dengan ikatan kerjasama itu, British terpaksa melupakan untuk tempoh sementara waktu, permusuhan yang berlaku antara mereka dengan PKM, ketika meletusnya Perang Dunia Kedua.

## BAB 4

### KERJASAMA PKM-BRITISH DI TANAH MELAYU PASCA PERANG, 1945-1946

#### Pengenalan

Bab ini menerangkan mengenai kerjasama antara British dengan PKM semasa era pasca perang, iaitu tempoh ketika PKM diberi mandat oleh British untuk mentadbir Tanah Melayu dan ketika tempoh Tanah Melayu diperintah oleh BMA yang berakhir pada penghujung Mac 1946. Sebelum Perang Dunia Kedua berakhir sekitar awal tahun 1945, kerajaan British telah merangka dan meluluskan satu bentuk pemerintahan secara ketenteraan di Tanah Melayu. Bagaimanapun, sebelum pemerintahan tentera British dikuatkuasakan, PKM-MPAJA diberi kuasa oleh kerajaan British untuk mengurus pentadbiran negara, sebagaimana perjanjiannya dengan SEAC sebelum itu. Kerjasama PKM-British dalam bidang ketenteraan adalah berterusan dalam tempoh waktu berkenaan. Bagaimanapun, PKM diberi tempoh untuk membubarkan pasukan tenteranya MPAJA, di samping itu mereka juga diberi peluang untuk melibatkan diri dalam proses pentadbiran negeri-negeri Melayu dengan menganggotai beberapa jawatankuasa tertentu bagi membantu British mentadbir negeri-negeri Melayu. Kerjasama erat antara kedua-dua pihak adalah berterusan sehingga pada pertengahan tahun 1946, sebelum PKM mula menunjukkan sifat perseteruan mereka secara terang-terangan terhadap kerajaan British, dengan berpandukan prinsip perjuangan mereka yang bersifat anti-kapitalis-imperialis.

#### PKM Menguasai Negeri-Negeri Melayu

Sebaik berita mengenai penyerahan Jepun pada 15 Ogos 1945 tersebar pantas, gerila MPAJA segera keluar dengan sejumlah tentera yang besar meninggalkan kem mereka

di hutan, lalu memasuki bandar dan kampung, dengan watak sebagai pejuang. Mereka menguasai kawasan tersebut seberapa segera. Dalam pada itu, MPAJA turut mengambil kesempatan menyerang pos tentera dan polis Jepun, yang terpencil dan merampas peralatan senjata. Dalam tempoh itu, MPAJA telah memainkan peranan sebagai pasukan polis bagi menegakkan undang-undang dan peraturan sehingga kedatangan semula tentera British untuk menguatkuasakan semula undang-undang.<sup>1</sup>

Dengan itu, MPAJA kini muncul sebagai satu-satunya kumpulan tentera bersenjata yang terbesar di Tanah Melayu, selain dianggap terkuat, berdisiplin, dan memiliki organisasi yang tersusun baik pada peringkat awal pasca perang dengan memiliki keanggotaan seramai 10,000 orang. Mereka menguasai dua pertiga atau 70 peratus daripada kawasan di Tanah Melayu serta satu pertiga daripada penduduknya. Dengan itu, hampir semua bandar, pekan dan kampung di seluruh negara dikuasai oleh PKM-MPAJA, kecuali beberapa kota besar seperti Singapura, Pulau Pinang, dan Melaka. Beberapa tempat penting juga diambil alih oleh PKM-MPAJA terutamanya bangunan kerajaan, sekolah<sup>2</sup> dan mahkamah yang ditinggalkan oleh kerajaan British untuk dijadikan sebagai tempat pentadbiran PKM-MPAJA.<sup>3</sup>

Dengan sekembalinya British ke Tanah Melayu, PKM telah pun bergerak sebagai sebuah pertubuhan politik yang sah. Ini berikutan pengharaman ke atas parti tersebut digugurkan oleh Gabenor Sir Shenton Thomas, pada pertengahan Disember

<sup>1</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan, 1983, hlm. 293. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 48; James Wong Wing On, *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences Of Abdullah C.D, Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, hlm. XIV; Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 462.

<sup>2</sup> Sekolah Cina Tit Bin di Pantai Remis, Perak, dijadikan pusat pentadbiran PKM-MPAJA, Mahkamah Rakyat, latihan berkawat, perbarisan dan tempat pembunuhan. Lihat keterangan Mohd Noor bin Zakari, Pengkalan Bharu, Pantai Remis, Perak, 16 Februari 2010; Ismail bin Mohd Syed, 07 Mei 2010; Abu Bakar bin Lebai Hashim, Batu 51, Sungai Batu, Pantai Remis, Perak, 01 April 2010.

<sup>3</sup> Di Daerah Manjung, Perak, terdapat tiga buah bangunan mahkamah yang didirikan oleh kerajaan British sebelum Perang Dunia Kedua. Mahkamah tersebut terletak di Simpang Ampat (Sitiawan), Lumut dan Beruas. Lihat dalam Perak Secretariat 517/48, hlm. 10. Bagaimanapun, semasa pemerintahan Bintang Tiga, bangunan Mahkamah Beruas, telah dijadikan pusat pentadbiran PKM-MPAJA, dan bersebelahan premis itulah diadakan perbicaraan Mahkamah Rakyat. Lihat wawancara dengan Abu Bakar bin Yahya, Kampung Tersusun, Beruas, Perak, 23 September 2010; Mahmud bin Hamzah, Batu 36, Jalan Sitiawan, Beruas. 21 Oktober 2010; Mohd Noor bin Hamzah, Pengkalan Bharu, Pantai Remis, Perak 04 Mei 2010. Ahmad Zaki bin Mohd Johari, ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian berdasarkan Sumber Lisan’, Disertasi MA Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaysia Kuala Lumpur, 2011, hlm. 41.

1941. PKM-MPAJA, kemudiannya memainkan peranan penting dan berharga, sebagai sekutu utama kepada Pemerintahan Tentera British (BMA), sejak perang dan pada peringkat awal pendudukan semula British, ketika pasca perang.<sup>4</sup> Dalam tempoh hampir sebulan memerintah Tanah Melayu iaitu dalam tempoh peralihan kuasa (15 Ogos-12 September 1945), PKM segera bertindak dengan menggariskan ‘Lapan Prinsip’ (Eight Principles/8Principles) sebagai dasar perjuangannya untuk memerintah Tanah Melayu. Prinsip tersebut adalah lanjutan daripada 10 Prinsip Perjuangan (Ten Principles) yang diterbitkan oleh PKM sebelum itu. Ini berpandukan pada sebuah artikel yang telah dirampas oleh kerajaan kolonial British pada tahun 1940.<sup>5</sup> Dengan kesempatan untuk seketika memerintah Tanah Melayu, PKM-MPAJA telah menubuhkan beberapa organisasi bagi mengukuhkan kedudukan mereka sebaik sahaja menguasai negara ini. PKM kini menubuhkan Jawatankuasa Rakyat dan Mahkamah Rakyat, serta menyusun organisasi barisan hadapan mereka yang terdiri daripada persatuan-persatuan wanita, NDYL dan GLU. Walaupun begitu, GLU masih merupakan nadi utama kepada gerakan komunis.<sup>6</sup> Dengan merujuk petikan berikut, ia menjelaskan lagi penguasaan PKM terhadap Tanah Melayu dalam tempoh berkenaan:

Meanwhile, in a short period, two weeks after Japanese surrender, the MPAJA had advance and control of town and cities throughout much of Malaya.<sup>7</sup>

The vacuum left by the sudden Japanese surrender was rapidly filled by the MCP and its guerrilla force. The MPAJA emerge as the most power full and the best organized body in the country.<sup>8</sup>

<sup>4</sup> Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301, para 100.

<sup>5</sup> Sel. CA. 162/45. The Selangor State Committee The Communist Party of Malaya, 27 Ogos 1945, hlm. 3. Lihat juga The Communist Party of Malaya dalam Sel. CA. 162/45 (2); Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 147 dan 148.

<sup>6</sup> Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 34.

<sup>7</sup> Rashid Maidin, *From Armed Struggle to Peace*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2009, hlm. 18.

<sup>8</sup> Anthony Short, ‘The Emergency Revisited: Origin, Images and Opportunities’, dalam *Historia* (edited), Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur dan Abdullah Zakaria Ghazali, Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1984, hlm. 373.

Pada peringkat awal sebelum pendudukan semula British di Tanah Melayu, pertubuhan penentang anti-Jepun (Resistance Forces), terutamanya AJUF atau MPAJA, muncul sebagai pertubuhan penentang tempatan terbesar, di samping KMT dan tentera sukarelawan Melayu. Kumpulan penentang anti-Jepun ini telah diberi penghargaan oleh British dalam mengekalkan ketenteraman awam. Oleh itu, satu rancangan telah dirangka bersama antara Pegawai Hal Ehwal Awam dan Force 136, Pelan tersebut diterbitkan pada 20 Ogos 1945. Dalam rancangan tersebut, Force 136 dan pasukan penentang anti-Jepun tersebut, telah diarahkan untuk membantu British seperti mana yang dikehendaki, bagi memelihara undang-undang dan mewujudkan pemerintahan di setiap kawasan Tanah Melayu yang ditinggalkan oleh Jepun. Tujuan British adalah untuk mengawal semua kumpulan penentang anti-Jepun tersebut, dengan cara memberikan mereka tugas-tugas khas. British juga mewujudkan dasar persefahaman antara kumpulan tersebut ketika mereka menjalankan tugas, sementara untuk menunggu kedatangan semula kerajaan British untuk mentadbir Tanah Melayu, sehingga akhirnya kumpulan penentang anti-Jepun tersebut dibubarkan. Walaupun, timbul perasaan simpati terhadap nasib pertubuhan tersebut selepas pembubarannya itu, tetapi kerajaan British tetap bersikap tegas dalam perkara berkenaan. Kumpulan Penentang tersebut sesungguhnya tidak dibenarkan menjadi sebahagian dalam pentadbiran atau untuk mengambil alih tugas yang sepatutnya dilakukan oleh pihak polis dan mahkamah. Dengan itu, pasukan MPAJA yang mentadbir di kebanyakan bandar yang ditinggalkan oleh Jepun hanya melakukan tugas untuk sementara, terutamanya dalam urusan pengagihan makanan, melakukan kawalan serta memelihara peralatan kelengkapan yang ditinggalkan oleh tentera Jepun, sebelum pasukan itu dibubarkan. Bagaimanapun, dengan situasi pasca perang ketika itu, ternyata kerajaan kolonial British sebenarnya terpaksa bergantung kepada PKM-MPAJA untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negara ketika tempoh peralihan

kuasa tersebut.<sup>9</sup> Peranan pasukan penentang anti-Jepun itu diperjelaskan dalam petikan di bawah;

Both the AJUF and Malay-KMT resistance are at the moment assisting force 136 officers to administer these districts awaiting the arrival of the occupying force and CAS(M). they are policing towns evacuated by the Japanese, ensuring the distribution of food, listing collaborators and Japanese deserters.<sup>10</sup>

Setelah menguasai sebahagian besar bandar di negara ini, PKM-MPAJA segera meraikan kejayaan mengambil alih Tanah Melayu. PKM mengadakan perarakan kemenangan di setiap bandar yang mereka kuasai dan menubuhkan Mahkamah Rakyat bagi menghukum mereka yang dianggap sebagai pengkhianat. Dalam tempoh tersebut, kesempatan ini digunakan oleh PKM bagi mewujudkan seberapa segera cawangan pertubuhan mereka di kebanyakan bandar besar. Jawatankuasa Rakyat (People Committee) atau dikenali juga sebagai Jawatankuasa Autonomi. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan di semua bandar dan kampung yang dikuasai serta menggalakkan penyertaan rakyat bagi penubuhan sebuah kerajaan demokrasi tempatan yang bebas, dengan ditadbir oleh penduduk, di samping membantu kerajaan British dalam pengagihan bahan makanan berjalan lancar dan kawalan terhadap harga dan pasaran barang. PKM juga menubuhkan Mahkamah Rakyat, bagi menjatuhi hukuman terhadap mereka yang mengkhianati perjuangan anggota PKM-MPAJA semasa pendudukan Jepun.<sup>11</sup>

<sup>9</sup> Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301, Para 100. Lihat juga Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 66-67; James Wong Wing On, *From Pacific War to Merdeka: Reminiscences Of Abdullah C.D. Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, hlm. XIV; Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 293; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 6 dan 16; Khong Kim Hoong, *Merdeka; British rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 68.

<sup>10</sup> Memorandum On The Force 136 Organization In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O. 227/42, Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, hlm. 2.

<sup>11</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm 150 dan 151; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 17; Khong Kim Hoong, *Mereka; British rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 47, 68 dan 69; Kua Kia Soong, *Merdeka! Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence*

Bagaimanapun, pada peringkat awal pemerintahan di Tanah Melayu, PKM telah mendapat populariti besar daripada rakyat, tetapi keadaan tersebut tidak bertahan lama akibat langkah dan tindakan keras mereka menghapuskan orang yang dianggap sebagai pembelot, bekerjasama dengan Jepun sebagai tali barut, memberi maklumat kepada Jepun mengenai operasi dan kegiatan pasukan penentang anti-Jepun.<sup>12</sup> Bagaimanapun, kebanyakan sarjana sejarah berpandangan, dalam tempoh dua hingga tiga minggu ketika Tanah Melayu di bawah pemerintahan PKM, berlaku pelanggaran besar dalam sistem perundangan di Tanah Melayu. Bagaimanapun sebenarnya, penguatkuasaan semula sistem perundangan British, hanya bermula pada 12 September 1945. Perkara tersebut dirujuk dengan andaian sebahagian besar wilayah di Tanah Melayu telah pun dikuasai semula oleh tentera British.<sup>13</sup> Petikan di bawah menunjukkan, bagaimana komunis melakukan tindakan keras mereka terhadap golongan yang dianggap pengkhianat:

The MCP and MPAJA guerrillas came out of jungle and quickly took the law into their own hands by taking revenge on those by holding kangaroo court and carrying out summary execution.<sup>14</sup>

The MCP and MPAJA continued to seize control of large parts of the country during the interregnum. As the Japanese were concentrated in the larger town, the guerrillas embarked on a brutal form of summary justice against random pro-Japanese element, including civil and military police, profiteer, as well as Butai and Kempetai agents. Suspected informer were hunted down, and others on MPAJA's blacklist. Girls who had been mistresses of Japanese were arrested and either marched or dragged through the streets of town to be dealt with in summary trials.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Struggle, hlm. 34; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 60 dan 61; J.J. Raj, Jr. *The War Year and After*, Selangor Darul Ehsan: Pelandok Publications, 1995, hlm. 49.

<sup>13</sup> SECRET. AGMU. 310/46, 2A. Surat Rahsia HQ BMA(MP) K. Lumpur 15 Mac 1946 kepada DCAO., No.6 Region, Johor Bahru, dalam M.U. No. 1763/1946. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 17.

<sup>14</sup> Surat Pekeling Rahsia Lt. Col F.R. Massey, Legal Officer BMA (MP), HQ BMA (MP), Kuala Lumpur kepada SCAO., bertarikh 15 Mac 1946, Para 1. Lihat juga surat bertajuk 'Prosecution of Members of the MPAJA' oleh D.B.W. Good, Crown Council's Chambers, Malayan Union, Kuala Lumpur kepada C.M. Sheridan Esqr, Crown Council, Kuala Trengganu, bertarikh 9 Oktober 1946, Para 3.

<sup>15</sup> Anthony Short, 'The Emergency Revisited: Origin, Images and Opportunities', dalam *Historia* (edited), Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur dan Abdullah Zakaria Ghazali, hlm. 373.

<sup>15</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 462.

Terdapat banyak laporan atau kes, dalam tempoh peralihan kuasa tersebut, pasukan MPAJA telah menangkap kakitangan kerajaan terutamanya daripada pasukan polis yang terdiri daripada orang Melayu dan Sikh, termasuk pegawai daerah, dan pengkhianat. Ketika pemerintahan Jepun, anggota polis kebanyakannya dianggotai oleh dua kaum utama tersebut, telah digunakan untuk menentang dan menekan kumpulan penentang anti-Jepun (AJUF/MPAJA) yang terdiri daripada kalangan orang Cina.<sup>16</sup> Kebanyakan mereka yang ditangkap oleh pasukan PKM-MPAJA akan dijatuhi hukum mati. Mereka dituduh mengkhianati perjuangan MPAJA, membantu musuh, sama ada menjadi anggota tentera Jepun atau bekerja sebagai kakitangan awam Jepun serta menyalurkan maklumat kegiatan MPAJA kepada musuh (Jepun). Bagaimanapun, tindakan zalim yang dilakukan oleh MPAJA sebenarnya adalah di luar pengetahuan pegawai SEAC.<sup>17</sup> Tertuduh pula akan didakwa di Mahkamah Rakyat. Mereka diadili dan dihukum oleh pihak komunis secara terbuka dengan disaksikan oleh orang ramai, seperti mana yang berlaku di Mahkamah Rakyat MPAJA di Pantai Remis dan Beruas (Lihat ilustrasi dalam halaman lampiran), kedua-dua bandar kecil ini terletak di negeri Perak. Keadaan yang sama juga berlaku di kebanyakan tempat yang dikuasai oleh MPAJA<sup>18</sup>

<sup>16</sup> Antara kakitangan kerajaan yang menjadi mangsa pembunuhan kejam Bintang Tiga (MPAJA) ialah cikgu Mad Noor yang berkhidmat sebagai guru besar di Sekolah Melayu Sungai Batu, Pantai Remis, Perak. Ismail bin Yeop, seorang anggota polis, berasal dari Kampung Kota, Beruas, Perak dan pernah berkhidmat di Pengkalan Baharu, Pantai Remis, Perak dan Yahya bin Haji Bakri, seorang mata-mata gelap polis, berkhidmat di Batu Pahat, Johor. Wawancara dengan Abdul Mutualib bin Mohamed, pada 16 Disember 2009. Lihat juga Ismail bin Mohd Syed, 7 Mei 2010; Saad bin Ariffin, 11 Mei 2010; Malayan Union No. 1763/1946, CP/MU 569/46, AGMU 310/46. Asiah binti Haji Hassan, 'Request That Enquiry be Held Regarding the Murder of Her Late Husband, Yahya bin Haji Bakri,' hlm. 1; Ahmad Zaki Mohd Johari, 'Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan', Disertasi MA, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 101; Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301 dan 302.

<sup>17</sup> PHG. Conf. 103/47. MPAJA Amnesty. Surat Lt. Col. F.R. Massey, Legal Officer, BMA (MP), HQ BMA (MP), K. Lumpur, 15.3.1945. Lihat juga Memorandum On The Force 136 Organization In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F. Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, Para 16, helaian 3; Ho Hui Ling *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 17.

<sup>18</sup> Istilah Mahkamah Rakyat ini dipinjam daripada tulisan Abdullah C.D dalam buku beliau, *Abdullah C.D, Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 24. Mahkamah Rakyat telah ditubuhkan sejak awal pendudukan Jepun di Tanah Melayu tetapi berleluasa pelaksanaannya selama tempoh penguasaan PKM di Tanah Melayu. Di Beruas Perak, Mahkamah Rakyat diadakan di tengah-tengah bandar kecil tersebut dengan disaksikan oleh orang ramai. Tiga mangsa dijatuhi hukuman mati, dua orang berketurunan Melayu dan seorang anggota polis berketurunan Sikh. Di Pantai Remis, Perak, Mahkamah Rakyat dijalankan di padang bola keranjang di sekolah Cina Tit Bin. Due orang mata-mata gelap berketurunan Cina, suami isteri dari Pulau Pangkor telah didakwa di hadapan orang ramai. Kedua-duanya dijatuhi hukuman mati. Wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, 07 Mei 2010; Abu Bakar bin Lebai Hashim, Batu 51, Sungai Batu, Pantai Remis, Perak, 01 April 2010; Abu Bakar bin Yahya, 01 Mei 2010; Ariffin bin Yahya, Kampung Mandi Upah, Jalan Sitiawan, Beruas, Perak, 10 Julai 2010. Suriani Abdullah, *Setengah Abad*

Mereka yang menjadi mangsa hukuman mati daripada Mahkamah Rakyat tersebut terdiri daripada pelbagai kaum. Berdasarkan keutamaan kaum, kebanyakan mangsa terdiri daripada orang Cina dan diikuti mereka yang berketurunan Sikh, Melayu, Jepun dan Tamil. Dianggarkan, sejumlah 2,542 orang yang dituduh sebagai pengkhianat telah dijatuhi hukum bunuh oleh tentera MPAJA kerana didapati bersubahat dengan Jepun untuk memerangi MPAJA.<sup>19</sup> Bryan C. Cooper dalam bukunya berjudul *Decade of Change* telah mengulas dengan lanjut mengenai identiti mereka yang didakwa di Mahkamah Rakyat, yang dianggap sebagai pengkhianat oleh komunis dan sememangnya mereka ini dianggap wajar dihapuskan:

The MCP and MPAJA continued to seize control of large part of the country during in interregnum. As the Japanese were concentrated in the large town areas, the guerrillas embarked on a brutal form of summary justice against random pro-Japanese element, including civil and military police, profiteers, as well as Butai and Kempetai agents. Suspected informers were hunted down, and other on MPAJA's black list. Girls who had been mistresses of Japanese were arrested and either marched or dragged through the streets of town to be dealt with in summary trials...Sikh policemen were prime target for revenge as they had been ruthlessly efficient and loyal to the Japanese. Sikh and Malay police, left behind as the Japanese withdrew, became the first victim of reprisals.<sup>20</sup>

Penubuhan Mahkamah Rakyat, merupakan suatu proses penting bagi PKM dalam usaha mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi dan perlu pengadilan segera. Tindakan itu juga adalah sebahagian daripada agenda perang PKM menentang pendudukan Jepun.<sup>21</sup> Oleh itu, peranan Mahkamah Rakyat kepada PKM, bukan sekadar cawangan kepada MPAJA bagi mengendalikan kes-kes jenayah seperti

<sup>18</sup> Dalam Perjuangan, hlm. 29; Khong Kim Hoong, *Merdeka, British Rule and The Struggle for Independence in Malaya 1945-1957*, hlm. 87; J.J. Raj, Jr. *The War Year and After*, hlm. 49; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 15.

<sup>19</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 23. Lihat juga Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 460; J.J. Raj, Jr. *The War Year and After*, hlm. 50; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 17.

<sup>20</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 462.

<sup>21</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 23.

pencuri dan penjahat, tetapi juga badan pendakwa terhadap mereka yang didapati menentang PKM,<sup>22</sup> terutamanya mereka yang bekerja sebagai kakitangan tentera Jepun, pengintip dan pengkhianat MPAJA<sup>23</sup> MPAJA melaksanakan hukuman mati ke atas mangsa yang didapati bersalah dengan cara yang sangat zalim dan ganas. Bom tangan, senapang patah, pistol, benet, cangkul dan juga tangan, adalah peralatan senjata yang digunakan untuk membunuh mangsa. Tugas melaksanakan pembunuhan dilakukan oleh skuad pembunuhan PKM.<sup>24</sup>

Bagaimanapun, dalam tempoh zaman perang hingga tempoh peralihan Jepun menyerah kalah dan sebelum penguatkuasaan Undang-Undang British, mulai 12 September 1945, telah berlaku banyak kejadian pembunuhan terhadap mereka yang disyaki sebagai pengintip dan pemberi maklumat mengenai pasukan MPAJA kepada Jepun.<sup>25</sup> Mangsa-mangsa tersebut telah menerima hukuman mati daripada Mahkamah Rakyat PKM-MPAJA:

The MPAJA introduced a reign of terror, meted out their own brand of justice and mercilessly persecuted so-called collaborators, informers, the local Kempetai members and others whom they charged as traitors with their People Court trials.<sup>26</sup>

Bagaimanapun, pentadbiran British mendakwa, mereka yang menerima hukuman daripada komunis melalui Mahkamah Rakyat PKM itu sebenarnya terdiri daripada mereka yang mengancam keselamatan pasukan MPAJA semasa pendudukan

<sup>22</sup> Surat Pekeling Rahsia Lt. Col F.R. Massey, Legal Officer BMA (MP), HQ BMA (MP), Kuala Lumpur kepada SCAO., bertarikh 15 Mac 1946, Para 1.

<sup>23</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 23 dan 24. Lihat juga Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 29.

<sup>24</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 460-461. Wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, 07 Mei 2010; Abu Bakar bin Lebai Hashim, Batu 51, Sungai Batu, Pantai Remis, Perak, 01 April 2010; Mohd Noor bin Zakari, Pengkalan Bharu, Pantai Remis, Perak. Temu bual pada, 16 Februari 2010.

<sup>25</sup> PHG. Conf. 103/47. MPAJA Amnesty. Surat Lt. Col. F.R. Massey, Legal Officer, BMA (MP), HQ BMA (MP), K. Lumpur, 15.3.1945. Lihat juga J.J. Raj, Jr. *The War Year and After*, hlm. 50; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 17.

<sup>26</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change, Malaya and the Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 460 dan 461.

Jepun di Tanah Melayu. Oleh itu, tidak ada dakwaan yang boleh diambil terhadap anggota pasukan tersebut. Keadaan ini berdasarkan adanya perjanjian hubungan kerjasama antara British dengan PKM.<sup>27</sup> Malah, pernyataan yang dikeluarkan oleh BMA menyatakan bahawa, perkara tersebut (hukuman mati yang dilaksanakan oleh Mahkamah Rakyat PKM-MPAJA) bukanlah di bawah bidang kuasa BMA, sekiranya mereka (PKM) menganggotai Pakatan Bersekutu. Oleh itu, tidak ada apa-apa tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.<sup>28</sup> Hubungan erat antara British dengan MPAJA itu dijelaskan berdasarkan sepucuk Surat Pekeliling Rahsia daripada Lt. Kol. F.R. Massey, Pegawai Undang-undang BMA, kepada SCAO, seperti dalam petikan di bawah:

BMA state that they have no jurisdiction over them if they are members of the allied forces. AA sections 176 sets out the people who are subjected to military law and their organization which if of a guerilla type might be covered by sub-section 3 or possibly by sub-section (9) or (10).<sup>29</sup>

MPAJA is an allied force not under direct command. It has however accepted S.E.A.C. Operational Command, and for this purpose control is effected through British Liaison officers attached to MPAJA formations, from central H.Q, down to patrols. These British Liaison Officers, are in touch with army formation commanders, either directly or through Force 136 Liaison Officers.<sup>30</sup>

Keadaan ini berlaku, berikutan dengan dakwaan terhadap dua anggota pasukan MPAJA, yang bertanggungjawab menyebabkan kematian dua orang pegawai berketurunan Melayu dan seorang pegawai daripada pasukan penyiasat (Brigade Intelligence Officer) yang turut diculik. Oleh itu, timbul persoalan sama ada anggota

<sup>27</sup> Surat Pekeliling Rahsia Lt. Col F.R. Massey, Legal Officer BMA (MP), HQ BMA (MP), Kuala Lumpur kepada SCAO., bertarikh 15 Mac 1946, Para 1. Lihat juga MEMORANDUM dalam M.U. No. 1763/1946 bertarikh 19.8.1946.

<sup>28</sup> PHG. Conf. 103/47. MPAJA Amnesty. Surat Lt. Col. F.R. Massey, Legal Officer, BMA (MP), HQ BMA (MP), K. Lumpur, 15.3.1945.

<sup>29</sup> DCCAO., 227/45 Discipline-Malayan People Anti-Japanese Army. Surat dari Lt. Gen. 34 Indian Corp, SEAC, bertarikh 23 Okt 1945 kepada O.C Det. Force 136, HQ 34 Indian Corp, HQ BMA (M). hlm. 19.

<sup>30</sup> CO 574/88-90, British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. 11. Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis 1 November 1945, hlm. 2.

MPAJA itu boleh didakwa di bawah undang-undang jenayah. Dalam kes tersebut, Lt. Kol. Davies pernah menghubungi pihak MPAJA sebelum Jepun menyerah kalah. Pernyataan daripada MPAJA menjelaskan bahawa mereka ada membuat persetujuan untuk bekerjasama dalam operasi di bawah Pakatan Bersekutu, tetapi tidak menyebut sama ada ianya diletakkan di bawah Undang-Undang Tentera, kerana dalam AA Seksyen 176, ada menyatakan mana-mana anggota dan organisasi yang menjadi subjek kepada undang-undang tersebut adalah dilindungi, berdasarkan Sub-Section (3) atau mungkin Sub-Section (9) atau Sub-Section (10). Oleh itu, satu polisi undang-undang yang baru perlu dibuat bagi mengatasi masalah ini.<sup>31</sup>

in many cases executed known collaborators and informers who might have prejudiced the security of the resistance organization. it has therefore been decided that if it can be proved by reference to the AJA Group Leader in any state that any reported case of murder or abduction during that period was in fact such an execution, no further action againts the accused should be taken.

and if they are satisfied that the apparent crime was in fact an MPAJA execution, they will not of course proceed with the cases. If, however after investigation the police are not satisfied then if the defence have any evidence to offer on the subject, the onus is on them to produce it.<sup>32</sup>

Even if a conviction was obtained, the special court would probably only impose a nominal sentence.<sup>33</sup>

Dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Rahsia oleh Lt. Kol. F.R. Massey iaitu Pegawai Undang-Undang BMA, beliau jelas menyatakan sebarang kegiatan anggota MPAJA yang melakukan pembunuhan dan penculikan terhadap anggota penyiasat

<sup>31</sup> DCCAO., 227/45 Discipline-Malayan People Anti-Japanese Army. Surat dari Lt. Gen. 34 Indian Corp. SEAC, bertarikh 23 Okt 1945 kepada O.C Det. Force 136, HQ 34 Indian Corp, HQ BMA (M). hlm. 19. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301. Peristiwa pembunuhan ke atas dua orang pegawai Melayu dan penculikan seorang pegawai risikan itu berlaku di utara Perak

<sup>32</sup> PHG. Conf. 103/47. MPAJA Amnesty. Surat Lt. Col. F.R. Massey, Legal Officer, BMA (MP), HQ BMA (MP), K. Lumpur, 15 . 3 . 1945.

<sup>33</sup> MEMORANDUM dalam M.U. No. 1763/1964 bertarikh 19.8.46.

atau mata-mata gelap dan pemberi maklumat rahsia pasukan MPAJA terhadap tentera Jepun, dalam tempoh zaman perang dan zaman peralihan antara kekalahan Jepun sehingga tarikh sebelum berkuat kuasanya undang-undang British pada 12 September 1945. Sebenarnya, pada tarikh tersebut juga, Laksamana Lord Louis Mountbatten, telah menerima secara rasmi peletakan senjata seluruh tentera Jepun bagi kawasan Asia Tenggara dengan diketuai oleh Leftenan General Itagaki. Upacara tersebut berlangsung berhampiran Bangunan Perbandaran yang terletak di City Hall, Singapura. Maka, dalam tempoh itu, arahan daripada Ibu Pejabat BMA menjelaskan bahawa, tidak ada tindakan yang boleh diambil ke atas anggota MPAJA dan sekiranya terdapat bukti kesalahan berlaku pada anggota MPAJA, maka kes tersebut hendaklah tidak diketengahkan. Sekiranya siasatan pihak polis mendapati terdapatnya bukti yang jelas terhadap kesalahan tersebut, bukti tersebut hendaklah digugurkan. Keadaan ini berikutan, kewujudan pasukan MPAJA dan operasi yang dijalankan oleh pasukan tersebut adalah suatu yang wajar dan dibenarkan, sehingga tarikh tersebut atas keperluan dan kepentingan ketenteraan. Kes berkenaan dapat dilihat dengan penahanan lima orang anggota MPAJA iaitu Tay Tua Koh (ketua parti dan pegawai MPAJA), Koon Chong (anggota MPAJA tanpa beruniform), Eng Tsu Mow (anggota beruniform MPAJA), Eng Ah Mi (anggota beruniform MPAJA), dan Tey Cheng Hoe. Mereka didakwa terlibat dalam pembunuhan ke atas Yahaya bin Haji Bakri, seorang anggota polis penyiasat di Batu Pahat, Johor, pada 14 September 1945. Jenazah beliau ditanam di jirat Cina, Jalan Tanjong Laboh, Batu Pahat. Bagaimanapun, dalam kes berkenaan, kelima-lima anggota MPAJA tersebut dibebaskan. Keadaan ini berikutan, siasatan kerajaan menunjukkan si mati, iaitu Yahaya bin Haji Bakri, didapati bersikap anti-AJUF (AJUF).<sup>34</sup> Petikan berikut membuktikan tindakan PKM-MPAJA itu sememangnya mendapat perlindungan British atas sebab kepentingan ketenteraan;

<sup>34</sup> Pekeling Rahsia, 15 Mac 1946: ‘Offences of Murder, Abduction etc., by Members of the MPAJA up to 12.9.1945’, Oleh Lt.

During the war and during the transition period between the Japanese Surrender and the arrival of British Force on the 12<sup>th</sup> September 1945, the MPAJA was operational and in many cases executed known collaborators and informers who might have prejudiced the security of the resistance organization,... any reported case of murder or abduction during that period was in fact such an execution, no further action against the accused should be taken.<sup>35</sup>

if they are satisfied that the apparent crime was in fact an MPAJA execution, they will not of course proceed with the case. If, however, after investigation the police are not so satisfied, then if the defense have any evidence to offer on the subject, the onus is on them to produce it.<sup>36</sup>

Dalam pada itu, sebaik sahaja Jepun menyerah kalah, Setiausaha Agong PKM, Lai Tek mempertimbangkan cadangan sebahagian daripada anggota MPAJA, termasuklah cadangan daripada Komander Liew Yau daripada Rejimen Pertama MPAJA yang beroperasi di Selangor, untuk merampas kuasa pentadbiran di Tanah Melayu. Keadaan ini berasaskan, sebelum kembalinya kolonial British di Tanah Melayu, sekitar September 1945, PKM berada dalam kedudukan yang sangat baik untuk melakukan rampasan kuasa tersebut. Bagaimanapun, Lai Tek kemudiannya menolak cadangan tersebut dan sebaliknya membuat keputusan untuk berjuang melalui sistem perundangan yang sah dengan mengalu-alukan kedatangan semula kuasa British ke Tanah Melayu.<sup>37</sup> Tindakan Lai Tek tersebut berasaskan, PKM telah terikat dengan perjanjian yang telah dipersetujui sebelum itu, untuk bekerjasama

Kol. Massey (Pegawai Undang-Undang BMA) Head Quarters BMA, Kuala Lumpur dalam PHG, Conf. 103/47. MPAJA Amnesty. Lihat juga MEMORANDUM., dalam M.U. No. 1763/1946, bertarikh 19.8.1946; Malayan Police, Salinan Report, No. Report, 96/46, Rumah Pasong Batu Pahat, hlm. 1, dalam Malayan Union No. 1763/1946; SECRET, Major R.D. Lloyd, Deputy Legal Officer, Office of Legal Officer, Johore, 19.3.1946 kepada Legal Officer, BMA (MP), Kuala Lumpur, dalam Malayan Union No. 1763/1946; AGMU 310/310/46; Lt. Col. F.R. Massey Legal Officer, BMA (MP), HQ BMA (MP) K. Lumpur, 15.3.1946, kepada DCAO., No. 6 Region, Johore Bahru (for DLO.), Perkara Offences of Murder, abduction etc., by Members of the MPAJA up to 12.9.1945; Margaret Shennan, *Out in the Midday Sun: The British in Malaya, 1880-1960*, hlm. 297-298; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 16.

<sup>35</sup> Pekeling Rahsia, 15 Mac 1946: ‘Offences of Murder, Abduction etc., by Members of the MPAJA up to 12.9.1945’, Oleh Lt. Kol. Massey (Pegawai Undang-Undang BMA) Head Quarters BMA, Kuala Lumpur dalam PHG, Conf. 103/47, MPAJA Amnesty. Lihat juga MEMORANDUM, dalam M.U. No. 1763/1946, bertarikh 19.8.1946.

<sup>36</sup> Pekeling Rahsia, 15 Mac 1946: ‘Offences of Murder, Abduction etc., by Members of the MPAJA up to 12.9.1945’, Oleh Lt. Kol. Massey (Pegawai Undang-Undang BMA) Head Quarters BMA, Kuala Lumpur dalam PHG, Conf. 103/47, MPAJA Amnesty. Lihat juga SECRET. AGMU. 310/46, 2A, Surat Rahsia HQ BMA(MP) K. Lumpur, 15 Mac 1946, kepada DCAO, No.6 Region, Johor Bahru, dalam M.U. No. 1763/1946.

<sup>37</sup> Edgar O’Ballance, ‘Communist Insurgent War in Malaya’, dalam C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 100. Lihat juga Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 299; Cheah Boon Keng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1925-1945*, hlm. 26.

dengan pihak British dengan menerima bantuan latihan, kewangan, senjata dan perubatan untuk gerila komunis. Dalam perjanjian tersebut, PKM juga bersedia untuk menerima arahan daripada pentadbiran British ketika dalam peperangan dan juga arahan sewaktu pendudukan semula kuasa British di Tanah Melayu.<sup>38</sup> Bagaimanapun, British kemudiannya mendapati, organisasi MPAJA tersebut, kini bukan sahaja masih terus kekal bergerak, tetapi kumpulan Resistance Force tersebut kini didapati menjadi lebih kuat berbanding ketika era sebelumnya, iaitu ketika era perang Jepun. Malah, setelah mereka berjaya menghadapi halangan getir pertama ketika perang menentang pendudukan Jepun, kini PKM telah membuat tuntutan lain dengan mengemukakan Cadangan Lapan Perkara (Eight Point Proposal) kepada kerajaan British bagi penubuhan sebuah kerajaan berbentuk demokratik di Tanah Melayu.<sup>39</sup> Petikan di bawah adalah menjelaskan rancangan komunis tersebut:

Indeed it is stronger than before with the removal of its first obstacle and its appearance fully in the open. The common impulse to the movement is now all-politically and manifests itself in reiteration of the 8 point plan and in actions to further it.<sup>40</sup>

Oleh itu, Lai Tek membuat pilihan dengan cara menuntut suatu konsesi daripada kerajaan British, agar mengiktiraf khidmat mereka yang berjuang semasa peperangan, terutamanya perkara yang berkaitan dengan hubungan dan kerjasama yang terjalin antara PKM-MPAJA dengan pihak British ketika era penentangan ke atas Jepun. Dengan beberapa tindakan dan keputusan yang dibuat oleh Lai Tek tersebut, ianya telah mengukuhkan lagi perjuangan PKM melalui sistem perundangan yang sah.<sup>41</sup>

<sup>38</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 24. Lihat Cheah Boon Keng, *Komrad Bertopeng*, hlm. 26.

<sup>39</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 148.

<sup>40</sup> CO 574/88-90 ‘Note on Chinese Resistance Organization in Malaya’ dalam British Military Administration Malay Gezette of the Malay Peninsula, No. II. Vol. 1. Kuala Lumpur, Thursday, 1 November 1945, hlm. 2.

<sup>41</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 147. Lihat juga C.C.Chih dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng; New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 109.

Ketika pemergian pegawai-pegawai Force 136, menemui Komander Lord Louis Mountbatten, di Colombo, Sri Lanka dan ketika belum kembalinya British ke Tanah Melayu, Lai Tek telah bermesyuarat dengan Ahli Jawatankuasa PKM Selangor. Hasil perjumpaan itu, beliau telah membuat keputusan meletakkan satu dasar baru kepada PKM. Tujuannya untuk bekerjasama dengan kerajaan British melalui satu rancangan terbaharu mereka, dalam rangka untuk berjuang menubuhkan sebuah kerajaan sendiri bersifat demokratik di Tanah Melayu.<sup>42</sup> Dalam masa yang sama, PKM meminta kerajaan, melakukan reformasi terhadap kebebasan awam, kebebasan untuk kesatuan sekerja dan usaha membaiki taraf hidup rakyat.<sup>43</sup>

Bagaimanapun, pada 27 Ogos 1945, PKM membuat usul mengenai Eight Principles (Lapan Prinsip/8 Prinsip)<sup>44</sup> kepada kerajaan British, iaitu satu rancangan bagi menubuhkan sebuah negara yang bebas dan merdeka dengan kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi di Tanah Melayu dan Singapura seperti mana yang diamalkan oleh Rusia.<sup>45</sup> Rancangan PKM itu dianggap satu rancangan yang progresif dan lebih ke hadapan daripada perancangan British.<sup>46</sup> Laporan memorandum PKM mengenai Lapan Prinsip parti tersebut telah diserahkan kepada Pegawai Pentadbir BMA, C.C.A.O., General Sir Ralph Hone, pada awal September 1945.<sup>47</sup> Di bawah prinsip tersebut, PKM akan bekerjasama lebih erat dengan kerajaan British bagi pembentukan sebuah negara Tanah Melayu yang baru (New Malaya) seperti yang

<sup>42</sup> Selangor Civil Affairs (Sel. CA). 162/45. Proclamation for Convening the Selangor Peoples' Representatives Conference and Forming the Selangor Peoples State Committee, hlm. 1. Lihat juga C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 109.

<sup>43</sup> Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, Singapore: National University of Singapore: Singapore University Press, 1983, hlm. 99. Lihat juga Cheah Boon Kheng, 'The Legal Period: 1945-48. The Malayan Communist Party and its Relations with Malays, British and 'Bourgeois Nationalists' dalam C. C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues with Chin Peng: New Light on the Malayan Communist Party*, hlm. 100.

<sup>44</sup> Fail-fail daripada Kerajaan British dan sarjana barat merujuk usul tersebut sebagai *Eight Point Proposal* (Cadangan Lapan Perkara). Manakala, fail komunis yang dirujuk menyatakan sebagai *Eight Principles* (Lapan Prinsip). Rujuk Sel. CA.162/45. Proclamation for Convening the Selangor Peoples' Representatives Conference and Forming the Selangor Peoples State Committee, hlm. 1, Para 4. Lihat juga Communist Party of Malaya: 8 Principles, dalam Sel. CA. 162/45 (2).

<sup>45</sup> Sel. CA. 162/45. The Selangor State Committee The Communist Party of Malaya, hlm 3 dan 4.

<sup>46</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1. Lihat juga Tan Cheng Keang, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku' dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, *Darurat 1948-1960*, hlm. 34.

<sup>47</sup> Tan Cheng Keang, 'Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku' dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, *Darurat 1948-1960*, hlm. 34.

dinyatakan dalam memorandum tersebut bagi memenuhi permintaan rakyat.<sup>48</sup> Prinsip yang dinyatakan dalam memorandum tersebut adalah seperti berikut:

1. Menyokong amalan Pakatan Demokrasi oleh Rusia, China, Britain dan Amerika dalam satu organisasi baru untuk memelihara keamanan antarabangsa.
2. Menubuhkan dan melaksanakan dasar demokrasi secara menyeluruh di Tanah Melayu dengan melibatkan semua bangsa dan pertubuhan anti-Jepun.
3. Memansuhkan struktur politik dan seluruh perundangan serta dekri Jepun di Tanah Melayu dan Singapura.
4. Mengamalkan secara mutlak untuk kebebasan berucap, melakukan penerbitan, berpersatuhan, mengadakan perhimpunan awam dan mengamalkan kepercayaan. Menjamin status yang sah dalam perundangan bagi semua parti dan organisasi.
5. Memansuhkan sistem pendidikan lama dan melaksanakan pendidikan demokrasi dengan bahasa kebangsaan. Mengembangkan budaya nasional.
6. Memperbaiki taraf hidup rakyat; membangunkan industri, pertanian dan perdagangan; mengatasi masalah pengangguran dan pelarian; menaikkan kadar upah secara menyeluruh dan melaksanakan sistem waktu bekerja lapan jam sehari.
7. Menurunkan harga barang, menstabilkan taraf hidup rakyat; menghukum pegawai-pegawai yang mengamalkan rasuah, penyorok-penyorok barang dan mereka yang berkepentingan mengaut keuntungan.
8. Menyediakan khidmat rawatan perubatan yang baik kepada bekas anggota pasukan Anti-Jepun dan membantu ahli keluarga pahlawan-pahlawan yang gugur.<sup>49</sup>

---

<sup>48</sup> Proclamation for Convening the Selangor Peoples' Representatives Conference and Forming the Selangor Peoples State Committee, dalam Sel. CA. 162/45. The Selangor People's Representation, hlm. 3.

Bagaimanapun ternyata, tuntutan Lapan Prinsip daripada PKM itu telah jauh ke hadapan daripada rancangan awal kerajaan British bagi menubuhkan kerajaan awam yang akan hanya dapat dilaksanakan mulai 1 April 1946, dengan penubuhan Malayan Union.<sup>50</sup> Manifesto Lapan Prinsip yang diajukan oleh PKM tersebut merupakan satu langkah awal ke arah membantu kepimpinan negara pada masa hadapan membina negara. Dalam jangka masa panjangnya, matlamat 8 Prinsip tersebut adalah bertujuan, membentuk sebuah negara yang dinamakan Republik Demokratik Malaya yang melibatkan Tanah Melayu dan Singapura. Keadaan ini seajar dengan desakan Jawatankuasa Eksekutif Parti Komunis Antarabangsa di London, agar Britain menarik segera tenteranya dari Tanah Melayu bagi penubuhan sebuah kerajaan demokratik.<sup>51</sup>

We had suggested before, “Establish Malaya into a Democratic Republic”. Today we are not deviating from this programmed, because it is the object of our struggle. We have been consistent for 20 years, because we want Malaya to be established into a Democratic Republic. But in order to cope with the demands of the present situation, we again suggest the present eight principles. These 8 principles are to realize the preliminary steps of the Democratic Republic, because they are part of the requirements of the Democratic Republic.<sup>52</sup>

## Pemerintahan BMA

Sebelum Perang Dunia Kedua berakhir, kerajaan British telah membuat satu perancangan dan persediaan untuk mentadbir Tanah Melayu sebaik selepas perang berakhir. Pemimpin British, membuat perancangan untuk mengubah sistem

<sup>49</sup> Sel. CA. 162/45. The Selangor State Committee The Communist Party of Malaya, 27 Ogos 1945, hlm. 3. Lihat juga The Communist Party of Malaya dalam Sel. CA. 162/45 (2); Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 121; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 148; Gene Z. Hannahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 94 dan 95; Edgar O'Ballance, *Communist Insurgent War in Malaya* dalam C.C.Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogue With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 99-100; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 99 dan 100; Khong Kim Hoong, *Merdeka; British rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 70 dan 71; Tan Chong Tee (terjemahan.), Lee Wat Sim dan Clara Show, *Story of a WWII Resistance Fighter: Force 136*, Singapore: Asiapac Books, 1995, hlm. 310 dan 311; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 61.

<sup>50</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1. Lihat juga Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 61; Kua Kia Soong, *Merdeka! Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 48.

<sup>51</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm 147. Lihat juga *The Malay Mail*, 2 Mac 1946, hlm. 1; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 100.

<sup>52</sup> Sel. CA. 162/45. The Selangor State Committee The Communist Party of Malaya, 27 Ogos 1945, hlm. 3.

pentadbiran di Tanah Melayu dengan penubuhan British Military Administration (BMA) dan rancangan itu diluluskan pada Mac 1945. Oleh itu, sebaik kekalahan Jepun pada 15 Ogos 1945, pentadbiran BMA segera diisyiharkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu, dengan objektif untuk mengembalikan semula kekuasaan pemerintahan British, mengekalkan undang-undang dan peraturan, membaiki kerosakan akibat perang, mencari jalan bagi memajukan sumber manusia dan material serta menyediakan proses ke arah penubuhan sebuah kerajaan awam seberapa yang segera.<sup>53</sup> Pemerintahan BMA adalah suatu bentuk pemerintahan tentera. Dengan itu, satu struktur pentadbiran tentera dengan mengisyiharkan jawatan Komander Tertinggi Tentera Bersekutu atau Supreme Allied Commander (SAC) akan memegang kuasa penuh dalam bidang kehakiman, perundangan, eksekutif dan kuasa pentadbiran serta bertanggungjawab dan memiliki bidang kuasa muktamad ke atas semua individu dan harta di seluruh Tanah Melayu. SAC mewakilkan seluruh kuasa, tanggungjawab dan bidang kuasanya kepada Pejabat Ketua Pegawai Pemerintah Tentera (General Officer Commanding Military Forces, Malaya/GOC) yang kemudian mewakilkan pula semua kuasanya kepada Chief Civil Affairs Officers (CCAO) dengan dibantu oleh dua orang DCAO dan SCAO. Sebagai sebuah pemerintahan tentera, nilai-nilai asasi seperti kebebasan berucap, berhimpun dan hak individu adalah terhad.<sup>54</sup> Berdasarkan perjanjian kali kedua yang termeterai antara kerajaan British yang diwakili oleh Force 136 dengan PKM bertempat di Kem Bidor, Perak, pada 16 April 1945, pasukan MPAJA mesti dibubarkan dan anggotanya dikehendaki menyerahkan semula peralatan senjata yang dibekalkan oleh British.<sup>55</sup> Dalam pada itu, proses dan

<sup>53</sup> *The Straits Times*, 10 September 1945, hlm. 2. Lihat juga *The Straits Times*, 8 Disember 1945, hlm. 2; Khong Kim Hoong, *Mereka; British rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 37 dan 55.

<sup>54</sup> British Military Administration, Malaya Gazette, November 1945, hlm. 4 dan 5. No. 3-Proclamation No. 1. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, Appendix J, Proclamation No. 1: Military Administration (Malaya). 15<sup>th</sup> August 1945, hlm. 318, Para 2.1; Khong Kim Hoong, *Mereka; British rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 37 dan 55.

<sup>55</sup> Surat Teng Fock Leong kepada Resident Commissioner, Negri Sembilan, bertarikh 16.10.1946 dalam Negri Sembilan No. 2531/1946. Anniversary of Disbandment of the Malayan People Anti-Japanese Army. Lihat juga Surat J.A. Harvey, Resident

penentuan tarikh pembubaran bagi pasukan MPAJA telah menjadi suatu perbincangan yang panjang oleh pihak British. Akhirnya, perarakan sebagai tanda pengisytiharan terhadap pembubaran pasukan tersebut telah diadakan di seluruh negara pada 1 Disember 1945. Dengan pembubaran tersebut semua senjata diserahkan kembali kepada kerajaan British. Manakala, anggota dan pemimpin MPAJA diberi pakaian dan sejumlah wang serta sijil penghargaan. Pentadbiran Tentera British juga telah melantik seorang pegawai untuk membantu anggota gerila menyesuaikan semula diri mereka dalam kehidupan awam sekiranya mereka memerlukan bantuan.<sup>56</sup> Bagaimanapun, Lai Tek yang tunduk dengan desakan British, telah memujuk agar Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM supaya mematuhi syarat perjanjian tersebut. Dengan itu, pada 1 Disember 1945, pasukan gerila MPAJA dibubarkan dengan rasminya dengan diadakan majlis penyerahan dan pembubaran pasukan MPAJA yang melibatkan kontinjen MPAJA dari negeri Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang dan negeri-negeri Melayu yang lain, termasuk di daerah-daerah di negeri yang terlibat. Peristiwa tersebut menandakan berakhirnya peranan dan organisasi MPAJA. Dengan itu, peranan MPAJA telah diambil alih sepenuhnya oleh BMA seperti mana dalam perjanjian yang ditandatangani antara PKM dengan Force 1.<sup>57</sup> Di negeri Perak, upacara pembubaran secara rasmi pasukan MPAJA diadakan di Padang Kelab Ipoh pada 1 Disember 1945, dengan dihadiri oleh seribu anggota dan

---

Commissioner Pahang kepada Attorney-General Malayan Union Kuala Lumpur, bertarikh 22 Oktober 1947, dalam PHG. Conf. 103/47, MPAJA Amnesty; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 10, 11 dan 18.

<sup>56</sup> Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301, Para 100. Lihat juga ORIGINAL. No. 04555, Guerrilla Force Discharge Certificate dalam Malayan Union No. 1763/1946, CP/MU 569/46 AGMU 31. Sila lihat Lampiran 6, halaman 238, mengenai Sijil Pengesahan Pembubaran yang diterima oleh anggota MPAJA, sebaik sahaja pembubaran pasukan tersebut, berserta sejumlah wang yang diterima.

<sup>57</sup> Surat Teng Fock Leong kepada Resident Commissioner, Negeri Sembilan pada 16.10.1946, dalam Negri Sembilan, No. 2531/1946. Anniversary of Disbandment of the Malayan People Anti-Japanese Army. Surat permohonan daripada bekas anggota MPAJA kepada Resident Commissioner untuk mengadakan ulang tahun pembubaran pasukan tersebut pada 1 Disember 1946, di setiap daerah di Negeri Sembilan di samping itu diadakan pertunjukan wayang gambar dan konsert. Manakala, surat kedua Teng Fock Leong bagi mewakili bekas ahli MPAJA pada 21 November 1946, memohon kebenaran kerajaan British untuk menjual tiga (3) kampit beras kepada bekas ahli-ahlinya yang tidak memiliki pekerjaan dan kebanyakannya tinggal di kampung-kampung settinggan. Lihat juga PHG. Conf. 103/47, MPAJA Amnesty, surat J.A. Harvey, Resident Commissioner, Pahang kepada Attorney-General, Malayan Union, Kuala Lumpur, bertarikh, 22 Oktober 1947; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 82 dan 143; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 18; Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1945-48*, hlm. 36.

pegawai pasukan tersebut daripada Rejimen Pembebasan Ke-5 (5<sup>th</sup> Independent Regiment) yang diketuai oleh Komander Rejimen Ke-5 MPAJA, Lt. Kolonel Liew Wei Chung (Lt. Kol. I.Tu/E2). Turut sama dalam majlis pembubaran itu adalah pegawai tertinggi British, Brigadier N.P.H., Tapp, D.S.O. C.R.A. Kol., V.C. de Crespagny, S.C.A.O., Perak, pegawai angkatan tentera dan pemimpin masyarakat tempatan. Dalam majlis pembubaran tersebut lapan orang pemimpin MPAJA telah dianugerahi pingat dan perkhidmatan cemerlang oleh Brigadier N.P.H. Tapp. Dalam majlis pembubaran tersebut, Lt. Kol. I-Tu turut menyampaikan ucapan mengenai hubungan kerjasama yang terjalin antara MPAJA dengan British semasa pendudukan Jepun. Menurut beliau, MPAJA (PKM) telah berjuang demi kebenaran, mencintai keamanan dan kebebasan bersama-sama dengan British dan beliau menyarankan agar ahli AJA memberi segala pertolongan dan kerjasama kepada kerajaan BMA bagi mewujudkan negara ini sebuah negara yang bahagia dan makmur. Di samping itu, beliau berharap kerajaan British dapat memberi perhatian menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bekas anggota MPAJA.<sup>58</sup> Bagaimanapun, tindakan pembubaran pasukan MPAJA tersebut dan dasar bekerjasama PKM yang dipimpin oleh Lai Tek dengan kerajaan British, ternyata tidak disukai oleh sebahagian anggota dan kepimpinan PKM yang lain.<sup>59</sup> Berikut adalah petikan ucapan Lt. Kol. I-tu, semasa upacara pembubaran pasukan MPAJA di hadapan pegawai British di Padang Kelab Ipoh, Perak.<sup>60</sup>

The representative of the United Nations acknowledged the formation of the MPAJA, which was solely a military and not a political body. So we did our duty and helped to defeat our common foe. We co-operate with United Nations and in one year's time we got material assistance and ammunition from them. At

<sup>58</sup> *The Sunday Tribune*, 2 Disember 1945, hlm. 1. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 3 Disember 1945, hlm. 4 dan 20 Disember 1945, hlm. 1.

<sup>59</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 146. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1945-48*, hlm. 36.

<sup>60</sup> *The Malaya Tribune*, 3 Disember 1945, hlm. 4.

now that Japan has surrendered, we have to return to our peacetime occupations. We love peace and righteousness as all the other countries of the United Nation and we hope that after this disbandment, the British Government which stands for these qualities and uphold Potsdam Declaration will help our members to get back into civil employment in time. A lot of them sacrificed their all for the cause of fighting Japan and we are sure that Britain will give us as much help as possible to solve our difficulties. We fought for righteousness, freedom and peace and I call upon all of you to co-operate with the B.M.A., so that Malaya will be speedily brought back to its pre-war happiness and prosperity'.<sup>61</sup>

Dengan itu, dianggarkan sejumlah 6,800 orang anggota MPAJA di seluruh Tanah Melayu telah menamatkan perkhidmatan mereka dalam pasukan tersebut dengan diberi ganjaran sagu hati sebanyak 350 dolar setiap orang tanpa mengira pangkat, pingat penghargaan dan sekampit beras. Di samping itu, mereka turut menyerahkan sejumlah 5,497 laras senjata ringan yang dibekalkan oleh British semasa pendudukan Jepun. Proses pembubaran tersebut tamat dengan sempurnanya pada tahun 1946.<sup>62</sup> Bagi menghargai perjuangan PKM-MPAJA membantu British menentang pendudukan Jepun, pada 12 September 1945, seramai 16 orang gerila PKM-MPAJA, telah menerima jemputan daripada kerajaan British untuk merayakan perarakan kemenangan di hadapan bangunan Majlis Perbandaran di Singapura dengan diiringi Pancaragam Tentera Laut Diraja.<sup>63</sup> Pada 6 Januari 1946, lapan orang pemimpin PKM-MPAJA telah mendapat jemputan sebagai tetamu dari R.A.F, di Seletar Singapura dan mereka telah dikalungi riben serta dianugerahi pingat Burma Star dan 1939-45 Star, manakala tiga orang pemimpin MPAJA dianugerahi Burma

<sup>61</sup> *The Malaya Tribune*, 3 Disember 1945, hlm. 4. Deklarasi/Pengisyiharan/Perjanjian Potsdam berlangsung pada 17 Julai 1945 hingga 2 Ogos 1945, di Potsdam, Jerman, iaitu lanjutan daripada Persidangan Yalta di Cremia. Antaranya, bagi menentukan sempadan selepas berakhirnya perang di Eropah dan masalah-masalah lain yang timbul. Deklarasi terakhir pada 1 Ogos 1945, dihadiri oleh tiga pemimpin utama Pakatan Bersekutu iaitu, Perdana Menteri Britain Clement Richard Attlee, Presiden Amerika Harry S. Truman, dan Presiden Rusia, Joseph Stalin. Lihat juga Suffian Mansor, ‘Persidangan Yalta dan Kesannya ke Atas Asia Timur,’ dalam Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, No 77. 1999, hlm. 159.

<sup>62</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 83. Lihat juga Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 18; Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars, 1948-1966*, hlm. 10; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 62; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 21 dan 22.

<sup>63</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 23 dan 25; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 62; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of the Malaysia and Singapore*, hlm. 62.

Star dan Order of the British Empire (OBE). Order of the British Empire merupakan darjah tertinggi yang dianugerahkan oleh kerajaan British kepada mereka kerana berjasa kepada Queen England. Pingat tersebut di anugerah setelah PKM-MPAJA bekerjasama dengan SEAC menentang pendudukan Jepun, ketika perang 1941-1945. Dalam Majlis tersebut, anugerah bintang kebesaran telah disampaikan oleh Laksamana Lord Louis Mountbatten sebagai Komander Tertinggi kawasan Asia Tenggara, bertempat di hadapan Bangunan Kerajaan (Government House) di Singapura dengan dihadiri oleh ribuan penduduk.<sup>64</sup>

Pemimpin MPAJA, Kemudiannya turut mengunjungi Timbalan Komander Udara dan Pegawai Kanan Tentera Udara British. Antara pemimpin PKM-MPAJA yang menerima anugerah tersebut ialah Liew Yau, Chin Peng, Liew Wei Chung, Lao Wang, Chen Tian, Lin Chang, Chung Seng, Ho Siew Lit, Tan Fook Lung. Turut menerima anugerah adalah pemimpin daripada Parti Kuomintang, pasukan Dalforce dan tiga pemimpin daripada Pasukan Wataniah Melayu. Mereka ialah En. Bahari, Yeop Mahidin bin Mohamed Shariff dan Abdullah bin Ta'ani. Semua pasukan ini mendapat latihan dan bantuan daripada Force 136. Manakala, pada 8 Jun 1946, sekali lagi kontinjen MPAJA, yang terdiri daripada, Komander Liew Wei Chung, Komander Chew Yong Ping, Komander Tang Fook Lung, Komander Chen Tien, Komander Liew Yau, Komander Wang Soon, Komander Soon Wen Ching, Komander Beh See Bok daripada Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-8, Wang Chin Wah, Ah Yew, Kapten Lau Mah daripada Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-5, dan

<sup>64</sup> Chin Peng dianugerahi darjah kebesaran *Burma Star*, 1939-45 Star dan *Order of the British Empire* (OBE) oleh kerajaan British. Namun, anugerah pingat itu ditarik semula oleh kerajaan British setelah Chin Peng dan PKM mengambil tindakan menentang pentadbiran British ketika pendudukan semula British di Tanah Melayu selepas perang. Lihat Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 149, 191 dan 192. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 301, para 99; Clement R. Attlee, *Empire into Commonwealth*, hlm. 37; *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946, hlm. 1; Ho Hui Ling, 'Chin Peng dan PKM dalam Wacana Sejarah Semasa', Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 1; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 23 dan 25; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 62; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of the Malaysia and Singapore*, hlm. 62.

Chin Peng, telah menerima jemputan daripada kerajaan British untuk menyertai Perarakan Kemenangan (Victory Parade) di London.<sup>65</sup>

### **PKM Menganggotai Majlis Penasihat Negeri**

Bagi mempercepatkan pemulihan negara akibat perang, arahan telah dikeluarkan oleh BMA bagi menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Negeri di Singapura dan di kebanyakan negeri-negeri Melayu. Di negeri Perak, majlis tersebut dikenali sebagai Advisory Council Perak (Majlis Penasihat Negeri Perak).<sup>66</sup> Badan tersebut kemudiannya turut ditubuhkan di kebanyakan negeri Melayu lain dan di daerah tertentu. Antaranya, Majlis Penasihat Kuala Lumpur, majlis ini ditubuhkan pada 28 Januari 1946, dan diikuti dengan penubuhan Majlis Penasihat Klang, Majlis Penasihat Ulu Selangor, Majlis Penasihat Negeri Sembilan, Majlis Penasihat Melaka, Majlis Penasihat Johor, Majlis Penasihat Kelantan dan Majlis Penasihat Pahang. Di negeri Perak, Majlis Penasihat Negeri, diketuai seorang presiden iaitu SCAO (Senior Civil Affairs Officer) Kolonel V.C. de Crespigny dengan dibantu oleh 12 orang ahli majlis yang dilantik. Selain daripada pegawai BMA, ahli-ahli majlis adalah terdiri daripada pelbagai kaum, iaitu daripada kalangan orang Melayu, Cina dan India. Mereka memiliki pelbagai latar belakang pekerjaan dan berpengalaman luas dalam hal ehwal tempatan.<sup>67</sup> Di Perak, saudari Eng Ming Chin, telah dilantik menganggotai Majlis Penasihat Negeri Perak, bagi mewakili PKM Cawangan Perak. Beliau dipinjamkan

<sup>65</sup> *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946, hlm. 3. Lihat juga Chin Peng, *My side of History*, hlm. 149; CO. 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, hlm. 4; Post Surrender Tasks, Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by the Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten of Burma, London: Her Majesty's Stationery Office, hlm. 312, Para 153; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 23; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik dalam Wacana Sejarah Semasa' (Chin Peng dan PKM), Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013, hlm. 3; John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 62. Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, 'Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik dalam Wacana Sejarah Semasa' (Chin Peng dan PKM), Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 3; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 23; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of the Malaysia and Singapore*, hlm. 62.

<sup>66</sup> British Military Administration, REGION No. 4, Sel CA File No. 335/1945. British Military Administration (Malaya), Advarsary Council Perak, Report and Proceedings.

<sup>67</sup> *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 4. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 22 Mac 1946, hlm. 3; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 57 dan 58.

daripada PKM untuk bekerja sebagai kakitangan kerajaan BMA dan merupakan satu-satunya kaum wanita yang dilantik mewakili PKM dalam kerajaan BMA di negeri Perak, ketika selepas perang.<sup>68</sup> Ahli-ahli lain dalam majlis tersebut terdiri daripada Dr. K.T. Khong, Joseph A. Appaduray, Yang Mulia Raja Kamaralzaman ibni Raja Mansor, O.K.K. Setia Bijaya di-Raja Mohamed Hashim, R.C. Mannava Rayan, En. Lau Pak Khuan, O.K.K. Panglima Kinta, En. Mohammed Ali bin Pitchay, Yang Mulia Raja Haji Ahmad bin Raja Indut, Dr. A.W.E. Moreira dan Dr. Tan Cheng Leng.<sup>69</sup> Di negeri-negeri Melayu lainnya, wakil daripada PKM turut dilantik dalam menganggotai badan tersebut, bagaimanapun, semua mereka daripada kaum lelaki.<sup>70</sup>

Di Singapura, Pengurus Jawatankuasa Parti Komunis merupakan bekas pemimpin gerila, iaitu Wu Tien Wang. Beliau, telah dilantik oleh kerajaan British sebagai ahli dalam Advisory Council Singapore (Majlis Penasihat Singapura).<sup>71</sup> Penubuhan Majlis Penasihat Negeri, di kebanyakan negeri di Tanah Melayu, adalah bertujuan mendapatkan pandangan dan nasihat serta penyertaan masyarakat tempatan yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara ini untuk bekerjasama dengan kerajaan British bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi.<sup>72</sup> Bagaimanapun, Majlis Penasihat Negeri yang ditubuhkan ini, bukanlah satu badan yang diberi kuasa oleh kerajaan British. Keputusan yang dibuat oleh badan tersebut sebenarnya bukanlah hasil kesepakatan atau daripada undi majoriti ahli-ahlinya, tetapi ianya ditentukan

<sup>68</sup> British Military Administration, REGION No. 4, SelCA File No. 335/1945 (1). British Military Administration (Malaya), Advisory Council Perak, Report and Proceedings, hlm.1-2. Portfolio berkenaan adalah berdasarkan laporan minit mesyuarat badan tersebut pada 4<sup>th</sup> Januari 1945. Lihat juga Suriani Abdullah, *Serikandi Suriani Abdullah*, Petaling Jaya Malaysia: Strategic Information Research Development (SIRD), 2005, hlm. 18; James Wong Wing On, *From Pacific War to Merdeka: Reminiscence of Abdullah C.D. Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, hlm. 5.

<sup>69</sup> *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 4. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 22 Mac 1946, hlm. 3, *The Malaya Tribune*, 29 Disember 1945.

<sup>70</sup> Surani Abdullah, *Serikandi Surani Abdullah*, hlm. 18 dan 30. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 22 Januari 1946, hlm. 1. Lihat juga *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 3.

<sup>71</sup> Personnel and Reconstruction RP/55. British Military Administration Singapore Advisory Council, Report of Proceedings, 14 November 1945. DI Singapura, majlis tersebut dipengerusikan oleh C.C.A.O., Maj. Gen. H.R., Hone. Lihat juga C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 224 dan 228.

<sup>72</sup> British Military Administration. Region No. 4. Sel Ca. File No. 62/1946. District Advisory Council Klang. Minutes of Meeting held in the District Commissioner's Office (Coast), Klang on 7 March 1946, at 5 p.m (4A) dan 12<sup>th</sup> June 1946, at 3 p.m (6A). Lihat juga Albert Lou, *The Malayan Union Controversy, 1942-1948*, hlm. 38; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 56.

oleh pegawai BMA.<sup>73</sup> Keadaan ini bermakna PKM sekali lagi diberi pengiktirafan oleh kerajaan British untuk turut sama terlibat dalam pentadbiran negara, seperti pernyataan petikan di bawah:

The Regional Advisory Council is of a purely temporary nature designed for the particular purpose of enlisting the interest and support of the people in the work of the BMA. The council will not necessarily be perpetuated when civil government is restored.

Membership of the council and of such sub-committees as may be established by the council is also of a temporary nature and does not involve recognition by government of the right of any person to represent permanently the interest of any particular community.<sup>74</sup>

Di negeri Perak, majlis penasihat negeri tersebut mula bersidang pada 4 Januari 1946. Majlis tersebut telah memutuskan untuk menubuhkan beberapa jawatankuasa kecil yang lain, iaitu Jawatankuasa Pengagihan Beras, Jawatankuasa Harga, Jawatankuasa Paras Gaji, Jawatankuasa Pemulihan dalam Perdagangan dan Industri, Jawatankuasa Buruh dan Pengangguran, Jawatankuasa Pertanian dan Peningkatan Tanaman, Jawatankuasa Bantuan dan Kebajikan, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Publisiti, Jawatankuasa Pinjaman untuk Pekebun-Pekebun Kecil Melayu, Jawatankuasa Gangguan dan Perselisihan Faham antara Orang Melayu dan Cina, Jawatankuasa Pendefinisian ‘Freedom’ atau Kebebasan, Jawatankuasa Penghapusan Judi dalam Kalangan Orang Ramai dan Jawatankuasa Menangani Pelacuran.<sup>75</sup> Ketika menganggotai mesyuarat dalam Majlis Penasihat Negeri Perak, wakil PKM saudari Eng Ming Chin, turut dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa kecil lain dalam Majlis Penasihat Negeri tersebut. Saudari Eng Ming Chin juga terlibat dalam perbahasan dengan ahli-ahli jawatankuasa majlis penasihat, iaitu dengan S.C.A.O. Kol. V.C. de Crespiigny, Lt. Kol. R.N. Walker (Setiausaha

<sup>73</sup> Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 58.

<sup>74</sup> *The Malaya Tribune*, 29 Disember 1945, hlm. 1.

<sup>75</sup> British Military Administration, Region No. 4. Sel CA, file No. 335/1945. British Military Administration (Malaya), Advisory Council Perak Report and Proceedings, Friday, 4<sup>th</sup> Januari, 1946, hlm.1-2.

Mesyuarat Majlis Penasihat Negeri Perak), Lt. Kol. J.G. Adams (Pegawai Undang-Undang Negeri Perak) dan Lt. Kol E.C. Hicks (Pegawai Kanan I Pelajaran), dalam mesyuarat yang diadakan. Jawatankuasa kecil yang dianggotai oleh Eng Ming Chin dalam Majlis Penasihat Perak, merupakan jawatankuasa yang terlibat dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengedaran beras, penentuan harga, upah pekerja dan pemulihan dalam sektor perdagangan dan industri, buruh dan pengangguran, pertanian, bantuan dan kebajikan, pendidikan, gangguan dan tiada persefahaman antara orang Cina dan Melayu, definisi kebebasan, perjudian di tempat awam,<sup>76</sup> cara menghasilkan lebih banyak makanan dan undang-undang mengusahakan tanaman makanan, protes pertubuhan dan persatuan Cina terhadap tindakan kerajaan yang dianggap tidak adil serta isu rawatan terhadap banduan.<sup>77</sup> Berikut, adalah perkara yang dibangkitkan oleh Eng Ming Chin, wakil PKM dalam mesyuarat Majlis Penasihat Negeri Perak yang berlangsung pada 4 Januari 1946 dan 7 Mac 1946.

Perkara tersebut adalah mengenai:

1. Isu pembayaran gaji yang sangat tidak setimpal oleh pihak majikan terhadap buruh berbanding dengan usaha yang mereka lakukan dan menuntut supaya tidak ada perbezaan bayaran gaji atau upah antara buruh lelaki atau wanita.
2. Mencadangkan supaya kerajaan membina semula sejumlah 48 buah rumah di Fair Park yang dibakar semasa pendudukan Jepun dan bukannya hanya sekadar 28 buah rumah yang akan dibuat semula oleh kerajaan.
3. Memohon agar pendaftaran ke atas semua sekolah Cina dimansuhkan dan begitu juga pendaftaran untuk guru-guru kerana semasa pendudukan Jepun ramai daripada guru-guru telah kehilangan sijil dan diploma mereka.

<sup>76</sup> British Military Administration, Region No. 4. Sel CA, file No. 335/1945. British Military Administration (Malaya), Advisory Council Perak Report and Proceedings, Friday, 4<sup>th</sup> Januari, 1946, hlm.1-2.

<sup>77</sup> Ibid.

4. Memohon agar kerajaan British memberi perhatian terhadap masalah pergaduhan dan tidak berlakunya persefahaman antara orang Melayu dan Cina di setengah tempat dengan meminta supaya kerajaan menghentikan orang ramai daripada meninggalkan kediaman masing-masing akibat peristiwa tersebut dan meminta kerajaan menghantar satu pasukan bagi membantu keselamatan pekebun Cina-pekebun Cina yang mahu menuai hasil pertanian mereka.
5. Memohon pertimbangan Majlis Penasihat supaya dalam kes-kes tertentu orang tertentu yang didapati bersalah agar dibebaskan (merujuk kepada tindakan tegas yang akan diambil oleh BMA terhadap pemimpin-pemimpin kumpulan yang mencetuskan pergaduhan kaum).
6. Memohon agar kerajaan menyatakan sama ada negara mengamalkan konsep negara bebas seperti yang disarankan oleh PBB atau mengamalkan konsep negara bebas terhad dengan maksud penekanan kepada kebebasan akhbar dengan meminta supaya kerajaan memberi kebebasan untuk menerbitkan sebarang bahan penerbitan, dokumen, buku dan artikel supaya tidak berlakunya perselisihan antara kerajaan dan rakyat kemudiannya dan membangkitkan isu satu persembahan dan konsert amal yang dianjurkan untuk kebajikan awam di Ipoh, Perak, tetapi dikenakan sekatan oleh kerajaan.
7. Membangkitkan isu supaya kerajaan mengambil langkah untuk menyekat perjudian awam.<sup>78</sup>
8. Mempersoalkan tindakan kerajaan British mengusir keluar beberapa pertubuhan dan organisasi baru masyarakat Cina termasuklah pertubuhan AJA dan Persatuan Komunis daripada premis mereka seperti yang berlaku di Taiping dan di Ipoh. Premis tersebut diambil untuk kegunaan tentera dan kerajaan, suatu tindakan yang dianggap tidak adil.
9. Mempersoalkan Peraturan Darurat yang digubal pada tahun 1939, sewaktu era perang tetapi masih sah dan dikuatkuasakan kerajaan British walaupun perang sudah berakhir.

---

<sup>78</sup> British Military Administration, Region No. 4. Sel CA, file No. 335 / 1945. British Military Administration (Malaya), Advisory Council Report Proceedings, Friday, 4<sup>th</sup> Januari, 1946, hlm. 12, 25, 28, 29, dan 30.

- Menuntut agar diberi layanan yang lebih baik dari segi tempat dan makanan untuk banduan-banduan di penjara.<sup>79</sup>

Di Selangor, desakan dibuat oleh Persatuan Wanita Selangor melalui presiden badan tersebut, Cik Wong Chin Yin dengan menghantar satu memorandum kepada Pegawai Kanan Hal Ehwal Awam (S.C.A.O.) BMA Selangor, agar kaum wanita juga dilantik sebagai ahli dalam majlis penasihat yang baru ditubuhkan di negeri tersebut. Beliau berpendapat kaum wanita turut memainkan peranan penting membantu kaum lelaki berjuang ketika pendudukan Jepun. Beliau juga memberi pandangan, keadaan di negara-negara lain yang mengamalkan sistem demokratik dalam pemerintahan, pemerintah memberi peluang yang sama kepada kaum wanita seperti mana kaum lelaki. Menurut beliau lagi kaum wanita Tanah Melayu telah berjuang di samping kaum lelaki menentang Jepun bagi menjadikan Tanah Melayu sebuah negara baru yang lebih baik. Dengan itu kaum wanita tidak mahu menjadikan perjuangan mereka selama ini sia-sia. Justeru itu, kaum wanita turut mahu memainkan peranan bagi membantu BMA mentadbir negara.<sup>80</sup>

### **Pergaduhan Kaum dan Penyelesaian Bersama**

Pada akhir Ogos 1945, ketika Jepun menyerah kalah dan tempoh sebelum kedatangan tentera British ke Tanah Melayu, dilaporkan berlaku banyak pergaduhan antara orang Melayu dan Cina di beberapa kawasan di Tanah Melayu. Peristiwa bermula ketika PKM-MPAJA memerintah Tanah Melayu. MPAJA telah melakukan pembunuhan dan keganasan terhadap penduduk dengan menghukum dan membalaik dendam terutamanya terhadap pengkhianat kepada anggota dan pasukan MPAJA, termasuk daripada kalangan orang Melayu. Manakala, perperangan telah memburukkan lagi

<sup>79</sup> British Military Administration, Region No. 4. Sel CA, file No. 335 / 1945. British Military Administration (Malaya), Advisory Council Report Proceedings, Friday, 4<sup>th</sup> Januari, 1946, hlm. 21, 22, dan 23.

<sup>80</sup> *The Malaya Tribune*, 22 Mac 1946, hlm. 3. Lihat juga SCAO. PK. 2/46, dalam Pk. Secretariat. 2/46, Communal Disturbances.

akibat ketegangan etnik yang telah wujud di Tanah Melayu, setelah orang Melayu didapati banyak bekerjasama dengan penjajah Jepun. Manakala, kebanyakan anggota pasukan polis juga terdiri daripada masyarakat Melayu dan Sikh. Oleh itu, ketika pendudukan Jepun, pasukan polis ini digunakan untuk menekan kumpulan penentang anti-Jepun yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan orang Cina. Akibatnya, timbul perasaan sangat tidak berpuas hati orang Cina terhadap pasukan tersebut sehingga hubungan antara orang Melayu dan Cina turut terjejas teruk.<sup>81</sup> Beberapa kejadian pergaduhan antara kaum Melayu dan Cina telah berlaku di beberapa tempat seperti di Batu Pahat, Parit Jawa Muar, Ayer Hitam dan Senggerang di Johor, Alor Gajah di Melaka, Batu Malim dekat Raub, Pahang. Dicatatkan di kawasan Muar dan Batu Pahat Johor, kejadian yang berlaku pada 21 Ogos 1945, dianggarkan sejumlah 400 orang telah terbunuh, ribuan rumah dan tempat kediaman telah musnah. Ketika pasukan BMA tiba ke kawasan tersebut jumlah pelarian dianggarkan seramai 14,000 orang. Peristiwa berlaku setelah MPAJA cuba mengambil alih kawasan tersebut. Kejadian yang hampir sama juga berlaku di beberapa tempat lain di Tanah Melayu dengan anggaran antara 30 hingga 90 orang telah terbunuh, hampir semuanya berlaku antara November 1945 hingga Mac 1946.<sup>82</sup> Oleh itu, satu pernyataan rasmi telah dikeluarkan oleh badan perkhidmatan perisikan Division Ke-25 Tentera British-India di Tanah Melayu, mengenai beberapa peristiwa pergaduhan antara orang Melayu dan Cina di bahagian utara Tanah Melayu. Kejadian itu merujuk peristiwa yang berlaku di daerah Dinding, Perak, iaitu beberapa hari terakhir pada Januari 1946.<sup>83</sup> Peristiwa pergaduhan kaum turut dilaporkan berlaku di selatan dan tengah negeri Perak.

<sup>81</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 101 dan 102. Lihat juga John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 62.

<sup>82</sup> Ibid., hlm. 302, Para 102. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 234, 238 dan 239. Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 15; Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare, The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 15; Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, (terjemahan), hlm. 290.

<sup>83</sup> *The Malay Mail*, 10 Januari 1946, hlm. 1. Lihat juga *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 3; *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946 dan 18 Januari 1946.

Beberapa kawasan yang terlibat seperti Sungai Manik, Telok Anson, Sitiawan dan Kampung Gajah sehingga ramai yang terkorban. Manakala rumah kediaman dan ribuan ekar tanaman terutamanya padi telah musnah dan ditinggalkan terbiar setelah penduduk bertindak menyelamatkan diri dengan meninggalkan kawasan tanaman yang mereka usahakan. Kejadian bermula setelah orang Melayu berketurunan Banjar menyerang orang Cina di Sungai Manik. Pergaduhan berlaku mulai Mei 1945 sehingga pertengahan Ogos 1945, sebelum British mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu. Orang Melayu berketurunan Banjar di Sungai Manik Perak, menyerang penduduk Cina tempatan yang menjadi penyokong PKM-MPAJA, setelah MPAJA cuba mengambil alih Sungai Manik dan pekan yang berhampiran. Kejadian tersebut menyebabkan ratusan mangsa terbunuh, banyak rumah dan tempat kediaman serta tanaman, terutamanya padi telah musnah.<sup>84</sup> Orang Melayu berjaya mengusir tentera MPAJA dan penduduk Cina, sehingga mereka terpaksa lari berlindung ke Teluk Anson, sebuah bandar yang dikuasai oleh orang Cina dan menjadi kubu tentera MPAJA. Laporan dibuat kepada British, bahawa Jepun turut membekalkan senjata dan peluru kepada orang Melayu berketurunan Banjar di kawasan tersebut.<sup>85</sup> Pergaduhan kemudiannya merebak ke beberapa daerah lain. Kejadian itu berlaku ketika peringkat awal pentadbiran BMA daripada Disember 1945 hingga Januari 1946. Kawasan yang terlibat dalam pergaduhan kaum di daerah Dinding meliputi kawasan Ayer Tawar dan Beruas. Kawasan Perak Tengah meliputi Kampung Gajah, Layang-Layang Kiri, Lambor Kanan dan Parit. Dianggarkan sehingga lebih 100 orang daripada keturunan Melayu dan Cina telah terbunuh. Pergaduhan antara orang Melayu dan orang Cina, berlaku di Kampung Gajah yang terletak di Hilir Perak, telah merebak ke Sitiawan hingga menyebabkan banyak rumah kediaman musnah.

<sup>84</sup> *The Malaya Tribune*, 2 Januari 1946, hlm. 2 dan 3. Lihat juga SCAO. PK. 2/46, dalam Pk. Secretariat. 2/46. Communal Disturbances; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 134.

<sup>85</sup> Ibid., Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 134.

Pergaduhan juga berlaku di Daerah Kuala Kangsar meliputi Bekor, Manong, dan Lenggong di Perak. Turut berlaku di beberapa daerah di Negeri Sembilan seperti di Batu Kikir dan Padang Lebar.<sup>86</sup> Pergaduhan berikutnya berlaku di Ayer Tawar, Parit dan Sitiawan di Perak. Pergaduhan tercetus pada Disember 1945 dan selepas tahun baru 1946. Dalam kejadian tersebut, beberapa orang dilaporkan terbunuh. Lanjutan daripada peristiwa tersebut, satu mesyuarat telah diadakan di bangunan Perak Chinese Chamber of Commerce yang dihadiri oleh wakil daripada PKM, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Kesatuan Buruh-Buruh India dan Persatuan Rakyat Perak. Mesyuarat telah membuat keputusan memohon agar DYMM Sultan Perak, campur tangan bagi menyelesaikan pertikaian tersebut.<sup>87</sup>

Berikutan pergaduhan itu, satu perjumpaan telah diadakan di Parit, Perak pada 4 Januari 1946, dan di Sitiawan, Perak, pada 5 Januari 1946, dihadiri oleh DYMM Sultan Perak, C.C.A.O, dan pemimpin masyarakat tempatan daripada kalangan orang Melayu dan Cina. Dalam pertemuan tersebut, penduduk di kawasan yang terlibat diarahkan menghentikan pergaduhan dan bekerjasama dengan pentadbiran BMA untuk memulihkan semula undang-undang dan peraturan secepat mungkin untuk membangunkan semula negara.<sup>88</sup> Berikutan peristiwa pergaduhan kaum di Bekor dan Parit, di Perak, satu perwakilan pemimpin masyarakat Cina yang terdiri daripada saudari Eng Ming Chin dari Pejabat Pengurus Parti Komunis Malaya Perak, Chan Thin Wah; Presiden Persatuan Rakyat Perak, Wong Chin Tong; Presiden Persatuan Cina Perak, Wong Fook Lian, merupakan wakil daripada Persatuan Pedagang-

<sup>86</sup> SCAO. PK. 2/46, dalam Pk. Secretariat. 2/46. Communal Disturbances. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 2 Januari 1946, hlm. 2 dan 3; *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946, hlm. 4; Ref.SCAO/404/5.1.1946, dalam Pk. Secretariat. 2/46. Communal Disturbances. Surat-surat tulisan Cina yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh Translation Bureau BMA, Perak bertarikh 5.1.1946; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 15.

<sup>87</sup> *The Malaya Tribune*, 31 Disember 1945, hlm. 5. Lihat *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946, hlm. 4 dan 18 Januari 1946; *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 3.

<sup>88</sup> *The Malay Mail*, 10 Januari 1946, hlm. 1. Lihat juga *The Sunday Tribune*, 20 Januari 1946, hlm. 3; *The Malaya Tribune*, 9 Januari 1946, hlm. 4 dan Isnin, 18 Januari 1946.

Pedagang dan Peh Seng Keng. Mereka telah menemui C.A.O., Kinta, Komander Kanan R. Rendal, dan mencadangkan supaya dibentuk sebuah jawatankuasa hubungan antara orang Melayu dan Cina bagi mewujudkan kembali rasa muhibah, saling memahami dan keharmonian antara kaum. Perwakilan masyarakat Cina memberi cadangan kepada C.A.O., R. Rendal, supaya melarang sesiapapun daripada mana-mana bangsa membawa sebarang peralatan senjata selepas pukul 6.00 petang. Daripada pertemuan itu, R. Rendal telah berjanji untuk memberi bantuan perubatan kepada mereka yang tercedera dalam pergaduhan tersebut serta memberi bantuan kewangan kepada ahli keluarga mangsa yang terbunuh. Perintah berkurung dikuatkuasakan dan penduduk tidak dibenarkan membuat sebarang pergerakan antara pukul 8.00 malam sehingga 6.30 pagi.<sup>89</sup>

Dengan itu, pada 15 Januari 1946, saudari Eng Ming Chin daripada Pejabat Parti Komunis Malaya Cawangan Perak, Chen Tien Hua daripada Persatuan Rakyat Perak, bersama dua lagi ahli jawatankuasa dan salah seorang daripadanya ialah Lau Pak Khuan. Beliau telah menyertai bersama D.Y.M.M Sultan Perak, S.C.A.O., Lt. Kol. R.N. Walker dan Pegawai Penasihat Hal Ehwal Orang Cina, Lt. Weller, melakukan lawatan ke Daerah Dinding, Manong, Beruas, Lumut, dan Simpang Ampat (Sitiawan). Lawatan utama dilakukan adalah ke Beruas, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh S.C.A.O., dan diikuti dengan tiga kawasan yang lain yang ditetapkan kemudiannya oleh Mejar J.H. Thom, C.A.O. Lumut. Tujuan lawatan bagi berjumpa dan berunding dengan masyarakat di tempat berkenaan untuk menyelesaikan masalah pergaduhan yang berlaku antara kaum Melayu dan Cina. Arahan telah diberi kepada penduduk di kawasan yang terlibat agar menghentikan pergaduhan dan bekerjasama

<sup>89</sup> *The Sunday Tribune*, 22 Januari 1946, hlm. 3. Lihat juga Surat Rahsia ‘Civil Disturbances’ R. Rendle C.A.O., Kinta kepada SCAO Perak, bertarikh, 11 Mac 1946, dalam Pk. Secretariat, 2/1946. Communal Disturbance.

dengan pentadbiran BMA untuk memulihkan semula undang-undang dan peraturan bagi membangunkan semula negara.<sup>90</sup> Manakala, D.Y.M.M Sultan Perak yang turut serta dalam mesyuarat tersebut, menyampaikan titah baginda dengan mendesak Communal Relation Committee (CRC) agar segera membawa kembali keamanan kepada masyarakat sebagaimana keadaan sebelum perang yang lalu. Baginda Sultan, menasihati orang Melayu dan Cina, agar hidup bersama-sama, seperti yang diamalkan oleh mereka sejak 80 tahun yang lalu dan meninggalkan sikap buruk tersebut sejak pendudukan Jepun. Baginda sultan telah menitahkan agar penduduk melupakan perselisihan dan pergaduhan yang lalu dan menyerahkannya kepada pihak berkuasa BMA untuk menyelesaiannya.<sup>91</sup> Bagaimanapun, pada hari Rabu, 6 Mac 1946, sekali lagi berlaku pergaduhan antara orang Melayu dan Cina di Kampung Bekor, yang terletak di Mukim Senggang, Kuala Kangsar, sehingga menyebabkan seramai 80 orang Melayu di kampung berkenaan terbunu. 78 orang mangsa telah terkorban di tempat kejadian, manakala dua orang lagi mangsa meninggal dunia beberapa hari kemudiannya akibat mengalami kecederaan setelah diserang oleh orang Cina yang datang daripada Pusing, Papan, dan Mengelembu. Dalam peristiwa itu, 400 orang wanita dan kanak-kanak turut melarikan diri dan diberi perlindungan oleh British kemudiannya. Kejadian itu adalah rentetan daripada beberapa siri pergaduhan yang berlaku sebelum itu di Sungai Manik dan Kampung Gajah yang terletak di kawasan Hilir Perak serta di Ayer Tawar, Sitiawan.<sup>92</sup> Rentetan daripada beberapa peristiwa

<sup>90</sup> SCAO Pk. 2/46. SIGNAL SCAO Perak, R.N. Walker kepada CAO Lumut,Majer J.H. Thom,Majer P.F Ellis-Jocobs (32 C/M BTY RA Lumut, HQ RA Ipoh, HQ 25 Indian Div. Taiping dan Chief Police Officer Perak. Dalam lawatan D.Y.M.M., Sultan Perak dan SCAO., Lt. Col. R.N., Walker ke Daerah Dinding pada 15. 1.1946, Eng Ming Chin, Pengurus PKM Cawangan Ipoh Perak dan Chen Tien Hua, Presiden Persatuan Rakyat Perak telah menangguhkan lawatan mereka pada tarikh tersebut atas alasan pada tarikh lawatan itu, petani-petani sedang sibuk menuai hasil tanaman mereka. Lihat SCAO. PK 2/46., ‘Pospone Tour of Inspection (15.1.46).’, surat Eng Ming Chin, Pengurus PKM Cawangan Ipoh, Perak dan surat Chen Tien Hua, Presiden Persatuan Rakyat Perak kepada Lt. Col. R.N., Walker bertarikh, 12 Januari 1946.

<sup>91</sup> *The Sunday Tribune*, 29 Januari 1946, hlm. 3. Lihat juga *The Malaya Tribune*, 16 Januari 1946, hlm. 4; SCAO. PK. 2/46, dalam Pk. Secretariat. 2/46. Communal Disturbances.

<sup>92</sup> *The Malaya Tribune*, Kuala Lumpur, Isnin, 11 Mac 1946, hlm. 3.; Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 302, para 102; Abdul Aziz bin Shaaari, Kampung Bekor, Manong, Kuala Kangsar, Perak. Wawancara pada 24 Januari 2011; Abdulla Aris bin Abbas, Kampung Bekor, Manong, Kuala Kangsar, Perak. Wawancara, 16 September 2013; Sarimin bin Sariban, Kampung Sungai Ramai, Ayer Tawar, Sitiawan, Perak. Wawancara pada 19 Mac 2010; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 15.

pergaduhan tersebut, kerajaan BMA bersama dengan wakil masyarakat Cina, Lau Pak Khuan dan masyarakat Melayu yang diwakili oleh Y.M. Raja Kamaralzaman bin Raja Mansor, telah bertindak menubuhkan Communal Relation Committee (CRC) atau Jawatankuasa Hubungan Kaum, di negeri Perak. Jawatankuasa ini terdiri daripada 12 orang ahli. Ahli-ahlinya terdiri daripada kalangan orang Melayu dan Cina, manakala keanggotaan daripada kaum India dan Eropah akan ditambah pada masa kemudiannya. Ahli-ahli CRC yang mewakili kalangan masyarakat Cina dan hadir dalam perjumpaan terdiri daripada Lau Pak Khuan, Wong Chin Tong, Beh Seng Kuan, Fun Yee Fong, Cheah Leng, Chan Sun Chen. Manakala, wakil daripada masyarakat Melayu yang hadir dalam pertemuan itu diwakili oleh Y.M. Raja Kamaralzaman bin Raja Mansor, En. Mohd Yunus, En. Mohd Tahir, En. C.M Yusof, En. Syed Salleh dan En. Dolah Mohd. Turut hadir sama ialah S.C.A.O., Kol.V.C. de Crespigny sebagai pengerusi.<sup>93</sup>

Dalam pada itu, kerajaan British juga telah mengambil langkah yang sewajarnya melalui Pentadbiran Tentera British untuk menghalang kejadian pertumpahan darah antara kaum, terutamanya di kawasan luar bandar yang ternyata masih tebal dengan perasaan perkauman. Kerajaan British berusaha mewujudkan semula hubungan baik, perasaan bertanggungjawab, dan kesedaran sivik yang sama di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, lebih-lebih lagi ianya merupakan dasar kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih yang dikeluarkan oleh His Majesty's Government (Kerajaan Diraja Britain), sekembali Sir Harold MacMichael ke England. Dengan itu, sebuah kerajaan awam yang dikenali sebagai kerajaan Malayan Union telah diperkenalkan di Tanah Melayu pada 1 April 1946. Kerajaan

---

<sup>93</sup> *The Malaya Tribune*, 18 Mac 1946, hlm. 4.

awam daripada gagasan British tersebut, telah memberikan kerakyatan yang sama bagi semua penduduk di Tanah Melayu. Langkah kerajaan British itu bertujuan membolehkan semua penduduk negara ini, tanpa mengira kaum atau fahaman, menikmati hak penuh kerakyatan dan kualiti dalam perkhidmatan awam dan pentadbiran negara.<sup>94</sup>

## Kesimpulan

Dengan meneliti hubungan kerjasama antara PKM dengan kerajaan kolonial British ketika pasca perang menunjukkan, kerjasama antara kedua-dua pihak kelihatan tidak mampu bertahan lama, walaupun keadaan itu dilihat sebagai satu kejayaan awal PKM dalam hubungannya dengan British. PKM berusaha mengambil alih pemerintahan negara daripada pihak British dengan meluluskan usul ‘Lapan Prinsip’ parti tersebut bagi menubuhkan sebuah kerajaan bersifat republik demokratik di Tanah Melayu Baru (New Malaya) yang bakal ditadbir oleh parti tersebut. Kesempatan dalam tempoh peralihan kuasa itu digunakan oleh PKM bagi mencapai matlamat tersebut dengan menujuhkan sistem Mahkamah Rakyat dan Jawatankuasa Rakyat hampir di setiap negeri dan bandar yang mereka kuasai. Hubungan kerjasama tersebut telah mewujudkan kecurigaan dan saling berhati-hati dalam menjaga kepentingan politik kedua-dua pihak. Sememangnya British amat faham dengan situasi yang berlaku dan matlamat perjuangan komunis seperti mana yang berlaku di Eropah, India dan China. Manakala, PKM pula menggunakan kesempatan terhadap hubungan kerjasama tersebut bagi menguatkan pengaruh dan organisasinya dalam kalangan rakyat tempatan sehingga menjadi satu kuasa baru yang diiktiraf peranan dan perjuangan dalam membantu British mengambil semula Tanah Melayu daripada Jepun.

---

<sup>94</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 302, para 103 dan hlm. 307, para 131.

## BAB 5

### KONFLIK PKM-BRITISH, 1945-1947

#### Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai konflik yang berlaku antara PKM dengan kolonial British selepas kekalahan Jepun pada 15 Ogos 1945, dalam suasana keamanan negara masih tidak menentu rentetan pergaduhan antara kaum Melayu dan Cina akibat tindakan membalas dendam PKM-MPAJA terhadap mereka yang disyaki menjadi tali barut tentera Jepun. Negara juga sedang mengalami masalah kegawatan ekonomi akibat kekurangan beras dan bahan makanan. Malah ramai penduduk yang tiada pekerjaan ataupun kehilangan pekerjaan. Keadaan yang meruncing ditambah lagi perbezaan pandangan dan ideologi komunis PKM serta dasar kapitalis British telah mencetuskan konflik yang berterusan dalam pelbagai bentuk, sama ada isu beras, perarakan raksasa rakyat, tuntutan kaum pekerja terhadap majikan, mogok pekerja sehingga isu penahanan pemimpin kesatuan sekerja oleh British. Isu-isu tersebut telah digunakan oleh PKM bagi mendapatkan sokongan rakyat terhadap ideologi komunis yang diperjuangkan oleh mereka melalui pelbagai tuntutan dan provokasi terhadap pentadbiran British, sehingga kerajaan British terpaksa mengambil langkah tegas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh PKM dengan melakukan tangkapan terhadap pemimpin kesatuan sekerja yang dipengaruhi oleh komunis, menguatkuaskan undang-undang kesatuan sekerja, melakukan tindakan menghantar pulang pesalah ke negara asal mereka. Rentetan konflik tersebut hubungan antara PKM dengan British menjadi tegang dan ianya berakhir dengan pemberontakan bersenjata PKM menentang British yang akan diperjelaskan pada bab yang berikutnya.

## **Dasar British Terhadap PKM, Pasca Perang 1945**

Terdahulu daripada itu, berdasarkan perjanjian kali kedua antara kerajaan British yang diwakili oleh Force 136 dengan PKM bertempat di Kem Bidor pada 16 April 1945,<sup>1</sup> pasukan MPAJA mesti dibubarkan dan anggotanya dikehendaki menyerahkan semula senjata yang dibekalkan oleh British. Dengan itu, satu majlis rasmi tanda penyerahan dan pembubaran pasukan MPAJA berlangsung pada 1 Disember 1945, di semua negeri dan daerah termasuk negeri Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang dan negeri-negeri lain. Peristiwa ini menandakan berakhirnya peranan pertubuhan MPAJA.<sup>2</sup> Dianggarkan sejumlah 6,800 orang anggota MPAJA telah meletak senjata di samping menyerahkan semua peralatan senjata yang dimiliki semasa pendudukan Jepun dan proses pembubaran itu tamat dengan sempurnanya pada tahun 1946.<sup>3</sup> Bagaimanapun, terdapat sebahagian senjata tidak diserahkan kembali kepada British dan sengaja disembunyikan di hutan oleh MPAJA atau dibuang kerana kehabisan peluru.<sup>4</sup>

Berikutan kekalahan Jepun itu juga bermakna, rancangan asal Operasi ZIPPER; Satu operasi ketenteraan bersama tentera British-MPAJA untuk menawan semula Tanah Melayu dan Singapura daripada pendudukan Jepun, turut dibatalkan. Bagaimanapun, timbul persoalan kepada pentadbiran British, sama ada peranan MPAJA diperlukan lagi selepas itu atau sebaliknya. Ternyata selama ini, pertubuhan gerila tersebut telah banyak membantu British untuk menduduki semula Tanah Melayu dan mengusir Jepun keluar dari negara ini. Persoalan juga timbul, sama ada pertubuhan

<sup>1</sup> Mohd Azzam Mohd Haniff, *The Malayan Emergency Revisited, 1948-1960*, hlm. 11.

<sup>2</sup> Surat Teng Fock Leong kepada Resident Commissioner bertarikh 16.10.1946, dalam Negri Sembilan No. 2531/1946, Anniversary of Disbandment of the Malayan People Anti-Japanese Army. Lihat juga Surat J.A. Harvey, Resident Commissioner Pahang kepada Attorney-General Malayan Union Kuala Lumpur, bertarikh 22 Oktober 1947, dalam PHG. Conf. 103/47, MPAJA Amnesty; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 10, 11 dan 18.

<sup>3</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 18.

<sup>4</sup> J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 17. Berdasarkan wawancara dengan Osman bin Ibrahim, komunis PKM sebenarnya memiliki banyak senjata, bagaimanapun bekalan peluru sangat terhad. Oleh itu, kebanyakan senjata yang kehabisan peluru akan ditinggalkan atau dibuang begitu sahaja di hutan bagi mengelak kesukaran untuk membawanya dari satu tempat ke suatu tempat yang lain.

MPAJA itu kemudiannya akan menimbulkan banyak masalah, sebaik sejurus selepas pendudukan semula British di Tanah Melayu. Bagaimanapun, berdasarkan penerimaan PKM terhadap perjanjian dengan Pakatan Bersekutu sebelum itu, ternyata peranan MPAJA tidak lagi diperlukan oleh British pada masa akan datang. Keadaan ini berasaskan berlakunya perubahan suasana politik di Tanah Melayu.<sup>5</sup> Perkara tersebut telah dinyatakan dalam petikan di bawah:

With the cancellation of Operation ZIPPER as originally planned, arises the question whether or not the MPAJA will be of more trouble than of assistance to the occupation force. It is certain that the MPAJA wholly supported the British desire to drive the Japanese out of Malaya and would have co-operated with any planned British, invasion of Malaya but the surrender of Japanese empire and their apparent decide acceptance of the Allied terms rendering the role at the MPAJA no longer necessary, presents a different picture.<sup>6</sup>

British juga mendapati, dengan berakhirnya Perang Dunia Kedua dan kalahnya kuasa Jepun, objektif utama kumpulan penentang tersebut telah tercapai. Bagaimanapun, gerakan dan organisasi mereka masih kekal wujud, malah menjadi lebih kuat berbanding sebelum itu, terutamanya setelah mereka berjaya menghadapi halangan pertama dengan berakhirnya pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Kini, kegiatan PKM menjadi lebih terbuka, dengan tuntutan dan ucapan yang mereka sampaikan, semuanya adalah bermotif politik. Keadaan itu ternyata dengan terbitnya Rancangan Lapan Perkara (Eight Point Plan/Eight Point) yang disebut dalam dokumen British atau dikenali sebagai Lapan Prinsip (Eight Principles/8 Principles) iaitu satu gagasan yang diajukan oleh PKM kepada British. Ianya merupakan satu rancangan bagi menuju sebuah kerajaan demokratik di Tanah Melayu serta dengan beberapa

<sup>5</sup> Memorandum On The Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept. 45, dalam D.C.C.A.O., 227 / 42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, hlm. 3. Para. 22. Lihat juga dalam Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para, 99.

<sup>6</sup> Ibid.

tindakan dan langkah-langkah lain yang mereka rancang serta lakukan selepas itu.<sup>7</sup> Dengan berakhirnya pemerintahan Jepun dan British kembali menguasai Tanah Melayu, PKM sangat berharap kerajaan British melaksanakan segera hasil resolusi Persidangan San Francisco, dengan membenarkan Tanah Melayu melaksanakan pemerintahan sendiri melalui sistem demokrasi. Perkara ini telah dinyatakan dalam ‘Lapan Prinsip’ yang telah diajukan oleh PKM kepada kerajaan British dengan tujuan membina sebuah negara Tanah Melayu yang baharu (New Malaya). Di bawah tuntutan Lapan Prinsip tersebut, PKM akan bekerjasama dengan kerajaan British dengan lebih erat bagi membawa kepada kelahiran negara Tanah Melayu yang baharu tersebut bagi memenuhi permintaan rakyat.<sup>8</sup>

Bagaimanapun ternyata, tindakan PKM tersebut, selain menunjukkan sikap untuk bekerjasama dengan British, mereka juga sebenarnya membuat persiapan membentuk pasukan MPAJA sebagai sebuah pasukan tentera yang kekal dan akan digunakan untuk merampas kuasa sebaik selepas Jepun tewas kepada Tentera Pakatan Bersekutu. Sejak 1944, PKM telah menekankan propaganda parti tersebut untuk berjuang sebagai gerakan pembebasan kebangsaan dan mengukuhkan kekuatan bagi menjadi tentera pembebasan bagi menujuhan Tanah Melayu dan Singapura atau pun Malaya, sebagai Republik Demokratik Malaya. Selepas perang berakhir pada pertengahan 1945, memorandum rahsia PKM tersebut telah didedahkan oleh kerajaan British. Sesungguhnya, PKM telah berusaha menyatupadukan perjuangan mereka bagi mencapai matlamat kemerdekaan bagi Tanah Melayu, walaupun dengan darah. Pada April 1945, PKM telah membuat persiapan untuk tempoh selepas perang. Semua

<sup>7</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis 1 November 1945, hlm. 2. Lihat juga Sel. Civil Affairs. 162/45, The Selangor State Committee: The Communist Party of Malaya, hlm. 2 dan 3; Communist Party of Malaya. 8 Principles, dalam Sel. CA. 162/45 (2); Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 266.

<sup>8</sup> Sel. CA.162/45. Proclamation for Convening the Selangor Peoples’ Representatives Conference and Forming the Selangor Peoples State Committee, hlm. 1, Para 4.

pemimpin MPAJA diarah membentuk unit MPAJA secara rahsia dan tinggal di hutan dan sebahagian lagi anggota MPAJA akan berurusan dengan pegawai British.<sup>9</sup> Dengan sekembalinya British ke Tanah Melayu pada awal September 1945, PKM mula mendedahkan satu demi satu rancangan rahsia mereka secara terbuka kepada umum. Malah, program tersebut didapati hampir menyamai perancangan yang dibuat oleh parti-parti komunis di Eropah, dengan meneruskan perlantikan diri sendiri sebagai pemimpin untuk gerakan pertahanan. Dengan cara ini, mereka dapat mengekalkan kuasa, tanpa mengaitkannya dengan fahaman komunis atau penubuhan parti komunis yang bersifat diktator. Oleh itu, PKM menggunakan propaganda mereka dengan rancangan menuju sebuah kerajaan yang bersifat demokratik melalui pilihan raya umum bagi setiap bangsa dan parti anti-Jepun, menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan juga membuat saranan supaya diberi rawatan istimewa untuk gerila anti-Jepun. Di sebalik rancangan itu, parti tersebut berharap dengan tindakan berkenaan mereka berada dalam satu posisi yang kuat untuk merampas kuasa dan menjayakan rancangan tersebut.<sup>10</sup> Dengan itu, pada 27 Ogos 1945, PKM bersama Jawatankuasa Rakyat Negeri Selangor, telah mengisyiharkan perkara Lapan Prinsip (Eight Principles) iaitu satu perjuangan ke arah menuju sebuah kerajaan demokratik di Tanah Melayu, sehingga gagasan tersebut dianggap suatu cadangan yang progresif dan lebih terdahulu daripada rancangan awal British mahu menuju sebuah kerajaan awam (Malayan Union) yang hanya mula dilaksanakan pada 1 April 1946.<sup>11</sup> Keadaan itu bermakna, tuntutan PKM adalah mahu menjadikan Tanah Melayu dan Singapura (Malaya) menjadi sebuah negara yang bebas dan merdeka daripada penjajahan British. Mereka mahu menjayakan matlamat penubuhan sebuah kerajaan demokratik. Keadaan

<sup>9</sup> J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 15. Lihat juga Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 150 dan 151.

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 16.

<sup>11</sup> Sel. Civil Affairs. 162/45, The Selangor State Committee: The Communist Party of Malaya, hlm. 2 dan 3. Lihat juga CO 574/88-90: British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis 1 November 1945, hlm. 2; Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 307, Para, 131.

ini dapat dilihat daripada petikan daripada pernyataan Jawatankuasa Rakyat Negeri Selangor Parti Komunis Malaya, bertarikh, 27 Ogos 1945,<sup>12</sup> mengenai arah tuju parti tersebut:

British is a member of the United Nation. We hope that the British Government will end their dominating policies on colonies; genuinely execute the decisions of the San Francisco Conference by giving ‘Self-Government’ to the Malayan people establish an organ according to the wishes of the people; practise democratic politics and wholly realize the 8 Principle suggested by us.<sup>13</sup>

Pada 1 November 1945, Lieutenant Harold Hammett, bekas pegawai MSC dan beliau pernah berkhidmat di Johor sebelum tercetusnya perang, turut membuat laporan kepada Ibu Pejabat BMA Johor tentang kegiatan dan propaganda PKM-MPAJA. Ketika tempoh lebih tiga minggu peralihan kuasa selepas kekalahan Jepun dan sebelum kedatangan semula kuasa British di Tanah Melayu, PKM-MPAJA telah menguasai sebahagian besar bandar. Mereka meraikan kejayaan dengan mengadakan perarakan kemenangan serta mengadakan Mahkamah Rakyat untuk menghukum pengkhianat yang bersubahat dengan menyalurkan maklumat rahsia anggota dan pasukan tersebut kepada pihak Jepun, sehingga tindakan itu mengancam keselamatan anggota dan pasukan berkenaan.<sup>14</sup> Oleh itu, sebelum BMA memberi laluan bagi penubuhan sebuah kerajaan awam pertamanya iaitu Malayan Union dan Singapura sebagai jajahan mahkotanya secara berasingan pada 1 April 1946, amaran telah diberikan oleh J.H. Hammett kepada BMA, mengenai kegiatan MPAJA tersebut yang dikatakan masih berterusan. PKM dilaporkan terlibat dalam Barisan Bersatu (United Front) yang berjuang dalam bentuk separuh aman, untuk menguasai dan mempengaruhi kesatuan-kesatuan serta parti politik ke arah membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan.<sup>15</sup>

<sup>12</sup> Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 147.

<sup>13</sup> Sel. Civil Affairs. 162/45, The Selangor State Committee: The Communist Party of Malaya, hlm. 4.

<sup>14</sup> CO 574/88-90. British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No II, Vol. 1, Kuala Lumpur, Khamis, 1 November 1945, hlm. 2. Lihat juga Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 60 dan 61.

<sup>15</sup> Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 61.

Berikut adalah petikan amaran daripada Left. Harold Hammett kepada BMA mengenai kegiatan PKM-MPAJA:

The progressive tone of these points was advance of British plans, which only envisaged starting on local election at an indeterminate date. It was April 1946, before the BMA would make way for civilian administration, in the form of the Malayan Union and the Colony of Singapore. Hammett, warned the BMA about continuing MPAJA activities. The MCP were engaged in a semi-peaceful ‘united front’ struggle to gain control of union and to influence politics toward early decolonisation.<sup>16</sup>

dan,

It is they (PKM), and not the British who have liberated the people of Malaya from Japanese domination. And by what right do they British come back to dominate the country once more?<sup>17</sup>

Setelah berakhirnya perang, British mendapati terdapatnya keraguan terhadap beberapa kumpulan dalam MPAJA. Ternyata, sebahagian anggota MPAJA berasa gembira setelah Jepun mengalami kekalahan dan meninggalkan Tanah Melayu, tetapi hakikat sebenarnya mereka juga tidak mahu kehadiran semula kuasa British. Tambahan pula kekalahan Jepun berlaku tanpa sebarang tentangan bersenjata yang dilakukan oleh British dalam usaha mereka menduduki semula Tanah Melayu. Keadaan ini menunjukkan matlamat mereka mahu menjadi Tanah Melayu sebuah republik bebas untuk semua penduduk tanpa mengira bangsa, dengan berdasarkan ideologi komunis.<sup>18</sup>

The History of Malaya, not many of you know, that Malaya belongs to the Sakais. Both that Malaya and Chinese came later, the Malays from Indonesia at about the same time. Malaya belongs to neither community... next came the Dutch, like the Malays and the Chinese, for trade.<sup>19</sup>

<sup>16</sup> Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 61.

<sup>17</sup> Secretariat Propaganda, Increased Propaganda Memorandum, by H.G. Hammet, dalam Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 61.

<sup>18</sup> Memorandum on the Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, hlm. 3. Para 24. Lihat juga Sel. CA. 162/45. The Communist Party of Malaya, hlm. 2 dan 3.

<sup>19</sup> Rujuk ucapan Lou Mah ketika perasmian penubuhan New Democratic Youth League di Bagan Serai, Perak, pada 28 Julai 1946, sekembalinya dari perarakan menyambut kemenangan (Victory Parade) di Britain, dalam CO 573/1582, HQ Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,’ hlm. 2.

Selepas perang berakhir, BMA mendapati begitu banyak persatuan baharu ditubuhkan, hampir di setiap daerah dan setiap negeri. Persatuan ini dikuasai sepenuhnya oleh kumpulan Anti-Japanese Union (AJU) yang merupakan sayap kiri kepada parti komunis, termasuklah kesatuan yang baharu ditubuhkan. Di negeri Pahang antaranya seperti Kesatuan Buruh Pahang, persatuan-persatuan rakyat dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Wanita. Anggota komunis didapati mengambil kesempatan memasuki ke perkampungan orang Melayu dengan menyampaikan ucapan-ucapan yang bersifat anti-British. Manakala, orang Melayu diarahkan menghadiri perhimpunan dengan diugut. Kumpulan orang Cina yang menganggotai persatuan sulit Cina seperti AJU, didapati memiliki senjata api seperti pistol dan sebagainya. Senjata tersebut dibawa secara bebas di tempat awam.<sup>20</sup> Pernyataan itu boleh dirujuk dalam petikan berikut:

Before the surrender the AJU in order to perform its function effectively, must regularly have resorted to extortion and threats; those who have much to lose do not willingly support the outlaw and must in the course of duty to resistance force have regularly and frequently transgressed the law these habits will not cease suddenly. To the AJU collaborator the rich merchant who has risked nothing, are still fair game.<sup>21</sup>

Sejak tahun 1941, Ordinan Pendaftaran Pertubuhan (Registration of Societies Ordinance) di Tanah Melayu menegaskan bahawa sesebuah pertubuhan itu dianggap pertubuhan haram sehingga ianya didaftarkan. Bagaimanapun, sebaik sahaja perang berakhir, Pejabat Tanah Jajahan telah meminda peraturan tersebut bagi membolehkan sesebuah pertubuhan itu dianggap sah, sehinggalah jika diisyiharkan sebaliknya oleh Majlis Gabenor. Ini bermakna sesebuah pertubuhan itu tidak perlu mendaftar lokasi ibu

<sup>20</sup> Phg. Secret. 35/45. Surat daripada Office of Senior Civil Affairs Officer, Kuala Lipis, Pahang kepada DCCAO. HQ. BMA (M.), Kuala Lumpur, bertarikh 13 November 1945, hlm. 1. Lihat juga, CO 574/88-90, ‘Note on Chinese Resistance Organization in Malaya’ dalam British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. II. Vol. 1. Kuala Lumpur, Thursday, 1 November 1945, hlm. 2; Abdul Mutualib bin Mohamed, Kg. Gelong Pepuyu, Beruas. Wawancara pada 16 Disember 2009

<sup>21</sup> CO 574/88-90, ‘Note on Chinese Resistance Organization in Malaya’ dalam British Military Administration Malay Gazette of the Malay Peninsula, No. II. Vol. 1. Kuala Lumpur, Thursday, 1 November 1945, hlm. 2.

pejabat mereka, penambahan tempoh keahlian dalam pertubuhan itu, termasuklah nama dan alamat pegawai utama mereka. Bagaimanapun, kebanyakan pertubuhan yang wujud itu tidak jelas dalam menangani tuntutan kaum buruh dalam kesatuan sekerja. Ini disebabkan mereka lebih merupakan ahli politik. Kebanyakan pertubuhan tersebut majoritinya adalah orang Cina yang memainkan peranan penting dalam gerakan penentangan terhadap Jepun sebelum itu, iaitu AJUF yang diarahkan oleh PKM dan kini dikawal oleh General Labour Union (GLU).<sup>22</sup>

Berdasarkan situasi tersebut, iaitu dengan berkembang pesatnya pengaruh komunis dalam persatuan dan pertubuhan, maka kerajaan BMA berusaha untuk mengekangnya. BMA mendapati, kebebasan tidak terhad yang diberi terhadap penubuhan sesebuah persatuan perlu dipinda. Oleh itu, satu peraturan baharu mengenai penubuhan sesebuah pertubuhan telah dikuatkuasakan oleh kerajaan British. Nama pemegang jawatan dan ahli jawatankuasa sesebuah pertubuhan yang ditubuhkan perlu direkodkan, supaya ucapan bersifat anti-British<sup>23</sup> yang dilakukan oleh mereka dalam pertubuhan tersebut boleh diambil tindakan. Dengan peraturan itu bermakna, sesebuah pertubuhan itu perlu memberi notis penuh terlebih dahulu mengenai tempat dan masa mesyuarat akan dilangsungkan. Dengan itu juga bermakna, sebarang aktiviti mesyuarat yang dijalankan oleh sesebuah pertubuhan dianggap haram, kecuali notis diberikan terlebih dahulu. Tujuan British adalah bagi menghalang aktiviti politik yang tidak diingini berlaku. BMA juga akan bertindak melalui prosedur buang negeri seperti mana Section 2, of Kedah Banishment Enactment No. 5 of 1341. Enakmen tersebut boleh digunakan di semua negeri-negeri Melayu. Begitu juga dengan penggunaan Section 3

<sup>22</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 303 dan 304, Para, 112.

<sup>23</sup> Antaranya ucapan Lau Mah. Ucapan beliau bersifat anti-British ketika majlis perasmian penubuhan NDYL cawangan Bagai Serai, Perak, pada 28 Julai 1946. Ucapan beliau telah direkodkan oleh kerajaan. ‘The speech by Loh Mah is given as far as possible in its entirety as translated by a section interpreter. The fact have all been checked and apart from a slight change in the order of presentation, the translation is accurate’. Lihat dalam CO 537/1582, HQ. Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,’ Appendix E, hlm. 2.

(i) Federal Banishment Enactment, bagi menahan individu yang terlibat dalam kegiatan komunis. Kedua-dua enakmen berkenaan telah pun diamalkan sejak zaman sebelum perang akan dipulihkan semula. Tindakan melalui undang-undang tersebut didapati sangat berkesan ketika zaman sebelum perang meletus.<sup>24</sup> Bagaimanapun, kerajaan mendapati pelaksanaan undang-undang berkenaan tersebut masih tidak boleh diguna pakai sehingga selepas kejayaan proses perlucutan senjata pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945. Tujuannya bagi mengelak sesuatu yang tidak diingini berlaku dan berkemungkinan akan menghalang proses tersebut. Oleh itu, bagi menjalankan dasar tersebut, BMA melaksanakan langkah dengan mengambil pegawai-pegawai baru. Pegawai tersebut akan ditugaskan memasuki perkampungan di setiap daerah, bagi menerangkan dasar kerajaan BMA, tentang kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan serta menyampaikan maklumat yang tepat kepada orang ramai di samping dapat mengumpul maklumat mengenai pengasut dengan segera. Sejajar dengan itu, sebuah sekretariat ditubuhkan bagi menerbitkan berita-berita BMA dalam buletin mingguan.<sup>25</sup>

### **Provokasi PKM dan Reaksi British**

Dengan kembalinya semula kerajaan British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua berakhir, pelbagai masalah terpaksa dihadapi dan perlu diselesaikan dengan segera. Kemudahan penginapan yang sangat berkurangan, peningkatan jumlah penduduk yang pulang semula ke bandar, terutamanya di Singapura dan besarnya jumlah tahanan perang Allied Prisoners of War and Internees (A.P.W.I) yang perlu diuruskan serta tindakan bagi mengawal kebebasan berucap, melakukan penerbitan dan berpersatuan. Tujuannya untuk mencegah penyalahgunaan keistimewaan tersebut yang

<sup>24</sup> Phg. Secret. 35/45. Surat daripada Office of Senior Civil Affairs Officer, Kuala Lipis, Pahang kepada DCCAO. HQ. BMA (M.), Kuala Lumpur, bertarikh 13 November 1945, hlm. 1. Lihat juga H.C.O. No. 344-29. Department Papers. Correspondence from and to H.B., Malaya's Consul-General Canton, Regarding Communist in Malaya. Forward for Transmission to the British Adviser, Kedah, hlm. 29 dan 3A; C.P.O. The Secretariat Negeri Sembilan. 1129/40. Federated Malay State. State of Negeri Sembilan. The Federal Banishment Enactment, hlm. 1.

<sup>25</sup> Ibid.

menjejaskan reputasi pentadbiran BMA.<sup>26</sup> Berikut adalah petikan daripada ucapan Perdana Menteri Britain, Clement Richard Attlee yang disiarkan dalam akhbar *The Malaya Tribune*, pada 18 Oktober 1945. Ucapan beliau itu mengenai kesukaran yang dihadapi oleh kerajaan Britain untuk menyelesaikan semua perkara di seluruh tanah jajahannya, sebaik sahaja selepas kekalahan Jepun. Ini termasuklah hal yang berkaitan dengan urusan tahanan perang dan mengembalikan semula keamanan di semua wilayah penguasaan mereka:

That upon the Japanese collapse, Britain was suddenly face with task, over very wide areas and in various territories, of simultaneously disarming the Japanese force, releasing Allied Prisoners of war and internees, and helping to restore normal condition.<sup>27</sup>

Dengan merujuk kepada petikan ucapan Perdana Menteri Britain, Clement Attlee tersebut, masalah yang sama juga dihadapi oleh British sekembalinya mereka ke Tanah Melayu. Pelbagai masalah terpaksa dihadapi dan perlu diselesaikan oleh British dengan segera. Hubungan yang buruk antara kaum Melayu dan Cina didapati masih berterusan sehingga selepas perang. Hal tersebut timbul, kesan daripada dominasi pasukan gerila penentang Jepun terutamanya pasukan MPAJA yang dikuasai oleh orang Cina, manakala pasukan polis terdiri daripada orang Melayu dan Sikh, sehingga tercetusnya pergaduhan antara kaum di Sungai Manik, Perak, pada Mei hingga pertengahan Ogos 1945, dan di Johor pada 21 Ogos 1945. Masalah juga timbul dalam soal pengagihan bekalan makanan terhadap penduduk. Bekalan beras menjadi sangat berkurangan. Pada saat berakhirnya Perang Dunia Kedua, Jepun juga mengakui persediaan bekalan beras di negara yang mereka duduki telah habis dan Jepun juga tidak mempunyai idea bagaimana untuk menyediakan makanan kepada penduduk

<sup>26</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 302, Para, 103 dan 104.

<sup>27</sup> Petikan ucapan Perdana Menteri Britain Clement Richard Attlee dalam *The Malaya Tribune*, 18 Oktober 1945, hlm. 4.

sekiranya peperangan masih berterusan.<sup>28</sup> Keadaan berlaku akibat pengurusan pentadbiran yang tidak cekap dan lemah, sehingga berlakunya kekurangan hasil beras negara termasuk di negara pengekspor beras. Ditambah dengan penanaman padi masih berbentuk tradisional dan negara ditadbir oleh tentera. Keadaan ini menyebabkan pergerakan dan aktiviti penduduk terganggu.<sup>29</sup> Mulai tahun 1943, kegiatan perdagangan Jepun melalui jalan laut juga telah berkurangan akibat serangan kapal selam Tentera Bersekutu. Keadaan itu mengakibatkan berlakunya pengurangan bahan makanan terutamanya beras, kerana tidak adanya kapal yang membawa beras dari Burma dan Thailand ke Tanah Melayu. Sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua dan zaman pendudukan Jepun, dua pertiga daripada bekalan beras di Tanah Melayu adalah diimport dari Thailand dan Burma. Bagaimanapun, sejak pendudukan Jepun 1942, bekalan beras yang diimport telah menyusut dari 375,000 tan kepada 94,000 tan pada 1944.<sup>30</sup> Pada tahun 1945, antara bulan Januari hingga Julai, import beras terus jatuh kepada 12,000 tan. Keadaan ini berlaku disebabkan Pentadbiran Tentera Jepun telah meletakkan kawalan harga terhadap beras, di samping agihan bekalan beras melalui sistem kumiai.<sup>31</sup> Pemerintah Jepun juga lebih memberi keutamaan kepada tenteranya yang berjuang dalam peperangan. Semua keadaan ini menimbulkan kesan besar ke atas pentadbiran BMA, sebaik mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu sehingga 31 Mac 1946.<sup>32</sup> Selepas peperangan berakhir, kadar bekalan beras di Tanah Melayu terus berkurangan kepada 5 auns untuk setiap orang bagi setiap hari, berbanding sewaktu Jepun kalah perang kadarnya adalah sebanyak 11 auns bagi setiap orang untuk setiap

<sup>28</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 301, Para 101 dan hlm. 302, Para 102. Lihat juga, Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 533.

<sup>29</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 533. Lihat juga, Ahmad Zaki Mohd Johari Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan', Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm.52.

<sup>30</sup> J.M. Gullick, *Malaya* (Second Edition), hlm. 81.

<sup>31</sup> Akashi Yoji dan Yoshimura Mako (edited), *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, Singapore: National University of Singapore Press, 2008, hlm. 118. Lihat juga, Ahmad Zaki Mohd Johari Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan', Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 52.

<sup>32</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 528.

hari.<sup>33</sup> Oleh itu, Tanah Melayu memerlukan sehingga 80,000 tan bahan makanan sebulan dan daripada jumlah tersebut 34,000 tan adalah bekalan beras pada kadar yang minimum bagi mengelakkan berlakunya penyakit dan kekacauan penduduk, iaitu anggaran tambahan 200,000 tan yang boleh diperoleh daripada dalam negara. Kenaikan harga barang juga berlaku dengan keterlaluan. Di Singapura sahaja, berlaku kenaikan harga barang makanan antara 750 peratus hingga 850 peratus, berbanding era sebelum perang. Komoditi barang lain juga mengalami kadar kenaikan harga yang besar. Beberapa barang seperti beras, garam, gula, tepung dan susu dicatuh dengan ketat. Semua pegawai dan anggota berpangkat lain, dilarang memakan makanan yang dimasak di luar rumah mereka, kecuali dalam kelab-kelab perkhidmatan dan kantin. Namun, timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk disebabkan terdapatnya perbezaan catuan perkhidmatan dan makanan untuk rakyat biasa. Bagi mengawal inflasi yang keterlaluan, sejak dua minggu pertama pendudukan semula di Tanah Melayu, British telah mengisytiharkan Pengisytiharan Kawalan Harga terhadap sayuran segar dan ikan. Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan tersebut ditarik semula disebabkan kesukaran dalam menguatkuasakannya. Justeru itu, British melantik Pegawai Penguatkuasa Kawalan Makanan. Oleh itu, pada akhir Februari 1946, harga barang, seperti beras, gula, garam, tepung, susu, daging dan rokok telah berjaya dikawal. Walaupun begitu, kesalahan menyorok barang dan pasar gelap (*black market*) masih lagi berterusan.<sup>34</sup> Bagaimanapun, kegawatan ekonomi negara akibat kekurangan bekalan beras telah dieksplorasi oleh PKM dengan membuat provokasi bagi membuktikan kelemahan pentadbiran British di Tanah Melayu, dengan tujuan untuk meraih semula sokongan daripada rakyat.<sup>35</sup> Jadi, rakyat yang menghadapi suasana serba kekurangan pada peringkat awal pendudukan semula kolonial British, sehingga mereka

<sup>33</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 528.

<sup>34</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 302, Para, 105 dan 106.

<sup>35</sup> Bryan C. Cooper, *Decade of Change Malaya and The Straits Settlements 1936-1945*, hlm. 532.

terpaksa bergantung kepada sumbangan bekalan beras dan barang-barang keperluan lain daripada golongan taukeh dan orang kaya. Malah, pasukan MPAJA juga terpaksa menyediakan makanan yang dimasak kepada penduduk yang kelaparan. Keadaan ini telah dinyatakan oleh Rashid Maidin dalam buku *From Armed Struggle to Peace*:

Just after World War II, people's lives were miserable, worsened by the fact that the Japanese currency was now worthless paper. Yet the masses were full of spirit. Towkays and other wealthy persons donate rice and other things. We cooked rice porridge and distributed it to who ever was hungry.<sup>36</sup>

Selepas penyerahan Jepun, suasana menjadi semakin buruk disebabkan kesukaran mendapat barang-barang keperluan. PKM juga beranggapan kerajaan British dengan sengaja tidak menghiraukan penderitaan rakyat. British mahu membatalkan penggunaan wang Jepun tanpa memberi ganti rugi. Ini bermakna penduduk terpaksa menjual apa sahaja barang yang mereka ada bagi memperoleh matawang baharu sehingga menyebabkan kenaikan harga barang dan berlakunya pasaran gelap, sedangkan ketika pendudukan Jepun, pentadbiran Jepun membenarkan penggunaan wang British. Keadaan bertambah buruk dengan cukai-cukai yang dikenakan oleh kerajaan. Semua keadaan tersebut membebankan penduduk di Tanah Melayu.<sup>37</sup> Akibat dasar dan tindakan kerajaan British tersebut, ramai penduduk di Tanah Melayu, mengelami kelaparan akibat kekurangan beras dan menjadi miskin kerana ketiadaan pekerjaan. Penduduk sangat berharap BMA membantu mereka dengan menyediakan kemudahan bekalan air dan elektrik secara percuma pada tiga bulan pertama selepas pendudukan Jepun, dan meminta pentadbiran BMA agar menstabilkan harga getah dan

<sup>36</sup> Rashid Maidin, *From Armed Struggle to Peace*, hlm. 20.

<sup>37</sup> CO 573/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 3. Lihat juga Surat daripada Perak Peoples' Association, Ipoh, Perak kepada Presiden Selangor Peoples' State Committee, bertarikh 12 November 1945, hlm. 5A, dalam C (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2. Chinese Affairs Review of During Occupation; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 135; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 150 dan 184.

timah iaitu dua industri penting kepada pendapatan masyarakat pekerja. Dalam hal tersebut, PKM beranggapan, British secara sengaja menghalang pengedaran bahan makanan kepada rakyat. Dengan tindakan itu, PKM menuduh kerajaan British mengamalkan dasar penindasan terhadap rakyat.<sup>38</sup>

Dengan situasi yang berlaku tersebut, PKM menganjurkan agar rakyat di seluruh negara, berjuang dengan meminta British memberi bantuan dan layanan yang adil kepada rakyat, bagi menyelesaikan masalah kekurangan beras dan makanan, menuntut kenaikan upah, menyediakan peluang-peluang pekerjaan, menyediakan bekalan air dan elektrik secara percuma di kuarters-kuarters pekerja. Masalah juga berkaitan dengan jurang pendapatan, kos kehidupan yang tinggi dan membantah tindakan British mahu menghapuskan penggunaan mata wang Jepun hingga menyebabkan kerugian kepada penduduk. Keadaan ini semuanya telah dieksloitasi oleh PKM bagi menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk terhadap British, sehingga berlakunya rusuhan beras di beberapa buah negeri Melayu, pada Oktober 1945.<sup>39</sup>

Sekitar Oktober 1945, tunjuk perasaan dan perarakan raksasa rakyat terhadap kerajaan British berlaku di kebanyakan tempat akibat kekurangan beras. Mereka menuntut suasana bekerja yang lebih baik dan kenaikan kadar upah buruh terutamanya mengenai upah buruh di ladang dan pekerja separuh mahir. Peristiwa tersebut berlaku di beberapa buah negeri, seperti di Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan juga di beberapa buah negeri Melayu lain serta di Singapura. Mogok yang dianjurkan oleh PKM dengan contoh mogok yang berlaku di pelabuhan itu, ternyata bukan sekadar

<sup>38</sup> Surat daripada Perak Peoples' Association, Ipoh, Perak kepada Presiden Selangor Peoples' State Committee, bertarikh 12 November 1945, hlm. 5A, dalam C (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2. Chinese Affairs Review of During Occupation. Lihat juga Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 135.

<sup>39</sup> Ibid., hlm. 69. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka, British Rule and The Struggle for Independence in Malaya 1945-1957*, hlm. 87.

menuntut kenaikan gaji dan kemudahan bekerja yang lebih baik untuk kaum buruh tetapi adalah lebih bersifat kepada tuntutan politik. Ini disebabkan tuntutan yang dilakukan itu dibuat tanpa merujuk kepada sebarang aduan ataupun permintaan khusus.<sup>40</sup> Dengan itu, British telah mengambil langkah untuk menaikkan kadar upah bagi sektor perburuhan. Bagi meredakan tuntutan pihak buruh mengenai kenaikan kadar gaji tersebut, kerajaan British segera menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyiasat dan melaporkan keperluan peningkatan gaji yang patut diberikan kepada pekerja. Rundingan telah dibuat dengan badan perkhidmatan tersebut dan kerajaan memutuskan buat sementara untuk meningkatkan gaji pekerja mereka ke suatu tahap. Kenaikan akan berkuat kuasa mulai, 17 Disember 1945. Dengan itu, pekerja separuh mahir sehingga ke peringkat atasan, akan memperoleh pendapatan termasuk gaji sebanyak \$4.00 setiap hari atau gaji sebanyak \$100.00 setiap bulan. Kadar purata peningkatan sebanyak 20 sen bagi setiap hari jika disediakan dengan penginapan percuma: 0.25 sen bagi setiap hari, jika penginapan percuma tidak disediakan.<sup>41</sup> Brig. H.C. Willan., D.C.C.A.O., melalui sidang akhbarnya pada 16 Disember 1945, beliau telah mengisyiharkan kuatkuasa kenaikan baru bagi kadar gaji buruh di Tanah Melayu dan Singapura, mulai 17 Disember 1945 (lihat carta kadar upah buruh pada muka surat 137).<sup>42</sup> Bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh Brig. H.C. Willan, bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan British tersebut dalam menangani tuntutan dan keresahan rakyat itu, bukanlah suatu perkara yang mudah dan dapat memulihkan keadaan tersebut dalam serta-merta.<sup>43</sup>

<sup>40</sup> Memorandum On The Force 136 Organisation In Malaya, By Lt-Col D.G. Gill-Davies R.F, Secret. 15 Sept 45, dalam D.C.C.A.O., 227/42. Resistance Force, Force 136, Copy No. 6, helaian 1. Lihat juga M.G. Division General Dept. 2/15. Singapore Dock Strike, hlm. 4. Lihat juga, Fed. Of Malaya, Annual Report on The Social and Economic Progres of The People of Perak, for Period 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 1948, hlm. 67; Shan Ru Hong, *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 132, 133 dan 139; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 253; Ahmad Zaki bin Mohd Johari, 'Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan', Tesis MA Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 57, 58 dan 59.

<sup>41</sup> *The Malaya Tribune*, 12 Disember 1945, hlm. 3. Lihat juga CO 573/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, hlm. 4.

<sup>42</sup> Ibid, hlm. 1.

<sup>43</sup> Ibid.

## Kadar Upah Buruh, Mulai 17 Disember 1945

### Tanah Melayu

Gred Tanpa Kemahiran	Pasca Perang	Kenaikan Pertama (17 Dis. 1945)	Beserta Penginapan Percuma	Kenaikan Kedua Tanpa Penginapan Percuma
I	\$0.70	\$0.85	\$0.95	\$1.00
II	\$0.50	\$0.65	\$0.75	\$0.80

Sumber: *The Malaya Tribune*, 12 Disember 1945.

### Singapura

Gred Tanpa Kemahiran	Pasca Perang	Kenaikan Pertama (17 Dis. 1945)	Beserta Penginapan Percuma	Kenaikan Kedua Tanpa Penginapan Percuma
I	\$0.80	\$1.00	\$1.05	\$1.10
II	\$0.60	\$0.80	\$0.85	\$0.90

Sumber: *The Malaya Tribune*, 12 Disember 1945.

### Tanah Melayu (Buruh Ladang Getah)

Pasca Perang	Kenaikan Pertama (17 Dis. 1945)	Kenaikan Kedua
\$0.50	\$0.65	\$0.70

Sumber: *The Malaya Tribune*, 12 Disember 1945.

Ketika Lt. Kol. Wylie tiba di Ipoh, bagi mengambil alih tugas daripada Lt. Kol. Hannah, pada 22 Oktober 1945, berlaku suasana tegang akibat tindakan mogok umum yang dianjurkan komunis dan pelbagai peristiwa buruk yang dicetuskan oleh anggota MPAJA. Peristiwa berlaku terutamanya di kawasan bandar, kesan daripada ramai penduduk tidak memiliki pekerjaan, berlakunya inflasi dan kekurangan barang terutamanya beras. Oleh itu, PKM menyediakan kepimpinan bagi menjayakan perarakan raksasa rakyat yang kelaparan, demonstrasi menuntut lebih banyak peluang pekerjaan dan makanan, termasuk juga kempen bagi menuntut hak demokratik rakyat seperti yang diamalkan oleh sebuah negara demokrasi.<sup>44</sup> Pertubuhan berhaluan kiri (pertubuhan bersifat anti-British), turut mengadakan perhimpunan ramai di kawasan terbuka di bandar. Perhimpunan dianjurkan oleh Kesatuan Buruh Am, Kesatuan Pekerja Kedai Kopi dan Kesatuan Tukang Gunting Rambut, hingga keadaan menjadi tegang di beberapa tempat.<sup>45</sup> Kawasan yang terlibat dalam tunjuk perasaan adalah di Pantai Remis, Sitiawan, Lumut, Taiping, Ipoh, Parit Buntar, Sungai Siput, Telok Anson, Tapah, Kampar, Batu Gajah di Perak; Raub, Kuala Lipis di Pahang dan di Singapura.<sup>46</sup> Bagaimanapun, perarakan raksasa rakyat yang dianjurkan oleh PKM itu dilakukan secara paksaan dan ancaman ke atas penduduk tempatan, malahan, dibuat tanpa sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu kepada penduduk.<sup>47</sup> Oleh itu, motif PKM adalah jelas, mereka cuba mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh BMA melalui tekanan daripada rakyat dengan membina kesedaran politik melalui tindakan besar-besaran yang dianjurkan itu. Di samping itu PKM berusaha meningkatkan

<sup>44</sup> NAB 1084. HS 1/107. The SOE, Far East Malaya No. 72, hlm 1 dan 2. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 52.

<sup>45</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 288.

<sup>46</sup> *The Straits Times*, 8 Disember 1945, hlm 2. Lihat juga Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 71; Wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, Kampung Jalan Haji Ali, Pantai Remis, Perak, 07 Mei 2010. Wawancara dengan Abdullah bin Said, Kampung Tengah, Panchor, Pantai Remis, Perak, 11 November 2010; Khong Kim Hoong, *Merdeka, British Rule and The Struggle for Independence in Malaya 1945-1957*, hlm. 55 dan 87; Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 254.

<sup>47</sup> Wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, Kampung Jalan Haji Ali, Pantai Remis, Perak, 7 Mei 2010. Lihat juga Phg. Secret 35/45. Surat daripada Senior Civil Office Affairs, Kuala Lipis, Pahang kepada DCCAO, HQ. BMA (M) Kuala Lumpur, bertarikh 13 November 1945, hlm. 1.

komitmen rakyat dalam perjuangan menentang penjajah. Tindakan itu juga bertujuan untuk memalukan BMA.<sup>48</sup> Bagi mengatasi kegawatan akibat perhimpunan ramai orang yang tidak terkawal yang dianjurkan oleh PKM, tentera BMA terpaksa bertindak dengan melepaskan tembakan seperti yang terjadi di Lumut, Taiping dan Sungai Siput bagi menyuraikan orang ramai yang tidak mahu bersurai. Tindakan tentera BMA di Perak itu menyebabkan berlakunya kecederaan dan kematian dalam kalangan penunjuk perasaan. Ramai juga daripada kalangan mereka yang ditangkap.<sup>49</sup> Menurut sumber British, pada 21 Oktober 1945, bertempat di sebuah padang di Ipoh, Perak, berlaku satu tunjuk perasaan yang agak besar yang melibatkan seramai 3,000 orang. Kebanyakannya daripadanya terdiri daripada kaum wanita. Bagaimanapun berdasarkan catatan Suriani Abdullah, dianggarkan seramai 20,000 orang, hadir dalam rapat perhimpunan tersebut dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.<sup>50</sup>

Di Parit Buntar, seramai 7,000 orang penunjuk perasaan meminta beras dan pekerjaan, akibatnya seramai 50 orang telah ditangkap oleh pasukan keselamatan, 6 orang daripada mereka didakwa atas pertuduhan menghasut penduduk melakukan pemberontakan terhadap pentadbiran BMA, setelah mereka menahan CAO dan merampas senjata serta menyerang sepasukan tentera Sepoi India. Mereka yang dituduh ialah Ow Than Jit, Ng Phew Chee, Wong Ah Yung, Eng Tak, Lui Kong dan Sow Hing Choong. Semua mereka didapati bersalah dan dijatuhi hukum penjara dan dipenjarakan di Penjara Taiping.<sup>51</sup> Di Sungai Siput, juga berlaku tunjuk perasaan yang dianggarkan berjumlah seramai 5,000 orang. Dalam kejadian tersebut Pegawai Perhubungan Force 136 (SCAO) dikepung oleh penunjuk perasaan, termasuk dua orang pegawai daripada

<sup>48</sup> Khong Kim Hoong, *Merdeka!: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 52.

<sup>49</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 288. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 253-255.

<sup>50</sup> Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. 67.

<sup>51</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Disember 1945, hlm. 4. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 253-255.

BMA. Kolonel Harvey dan Kolonel de Crespigny telah dihalang daripada meninggalkan tempat mereka oleh penunjuk perasaan. Malahan mereka juga telah ditangani secara kasar menyebabkan tentera terpaksa melepaskan tembakan yang mengakibatkan seorang terbunuh dan tiga lagi cedera.<sup>52</sup>

Di Taiping, satu perhimpunan besar telah berlaku apabila penunjuk perasaan meminta mereka yang ditahan oleh pihak berkuasa semasa berlakunya tunjuk perasaan sebelum itu dibebaskan. Keadaan menyebabkan pihak tentera terpaksa melepaskan tembakan, menyebabkan empat orang terbunuh. Seorang anggota MPAJA iaitu Ong Meng Ching ditahan oleh polis, bagaimanapun dibebaskan kemudiannya. Manakala pada 24 Oktober 1945, seorang anggota MPAJA iaitu Ma Peng Kwee mati ditembak oleh tentera. Peristiwa tersebut berlaku di Kampung Koh, Sitiawan, Perak. Beberapa tindakan British tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati sebahagian pemimpin MPAJA. Tindakan BMA tersebut menyebabkan Komander I-tu (Komander Rejimen Ke-5 MPAJA) mengeluarkan pernyataan, mahu menarik semula sokongan Rejimen Ke-5 MPAJA terhadap SEAC.<sup>53</sup>

Di Kuala Kangsar, PKM menghasut orang ramai untuk menimbulkan huru hara, terutamanya dalam kalangan penduduk setinggan Cina di kawasan perlombongan bijih timah di Sungai Siput yang telah ditutup sejak perang. Penduduk diarah berkumpul dan berarak ke pejabat kerajaan di Kuala Kangsar untuk meminta bekalan beras, sambil menjerit dan mengancam sesiapa sahajadi kawasan tersebut, sehingga pasukan tentera Force 136, dan Detasmen Tentera India dipanggil untuk membuat sekatan jalan bagi menghalang perusuh. Para penunjuk perasaan diberi amaran melalui

<sup>52</sup> NAB 1084. HS 1/107. The SOE, Far East Malaya No. 72, hlm 1 dan 2. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 253-255.

<sup>53</sup> Ibid. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 254.

mikrofon oleh jurubahasa supaya bersurai dan diarah pulang ke rumah masing-masing. Dalam kejadian tersebut tentera British terpaksa mengambil tindakan untuk mara ke hadapan dan menangkap antara enam hingga tujuh orang penghasut dan mereka dibawa ke balai polis.<sup>54</sup> Dengan berlakunya beberapa peristiwa tunjuk perasaan orang ramai tersebut, satu perundingan telah diadakan antara British dengan Jawatankuasa Perhimpunan Rakyat yang didalangi oleh PKM. Jawatankuasa Rakyat telah membuat beberapa tuntutan terhadap British dan ternyata empat perkara tuntutan tersebut merupakan tuntutan asas yang sangat diperlukan oleh rakyat ketika itu:

1. Setiap seorang diberi wang sebanyak \$10.00 bagi pertukaran nilai mata wang Jepun yang tidak lagi bernilai di pasaran.
2. Menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan.
3. Menyediakan bantuan perubatan kepada mereka yang sakit.
4. Menghantar bekalan makanan ke Tanah Melayu dan diedarkan kepada orang ramai dengan seberapa segera.<sup>55</sup>

Di Singapura, satu tunjuk perasaan besar turut berlaku di Lembaga Pelabuhan Singapura, pada 21 Oktober 1945. Tunjuk perasaan itu berlarutan sehingga beberapa hari kemudian. Mereka menuntut kenaikan kadar upah serta dengan beberapa tuntutan lain. Ini disebabkan peningkatan kos sara hidup yang tinggi di negeri tersebut.<sup>56</sup> Pada 24 Oktober 1945, tunjuk perasaan turut berlaku terhadap perkhidmatan pengangkutan. Tindakan mogok tersebut menyebabkan pekerja daripada kalangan tentera dan tahanan tentera Jepun (Prisoners of War/POW) terpaksa mengambil alih pekerjaan di pelabuhan berkenaan. Daripada peristiwa itu, lapan orang penghasut termasuk dua orang wanita

<sup>54</sup> Peter George James Dobree, *Hujan Panas Bawa Bencana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 152-153.

<sup>55</sup> Rashid Maidin, *From Armed Struggle to Peace*, hlm. 20.

<sup>56</sup> M.G. Division General Dept. 2/15. Singapore Dock Strike, hlm. 3 dan 4. Lihat juga ‘Report on Labour Troubles in Singapore’, bertarikh 27 Oktober 1945 dalam M.G. Division General Dept. 2/15

ditahan oleh pemerintah. Bagaimanapun, mereka dibebaskan disebabkan kekurangan bukti. Rundingan seterusnya diadakan antara Jabatan Buruh dan pelbagai kesatuan sekerja tanpa melibatkan General Labour Union. Perbincangan berjalan dengan baik tetapi British mendapati penghasut berusaha keras membentuk barisan kesatuan sekerja yang lebih kukuh. Pada 27 Oktober 1945, buruh di pelabuhan Singapura, meneruskan piket bagi menuntut kenaikan gaji. Mereka juga enggan menguruskan penghantaran senjata dan peluru ke kapal yang akan dihantar ke Jawa untuk menentang pemberontakan Indonesia, dan tindakan piket itu turut disertai oleh pekerja yang mengendalikan perhiasan untuk perbandaran. Akibatnya semua mereka ditahan oleh pihak berkuasa British.<sup>57</sup> Berikutan peristiwa itu, Brigadier P.A.B Mckerron telah mengundang wakil kaum buruh dari General Labour Union ke pejabat beliau untuk berbincang mengenai tuntutan kaum buruh tersebut. Perkara yang dituntut oleh kesatuan buruh meliputi kemudahan bekerja yang lebih baik serta tuntutan keadilan yang lebih demokratik untuk pekerja. Tuntutan enam perkara tersebut adalah:

1. Penghapusan sistem kontrak
2. Masa bekerja cuma 8 jam sehari dan tempoh bekerja 6 hari seminggu
3. Bayaran upah yang sama tanpa mengira bangsa dan jantina
4. Mengadakan skim insuran sosial dan pampasan bagi pekerja
5. Bayaran dua bulan gaji kepada pekerja wanita, sebelum dan selepas bersalin
6. Kebebasan berucap, menerbit, berhimpun dan hak untuk mogok.<sup>58</sup>

---

<sup>57</sup> Salah satu tugas berat yang dihadapi oleh BMA berhubung dengan kemerdekaan Republik Indonesia yang dibenarkan oleh Jepun sebelum kembalinya British ke Tanah Melayu dan Singapura. Lihat dalam M.G. Division General Dept. 2/15. Singapore Dock Strike, hlm. 4. Lihat juga ‘Report on Labour Troubles in Singapore’, bertarikh 27 Oktober 1945 dalam M.G. Division General Dept. 2/15; Leong Yee Fong, ‘Kekerasan Buruh di Tanah Melayu April-Jun 1948: Satu Tafsiran Semula’, dalam Qasim Ahmad (penyelenggara), *Kekerasan Dalam Sejarah, Masyarakat dan Pemerintah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 92.

<sup>58</sup> M.G. Division General Dept. 2/15. Singapore Dock Strike, ‘A Press Communique on Labour Problems as issued by D.C.C.A.O., Singapore, pada 31 Oktober 1945’. Surat daripada H.Q. British Military Administration kepada S.O.I., Labour bertarikh, 23 November 1945.

Tindakan provokasi PKM tersebut telah mendapat amaran keras daripada ibu pejabat BMA. Pihak BMA dikatakan tidak akan bertolak ansur terhadap pengacau dan elemen lain yang didapati cuba campur tangan dalam perjalanan undang-undang negara dan menganggu suasana tenteram penduduk dengan menganjurkan mogok, memaksa dan mengugut kerajaan sebagai senjata tuntutan. BMA menegaskan akan menggunakan sepenuh kuasa mereka bagi menekan tindakan tersebut walau dalam keadaan apa juapun.<sup>59</sup> Oleh itu, dalam kes berkenaan, pihak pentadbiran BMA akan bertindak untuk menahan dan mendakwa terhadap mereka yang didapati bersalah.<sup>60</sup> Jika mereka yang terlibat bukan rakyat tempatan dan didapati bersalah kerana menganggu undang-undang tempatan, mereka akan dihantar pulang ke negara asal mereka, sebagaimana yang dinyatakan dalam akhbar *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946:

The BMA wishes to give fully that it will not tolerate pressure to any element either with a view to using the strike weapon in an element to interface with the course of the law or element peacefully living condition of the population force extortion, intimidation or other illegal reason.<sup>61</sup>

Krisis antara kerajaan British dengan PKM juga tercetus pada Oktober 1945, setelah pentadbiran BMA mengambil tindakan tegas terhadap penerbitan akhbar parti sayap kiri tersebut. Enam buah akhbar Cina, dua daripada akhbar tersebut merupakan akhbar harian Cina di Perak. Akhbar tersebut *Pai Ma Tao Pao* yang diterbitkan di Taiping, *Shih Tai Jit Pao* dan *Tai Chung Weekly* diterbitkan di Ipoh, dan akhbar *Min Sheng Pao* yang diterbitkan di Kuala Lumpur. Akhbar-akhbar tersebut telah menerbitkan artikal yang dianggap mengkritik dasar dan boleh memudaratkan pentadbiran BMA. *Pai Ma Tao Pao* telah ditamatkan penerbitannya disebabkan

<sup>59</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1. Surat daripada Perak Peoples' Association, Ipoh, Perak kepada Presiden Selangor Peoples' State Committee, bertarikh 12 November 1945, hlm.13A, dalam CA (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2. Chinese Affairs Review of During Occupation.

<sup>60</sup> Ibid. Lihat juga, *The Malaya Tribune*, 19 Februari 1946, hlm.

<sup>61</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1.

menyiarkan satu pernyataan mengenai satu peringatan yang ditujukan terhadap pemerintah BMA. Manakala *Shih Tai Jit Pao*, mengeluarkan suatu pernyataan daripada ibu pejabat Rejimen Ke-5 MPAJA, pada 23 Oktober 1945 dan 24 Oktober 1945. Pernyataan akhbar tersebut dianggapkan sebagai cubaan menghasut dan memudaratkan pemerintahan BMA. Dengan itu, kerajaan British menggunakan kuasa undang-undang melalui Enakmen Penerbitan dan Percetakan. Pengurus akhbar tersebut Fu Pang Shiang ditahan dan dijatuhi hukuman penjara selama tujuh tahun, dua orang kakitangan akhbar tersebut iaitu Chong Lin Teng dan Cho Yuet Chor dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun. Manakala, kakitangan bahagian pengiklanan dijatuhi hukuman penjara selama 21 bulan. Turut dijatuhi hukuman penjara ialah Chiu Kah Chin daripada akhbar *Tai Chung Weekly*.<sup>62</sup>

Turut mengelami nasib yang sama juga dua buah akhbar berbahasa Inggeris yang diterbitkan di Ipoh, iaitu *The North Malaya News* dan *The Age*. Kedua-dua buah akhbar tersebut diarahkan supaya ditutup pada November 1945.<sup>63</sup> Tindakan tegas BMA terhadap penerbitan akhbar itu telah mendapat bantahan daripada masyarakat Cina, terutamanya Persatuan Rakyat Perak. Mereka menganggap akhbar adalah suara rakyat dan tindakan pihak berkuasa British terhadap mereka merupakan satu tuduhan salah dan palsu. Sekiranya laporan akhbar tersebut benar-benar menggugat pihak British, kerajaan hendaklah mengambil tindakan terhadap editor dan bukannya kakitangan lain, kerana editor adalah pihak bertanggungjawab terhadap artikel yang diterbitkan. Mereka mendesak pemerintah tertinggi tentera British di Tanah Melayu agar membebaskan

<sup>62</sup> Surat daripada Perak Peoples' Association, Ipoh, Perak kepada Presiden Selangor Peoples' State Committee, bertarikh 12 November 1945, hlm. 5A, dalam C (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2, Chinese Affairs Review of During Occupation. Lihat juga Sel. Civil Affairs. The Selangor People's Representation; Surat daripada Pengerusi Selangor People's Welcome Party in Honour of Mr. Soong Kwang's Release From Imprisonment, kepada SCAO Selangor, British Military Administration, Malaya, 10 Februari 1946; Chin Peng *My Side of History*, hlm. 142; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 97; Peter Dennis and Jeffrey Grey, *Emergency and Confrontation: Australia Military Operation in Malaya and Borneo. 1950-1966*, hlm. 8; Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 51 dan 52; Cheah Boon Kheng, *Konrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1945-48*, hlm. 39.

<sup>63</sup> Chin Peng *My Side of History*, hlm. 142. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 51 dan 52.

segera kakitangan akhbar *Shih Tai Jih Poh* yang ditahan dan menjamin kebebasan dalam berucap serta berpersatuan kepada orang ramai.<sup>64</sup> Manakala, di Selangor, Parti Rakyat Selangor, meminta BMA membebaskan kesemua kakitangan akhbar yang ditahan dan dipenjarakan. Antara mereka yang ditahan ialah Lim Fong Seng dan Lee Shao Chung daripada akhbar *Mun Sheng Pao*, Kuala Lumpur dan Fu Pang Hing daripada akhbar *Shih Tai Jit Pau* dan Chiu Kah Chin daripada *Tai Chung Weekly*, di Perak. Persatuan Rakyat Selangor menganggap tindakan BMA adalah bertentangan dengan amalan sebuah negara demokrasi yang memberi kebebasan kepada rakyat untuk berucap dan melakukan penerbitan.<sup>65</sup>

Krisis antara BMA dan PKM semakin ketara dengan penahanan Soong Kwong, Setiausaha Agong MPAJA Selangor. Beliau dituduh melakukan pemenjaraan secara haram dan peras ugut terhadap Chan Sau Meng yang pernah berkhidmat dengan pasukan Kempetai (Polis Rahsia Jepun). Peristiwa berlaku sekitar pada 4 September hingga 10 September 1945. BMA melakukan perbicaraan ke atas Soong Kwong sebanyak tiga kali. Dua kali perbicaraan yang diadakan sebelum itu, telah memihak kepada beliau disebabkan kekurangan bukti sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati pihak British terhadap keputusan tersebut. Kedua-dua perbicaraan tersebut menyebabkan diadakan semula perbicaraan. Dalam perbicaraan ketiga dan terakhir itu, beliau telah didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama empat tahun. Soong Kwong kemudiannya dibebaskan dari penjara pada, 3 Februari 1946, setelah diadakan mesyuarat antara Laksamana Lord Louis Mountbatten dengan Liet. General Messervy dan Brigadier Newboult (CCAO Malayan Union), di Kuala Lumpur. Dengan itu,

<sup>64</sup> Surat daripada Perak Peoples' Association, Ipoh, Perak kepada Presiden Selangor Peoples' State Committee, bertarikh 12 November 1945, hlm. 5A, dalam C (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2, Chinese Affairs Review of During Occupation.

<sup>65</sup> Sel. Sivil Affairs. The Selangor People's Representation; Surat daripada Pengurus Selangor People's Welcome Party in Honour of Mr. Soong Kwang's Release From Imprisonment kepada SCAO Selangor, British Military Administration, Malaya, 10 Februari 1946, hlm. 1.

arahan pembebasan telah dikeluarkan oleh Laksamana Lord Mountbatten. Ini disebabkan, penahanan ke atas Soon Kwong, adalah bertentangan dengan polisi yang diamalkan oleh BMA, di samping mengambil kira sumbangan yang beliau berikan semasa perang dan disebabkan masa kejadian ketika berlakunya jenayah tersebut. Menurut Laksamana Lord Mounbatten, arahan tersebut bukannya disebabkan desakan tunjuk perasaan besar-besaran dengan melibatkan ratusan ribu kaum buruh bagi menuntut pembebasan Soon Kwang, seperti yang dianjurkan oleh GLU yang dikuasai oleh komunis tersebut, pada 29 Januari 1946, dan hampir melumpuhkan Singapura.<sup>66</sup>

The present strike in Singapore has no connection with wages or conditions of labour. It is merely an attempt to subvert the law and to coerce the authorities into the release of persons who have been arrested on various serious charge.<sup>67</sup>

PKM menegaskan, hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka yang bekerjasama dengan Jepun bukanlah satu kesalahan jenayah. Jenayah sebenarnya adalah mereka yang bersubahat dengan Jepun dan mereka yang dituduh dibiarkan begitu sahaja tanpa dihukum. Sedangkan mereka yang bersubahat itu telah menyebabkan orang ramai mengalami kesusahan, kesukaran, dan ramai yang diseksa serta mati dibunu. Tambahan pula, kes tersebut berlaku ketika pentadbiran British secara formal atau rasminya masih belum berlaku dalam tempoh tersebut. Oleh itu, tugas mempertahankan undang-undang, peraturan dan keadilan adalah menjadi tanggungjawab kepada pasukan MPAJA dan beberapa pasukan penentang Jepun yang

<sup>66</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 113. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 55 dan 57. PKM mendakwa pembebasan Soong Kwong, disebabkan pendapat-pendapat umum yang disuarakan oleh masyarakat, terutamanya melalui tindakan mogok yang dianjurkan oleh rakyat. Keadaan ini menyebabkan British mempertimbangkan semula pembebasan Soong Kwong daripada hukuman penjara yang dijatuhkan ke atas beliau.

<sup>67</sup> *The Straits Times*, 30 January 1946, hlm. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm

lain ketika itu.<sup>68</sup> Dengan itu, pada Januari 1946, beberapa siri pemogokan terus berlaku dengan didalangi oleh PKM, iaitu lanjutan mogok yang dianggarkan seramai 18000 orang dengan melibatkan pekerja perbandaran, kilang getah, arak, pemandu bas dan teksi yang dianjurkan pada Disember 1945.

Pada 29 Januari 1946, satu tindakan mogok secara besar-besaran selama 24 jam berlaku di Singapura dengan melibatkan seramai 170,000 orang tenaga buruh, sehingga kedai-kedai terpaksa ditutup. Mogok besar-besaran sekali lagi dianjurkan pada 15 Februari 1946, dan tindakkan mogok tersebut kemudiannya merebak ke beberapa buah negeri lain di Semenanjung, seperti Johor, Negeri Sembilan dan Selangor. Semua tindakan tersebut menunjukkan ia telah dirancang dengan cekap dan teratur. Tujuannya bagi mendesak orang tertentu yang ditahan oleh kerajaan British supaya dibebaskan, sedangkan mereka telah dituduh melakukan pelbagai kesalahan jenayah termasuk pembunuhan, di samping bertujuan mahu memalukan kerajaan British kerana gagal melindungi rakyat akibat kalah dalam perang dengan Jepun.<sup>69</sup> Bagi menghadapi serangan dan ancaman mogok tersebut, Laksamana Lord Mountbatten dan ketua staf BMA, telah bermesyuarat pada 9 Februari 1946. Mounbatten mengambil keputusan untuk mengantar pulang mereka yang menjadi perancang pemogokan tersebut yang dianggap sebagai pengacau, ke negara asal mereka iaitu ke China, di bawah peruntukan Undang-Undang Orang Asing, 1933 (Aliens Ordinance of 1933). Jumlah mereka yang terlibat adalah dianggarkan tidak melebihi seramai 50 orang, setelah mendapat bukti bahawa mereka adalah berkerakyatan China. Dengan itu, mereka juga tidak dibenarkan memohon kerakyatan Malayan Union, sebuah perlombagaan baru negara yang sedang

<sup>68</sup> Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 54, 55 dan 39. Selain MPAJA, Kuomintang, Ashkar Melayu Setia dan Wataniah, turut disenaraikan sebagai pasukan Resistance Force anti-Jepun oleh kerajaan British.

<sup>69</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 115. Lihat juga Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu* (Terjemahan), hlm. 294; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 36.

dalam cadangan permohonan kepada Kerajaan Baginda Raja (His Majesty's Government).<sup>70</sup> Pada malam 13 Februari 1946, beberapa jam selepas amaran dikeluarkan oleh BMA, 10 orang warga Cina, termasuk Lu Cheng iaitu Pengerusi Jawatankuasa Penaja daripada Gabungan Persatuan Buruh Singapura (GPBS) telah ditahan kerana merancang pemogokan pada 15 Februari 1946, dan mereka diusir pulang ke China. Manakala, pejabat akhbar New Democracy telah digeledah.

Pada 15 Februari 1946, sekali lagi mogok umum yang sama dianjurkan di bandar-bandar besar di seluruh Tanah Melayu bagi menyambut ulang tahun genapnya kejatuhan Singapura. Alasan yang diberi penganjur adalah bertujuan memperingati ulang tahun penyerahan Singapura kepada Jepun. Bagaimanapun, kerajaan British berpendapat tindakan mogok itu merupakan langkah berkabung dan menunjukkan rasa malu terhadap British, ataupun bertujuan bersorak sorai terhadap kekalahan British, sehingga menyebabkan kejatuhan Singapura. Ketika mogok berlangsung, para penunjuk perasaan bertindak membaling kayu dan botol ke arah polis. Keadaan itu menyebabkan polis mengambil tindakan melepaskan tembakan. Di Singapura, dua orang penunjuk perasaan terbunu. Keadaan sama berlaku di Labis, Johor, lima belas orang penunjuk perasaan terbunu selepas polis melepaskan tembakan dan ramai lagi yang tercedera. Dalam kejadian di Singapura tersebut, dua wakil PKM yang terlibat dalam perhimpunan tersebut iaitu Ong Koon Sam dan Chong Swee, ditahan dan dijatuhi hukuman enam bulan penjara serta denda \$200. Dengan itu, pentadbiran British mula menyedari bahawa mogok secara besar-besaran yang dianjurkan tersebut bukan lagi tuntutan terhadap kenaikan gaji dan kemudahan bekerja untuk pekerja, tetapi merupakan suatu tentangan untuk menjatuhkan pentadbiran kerajaan British dan

<sup>70</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 115. Lihat juga Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu* (terjemahan), hlm. 295; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 20. Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 159.

tentangan itu telah pun bermula. Selepas peristiwa 15 Februari tersebut, kerajaan British mengambil langkah tegas dengan melakukan penangkapan terhadap pemimpin-pemimpin dan wakil daripada PKM, MPAJA, Liga Anti-Jepun, Gabungan Persatuan Buruh Perak dan Johor yang terlibat dalam mogok besar-besaran itu.<sup>71</sup>

The British Military Administration wishes to give full warning that it will not tolerate pressure by an element, either with a view to using the strike weapon in an attempt to interfere with the course of the law; or to endanger the peaceful living conditions of population at large, by extortion, intimidation, or other illegal means.<sup>72</sup>

The Administration will use its full power to suppress actions of this kind, from whatever quarter they may come. Persons guilty of such conduct will be arrested and, if aliens, may be repatriated to the country of their birth or citizenship.<sup>73</sup>

Bagaimanapun, BMA telah menegaskan bahawa, sejak lima bulan tempoh pentadbiran mereka di Tanah Melayu (mulai 12 September 1945 sehingga pernyataan berkenaan diterbitkan), ternyata BMA bukan sahaja membenarkan dan menggalakkan kebebasan penuh bersuara untuk rakyat tetapi juga kebebasan dalam penerbitan akhbar. Suasana ini selaras dengan hasrat penubuhan sebuah kerajaan awam yang bersatu. British sememangnya berjuang untuk memenangi peperangan demi memelihara kebebasan tersebut.<sup>74</sup> Menurut laporan akhbar *The Malaya Tribune*, pada 14 Februari 1946:

Since it was established in Malaya more than five months ago, the BMA not only allowed but encouraged full freedom of speech and the press in line with the Civil Government of the United Nation who fought and won the war to preserve liberties of this kind.<sup>75</sup>

<sup>71</sup> Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 114 dan hlm. 305, Para 117. Lihat juga Indrajaya Abdullah, Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya, hlm. 184; Anthony Short, ‘Communism and the Emergency’ dalam *Malaysia A Survey*, Wang Gungwu (Edited), hlm. 292-293; ; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples’ Independence Struggle*, hlm. 36.

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 304, Para, 116.

<sup>73</sup> Ibid

<sup>74</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1.

<sup>75</sup> Ibid., Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 116.

Menurut pernyataan kerajaan British, rakyat di Tanah Melayu telah memberi sokongan sepenuhnya kepada dasar pentadbiran berasaskan kebebasan bersuara, dan British yakin dengan sokongan penduduk di atas tindakan mereka bagi mencegah berulang beberapa kejadian yang telah berlaku itu, kerana menyalahgunakan kebebasan yang diberikan oleh pentadbiran British.<sup>76</sup> Oleh itu, kerajaan British meminta rakyat di Tanah Melayu agar menyokong kebebasan yang telah diberikan oleh pentadbiran BMA.

Menurut petikan akhbar *The Malaya Tribune* bertarikh 14 Februari 1946:

The people of Malaya has given full support to the administration policy of freedom of expression and the administration is assured of their support in action it propose to take to prevent recurrences of recent abuses of this freedom.<sup>77</sup>

BMA turut menguatkuasakan Undang-Undang Pendaftaran Pertubuhan (Registration of Societies Ordinance) yang sedia wujud sejak 1941, bagi semua persatuan di Tanah Melayu tanpa pengecualian. Tujuannya bagi menjadikan sesebuah pertubuhan itu sebuah pertubuhan sah dari sudut perundangan. Dengan itu orang ramai bolehlah mengorganisasikan pertubuhan mereka dengan penuh kebebasan seperti yang tersebut dalam resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tetapi hendaklah dengan cara mematuhi peraturan dan undang-undang.<sup>78</sup> Bagi menghadapi persoalan tersebut, dalam mesyuarat pada 9 Februari 1946, Lord Mountbatten dan ketua-ketua staf pentadbiran BMA mengambil keputusan akan bertindak menahan dan mendakwa mereka yang didapati bersalah melanggar peraturan tersebut.<sup>79</sup> Mereka yang terlibat akan ditangkap dan didakwa. Sekiranya mereka bukan rakyat tempatan dan didapati bersalah kerana menganggu undang-undang tempatan mereka akan dihantar pulang ke

<sup>76</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1.

<sup>77</sup> Ibid

<sup>78</sup> Surat Headquaters, British Military Administration kepada Mr. Chan Tow Sang, Raub Pahang, bertarikh 23 Februari 1946, hlm. 18. dalam dalam CA (MPU) War Off. M.G.D. ADM 8/2. Chinese Affairs Review of During Occupation. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 304, Para, 112.

<sup>79</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1. Lihat juga, *The Malaya Tribune*, 19 Februari 1946.

negara asal mereka.<sup>80</sup> Bagaimanapun, tindakan kerajaan British menggunakan Undang-Undang Hasutan dan Undang-Undang Buang Negeri tersebut telah mendapat reaksi keras daripada wakil PKM, Chang Ming Ching. Beliau memberi amaran kepada British, bahawa tindakan British menguatkuasakan semula undang-undang tersebut merupakan satu penghinaan dan ancaman terhadap rakyat di Tanah Melayu. Dengan penguatkuasaan semula undang-undang tersebut, menyebabkan ramai ahli komunis dijatuhi hukum penjara dan dihantar pulang ke negara asal mereka. Dengan itu, beliau sekali lagi menegaskan bahawa kerajaan British mestilah bertanggungjawab terhadap kewujudan gerakan separa sulit komunis selepas itu.<sup>81</sup>

Pada tanggal 8 Jun 1946, kontijen MPAJA telah menerima undangan daripada kerajaan Britain untuk menyertai Perarakan Kemenangan London (London Victory Parade). Ketika kontijen MPAJA berada di England, beberapa orang bekas pemimpin MPAJA telah dihubungi oleh Parti Komunis Great Britain.<sup>82</sup> PKM juga membuat hubungan dengan English Youth Movement, terutamanya Youth Communist League (YCL). YCL turut mendesak agar NDYL bersatu mengukuhkan kekuatan dan mengadakan hubungan rapat dengan badan tersebut. Malah, YMCA dikatakan turut menyokong dan bersimpati dengan perjuangan PKM di Tanah Melayu. Ketika pulang, anggota kontijen MPAJA tersebut turut membawa bersama sejumlah risalah daripada Parti Komunis Great Britain ke Tanah Melayu. Dengan kepulangan bekas pemimpin MPAJA tersebut ke tanah air, ternyata fahaman *Marxis* yang mereka anuti itu tidaklah

<sup>80</sup> *The Malaya Tribune*, 14 Februari 1946, hlm. 1.

<sup>81</sup> CO 573/1581. HQ Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,’ hlm. 5 dan 6.

<sup>82</sup> Parti Komunis Great Britain itu diasaskan di London, pada 31 Julai 1920, dengan mengikut sistem Soviet Rusia Berdasarkan laporan akhbar *Daily Telegraph* dan *Daily Herald*, setelah pembubaran Comintern pada 1943, PKGB atau Parti Komunis British telah berusaha memasuki Parti Buruh, walaupun sebelum itu telah ditolak atas pertimbangan mereka adalah ajen kepada kerajaan asing. Manakala, cara dan matlamat perjuangan komunis yang berbeza, hingga menimbulkan keadaan yang tidak harmoni kepada Parti Buruh. Pembubaran Comintern merupakan langkah Moscow untuk berbaik-baik dengan Eropah Barat. Bagaimanapun, Jepun berpandangan, tindakan Rusia itu merupakan suatu propaganda dan helah politik Moscow semata-mata. Asas komunisme tetap sama, mereka mahu menyebarkan revolusi keseluruh dunia dan menentang Fasisme. *Malai Sinpo*, 25 Mei 1943. Lihat juga David Thomson, *Eropah Sejak Napoleon*, hlm. 495; Macfarlane, L.J., *The British Communist Party, Its Origin and Development until 1929*, London: Macgibbon and Kee, 1966, hlm. 56.

luntur, malah semakin kuat.<sup>83</sup> PKM kemudiannya telah menaja beberapa mesyuarat dengan dihadiri oleh beberapa pemimpin MPAJA yang baru pulang dari Perarakan Kemenangan di London tersebut.<sup>84</sup> Pada 26 Julai 1946, tiga orang bekas ahli MPAJA yang menyertai kontijen ‘Victory Parade’, iaitu Liew Wei Chung yang merupakan ketua Rejimen Pembebasan MPAJA Ke-5 bersama setiausaha Lau Mah @ Lau Beh @ Old Horse serta Kapten Peh See Bok daripada Rejimen Pembebasan Ke-8 MPAJA, tiba di Pulau Pinang. Pada 27 Julai 1946, bersamaan pukul 8.00 malam, mereka telah menerima jemputan daripada GLU bagi menyampaikan ucapan yang dihadiri seramai 900 orang ahli kesatuan tersebut termasuk 200 orang adalah daripada kalangan masyarakat India.<sup>85</sup> Dalam ucapan perhimpunan tersebut, Lau Mah dengan jelas mengecam kerajaan Parti Buruh Britain yang dikatakan gagal mengawal ancaman kapitalisme di negara tersebut dan beliau turut mengatakan rasa kecewa terhadap dasar luar Kerajaan Parti Buruh, kerana masih tidak memberi kemerdekaan terhadap negara tanah jajahan. Pernyataan beliau itu adalah merujuk kepada contoh kegagalan Kerajaan Parti Buruh Britain memberi kemerdekaan kepada India. Turut hadiri dalam perhimpunan tersebut ialah Palel seorang wakil daripada Indian National Army (INA). INA ditubuhkan pada akhir Disember 1941.<sup>86</sup> Turut serta ialah Teh Thiam Seng, Ch’ng Beng Lee dan Yeoh Chee Cheng.<sup>87</sup> Berikut adalah sebahagian petikan ucapan Lau Mah:

<sup>83</sup> CO 537/1582, HQ Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,’ hlm. 3 dan 4. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency: Revisited, 1948-1960*, hlm. 25.

<sup>84</sup> CO537/1582, HQ Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England, hlm. 3 dan 4.

<sup>85</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>86</sup> Fujiwara Iwaichi (Pegawai Perisikan Jepun) ditugaskan untuk berhubung dengan pemimpin berketurunan Sikh di Bangkok: Pritam Singh yang mengetuai *Indian Independence League* (ILL) di Tanah Melayu dan Thailand serta Mohan Singh, seorang pegawai India yang ditangkap di Tanah Melayu. Tujuannya, bagi menubuhkan INA, untuk bekerjasama dan bersekutu dengan Jepun. Mereka menghubungi dan memujuk orang India dan anggota British Indian Army agar menganggotai organisasi tersebut bagi berjuang menuntut kemerdekaan India daripada British. Di Tanah Melayu, INA dipimpin oleh Subhas Chandra Bose. Setelah British kembali berkuasa, sebahagian besar anggota INA ditangkap dan ditahan. Pada 1945, Chandra Bose, terbunuh akibat kemalangan kapal terbang ketika menuju ke Jepun. Joyce C. Lebra, *Japanese Trained Armies in Southeast Asia*, Singapore: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd, 2010, hlm. 23 dan 24. Lihat juga Khong Kim Hoong, *Merdeka: British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 27; Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1945-48*, hlm. 14.

<sup>87</sup> CO 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, ‘The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,’ hlm. 3.

Labour's promises before it came into power were very convincing but now the Labour Government has almost surrendered to the capitalists; even within England their home rule was not achieving socialism witnessing the railways and various industries. As for labour's foreign policy this was a great disappointment. Independent of the colonies was mere talk and India will still striving for independence in the years to come.<sup>88</sup>

Tanggal 28 Julai 1946, satu mesyuarat perasmian penubuhan cawangan New Democratic Youth League (NDYL) diadakan di Bagan Serai yang dihadiri oleh Phua Chin Khoon (Presiden NDYL, Bagan Serai) Sahari (Seksyen Melayu NYLD, Bagan Serai), George (Seksyen India NDYL, Bagan Serai), Lim Kim Seng (PKM, Ipoh) dan Liew Wei Chung (Komander Rejimen Pembebasan Ke-5, MPAJA). Lau Mah telah menyampaikan ucapan beliau dengan memperlihatkan dasar sebenar PKM terhadap British. Lau Mah sekali lagi mengecam keras dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Parti Buruh Britain yang diterajui oleh Perdana Menteri Clement Richard Attlee, setelah memenangi pilihan raya Britain pada Julai 1945.<sup>89</sup>

Tiga perkara utama telah dibangkitkan oleh PKM dianggap sebagai kegagalan kerajaan British. Pertamanya mengenai sejarah Tanah Melayu. Tanah Melayu adalah milik orang Sakai, manakala orang Melayu, Cina, Belanda, dan Inggeris, datang kemudiannya untuk berdagang. Perkara kedua, ketika pendudukan Jepun. MPAJA ditubuh tetapi bukannya di atas arahan British, tetapi ditubuhkan untuk menentang pendudukan Jepun. Perkara ketiga, mengenai usaha menghapuskan kapitalisme dan imperialisme, bagi mewujudkan sebuah negara demokrasi di Tanah Melayu. Berikut adalah petikan ucapan Lau Mah dalam mesyuarat tersebut;

<sup>88</sup> CO 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 3.

<sup>89</sup> Ibid., Lihat juga John Vaizey, *The Squandered Peace, The World: 1945-1975*, hlm. 34.

Because I accepted the invitation to go to England to attend the Victory Parade, do not suppose that i am pro-British..., during the accupation, we formed the MPAJA, not on the orders of the British, but to resist the Japanese, to destroy capitalism and imperialism and to achieve democracy. Now we have founded the NDYL to free the country at all costs and we will fight the British, not by arm but by speeches, but if we are forced to use arms, we shall not hesitate.<sup>90</sup>

Ketika kunjungan mereka ke England, PKM mengkritik gaya hidup masyarakat British dan pemimpin mereka yang dianggap tamak, bodoh, tidak menghiraukan masyarakat miskin dan suka berpoya-poya. Ketika pertemuan bersama dengan ahli Parlimen Britain, ternyata ahli Parlimen Britain semuanya dianggap tamak, besar kepala, menindas pekerja, perompak hak-hak rakyat, malah Perdana Menteri Britain, Clement Richard Attlee, tidak mengetahui tentang sumbangan-sumbangan yang dilakukan oleh MPAJA terhadap kerajaan British di Tanah Melayu selama ini, baik ketika era perang Jepun sehingga zaman pasca perang. Malah, beliau tidak menunjukkan minat dengan penerangan yang berikan oleh PKM.<sup>91</sup> Merujuk teks ucapan Lau Mah tersebut:

The British are crafty. They are actually worse than Japanese but where as the Japanese were openly cruel, the British do it in secret so that people do not realise they are as bad. They are bloodsuckers. (He then said that the money the Japs had extorted from towkays and put in banks in this country had been sent back to England and quoted a specific case to his knowlege in Taiping. Then followed the usual contrast between the Japs recognising British currency and the British not recognising Jap currency, and a bitter attack on Govt. taxes now that conditions are so hard). Do you think there is a Democracy in Malaya? Certainly not! We will fight capitalism and imperialism until we die. In five years time we shall see the establishment of New Democracy in Malaya'.<sup>92</sup>

<sup>90</sup> CO 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 2.

<sup>91</sup> Appendix E, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England dalam CO 537/1582. HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 3 dan 4.

<sup>92</sup> Ibid., hlm. 4.

Pada 28 Julai 1946, pukul 8.00 malam, Kapten Peh See Bok daripada Rejimen Pembebasan Ke-8 MPAJA telah menyampaikan ucapan mereka di hadapan lima ratus orang ahli Penang Youth Movement, termasuk ahli Young Men's Association dan NDYL bertempat di General Labour Union, berdekatan Muntri Street. Ucapan beliau menyentuh, mengenai sokongan yang diterima oleh PKM daripada Parti Komunis Great Britain. Beliau memuji betapa murni dan mulianya perjuangan belia di England, terutamanya YCL serta akhbar mereka 'Challenge'. Kapten Peh See Bok juga bercakap mengenai kebaikan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli English Youth Movement kepada mereka. Mereka turut menggesa golongan belia di Tanah Melayu untuk menyatukan kekuatan dan terus berhubung rapat dengan Young Communist League di England. Beliau turut mencadangkan diadakan satu bahagian pendidikan yang sepatutnya memberi pengajaran setiap malam dengan ceramah umum sekali-sekala dan majlis sosial. Tujuannya bagi meningkatkan pengetahuan politik dalam ekonomi, masalah sosial dan lain-lain. Pada 29 Julai 1946, Kapten Peh Seek Bok meninggalkan Pulau Pinang menuju ke Alor Star, manakala dua lagi bekas pemimpin MPAJA itu pulang ke Perak.<sup>93</sup>

it would appear that these ex-MPAJA members have lost none of their ancient Marxist fire and indeed have had their convictions strengthened as a result of their stay and contacts in England.<sup>94</sup>

Dalam pada itu juga, laporan, surat permohonan dan bantahan telah dihantar oleh PKM dan beberapa pertubuhan NGO di Sungai Siput, Perak, seperti New Democratic Youth Corp, Sungai Siput Long Ip Kong Woi, Women's Union Sungai Siput, Sago Labourer Union Association Perak, MPAJA Ex-Servis Comrade

<sup>93</sup> CO 537/1582, HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 3 dan 4. NDYL ditubuhkan pada Disember 1945 dan bertanggungjawab menyusup masuk ke dalam PKMM dan MDU. Lihat J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm.18.

<sup>94</sup> Ibid, hlm. 3 dan 4.

Association Sungai Siput Branch, Rubber Estate Workmen's Association Sungai Siput, District's Committee of Perak Labour Union dan All Workers United Association Sungai Siput. Pertubuhan NGO berkenaan telah bermesyuarat di Sungai Siput dan satu petisyen dihantar kepada Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent, mengenai peristiwa pergaduhan yang berlaku di Sitiawan, di Kampung Koh, Pekan Gurney, Lumut, Ayer Tawar dan Changkat Kruing, mengenai perbuatan jahat sekumpulan orang Cina terhadap penduduk dan penyokong demokrasi atau komunis, sehingga menyebabkan tiga orang penduduk cedera parah dan lapan orang lagi hilang. Mereka telah diserang dengan parang, kayu, botol dan bangunan persatuan juga turut dirosakkan. Akibat kejadian tersebut, PKM menuduh kerajaan Malayan Union gagal mengawal keamanan.<sup>95</sup> Bagaimanapun, disebabkan dana yang sukar diperoleh, PKM telah mengambil langkah ke belakang dengan mengumumkan semua pejabat jawatankuasa negeri ditutup, kecuali pejabat utamanya terletak di Singapura dan Kuala Lumpur. Manakala, di Kuala Lumpur Pejabat cawangan PKM diletakkan di bawah kendalian Liew Yit Fan. Bagaimanapun, beberapa anggota cawangan PKM tersebut telah diserap ke dalam kesatuan sekerja dan Youth League Organisation. Terdapat juga mereka yang meninggalkan pejabat cawangan dengan menyertai Lucky World Amusement Park, sebuah organisasi kapitalis di Kuala Lumpur, sehingga pertubuhan PKM itu kelihatan bergerak sebagai sebuah organisasi bawah tanah.<sup>96</sup>

### **PKM Memimpin Kesatuan Sekerja**

Sebaik selepas pembubaran MPAJA pada 1 Disember 1945, PKM menumpukan usaha mereka untuk menguasai gerakan kesatuan sekerja melalui Malayan General Labour Union (MGLU), kemudiannya dikenali sebagai Pan-Malayan Federation of Trade

<sup>95</sup> Translation of a Chinese Petition Addressed to H.E. The Governor, Malayan Union dalam PK. Sec. (G) Malayan Union 7949/1946. Incident at Sitiawan on 10.10.46, The Communist Party of Malaya Petition: The Communist Party of Malaya Office, Kuala Lumpur.

<sup>96</sup> CO 537/1582, HQ Malaya Command Weekly Summary, 'The Reaction of MPAJA Members of the Victory Parade Contingent to England,' hlm. 4.

Union (PMFTU). PMFTU menjadi tulang belakang kepada kegiatan PKM bagi menganjurkan beberapa siri mogok pekerja di sektor perladangan getah di negeri-negeri pantai barat Tanah Melayu. Bermula pada Januari 1946, komunis telah mendalangi beberapa siri pemogokan. Pada 29 Januari 1946, di Singapura sahaja satu mogok besar-besaran selama 24 jam dianjurkan dengan melibatkan tidak kurang daripada 170,000 orang kaum buruh dan kedai dipaksa tutup. Manakala, pada pertengahan Oktober 1946, beberapa siri pemogokan dan pemberhentian bekerja berlaku di kebanyakan tempat di seluruh negara, kawasan tersebut antaranya di Lumut, Taiping, Parit Buntar, Sungai Siput, Ipoh, Batu Arang dan Sentul di Selangor, Raub dan Kuala Lipis di Pahang<sup>97</sup> dan kemudiannya merebak ke beberapa buah negeri lain, meliputi Johor, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Pemogokan ini melibatkan sektor perladangan, perlombongan, Perbadanan Pelabuhan, Jabatan Kereta api, syarikat hidro elektrik, pekerja kilang getah, jabatan telekomunikasi dan pemandu<sup>98</sup>. Kebanyakan kegiatan mogok dan tunjuk perasaan yang berlaku di Tanah Melayu, bertujuan menuntut kenaikan kadar upah pekerja, dan bekalan beras secara percuma serta menuntut harga beras yang lebih rendah kepada pihak kerajaan. Penduduk ketika itu tidak mampu membelinya disebabkan kadar upah kerja yang sangat murah. Pekerja turut menuntut, agar kerajaan memperbaiki suasana tempat bekerja yang dianggap daif dan membahayakan pekerja serta membaiki kebijakan pekerja. Sebahagian pekerja ladang juga tidak berpuas hati terhadap tindakan majikan memecat buruh, kerani dan penyelia ladang.<sup>99</sup> Manakala, pada Ogos 1946 dan akhir Oktober 1946, tindakan mogok telah merebak ke Singapura dengan melibatkan seramai 5,000 orang pekerja pelabuhan, 5000 pekerja kilang getah, 750 orang pembantu am hospital dan syarikat pengangkutan

<sup>97</sup> M. R. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya: Prelude to the Communist Revolt 1948*, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 64. Lihat juga J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 18.

<sup>98</sup> Fed. Of Malaya, Annual Report on The Social and Economic Progress of The People of Perak, for Period 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 1948, hlm. 67. Lihat juga Labour 250/46, Labour Conditions in the Malayan Union 1946, hlm.

<sup>99</sup> Labour 250/46, Labour Conditions in the Malayan Union 1946, hlm. 4, 11 dan 12. Lihat juga Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 177. Lihat juga Robert Jackson, *The Malayan Emergency: The Commonwealth's Wars, 1948-1966*, hlm. 10.

bagi menuntut kenaikan kadar upah bekerja.<sup>100</sup> Pada awal tahun 1947, pengaruh komunis telah menyusipi pemimpin dan pekerja ladang getah. Golongan kiri yang dipengaruhi komunis telah mendalangi mogok bagi meminta bayaran gaji yang lebih baik, bantuan beras secara percuma dan menghapuskan penjualan todi di kawasan ladang. Dengan kegagalan rundingan antara pihak majikan dengan pemimpin kaum buruh tersebut menyebabkan berlakunya ketegangan antara kedua-dua pihak.<sup>101</sup> Mereka telah dijadikan sasaran oleh PKM dengan dihasut agar mengadakan mogok. Mereka yang menolak dan gagal melaksanakan kegiatan-kegiatan seperti yang diarahkan akan ditembak atau dicederakan.<sup>102</sup>

Bermula pada Mac 1947, GLU telah bertukar nama menjadi Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Pada tahun 1947, PMFTU menganjurkan tindakan-tindakan mogok di seluruh negara dan dianggarkan pada tahun itu sahaja mereka telah mengadakan lebih daripada 300 tindakan mogok dengan melibatkan kerugian hampir tiga perempat juta hari bekerja. Tindakan PMFTU menganjurkan tindakan mogok pekerja tersebut bukan sahaja menuntut kenaikan gaji terutamanya di sektor perladangan getah, tetapi juga disebabkan tindakan keras kerajaan British menyekat kegiatan kesatuan sekerja dengan mengetatkan pentadbiran terhadap undang-undang kesatuan perdagangan tahun 1940.<sup>103</sup> Ketika ini PMFTU telah menguasai 80 hingga 90 peratus daripada kesatuan buruh di Tanah Melayu.<sup>104</sup> Dengan peratusan penguasaan yang besar itu menunjukkan bahawa pada tahun 1947, PKM telah mengawal lebih daripada 200 daripada 227 kesatuan-kesatuan buruh yang berdaftar

<sup>100</sup> Fed. Of Malaya, Annual Report on The Social and Economic Progres of The People of Perak, for Period 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 1948, hlm. 67. Lihat juga M. Stenson, *Industrial Conflict in Malaya*, hlm. 64.

<sup>101</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 27.

<sup>102</sup> Ibid., 41.

<sup>103</sup> Annual Report 1947. Trade Union Registry, Malayan Union, hlm. 11.

<sup>104</sup> Bruce Gale, Kata Pengantar dalam *Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj; Malaysia The Road to Independence*, Subang Jaya, Selangor: Pelanduk Publication, 2007, hlm. 9. Lihat juga, Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaya*, hlm. 258 dan 270; ; Ahmad Zaki bin Mohd Johari, 'Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan', Disertasi MA Sejarah Malaysia, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 26.

melalui PMFTU. Dengan itu bermakna, PMFTU telah mewakili hampir keseluruhan organisasi buruh dalam negara dan menjadi organisasi perburuhan yang paling aktif bergerak. Kesempatan dengan sokongan kaum buruh yang kuat itu telah digunakan oleh PKM untuk menentang pemerintah British.<sup>105</sup> Bagi menghalang kegiatan komunis dalam kesatuan buruh tersebut, pada akhir tahun 1947, kerajaan telah menguatkuasakan peraturan terhadap semua kesatuan sekerja. Pada 4 September 1947, satu salinan surat daripada Pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja, telah dihantar kepada semua pertubuhan kesatuan agar mematuhi Seksyen 26 Enakmen Kesatuan Sekerja. Peraturan Seksyen 26 itu akan dikuatkuasakan dengan tegas oleh kerajaan. Peraturan itu menghendaki, setiap kesatuan mestilah didaftarkan dan disertakan dengan terma dan syarat kelayakan bagi pegawai yang memegang jawatan dalam sesebuah kesatuan. Syarat tersebut memerlukan dua pertiga daripada pegawai dalam sesebuah kesatuan mestilah daripada kalangan mereka yang benar-benar pekerja dalam industri atau dalam kesatuan sekerja yang berhubungan, seperti mana yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesatuan Sekerja tersebut. Keadaan ini menyebabkan kesatuan sekerja di negeri-negeri Persekutuan (State Federation of Trade Union/SFTU) dan PMFTU yang dipengaruhi komunis itu, walaupun mereka telah membuat permohonan tetapi masih gagal mendaftarkan kesatuan mereka. Keadaan itu berlaku setelah PMFTU dan kesatuan satelitnya yang terdapat di setiap negeri Melayu tidak memenuhi syarat seperti yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Kesatuan Sekerja 1940. Malah SFTU, walaupun telah mendaftar di bawah Malayan Union, tetapi mereka menarik semula pendaftaran kesatuan tersebut bagi membentuk gabungan kesatuan bersifat kebangsaan di bawah Federation of Trade Union.<sup>106</sup> Sebenarnya banyak pertikaian yang berlaku boleh

<sup>105</sup> Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 292. Lihat juga J.J.Raj, Jr, *The War Years and After*, hlm. 86.

<sup>106</sup> Annual Report 1947, Trade Union Registry, Malayan Union, hlm. 10 dan 11. Lihat juga R.C. TR 878/1947, Registration of Trade Union, hlm. 1A, para 5; Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*, hlm. 28; Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaya*, hlm. 258; Anthony Short, 'Communism and the Emergency' dalam *Malaysia A Survey*, Wang Gungwu (Edited), hlm. 152.

diselesaikan melalui rundingan terus ataupun rundingan damai secara ikhlas. Bagaimanapun, dalam kebanyakan kes yang berlaku, isu asal sebenarnya dilupakan begitu sahaja. Ini menunjukkan dengan jelas aduan yang disuarakan itu hanyalah alasan untuk menganggu pentadbiran bagi mencapai kepentingan politik mereka.<sup>107</sup> Dengan itu, British kemudiannya menyedari bahawa kebanyakan tindakan mogok yang didalangi oleh pihak komunis tersebut bukannya lagi bertujuan untuk memperjuangkan ekonomi kaum pekerja tetapi bertujuan untuk merosakkan hubungan antara pihak majikan dengan kaum buruh. British juga menyedari ancaman mogok besar-besaran tersebut bukan lagi suatu tuntutan terhadap kenaikan gaji dan kemudahan bekerja untuk pekerja, tetapi merupakan suatu tentangan terhadap pentadbiran British dan tentangan itu telah pun bermula.<sup>108</sup>

### **Penentangan PKM terhadap Malayan Union dan Persekutuan 1948**

Setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, sistem pentadbiran di Tanah Melayu dirangka semula dan akan mengalami perubahan besar. Sebuah kerajaan berpusat yang dinamakan Malayan Union akan ditubuhkan bagi menyatukan Tanah Melayu tanpa melibatkan Singapura. Tujuannya mengantikan sistem pentadbiran di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua yang terdiri daripada Straits Settlement (Negeri-Negeri Selat), Federated Malay States (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu), dan Unfederated Malay States (Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu). Sistem tersebut didapati merumitkan pentadbiran British. Sebaliknya, dengan penubuhan sebuah pentadbiran bercorak persekutuan, ianya akan mewujudkan kembali hubungan persahabatan dan perasaan bertanggungjawab masyarakat terhadap negara. Selaras dengan itu, Straits Settlements Act, 1866, dimansuhkan (diganti) dengan Straits Settlements (Repeal) Act,

<sup>107</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG: Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 35.

<sup>108</sup> Fed. Of Malaya, Annual Report on The Social and Economic Progres of The People of Perak, for Period 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 1948, hlm. 67. Lihat juga Victor Purcell, *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 292-293.

1946, bagi membolehkan Singapura dibentuk menjadi sebuah tanah jajahan British ‘Crown Colony’ atau Jajahan Mahkota British yang berasingan. Manakala, Pulau Pinang dan Melaka digabungkan bersama Negeri-Negeri Melayu dengan dikenali sebagai Malayan Union.<sup>109</sup>

Sebelum itu, pada 4 Januari 1944, sebuah jawatankuasa kabinet mengenai Tanah Melayu telah ditubuhkan, dengan tujuan mengkaji satu rancangan untuk menyatukan semula Tanah Melayu, dalam usaha membina semula negara ini. Jawatankuasa itu dianggotai antara mereka ialah Clement R. Attlee sebagai ‘Lord President’ dan Edward Gent. Cadangan tersebut dikemukakan kepada Kabinet Britain pada Mei 1944. Rancangan mengenai Malayan Union itu kemudian dibentangkan di Parlimen Britain pada 10 Oktober 1944. Kertas Putih mengenai Malayan Union dan Singapura tersebut diluluskan oleh Parlimen Britain pada Januari 1945. Dengan itu, pada 11 Januari 1945, satu sistem perlembagaan baru bagi Tanah Melayu dengan mengasingkan Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu telah dikeluarkan.

Dengan perkembangan tersebut, pada awal Oktober 1945, Sir Harold MacMicheal dihantar oleh Setiausaha Tanah Jajahan, ke Tanah Melayu untuk membentang rancangan tersebut dan mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu, bagi melaksanakan rangka dasar mengenai tanah jajahan tersebut. Pada 1 April 1946, sebuah kerajaan awam Malayan Union dengan pentadbirannya yang berasingan daripada Singapura telah diisytiharkan penubuhannya secara rasmi, dengan diketuai oleh seorang Gabenor. Bagaimanapun, sebelum pengisytiharan pembentukan Malayan Union, pada 29 Januari 1946, satu perhimpunan besar-besaran dilakukan di

<sup>109</sup> CO 537/2148. Reactions to Constitutional Proposals Counter Proposals by PUTERA and AMCJA. Lihat juga dalam British Military Administration, Proclamation No. 4 (Malaya Peninsula), SP. 18/8B/42, hlm. 5. Lihat juga Ronald McKie, *The Emergence of Malaysia*, Westport, Connecticut: Greenwood Press Publisher, 1963, hlm. 203.

Singapura dengan diikuti pada 15 Februari 1946, di seluruh bandar besar di Semenanjung Tanah Melayu. Perhimpunan raksasa itu dianjurkan oleh GLU bagi membantah rancangan British tersebut. Mereka juga turut mendesak British agar membebaskan individu tertentu, antaranya termasuk pemimpin MPAJA. Sebenarnya mereka itu ditahan oleh pihak berkuasa British, kerana disabitkan dengan pelbagai kesalahan jenayah yang serius.<sup>110</sup>

Dalam pada itu, All-Malayan Council of Joint Action (AMCJA) ditubuhkan secara rasminya pada 22 Disember 1946, di Kuala Lumpur, adalah lanjutan daripada Council of Joint Action yang ditubuhkan di Singapura, pada Oktober 1946, dengan dianggotai oleh orang bukan Melayu dengan dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. Organisasi tersebut merupakan sebuah persekutuan bagi parti-parti politik, kesatuan sekerja, persatuan wanita dan organisasi belia. Pertubuhan berkenaan bertindak sebagai tempat perbincangan dan bertukar-tukar pendapat. Organisasi terbesar dalam AMCJA itu pula adalah terdiri daripada Malayan Democratic Union, New Democratic Youth League, MPAJA Ex-Servis Comrade's, Malayan Indian Congress, 12 buah Persatuan-Persatuan Wanita Kebangsaan dan juga PMFTU dengan keahlian yang dianggarkan seramai 300,000 orang.<sup>111</sup> Dengan itu, keseluruhan keahlian AMCJA adalah berjumlah 400,000 orang. Penubuhan dan keahlian AMCJA adalah untuk semua kaum dan kelas masyarakat dengan berasaskan kepada enam prinsip perjuangan. Berikut adalah enam prinsip pejuangan yang digariskan oleh AMCJA:

---

<sup>110</sup> CO 537/2148. Reactions to Constitutional Proposals Counter Proposals by PUTERA and AMCJA. Lihat juga Post Surrender Tasks, Section E of The Report To Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander South East Asia, 1943-1945, Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, hlm. 300, Para 95, hlm. 302, Para, 103, hlm. 304, Para 113, dan hlm. 308, Para 131 dan 132. Sir Edward Gent dilantik sebagai Gabenor dan ‘Commander-in-Chief’ di Malayan Union. Manakala Mr. F.C. Gimson (Sir Franklin) dilantik sebagai Gabenor dan ‘Commander-in-Chief’ di Singapura; Zakiyah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, Petaling Jaya: Penerbitan Lajmeidakh, Sdn. Bhd, 1987, hlm. 7; Abdul Latif Abu Bakar, ‘Ishak Hj. Muhammad Sebagai Seorang Penulis dan Ahli Politik (1930-1948), dalam Malaysia dari segi Sejarah, Bil. 20-1992, hlm. 18.

<sup>111</sup> CO 537/2148, Reaction to Constitutional Proposal Counter Proposal by PUTERA and AMCJA, hlm. 36 dan 37. Lihat juga, Abdul Latif Abu Bakar, ‘Ishak Hj. Muhammad Sebagai Seorang Penulis dan Ahli Politik (1930-1948), dalam Malaysia dari segi Sejarah, Bil. 20-1992, hlm. 19.

1. Penubuhan negara Malaya Bersekutu adalah merangkumi Singapura.
2. Penubuhan sebuah badan perundangan yang dipilih sepenuhnya untuk seluruh Tanah Melayu.
3. Hak-hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu adalah negara mereka dan menunjukkan kesetiaan mereka.
4. Raja-raja Melayu memegang jawatan pemerintah berdaulat sepenuhnya, berperlembagaan, menerima penasihat tetapi bukan penasihat British, pemilihan oleh rakyat melalui sistem demokratik.
5. Perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu berada di bawah kawalan tunggal orang Melayu.
6. Perhatian khusus perlu diberi kepada kemajuan orang Melayu.<sup>112</sup>

Bagaimanapun ternyata, tiga buah organisasi besar yang bergabung di bawah AMCJA iaitu New Democratic Youth League, Federation of Trade Union dan MPAJA Ex-Service Comrade's, adalah dikuasai oleh komunis. Pertubuhan tersebut mendapat sokongan kuat daripada Gerald De Cruz, iaitu editor kepada akhbar komunis, The Democrat dan sokongan daripada akhbar harian komunis Cina, iaitu Min Sheng Pau yang telah diambil alih oleh PKM. Manakala Liew Yit Fan, seorang ahli jawatankuasa PKM Kuala Lumpur telah dilantik sebagai pengurus akhbar berkenaan yang membuat penerbitan di Kuala Lumpur dan mengkritik dasar-dasar pentadbiran British (BMA).<sup>113</sup>

Oleh itu, walaupun, pada dasarnya PKM tidak mengisyiharkan sokongan terhadap

<sup>112</sup> CO 537/2148, Reaction to Constitutional Proposal Counter Proposal by PUTERA and AMCJA, hlm. 36 dan 37. Lihat juga, CO. 537/2150, SAVINGRAM, Gabenor Malayan Union kepada Setiausaha Tanah Jajahan, bertarikh, 9 Januari 1947, hlm. 1 dan 2; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 19.

<sup>113</sup> @Mun Siang Pau. Selepas diambil alih, akhbar berkenaan dijual dengan harga 10 sen berbanding 15 sen dan memiliki 4 halaman daripada 8 halaman. Antara isu yang dipaparkan oleh akhbar tersebut adalah mengenai "semak semula dasar". Akhbar itu adalah sebahagian organisasi PKM. Ianya bukan hanya untuk bacaan golongan berpendidikan tetapi juga untuk semua rakyat. Akhbar itu juga menggesa agar parti dan ahli parti membantu cara dan kaedah untuk memasarkan akhbar tersebut, bersikap bertanggungjawab terhadap perjuangan dan kehidupan rakyat, serta menerbitkan artikel-artikel berbentuk kritikan daripada Wu Tian Wang, seorang delegasi PKM ke Persidangan Parti Komunis Britain di London. Lihat dalam *The Straits Times*, 3 Jun 1948. Lihat juga CO 537/2140, dalam CO 537/1581. HQ. Malaya Command Weekly Intelligence Summary, hlm. 3.

tindakan AMCJA tersebut dan tidak juga menjadi ahli kepada mana-mana atau kedua-dua organisasi tersebut serta mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti mereka, tetapi PKM mengisyiharkan sokongannya terhadap prinsip perjuangan AMCJA tersebut. Dengan adanya tiga buah organisasi besarnya itu juga bermakna PKM turut menyertai pertubuhan tersebut. Keadaan ini menunjukkan PKM turut menentang penubuhan Malayan Union.<sup>114</sup> Pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu telah mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu, terutamanya Raja-raja Melayu dan golongan cendiakawan Melayu. Ini disebabkan, cara Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan dan persetujuan daripada Raja-raja Melayu dengan cara ugutan. Raja-raja Melayu turut kehilangan kuasa mereka kecuali perkara yang berkaitan dengan ada agama Islam dan adat Melayu. Manakala, golongan pendatang daripada kalangan buruh-buruh Cina dan India, telah diberi kelonggaran dalam memperoleh kerakyatan. Manakala, di Singapura dan sebahagian tempat negeri-negeri Melayu, orang Cina menjadi majoriti penduduk. Oleh itu, orang Melayu menyedari jika keadaan itu tidak ditangani dengan betul ianya boleh menjelaskan kuasa politik mereka dan mereka akan terusir keluar daripada tanah air sendiri.<sup>115</sup>

Dengan tentangan hebat orang Melayu itu menyebabkan, pada 27 Mei 1946, kerajaan British mula mengadakan rundingan mengenai penubuhan Persekutuan tersebut dengan Raja-raja Melayu bagi mengiktiraf kedaulatan Raja-raja Melayu, pemberian taraf naungan bagi negeri-negeri Melayu, mengetatkan taraf kerakyatan dan mengenai perkara perlantikan dan kedudukan Pesuruhjaya Tinggi.<sup>116</sup> Bagaimanapun, mengenai rancangan terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu itu, AMCJA dan

<sup>114</sup> CO 537/2148. Reaction to Constitutional Proposal Counter Proposal by PUTERA and AMCJA, hlm. 3 dan 4.

<sup>115</sup> Richard Attlee, *Empire into Commonwealth*: Oxford University Press: New York, 1961, hlm. 41 dan 42. Lihat juga, CO 717/179, Alec kepada H.T Boundillon, 6 Disember 1947, terlampir "Reconstruction in Malaya by A.J. Newboult" dalam Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British' dalam *Malaysia dari segi Sejarah*, hlm. 14.

<sup>116</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British' dalam *Malaysia dari segi Sejarah*, hlm. 17.

PUTERA, telah mengambil keputusan menolak cadangan Perlembagaan Persekutuan yang mahu diperkenalkan oleh kerajaan British bagi menggantikan Malayan Union tersebut. AMCJA-PUTERA menganggap cadangan perlembagaan yang digariskan oleh Jawatankuasa Kerja, yang mula bersidang pada 6 Ogos 1946, yang terdiri daripada wakil kerajaan British, wakil Raja-raja Melayu dan wakil UMNO adalah dilakukan secara tidak demokratik. Perlembagaan yang dibuat adalah secara rahsia dan hanya melibatkan golongan aristokrat Melayu sahaja serta gagal mengenai cadangan terhadap peruntukan yang dianggap penting dalam perlembagaan demi kestabilan negara.<sup>117</sup>

in part two of this booklet, we have analysed the constitutional proposals of the working committee. It is sufficient to say here that they will perpetuate Malaya as a real colony with all legislative and executive power in the hands of His Majesty's Government through the secretary of state for the colonies and the high commissioner; and that they propose an empty and dangerous type of citizenship which would prevent the stable development of national unity and democracy in Malaya.<sup>118</sup>

Berdasarkan resolusi mesyuarat pada 5 Januari 1947, AMCJA telah menghantar surat bantahan terhadap Perdana Menteri Britain dan Setiausaha Tanah Jajahan untuk memboikot Jawatankuasa Rundingan yang dilantik oleh Gabenor Malayan Union, bagi mendengar pandangan semua masyarakat dan persatuan-persatuan yang berminat dengan rancangan bagi penubuhan Persekutuan. Bantahan dibuat disebabkan tindakan British bagi memisahkan Singapura daripada Semenanjung Tanah Melayu. Rundingan berlangsung hanya melibatkan Raja-Raja Melayu dan UMNO sahaja. Sebaliknya AMCJA mendakwa mereka adalah satu-satunya badan yang diiktiraf sah di Tanah

<sup>117</sup> CO 537/2148. Reaction to Constitutional Proposal Counter Proposal by PUTERA and AMCJA. Lihat juga, Ronald McKie, *The Emergence of Malaysia*, hlm. 203; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British', *Malaysia dari segi Sejarah*, bil. 40-2012, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2012, hlm. 18 dan 19; Abdul Latif Abu Bakar, Ishak Hj. Muhammad Sebagai Seorang Penulis dan Ahli Politik (1930-1948) dalam Malaysia dari segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 20, 1992, hlm. 19.

<sup>118</sup> Ibid.

Melayu oleh badan antarabangsa.<sup>119</sup> Bagaimanapun, menurut Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union, dalam surat beliau kepada Tan Cheng Lock. Beliau menegaskan bahawa, kerajaan British tidak mengiktiraf badan tersebut sebagai satu-satunya badan yang mewakili masyarakat Asia daripada pelbagai kaum di negara ini, dalam mengadakan rundingan mengenai soal perlembagaan negara. Kerajaan British berpendapat, semua individu, masyarakat, badan-badan, dan pertubuhan yang berminat turut diberi peluang sepenuhnya dan bebas untuk menyuarakan pandangan mereka.<sup>120</sup> Berikut adalah penerangan jelas yang disiarkan oleh kerajaan Britain dalam soal tersebut:

It would be impossible for His Majesty's Government to recognise any one body as the sole organisation with which future discussions should be conducted, since such a step would be a negation of desire of His Majesty's Government that all interested individuals, communities, bodies and groups should have full and free opportunities of expressing their views.<sup>121</sup>

Dengan itu, AMCJA dengan kekuatan seramai 400,000 orang ahli, terdiri daripada gabungan Malayan Democratic Union sebagai Setiausaha AMCJA, Malayan Indian Congres (MIC), Malayan Democratic Youth League (MDYL), 12 buah Kesatuan Wanita, MPAJA Ex-Comrades dan PMFTU (memiliki 300,000 ahli). Manakala, Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ditubuhkan pada 22 Februari 1947, dua bulan kemudiannya selepas penubuhan AMCJA. Pertubuhan tersebut turut dianggotai oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedara (AWAS), Barisan Tani SeMalaya (BATAS), Majlis agama Tertinggi se-Malaya (MATA), Gerakan Angkatan Muda Singapura (GERAM), dan 80

<sup>119</sup> CO 537/1581. HQ. Malaya Command Weekly Intelligence Summary, hlm. 2 dan 3.

<sup>120</sup> *The Straits Times*, 9 Januari 1947, hlm. 3.

<sup>121</sup> Petikan sebahagian pernyataan Perdana Menteri Britain dan Setiausaha Negara dalam surat Edward Gent (Gabenor Malayan Union) kepada Tan Cheng Lock dalam *The Straits Times*, 9 Januari 1947, hlm. 3.

buah persatuan-persatuan kecil yang lain, dengan memiliki keahlian keseluruhannya dianggarkan seramai 150,000 orang, dengan dipengerusikan oleh Ishak Hj. Muhammad sebagai Yang Dipertua. AMCJA dan PUTERA telah bergabung dan menganjurkan tunjuk perasaan secara besar-besaran rakyat bagi membantah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Beberapa siri tunjuk perasaan dilakukan di bandar-bandar besar dan kecil, seperti di Singapura, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Taiping, Ipoh, Melaka, Kota Baru, Kuantan dan Johor Baru.<sup>122</sup> Pada 20 Oktober 1947, sekali lagi kaum pekerja dari Chinese Chambers of Commerce, Federation of Trade Union dan All-Malayan Council of Joint Action (AMCJA) yang didalangi oleh komunis telah melancarkan mogok harta. Dalam pemogokan itu, semua urusan perniagaan ditutup selama 24 jam.<sup>123</sup> Hartal merupakan suatu mogok ekonomi yang dilancarkan di seluruh Tanah Melayu dan Singapura, dengan melibatkan semua peniaga yang bukan milik kepunyaan orang Eropah. Mogok ini berlaku di seluruh bandar kecil dan besar, di ladang, lombong, serta pelabuhan, termasuk di Port Swettenham (Pelabuhan Klang). Manakala, di Batu Arang, Selangor, 2,000 orang pekerja telah mengisyiharkan cuti bekerja dengan tujuan membantah cadangan bagi penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang dianggap tidak demokratik. Keadaan ini disebabkan, penubuhan persekutuan tersebut dilakukan tanpa melibatkan Singapura.<sup>124</sup> Sebaliknya mereka mendesak kerajaan British, supaya mempertimbangkan semula Perlembagaan Rakyat Malaya (The Peoples Constitution for Malaya) yang diajukan oleh gabungan parti tersebut, namun desakan tersebut juga turut menemui kegagalan.<sup>125</sup>

<sup>122</sup> CO 537/2148, Reactions to Constitutional Proposals Counter Proposals by PUTERA and AMCJA, hlm. 4 dan 5.

<sup>123</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 197. Lihat juga, Collin Abraham, "The Finest Hour" *The Malaysian-MCP Peace Accord in Perspective*, Petaling Jaya: SIRD, 2006, hlm. 159. Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British', *Malaysia dari segi Sejarah*, hlm. 20 ; Abdul Latif Abu Bakar, Ishak Hj. Muhammad Sebagai Seorang Penulis dan Ahli Politik (1930-1948) dalam *Malaysia dari segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 20, 1992, hlm. 20.

<sup>124</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 197-198. Lihat juga, Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 68; Memoir Ahmad Boestamam, *Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 209.

<sup>125</sup> Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Dari Malayan Union Ke Persekutuan Tanah Melayu: Hidup Melayu, UMNO dan Dato' Onn bin Jaafar', *Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' OnnJaafar, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor dengan Kerjasama GAPENA*, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Akademi Pengajian Melayu, 1-4 Disember 2006, hlm. 12.

## **Kesimpulan**

Krisis antara British dan PKM berlaku sebaik sahaja Perang Dunia Kedua berakhir. Punca utama krisis terjadi, setelah PKM menerbitkan gagasan Eight Principles atau Lapan Prinsip perjuangan dan tuntutan yang mereka ajukan pada penghujung Ogos 1945. Gagasan PKM itu merupakan satu rancangan mahu menjadikan Tanah Melayu sebuah negara republik demokratik yang beracuankan sistem pemerintahan komunis. Dengan itu PKM berpendirian, kerajaan British merupakan sebuah kerajaan kolonial, sama seperti mana-mana negara kuasa kolonial yang lain, mereka seharusnya keluar daripada negara yang mereka jajah, seperti mana yang diputuskan dalam Persidangan San Francisco. Melalui gagasan Eight Principles itu, rentetan pelbagai krisis mula tercetus antara kedua-dua pihak. PKM berusaha menekan dan melakukan provokasi ke atas kerajaan British daripada segenap peluang dan kesempatan yang diperoleh, terutamanya setelah British menjadikan PKM menjadi sebuah organisasi yang sah daripada sudut perundangan. Bagaimanapun, kerajaan British sememangnya sangat menyedari perancangan PKM tersebut. Dengan itu, British telah mengambil pelbagai tindakan tegas terhadap kegiatan dan provokasi yang dicetuskan oleh PKM melalui tindakan perundangan dengan tujuan menghalang dan menyekat perkembangan serta pengaruh parti tersebut di Tanah Melayu yang didapati cuba melemah dan menjatuhkan kerajaan kolonial tersebut.

## BAB 6

### KONFLIK BERSENJATA PKM-BRITISH 1948

#### Pengenalan

Bab ini menerangkan bagaimana krisis dan konflik yang berlaku antara PKM dengan British telah berakhir dengan berlakunya pemberontakan secara bersenjata yang dilancarkan PKM terhadap kuasa British tersebut. Krisis berpunca sejak dari awal penubuhan dan perjuangan PKM lagi, akibat perbezaan fahaman yang sangat ketara antara kedua-dua pihak, antara PKM sebuah parti politik berfahaman komunis dan kerajaan kolonial British berfahaman kapitalis. Dengan faktor itu, PKM berasa sangat kecewa terhadap dasar British yang dikatakan oleh PKM, tidak prihatin terhadap rakyat terutamanya golongan buruh yang rata-ratanya dianggap tertindas dengan dasar dan tindakan British yang tidak mengendahkan tuntutan yang dibuat melalui kesatuan sekerja. Namun sebaliknya, kerajaan British menggunakan kekerasan hukuman melalui tindakan undang-undang yang dikuatkuasakan untuk menangkap, memenjara dan mengusir keluar mereka yang didapati bersalah ke negara asal mereka. Rata-rata mereka yang dihukum adalah pemimpin serta pendukung ideologi komunis PKM. Kekecewaan komunis semakin ketara apabila tuntutan mereka bukan sahaja tidak dipedulikan langsung oleh kerajaan British, tetapi rancangan British untuk membentuk perlombagaan baru negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, langsung mengenepikan peranan PKM yang merupakan rakan seperjuangan utama mereka ketika Perang Dunia Kedua yang lalu. Malah, PKM dapat merasakan bahawa tindakan British itu sebenarnya bukan sahaja mahu melenyapkan peranan dan parti PKM tetapi juga fahaman komunis di negara ini.

## **PKM Mengukuhkan Kekuatan**

Pada Persidangan Asia di New Delhi, India, pada tahun 1947, PKM telah menggunakan persidangan tersebut untuk mengumpul kekuatan dan sokongan bagi menentang dasar imperialisme dan kolonialisme British untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>1</sup> Pada tahun 1948, terdapat dua persidangan komunis di Calcutta, India. Pertama adalah Persidangan Belia Asia Tenggara, berlangsung pada Februari 1948, yang dianjurkan oleh Persatuan Belia Demokratik Sedunia (World Federation of Democratic Youth) dan Persidangan Kesatuan Pelajar-Pelajar Antarabangsa (International Students' Union Conference) yang dikawal selia oleh komunis Rusia. Persidangan tersebut turut dihadiri wakil daripada PKM bersama parti-parti politik Asia Tenggara yang lain. Ini diikuti oleh Kongres Kedua Parti Komunis India (Communist Party of India/CPI) yang berlangsung pada 28 Februari hingga 6 Mac 1948. Hasil persidangan tersebut, satu dasar baharu telah berkembang dengan membawa perubahan besar dan bersifat radikal terhadap gerakan komunis. Dasar militan tersebut adalah lanjutan daripada penubuhan Communist information Bureau (Cominform) di Poland pada September 1947. Kedua-dua persidangan itu menekankan perlunya parti komunis di seluruh dunia mengambil tindakan lebih militan terhadap penjajah kapitalis di negara mereka. Dasar komunis kini menjadi lebih radikal dengan melihat kepada definisi perubahan kuasa pemerintahan yang dimahukan dan bentuk revolusi yang dirancang, dasar mereka terhadap barisan bersatu, golongan borjuis dan bentuk kerajaan baharu yang dirangka. Pada kaca mata Rusia, negara yang dijajah tersebut adalah di bawah pengaruh imperialis-kapitalis Barat. Oleh itu, perjuangan komunis dengan menerima pakai bahawa pemberontakan bersenjata adalah suatu gerakan pembebasan bersifat kebangsaan.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 63. Abdullah CD menjelaskan, beliau adalah salah seorang peserta yang mewakili PMFTU ke persidangan tersebut bersama S.A. Ganapathy dan Miao Siu. Manakala, Dr Burhanuddin Al Helmi mewakili PKMM, P.P. Narayanan mewakili kerajaan Inggeris dan Salleh Daud serta Ibu Zain, sebagai wakil bebas.

<sup>2</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49, hlm. 3. Lihat juga; Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 63; N.E. Balaram, *A Short History of the Communist Party of India*, Prabhatham Printing and Publishing Co., Ltd: Trivandrum, India;

Manakala, di Tanah Melayu, kekuatan komunis PKM bergantung kepada tiga badan utama parti tersebut, iaitu badan induknya, Parti Komunis Malaya (PKM), Malayan Races Liberation Army (MRLA) dan Min Yuen.<sup>3</sup> PKM dan Pasukan gerila bersenjata PKM dengan dikenali sebagai Malayan People Anti-British Army (MPABA), kemudiannya telah melancarkan pemberontakan bersenjata menentang kerajaan British di Tanah Melayu dengan menganggap tindakan tersebut sebagai satu perjuangan secara berperlembagaan selepas kekalahan Jepun, 1945-1948.<sup>4</sup> PKM telah membuat keputusan untuk menggerakkan semula pasukan gerila bersenjata yang merupakan rakan seperjuangan yang pernah berkhidmat dalam pasukan MPAJA. Mereka diarahkan pulang semula ke kem di hutan untuk dilatih dan didisiplinkan oleh pegawai PKM dengan bekalan senjata yang dibekalkan oleh British dan tinggalan Jepun yang disembunyikan di dalam hutan. Tambahan pula dengan suasana hutan yang menjadi kebiasaan kepada mereka serta dibantu oleh ribuan setinggan Cina yang tinggal di pinggir hutan yang dikenali sebagai Min Yuen. Pasukan gerila bersenjata PKM kemudian dikenali sebagai Malayan People Anti-British Army (MPABA).<sup>5</sup>

Manakala, Min Yuen atau lebih dikenali sebagai Ming Chong Yuen Tong, bermaksud Gerakan Rakyat. Pertubuhan tersebut diorganisasi dan diletak di bawah kawalan Jawatankuasa Pusat PKM. Ia diarahkan oleh beberapa jawatankuasa iaitu Jawatan Kuasa Peringkat Organisasi Parti, Jawatankuasa Peringkat Negeri, Jawatankuasa Peringkat Daerah, dan Jawatankuasa Peringkat Cawangan atau sel parti. Min Yuen bergerak sangat aktif di petempatan setinggan Cina di luar bandar yang

---

Prabath Book House, 1967, hlm. 50, 51, Appendix, hlm. i dan iii; Taufiq Ahmad Nizami, *The Communist Party and India's Foreign Policy*, New Delhi-5: Associated Publishing House, 1971, hlm. 10; Victor. M. Fic, *Peaceful Transition to Communism in India: Strategy of the Communist Party*, Bombay: Nachiketa Publications, 1969, hlm. 1; J.H. Brimmell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 8 dan 19; Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963.)*, hlm. 313; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 26.

<sup>3</sup> CO 1022/187, 'The Enemy in Malaya', *Times*, 19 Februari 1952.

<sup>4</sup> Rashid Maidin, Kata Pengantar dalam Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, hlm. xxii.

<sup>5</sup> J.M. Gullick. *Malaya*, London: Ernest Benn Limited, 1964 (second edition), hlm. 96-97. Lihat juga Ahmad Zaki Mohd Johari Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan', Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 23.

muncul sejak zaman kemelesetan ekonomi sekitar tahun 1930, di pinggir hutan simpan, tanah-tanah rizab Melayu, kawasan lombong atau ladang getah milik swasta, terutamanya pada masa pendudukan Jepun.<sup>6</sup> Min Yuen merupakan penyokong kepada kegiatan PKM dan pasukan bersenjatanya MNLA. Min Yuen berperanan dalam mewujudkan hubungan dengan rakyat, membekalkan keperluan gerila PKM, seperti maklumat risikan, senjata, bekalan makanan, ubat-ubatan, wang, dan pakaian, mencari dan melatihkan rekrut-rekrut baru serta membunuh pengkhianat PKM.<sup>7</sup>

### **PKM Menguasai Kesatuan Sekerja**

Sejak awal tahun 1948, PKM telah berusaha menjadikan kesatuan sekerja sebagai sasaran utama mereka untuk dikuasai bagi melakukan tindakan pemogokan. Mogok merupakan senjata utama PKM yang sangat berkesan menentang kerajaan seperti yang dilakukan parti komunis di negara tanah jajahan Britain yang lain, terutamanya di beberapa buah negeri di India.<sup>8</sup> Sebelum Undang-Undang Darurat diisyiharkan pada Jun 1948, PKM telah bergerak secara sah dengan memberi tumpuan kegiatan dalam industri perburuhan. Penguasaan PKM dalam industri tersebut sangat besar, sehingga tindakan pemogokan yang dianjurkan oleh parti tersebut telah menganggu ekonomi negara. Dengan penguasaan sebahagian besar kesatuan sekerja industri oleh PKM sejak pertengahan tahun 1947, terutamanya PMFTU dan kesatuan sekerja satelitnya di setiap negeri, tindakan mogok yang dianjurkan itu, telah mewujudkan konflik antara kesatuan sekerja dengan pihak majikan dan kerajaan. Dianggarkan pada Mei 1948, sejumlah 178,500 waktu hari bekerja telah hilang akibat pertikaian mogok yang dianjurkan.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> CO 1022/178 Ext Act From F.M. CID Intelligence Report August-September, hlm. 175. Lihat juga keterangan oleh Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 301; Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, hlm. 11-15.

<sup>7</sup> CO 1022/187, *The Enemy in Malaya*, Times, 19 Februari 1952. Lihat juga, Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm.119; Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*, hlm. 11-15.

<sup>8</sup> N.E. Balaram, *A Short History of the Communist Party of India*, hlm. 45 dan 46. Lihat juga, Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*, hlm. 27.

<sup>9</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 10; 1998/0003861, Malayan Communist Party dalam Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British’, *Malaysia dari segi Sejarah*, hlm. 20

Pada penghujung tahun 1947 dan awal tahun 1948, terdapat sejumlah 293 buah kesatuan sekerja di Tanah Melayu dengan keahlian berjumlah 198,713 orang. Hampir separuh daripada kesatuan itu adalah di bawah kawalan PMFTU yang dikuasai sepenuhnya oleh komunis, dan sejumlah 100 lagi kesatuan umumnya turut dipengaruhi komunis. Manakala, hanya 63 buah kesatuan yang benar-benar bebas dan kebanyakannya dimiliki oleh majikan kerajaan. British sememangnya menyedari bahawa kegiatan kesatuan buruh patut digalakkan, bagaimanapun ia perlu diletakkan di bawah sistem pendaftaran yang betul, tetapi jika dibiarkan sedemikian, kesatuan-kesatuan buruh itu akan dikuasai sepenuhnya oleh komunis.<sup>10</sup>

Pada suku pertama tahun 1948, adalah penanda bermulanya pergolakan dalam industri tanaman berbanding industri bijih timah atau pun dalam sektor kerajaan. Ini disebabkan tuntutan kesatuan pekerja terhadap kenaikan kadar gaji, berpunca daripada kurangnya perhatian majikan terhadap kemudahan untuk para pekerja. Dengan itu, Malayan Planting Industri Employers' Association (MPIEA) atau Kesatuan Majikan Industri Tanaman Persekutuan, telah mengadakan rundingan bersama wakil daripada enam buah kesatuan perdagangan iaitu daripada Estate Workers' Trade Union dan disertai dua orang ahli ekonomi. Rundingan tersebut bertempat di Kuala Lumpur. Hasilnya persetujuan bersama telah dicapai. MPIEA telah bersetuju untuk mempertimbangkan permintaan tersebut dengan memperbaiki terma dan syarat pekerjaan bagi pekerja ladang, seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Gaji Bersama (Joint Wages Commission) dengan memberi kenaikan kadar gaji bermula pada 1 April 1948. Oleh itu, terdapat peningkatan ketara terhadap bayaran waktu bekerja normal daripada 0.70 sen kepada 0.90 sen setiap hari, dan kenaikan elauan sehari antara 0.30

<sup>10</sup> Communist Banditry in Malaya, 1948-1949, Extracts From Speeches, by the High Commissioner Sir Henry Gurney, hlm. 2. Lihat juga, Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 3.

sen hingga 0.55 sen, bagaimanapun ianya bergantung mengikut kawasan. Manakala, pemberian bonus kepada penoreh getah yang bekerja dengan baik dan berlaku pertambahan hasil pengeluaran, elau dinaikkan sehingga 70 sen sehari. Sementara itu, penetapan kadar asas untuk penoreh getah adalah berasaskan sekeping getah yang siap dimesin dengan nilai \$2.50 sehari. Dengan peraturan baru ini, ianya memberi peluang yang sama kepada semua pekerja tanpa mengira kaum.<sup>11</sup>

Hasil daripada perjanjian tersebut, penoreh getah baru dari India yang bekerja di beberapa ladang telah diletakkan kadar kerja berdasarkan nilai setiap keping getah yang dihasilkan. Ini memberikan mereka peluang untuk meningkatkan pendapatan, terutamanya buruh Tamil. Pada peringkat awalnya, majoriti kesatuan sekerja telah bersetuju dan sangat berpuas hati dengan kadar baru gaji tersebut. Bagaimanapun, sebaik sahaja selesai persetujuan mengenai kenaikan gaji itu telah berlaku lebih banyak kekacauan mogok berbanding sebelumnya, terutamanya di Johor.<sup>12</sup> Komunis ternyata berasa kecewa dengan kejayaan rundingan antara kesatuan majikan dan kesatuan pekerja tersebut. Kini mereka menghasut bagi mewujudkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pekerja terhadap majikan mereka dengan menjanjikan kadar gaji yang lebih tinggi dan pertambahan beberapa konsesi lainnya sekiranya pekerja terus setia dan bekerjasama dengan mereka. Oleh itu, kenaikan gaji dan elau yang berlaku sebaik persetujuan dicapai antara kesatuan pekerja dan kesatuan majikan sebelum ini, hanya memberi kesan yang kecil. Pekerja terus mengambil tindakan mogok dan kini mereka telah membuat beberapa tuntutan lain. Manakala, pihak kesatuan pekerja menekankan pula isu pembayaran gaji yang berasingan bagi semua kadar gaji, kawalan terhadap

<sup>11</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 1 dan 41. Lihat juga *The Straits Times*, 9 Jun 1948, hlm. 4.

<sup>12</sup> Ibid., hlm. 41. Lihat juga *The Straits Times*, 9 Jun 1948, hlm. 4.

pekerjaan dan isu pemecatan pekerja oleh kesatuan.<sup>13</sup> Pada suku kedua tahun 1948, masalah mogok pekerja menjadi semakin buruk, sehingga situasi tersebut boleh dilihat dengan jelas berlaku dalam tiga keadaan. Pertama, kejadian mogok berlaku sebaik sahaja MPIEA menaikkan kadar gaji pekerja. Kedua, kekacauan mogok semakin buruk dan berpanjangan, walaupun di ladang yang dianggap antara yang terbaik di negara ini. Ketiga, tuntutan yang dibuat dan diketengahkan merupakan arahan dari pusat yang mempunyai matlamat untuk merampas fungsi pengurusan ladang daripada berusaha untuk membaiki pekerjaan para pekerja.<sup>14</sup> Bagaimanapun, keadaan yang berlaku dalam sektor perladangan, tidak bermakna bahawa industri perlombongan dan kapal korek adalah bebas daripada tindakan mogok yang didalangi oleh komunis. Dalam sektor perlombongan dan kapal korek, tindakan komunis didapati tidak agresif berbanding tindakan mereka dalam sektor perladangan. Ini disebabkan jumlah pekerja di sektor perlombongan jauh lebih kecil dan kesan pemogokan yang dilakukan juga tidak akan memberi kesan besar.<sup>15</sup> Bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1948, meletus satu lagi gelombang kebangkitan kaum pekerja terutamanya di negeri pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, dengan melibatkan pekerja ladang, kilang, pelabuhan dan perlombongan<sup>16</sup> Menurut A.W. Wallich, seorang ahli Majlis Perundangan Persekutuan dalam ucapan beliau ketika di Federated Malay State (F.M.S) Chamber of Commerce:

The present unrest is not, I affirm, the normal manifestation of discontented and oppressed labour; it is a campaign organised and directed by forces whose origin is outside Malaya, and by individuals who are not genuine labourers who have little, if any, interest in labour except as a medium of subversion and intrigue.<sup>17</sup>

<sup>13</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 1 dan 41.

<sup>14</sup> Ibid., hlm. 1.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

<sup>17</sup> *The Straits Times*, 9 Jun 1948, hlm. 4.

Di negeri Perak, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1948, merupakan fasa pertama bagi PKM untuk menghuru-harakan sektor industri dengan mencetuskan kebencian dan perasaan tidak percaya antara pekerja dan majikan. Tindakan dilakukan melalui kesatuan sekerja satelitnya, iaitu Perak Federation of Trade Union yang sememangnya dikawal oleh komunis dan militan komunis daripada New Democratic Youth League. Dalam tahun tersebut sahaja sebanyak 85 kejadian mogok telah berlaku di negeri tersebut dan hampir semuanya berlaku pada enam bulan pertama tahun tersebut.<sup>18</sup> Beberapa kesatuan penanaman daerah telah menerima surat bertaip daripada beberapa sumber pusat iaitu ibu pejabat kesatuan yang bersimpati terhadap ancaman yang diterima terhadap tindakan mogok yang dilakukan oleh pekerja. Keadaan itu menggambarkan dengan jelas bahawa propaganda tersebut adalah sebahagian daripada dasar PKM untuk menggugat ekonomi negara.<sup>19</sup> Dalam tempoh yang sama, beberapa kejadian mogok berlaku di bahagian utara Taiping, sekitar Sungai Siput, Chemor dan kawasan Tapah yang dianjurkan oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Getah Cina Perak yang beribu pejabat di Sungai Siput Utara, dengan mengedarkan surat ugutan kepada pengurus dan kontraktor ladang Cina, serta juga melalui risalah dan artikel akhbar yang dikawal oleh komunis. Beberapa buah ladang didapati telah terlibat dalam mogok pekerja sekitar bulan Mei 1948, iaitu Kamunting Estate, melibatkan seramai 640 pekerja Cina, dan Sungai Krudda Estate seramai 75 pekerja. Kedua-dua ladang itu terletak di Sungai Siput. Manakala, di Kinta Valley Estate, seramai 98 pekerja, dan River View Estate melibatkan seramai 40 pekerja ladang berkenaan. Kedua-dua ladang ini terletak di Batu Gajah. Di Kati Estate, melibatkan seramai 32 orang pekerja, diikuti Strathisla Estate dan Chumor Estate, di Chemor, Kuala Kangsar.<sup>20</sup> Manakala, pembunuhan terhadap seorang pengurus di Kilang Getah Ghee Seng, berketurunan

<sup>18</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 35.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Ibid., Lihat juga *The Straits Times*, 1 Jun 1948, hlm. 1.

Cina yang dianggap tidak mesra dengan sentimen komunis di kilang milik beliau, telah menunjukkan dengan jelas bahawa komunis telah pun bersedia untuk pergi lebih jauh dalam perjuangan mereka. Manakala, di Subur Estate, Taiping, beberapa penoreh Cina yang diambil kerja oleh kontraktor telah menyertai mogok dan mereka bukan sahaja enggan meninggalkan ladang tetapi juga enggan menghadiri perbicaraan mahkamah, apabila pengurus mengambil tindakan prosiding mahkamah bagi pengusiran terhadap mereka. Tindakan tersebut menyebabkan mereka ditahan dan dihukum penjara atas kesalahan menghina mahkamah. Ketika pengisytiharan darurat, kontraktor tersebut iaitu Cheng Choy telah mati dibunuhi. Pada 7 Jun 1948, dua orang pegawai kerajaan berketurunan Melayu telah mati dibunuhi ketika menjalankan tugas di kawasan estet getah. Mangsa tersebut ialah En. Bahari, seorang Pegawai Penempatan di Kuala Kangsar dan En. Yusof, Ketua Kampung Jalong, Sungai Siput.<sup>21</sup>

Pada akhir Mei 1948, keadaan tegang di sektor perladangan semakin serius. Kerajaan terpaksa menghantar sepasukan tentera dan polis ke kawasan Sungai Siput bagi mengawal keselamatan dan harta benda. Propaganda disebar oleh komunis terhadap kontraktor Cina dan mana-mana pekerja yang enggan akur kepada kehendak komunis. Sejumlah besar anggota tentera dan seramai 400 anggota polis serta skuad anti-keganasan daripada Sekolah Latihan Polis, dihantar ke Lima Blas Estate dan Klapa Bali Estate di Slim River, bagi menguatkuaskan perintah mahkamah. Keadaan tersebut berlaku setelah pihak pengurusan ladang berjaya mendapat prosiding atau arahan pengusiran terhadap 79 orang pekerja ladang tersebut. Sejumlah 54 orang daripada mereka berketurunan India dan 25 orang lagi berbangsa Cina. Lima Blas Estate dan Klapa Bali Estate adalah pengeluar utama minyak sawit dan getah. Ladang

<sup>21</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 35. Lihat juga *The Straits Times*, 1 Jun 1948, hlm. 1; *The Straits Times*, 9 Jun 1948, hlm. 1; *The Straits Times*, 18 Jun 1948, hlm. 8; *The Malay Mail*, 17 Jun 1948, hlm. 3.

tersebut memiliki tenaga buruh, sebahagian besarnya dari Selatan India. Sebilangan besar orang Cina dan Melayu, juga turut bekerja di ladang tersebut. Dalam kejadian itu, pasukan keselamatan bertindak mengeledah rumah kediaman pekerja dan merampas pelbagai senjata seperti cangkul dan pisau torehan.<sup>22</sup> Dengan beberapa tindakan keras kerajaan British terhadap pekerja ladang tersebut menyebabkan J.S. Ferguson, Pengurus Jawatankuasa Negeri MPIEA, telah menerima surat ancaman untuk menganjurkan mogok simpati daripada tiga cawangan Planting Labourers Union of Perak, iaitu cawangan di Ringlet, Cameron Highland. Kesatuan berkenaan terlibat dalam industri tanaman teh. Manakala, cawangan di Bagan Datoh di kawasan Hilir Perak, yang terlibat dalam sektor tanaman kelapa, dan juga cawangan di Sauk, Kuala Kangsar yang berkaitan dengan industri tanaman getah.<sup>23</sup> Akibat berleluasanya kejadian ugutan dan jenayah yang berleluasa berlaku di kawasan ladang, MPIEA telah mengemukakan rayuan mendesak kerajaan British supaya mengisyiharkan undang-undang darurat di Perak, bagi menangani keganasan yang berlaku di negeri tersebut.<sup>24</sup> Bagaimanapun, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sir Edward Gent dalam pernyataan balas kepada MPIEA, beliau menegaskan:

Government is taking all practicable immediate measure to deal with criminal outrages in Perak and elsewhere and has further measure in view.<sup>25</sup>

Dalam usaha mengikuti misi komunis ke arah perpaduan kaum, kesatuan yang baharu ditubuhkan itu, telah bergabung dengan Perak Rubber Worker' Union (PRWU) yang mewakili Chinese Estate Labour dan New Democratic Youth League, iaitu

<sup>22</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 37. Lihat juga *The Straits Times*, Singapore, 2 Jun 1948, hlm.7; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 147.

<sup>23</sup> *The Straits Times*, 25 Mei 1948, hlm. 7. Lihat juga *The Straits Times*, 15 Jun 1948, hlm. 4.

<sup>24</sup> *The Malay Mail*, 10 Jun 1948, hlm. 5.

<sup>25</sup> *Ibid.*

sebuah organisasi militan komunis yang mempunyai cawangannya di Slim River dan juga memiliki beberapa orang ahli di ladang tersebut. Objektifnya untuk membawa keseluruhan tenaga kerja ke dalam rangkaian komunis melalui unsur propaganda dan ugutan.<sup>26</sup> Rentetan daripada peristiwa itu, pada 30 Mei 1948, R.G. Balan, presiden, Planting Labourers Union of Perak telah ditahan oleh pihak berkuasa. Manakala, pada 2 Jun 1948, Presiden dan Setiausaha kepada Kesatuan Pekerja-Pekerja Getah Negeri Perak, turut ditahan di ibu pejabat kesatuan tersebut di Sungai Siput. Mereka kemudiannya dijatuhi hukuman buang negeri. Manakala, dokumen yang ditemui di premis tersebut turut dirampas. Turut ditahan ialah Kittu, beliau merupakan Ketua Seksyen Pekerja-Pekerja India dalam PRWU. Mereka telah dituduh mengugut dan menghasut, dalam kempen anjuran parti komunis yang didapati menyusup ke seluruh negara ketika itu.<sup>27</sup> Tindakan kerajaan British itu menyebabkan pihak kesatuan dengan segera mengadakan mesyuarat dan mengambil keputusan menganjurkan mogok pada 4 Jun 1948, bagi mengutuk tindakan British tersebut dan mendesak supaya beliau dibebaskan tanpa syarat.<sup>28</sup>

Di negeri Selangor, keadaan yang berlaku hampir sama seperti mana di Perak. Kekacauan akibat mogok terjadi pada separuh pertama tahun 1948, akibat rasa tidak puas hati pihak pekerja yang dihasut oleh komunis untuk tujuan politik mereka. Pada Februari 1948, tindakan mogok dilakukan oleh pekerja General Transport Company di Kuala Lumpur; akibatnya pengurus syarikat memecat dua orang pekerja mereka. Ini menyebabkan berlakunya campur tangan daripada Pan-Malayan Federation of the Trade Union.<sup>29</sup> Pertikaian turut berlaku di Port Swettenham pada 28 April 1948.

<sup>26</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 37.

<sup>27</sup> Ibid, hlm. 35. Lihat juga *The Straits Times*, Singapore, 1 Jun 1948, hlm. 1; *The Malay Mail*, 10 Jun 1948, hlm. 5; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 148.

<sup>28</sup> *The Straits Times*, 1 Jun 1948, hlm. 1. Lihat juga Abdullah CD, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 66.

<sup>29</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 10 dan 40.

Pekerja kontraktor Malayan Railways dan pekerja pelabuhan kepunyaan Eu Lee Landing and Shipping Company, yang dianggarkan seramai 319 orang pekerja Cina, 771 orang pekerja India, dan 32 orang pekerja Melayu itu, telah melancarkan mogok pada 28 April 1948, bagi menuntut kenaikan gaji dan elaun sara hidup. Walaupun rundingan berlangsung antara kesatuan pekerja pelabuhan dan pihak majikan, tetapi pertikaian masih berlarutan, sehingga Pesuruhjaya Tinggi, dilantik sebagai hakim bagi Mahkamah Siasatan di bawah Industrial Court Enactment atau Undang-Undang Mahkamah Perusahaan. Bagaimanapun, Mahkamah Perusahaan membuat keputusan bahawa mogok yang dianjurkan oleh kesatuan tersebut adalah tidak sah dan mengarahkan pekerja supaya kembali bekerja, tetapi pekerja kontraktor Malayan Railways masih tidak berpuas hati dan meneruskan tindakan mogok mereka sehingga 18 Mei 1948.<sup>30</sup>

Di Negeri Sembilan, sebanyak sepuluh tindakan mogok pekerja telah berlaku pada tahun 1948, dan sembilan daripadanya berlaku pada enam bulan pertama tahun berkenaan. Kebanyakan tindakan mogok didalangi oleh Negri Sembilan Rubber Workers' Association (NSRWA), yang menganuti fahaman komunis, sehingga berlakunya pergolakan dalam industri tersebut. NSRWA merupakan kesatuan terbesar di negeri tersebut, kebanyakannya ahlinya terdiri daripada buruh Cina dan India.<sup>31</sup> Tindakan paling kritikal berlaku di Sua Betong Estate, setelah seorang pekerjanya yang juga pegawai kesatuan sekerja bagi NSRWA dibuang kerja atas sebab-sebab pekerjaan. Oleh itu, tindakan mogok segera diambil oleh pekerja. Tindakan mogok tersebut telah berlangsung selama hampir dua bulan. NSRWA, sama seperti organisasi komunis lain yang terdapat di negara ini, mereka memburuk-burukkan perjanjian yang telah

<sup>30</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 41.

<sup>31</sup> Ibid., hlm. 1.

dipersetujui sebelum itu mengenai kadar upah kebangsaan bagi industri tanaman yang dinaikkan mulai 1 April 1948. Tujuannya mewujudkan kecurigaan dalam fikiran pekerja terhadap majikan mereka, bahawa kadar baru upah tersebut turut melibatkan beberapa pertambahan tugas baru.<sup>32</sup>

Di Johor, keadaan hampir sama berlaku seperti di negeri Perak dan Selangor. Sebanyak 43 tindakan mogok telah berlaku pada separuh pertama tahun 1948, sebelum pengisytiharan darurat. Tuntutan yang dikemukakan dalam setiap kes adalah sama seperti mana arahan daripada pusat. Walaupun telah berlaku peningkatan dalam kadar upah kebangsaan dalam industri tanaman, tetapi usaha masih dilakukan untuk mewujudkan pertikaian dalam pembayaran gaji pekerja dan mahukan kesatuan mengawal sepenuhnya urusan pekerjaan dan pemberhentian kerja serta menuntut elau tambahan ketika musim daun getah meluruh. Pada musim ini, pekerja terpaksa bercuti dan ini menjelaskan pendapatan mereka kerana pokok kekurangan susu getah. Isu yang diketengahkan juga adalah tentang cuti bergaji pada 1 Mei (cuti hari buruh) yang pelaksanaannya tidak seragam, walaupun perkara tersebut telah diluluskan oleh Majlis Negeri, bagi dilaksanakan oleh Malayan Planting Industries Employers' Association (MPIEA). Oleh itu, isu dan permasalahan tersebut telah dieksplotasikan dengan sepenuhnya oleh komunis seperti yang berlaku di Chan Kang Swee Rubber Estate di Segamat<sup>33</sup> dan Sagil Estate berdekatan dengan Jementah, di utara Johor. Di Chan Kang Swee Rubber Estate, pada akhir Mei 1948, berlaku pertempuran antara pekerja ladang yang bersenjata dengan pasukan polis berkekuatan 80 orang anggota. Peristiwa berlaku setelah pihak pengurusan Eropah yang baharu, telah bertindak memanggil polis untuk

<sup>32</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 42.

<sup>33</sup> *The Straits Times*, 3 Jun 1948, hlm. 1. Lihat juga *The Sunday Times*, 6 Jun 1948, hlm. 1.

mengusir buruh yang keseluruhannya telah diberhentikan kerja.<sup>34</sup> Dalam kejadian itu, lapan orang pekerja ladang tersebut terbunuh, 33 pekerja ditahan, manakala 15 orang daripada mereka cedera dan dihantar ke hospital. Mogok kemudiannya berlaku di Niyor Estate, berhampiran Segamat, dengan melibatkan lebih daripada 20 pekerja ladang terbabit. Keseluruhannya di Negeri Johor pada minggu tersebut, kejadian mogok berlaku melibatkan lebih daripada 20 buah ladang dengan 5,000 pekerja. Akibatnya, polis menahan lebih daripada 100 orang pekerja akibat daripada keganasan mogok yang berlaku. Pada 17 Jun 1948, mogok berlaku melibatkan seramai 200 pekerja, di Senai Estate. Bagaimanapun, mereka kembali bekerja pada keesokannya. Tindakan tersebut telah memberi kesan buruk kepada syarikat dan pemilik ladang, walaupun begitu British menganggap ianya tidak memberi kesan besar kepada negeri tersebut. Ini disebabkan bilangan ladang yang terlibat masih kecil berbanding dengan keseluruhan ladang di negeri itu. Menurut laporan daripada Jabatan Buruh Johor, pengaruh komunis bukan lagi terbatas di kawasan yang dikuasai mereka tetapi terbukti mula mempengaruhi pekerja di kawasan lain, setelah pekerja mula mengikuti arahan yang dikeluarkan oleh parti komunis.<sup>35</sup> Bagaimanapun, suatu ciri mengenai tuntutan yang dibuat oleh pekerja ladang tersebut, setiap kes yang dituntut tidak dikemukakan oleh pemimpin pekerja mereka, tetapi dikemukakan oleh pemimpin komunis yang mengadakan lawatan ke negeri tersebut. Dengan itu adalah nyata objektif utama mereka bertujuan mewujudkan pergolakan dan huru-hara dalam sektor industri getah.<sup>36</sup>

Di Melaka, enam kejadian mogok telah berlaku, salah satunya di Tebolang Estate. Manakala, di Yong Teck Hin Estate, yang terletak di daerah Kesang, seorang penyelia ladang berketurunan Cina cedera ditembak. Bagaimanapun, dalam tempoh tersebut keadaan di Pahang, Kelantan dan Terengganu adalah aman daripada sebarang tindakan

<sup>34</sup> *The Straits Times*, 3 Jun 1948, hlm. 1. Lihat juga *The Sunday Times*, 6 Jun 1948, hlm. 1; *The Straits Times*, 18 Jun 1948, hlm. 8; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

<sup>35</sup> *The Sunday Times*, 6 Jun 1948, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 18 Jun 1948, hlm. 8.

<sup>36</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 42.

mogok disebabkan komunis gagal mempengaruhi para pekerja di negeri tersebut.<sup>37</sup> Sebenarnya, pada bulan Februari 1948, S.S. Awbery dan F.W. Dalley, mantan pegawai kebangsaan bagi Kesatuan Perkeranian Keretapi United Kingdom, telah melawat ke negara ini atas jemputan kerajaan British, dalam usaha mereka untuk mengkaji semula keadaan kerja dan organisasi kesatuan sekerja di Persekutuan Tanah Melayu secara bebas. Mereka menghabiskan selama dua bulan di Tanah Melayu dan mengembara sehingga ribuan batu untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai siasatan mereka. Laporan mengenai kegiatan buruh dan kesatuan sekerja di Tanah Melayu dan Singapura, telah dihantar kepada Setiausaha Negara Tanah Jajahan, termasuklah laporan mengenai kegiatan buruh dan kesatuan sekerja yang berlaku pada Mac 1948. Laporan kedua-dua pegawai berkenaan menunjukkan bahawa sebahagian kesatuan telah dikuasai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Pada 10 Jun 1948, mereka juga mengemukakan suatu rumusan kajian dalam bentuk laporan dan cadangan yang berharga kepada kerajaan. Bagaimanapun, laporan itu hanya diperoleh oleh rakyat ketika negara mula diisytiharkan darurat. Dengan itu, cadangan berharga mereka tidak dapat diketengahkan.<sup>38</sup>

It had been obvious for some time that these were subversive organisation whose policy was dictated by persons whose objective was anything but the welfare of the workers whom they claimed to represent..., it was found that few of the leaders of these bodies had has any experience in the industries whose workers they ostensibly served; some were convicted criminals and in order to maintain their numerous officials and strong-arm squads it appeared to be their policy to effect heterogeneous federation thus securing additional income but rendering more remote the possibility of collective bargaining on a national industrial or occupational basis.<sup>39</sup>

<sup>37</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 42. Lihat juga *The Malay Mail*, 15 Jun 1948, hlm. 5.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Ibid., hlm. 2.

Oleh itu, kerajaan British mengambil beberapa langkah bagi menangani keadaan cemas di Persekutuan Tanah Melayu. Langkah tambahan telah diambil oleh kerajaan British dengan memperkenalkan undang-undang seperti Enakmen Kediaman Terhad, Enakmen Penerbitan Berunsur Hasutan, Enakmen Mesin Cetak dan Enakmen Peraturan Kecemasan. Tujuannya, bagi membolehkan kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang mencabar kekuasaan kerajaan. Tindakan tegas kerajaan British yang dilaksanakan oleh Sir Edward Gent itu turut dibahaskan di Parlimen Britain dan mendapat sokongan daripada Menteri Tanah Jajahan, Lord Listowel dan Setiausaha Tanah Jajahan, Arthur Creech Jones. Tindakan tegas kerajaan itu termasuk mengenakan hukuman mati terhadap mereka yang memiliki senjata api secara haram. Bagaimanapun, W.Gallacher daripada Parti Komunis Great Britain, telah membantah tindakan kerajaan Britain tersebut yang menuduh dan mengaitkan kes-kes pembunuhan yang berlaku di Persekutuan Tanah Melayu dengan kegiatan komunis, dan beliau juga mempersoalkan atas dasar apakah yang membolehkan kerajaan mengharamkam PMFTU.<sup>40</sup>

Berikutan pelbagai ugutan dan ancaman PKM terhadap pemerintahan serta ekonomi negara, maka pada tanggal 31 Mei 1948, kerajaan British mula bertindak balas terhadap tindakan para pekerja yang dipengaruhi oleh komunis melalui kesatuan buruh yang mereka kuasai. Kerajaan dengan segera dan sengaja telah melakukan pindaan terhadap Trade Union Amendment Bill (Undang-Undang Kesatuan Sekerja). Rang undang-undang tersebut diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan, dikenali sebagai Trade Unions Ordinance No. 9 of 1948. Pindaan kepada Rang Undang-Undang itu, membolehkan Pendaftar Kesatuan Sekerja, menolak permohonan pendaftaran

---

<sup>40</sup> *The Straits Times*, 18 Jun 1948, hlm. 3.

PMFTU dan State Federations of Trade Unions (SFTU) yang menjadi kesatuan satelit PMFTU di setiap negeri di Persekutuan yang dikuasai mereka. Kegagalan mematuhi peraturan yang dikuatkuaskan itu bermakna, PMFTU dan kesatuan satelitnya di setiap negeri di Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi pertubuhan yang diharamkan.<sup>41</sup> Pindaan terhadap rang undang-undang Trade Union Ordinance tersebut, menyatakan tentang larangan seseorang daripada memegang jawatan dalam sesebuah kesatuan kecuali jawatan setiausaha, sekiranya belum mencukupi sekurang-kurangnya mempunyai tiga tahun pengalaman dalam bidang industri tersebut dan mereka juga tidak pernah dihukum kerana melakukan jenayah yang serius. Kesatuan sekerja juga diharamkan daripada membentuk gabungan kesatuan di peringkat kebangsaan. Larangan serupa juga melibatkan kesatuan sekerja lain daripada sektor industri atau sektor perkhidmatan lainnya. Cadangan pindaan terhadap rang undang-undang tersebut disokong penuh oleh Federal Labour Advisory Board (Badan Penasihat Buruh Persekutuan). Penguatkuasaan undang-undang tersebut bertujuan mengurangkan dan melemahkan pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja, serta mencegah orang yang terlibat dalam kegiatan pemerasan, ugutan dan jenayah lainnya atau yang seumpamanya daripada memegang jawatan dalam kesatuan.<sup>42</sup> Dengan itu, kepentingan ahli-ahli kesatuan sekerja juga dapat dilindungi daripada kumpulan yang mempunyai kepentingan politik dan juga daripada mereka yang tidak memiliki pengalaman dalam industri atau perniagaan tetapi menjadi pegawai bergaji sepenuh masa dalam kesatuan sekerja.<sup>43</sup>

<sup>41</sup> CO 941/1. Annual Report, 1948, hlm. 11. Lihat juga Annual Report 1948. LAB-TPG: Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 2 dan 12; R.C. TR. 878/1947, Registration of State Federations of Trade Unions, hlm 1A. Lihat juga Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 21; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

<sup>42</sup> Ibid. Lihat juga Annual Report 1948. LAB-TPG: Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 2; R.C. TR. 878/1947, Registration of State Federations of Trade Unions, hlm 1A; Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, *Malaysia The Road to Independence*, hlm. 10. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982, hlm. 41; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 103; Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*, hlm. 28; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

<sup>43</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 21.

Dengan berlakunya pindaan terhadap undang-undang tersebut, pada 14 Jun 1948, kerajaan British telah mengharamkan PMFTU yang beribu pejabat dengan beralamat di tingkat tiga Fung Keong Rubber Building di High Street, Kuala Lumpur. Badan induk kesatuan itu mendakwa mereka memiliki seramai 120,000 ahli.<sup>44</sup> Turut diharamkan, sepuluh buah kesatuan sekerja yang menjadi satelit PMFTU di negeri-negeri persekutuan, iaitu Johor State Federation of Trade Union, Melaka State Federation of Trade Union, Negri Sembilan Federation of Trade Union, Kelantan State Federation of Trade Union, Selangor State Federation of Trade Union, Perak State Federation of Trade Union, Kedah State Federation of Trade Union, West Pahang Federation of Trade Union, East Pahang Federation of Trade Union dan juga Terengganu General Labour Union. Semua kesatuan sekerja tersebut, ternyata dikuasai sepenuhnya oleh komunis. Pada 1948, S. A. Ganapathy, merupakan seorang aktivis komunis PKM telah dilantik menjawat jawatan sebagai Presiden PMFTU, manakala Timbalan Presiden kesatuan disandang oleh Abdullah CD. Dengan pengharaman itu bermakna, PMFTU dan kesatuan sekerja satelitnya juga diarahkan supaya dibubarkan. Poses pembubaran kesatuan tersebut akan dikawal selia oleh Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja, bagi menentukan larangan itu dipatuhi. Dengan itu bermakna, peranan kesatuan sekerja tersebut juga telah berakhir.<sup>45</sup>

Hasil tindakan pantas kerajaan terhadap kesatuan sekerja tersebut, menyebabkan banyak kegiatan komunis yang menghasut kaum buruh dapat dikurangkan dan menggagalkan taktik komunis, PMFTU, serta kesatuan-kesatuan satelitnya di seluruh Persekutuan Tanah Melayu daripada menyusup ke dalam kesatuan sekerja yang telah mereka kuasai, sebaik tamat Perang Dunia Kedua. Tindakan tersebut

<sup>44</sup> *The Straits Times*, 14 June 1948, hlm. 1. Lihat juga *The Straits Times*, 16 Jun 1948, hlm. 12; *The Malay Mail*, 15 Jun 1948, hlm. 5.

<sup>45</sup> Ibid. Lihat juga *The Straits Times*, 16 Jun 1948, hlm. 12; *The Malay Mail*, 14 Jun 1948, hlm. 5.

menyebabkan PMFTU dan kesatuan satelitnya kehilangan banyak dana dan pengaruh mereka terhadap kesatuan dan kegiatan pemogokan. Dengan itu, banyak kejadian keganasan dan mogok yang berlaku sebelum ini mulai pulih dan para pekerja kembali bekerja.<sup>46</sup> Setelah kerajaan mengambil tindakan pantas dengan menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja, ramai pegawai kanan dalam PMFTU termasuk pegawai boneka yang dilantik oleh komunis dalam kebanyakan kesatuan satelit telah meninggalkan jawatan mereka dan menghilangkan diri bersama dana kesatuan mereka.<sup>47</sup> Dengan pengisytiharan undang-undang darurat dan pengharaman ke atas PKM dan NDYL, menyebabkan ramai ketua kumpulan pertubuhan itu kemudiannya telah menghilangkan diri dan ada yang ditahan oleh pihak berkuasa. Kegiatan mogok dan ancaman mogok juga turut berakhir serta-merta. Dengan itu, mulai pertengahan Julai 1948, serta tempoh seterusnya, negara telah bebas daripada sebarang tindakan mogok para pekerja, sama ada di jabatan kerajaan ataupun sektor industri dan perdagangan. Keadaan dalam sektor ekonomi di negeri-negeri Melayu menjadi kembali pulih.<sup>48</sup>

Akibat tindakan kerajaan tersebut, kesatuan sekerja yang dikuasai oleh komunis telah kehilangan pemimpin mereka dan dana wang. Pengaruh komunis dalam sektor buruh menjadi lumpuh. Dengan itu, kegiatan buruh di negeri-negeri Melayu kembali bebas daripada penguasaan komunis. Hasilnya juga, perjanjian persefahaman antara pihak majikan dan pekerja sebelum ini kekal berlangsung tanpa sebarang gangguan. Keadaan itu membuktikan, bahawa semua tindakan mogok yang berlaku pada 1 April

<sup>46</sup> CO 941/1. Annual Report, 1948, hlm. 11. Lihat juga Annual Report 1948. LAB-TPG: Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 2; N.S. Secretariat, 237/1940, ‘The Trade Union Bill, 1940’, hlm 2A; Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, *Malaysia The Road to Independence*, Subang Jaya Selangor: Pelanduk Publication, 2007, hlm. 10. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm. 41; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 103; Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*, hlm. 28; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

<sup>47</sup> Ibid. Lihat juga CO 941/1. Public Record Office Annual Report on Federation of Malaya, 1948, hlm. 182. Lihat juga Hanrahan, Gene Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 104.

<sup>48</sup> Ibid. Lihat juga CO. 941/1. Public Record Office Annual Report on Federation of Malaya, 1948, hlm. 182; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 62.

1948 hingga 16 Julai 1948, adalah dengan arahan kuat daripada komunis PMFTU dan kesatuan satelitnya (State Union Federation) di setiap negeri. Mogok yang berlaku di kebanyakan tempat adalah dengan ugutan atau pengaruh daripada seseorang atau pengaruh kesatuan dan organisasi yang dipengaruhi oleh komunis. Manakala, kesan terhadap pengharaman ke atas kesatuan-kesatuan itu, menjadikan ramai pemimpin utama kesatuan yang tidak diingini bersama pengikut-pengikut mereka telah mengambil tindakan untuk bergerak secara sulit.<sup>49</sup> Dengan gagalnya rancangan tersebut, pihak komunis kemudiannya beralih kepada tindakan lain dengan menggunakan kaedah kekerasan melalui keganasan, ugutan dan pemerasan bagi memulihkan semula pengaruh mereka, sehingga menyebabkan tercetusnya keganasan bersenjata dan pengisytiharan darurat secara berperingkat di Persekutuan Tanah Melayu pada mulai 16 hingga 18 Jun 1948, dan di Singapura pada 23 Jun 1948.<sup>50</sup> Perubahan taktik komunis tersebut telah dijangkakan berikutan meningkatnya tindakan kerajaan mengenakan tindakan hukuman buang negeri sehingga pemimpin komunis terpaksa bergerak secara sulit.<sup>51</sup>

Kekecewaan PKM menjadi lebih jelas, setelah kerajaan British menolak Perlembagaan Rakyat hasil rumusan antara PUTERA-AMCJA yang diajukan dan dikemukakan pada Mac 1947, setelah mereka mengambil pandangan kedua-dua belah pihak iaitu orang Melayu dan bukan Melayu. Tanah Melayu dikenali sebagai “Malaya Bersekutu” dengan digabungkan bersama Singapura, kerakyatan yang sama bagi semua kaum yang lahir di Tanah Melayu, pilihan raya bagi Majlis Negeri, mewujudkan Raja berperlombagaan, membantu orang Melayu, memelihara budaya dan adat resam orang Melayu dan mendirikan kerajaan sendiri dengan segera. Cadangan perlombagaan

<sup>49</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 2 dan 42. Lihat juga Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 104.

<sup>50</sup> CO 941/1. Annual Report 1948, hlm. 11. Lihat juga Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49, hlm. 38;

<sup>51</sup> Ibid., hlm. 182.

tersebut ditolak oleh kerajaan British kerana dianggap sebagai terlalu idealistik dan tidak praktikal. Ia sukar dilaksanakan seperti mana yang dinyatakan oleh Gabenor Malcom MacDonald. Bagaimanapun, PKM sebaliknya menuduh pihak berkuasa British dengan sengaja memaksa rakyat supaya menerima rancangannya untuk mewujudkan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>52</sup> Draf perlembagaan baru bagi penubuhan Persekutuan Tanah Melayu diterbitkan pada Mei 1947, dengan ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dan UMNO. Sebuah perlembagaan negara berbentuk persekutuan dengan keanggotaannya meliputi semua negeri Melayu, tanpa melibatkan Singapura yang kekal berasingan sebagai jajahan mahkota British, manakala kerakyatan adalah terhad.<sup>53</sup> Oleh itu, pada 20 Oktober 1947, Chinese Chambers of Commerce, Federation of Trade Union dan All-Malayan Council of Joint Action (AMCJA) yang didalangi oleh komunis telah melancarkan harta, iaitu satu mogok ekonomi, dengan melibatkan semua urusan perniagaan ditutup selama 24 jam tanpa melibatkan peniaga Eropah iaitu konsep mogok yang dipinjam dari India. Tujuannya mendesak kerajaan British supaya mempertimbangkan semula Perlembagaan Rakyat yang diajukan sebelum itu. Bagaimanapun, usaha itu telah gagal, Perjanjian Persekutuan, tetap ditandatangani pada 21 Januari 1948, antara Raja-raja Melayu dan kerajaan British. Pada 1 Februari 1948, kerajaan British mengisyiharkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu secara rasmi. Bagaimanapun, pihak komunis dan golongan parti berhaluan kiri menentang keras keputusan kerajaan British tersebut.<sup>54</sup> Dengan kegagalan gabungan PUTERA-AMCJA bagi menuntut hak perlembagaan yang dicadangkan itu, ianya menjadi suatu tamparan hebat kepada PKM. Ini bererti, peluang PKM untuk mencapai matlamat politik bagi

<sup>52</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 64. Lihat juga Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaya*, hlm. 269; Khong Kim Hoong, *Merdeka; British Rule And The Struggle for Independence in Malaya*, hlm. 164-166; Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 71.

<sup>53</sup> C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 231.

<sup>54</sup> CO 941/1. Annual Report 1948, hlm. 3. Lihat juga Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 197; C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, hlm. 231; Collin Abraham, "The Finest Hour" *The Malaysian-MCP Peace Accord in Perspective*, hlm. 159; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British' dalam *Malaysia dari segi Sejarah*, bil. 40-2012, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2012, hlm. 20; Abdullah Zakaria Ghazali, 'Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British' *Malaysia dari segi Sejarah*, hlm. 20.

menubuhkan kerajaan telah tertutup.<sup>55</sup> Pada hari Isnin, tanggal 1 Februari 1948, pihak berkuasa British dengan rasminya mengisyiharkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Dengan pengisytiharan itu, parti berhaluan kiri dan komunis telah mengadakan perarakan besar-besaran pada bulan April dan 1 Mei 1948, bagi membantah keputusan kerajaan British tersebut. Bagaimanapun, British segera mengambil tindakan tegas terhadap tindakan golongan pekerja tersebut. Ramai daripada kalangan mereka telah ditangkap.<sup>56</sup> Dengan situasi tersebut, pada Mei 1948, PKM dan golongan parti berhaluan kiri, telah membuat satu kesimpulan bahawa perjuangan secara berperlembagaan mereka bagi menuntut kemerdekaan telah tertutup. Oleh itu, PKM hanya mempunyai dua pilihan sahaja, sama ada melihat perjuangan mereka berakhir begitu sahaja ataupun meneruskan perjuangan melalui pemberontakan secara bersenjata menentang kerajaan kolonial British.<sup>57</sup> Setelah rancangan fasa pertama PKM menemui kegagalan, disebabkan keengganan buruh secara keseluruhan untuk menerima pakai idea dan kaedah komunis serta tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan terhadap pemimpin mereka yang bertanggungjawab dalam menganjurkan mogok. Dengan itu, fasa kedua perjuangan PKM bermula. Pemimpin komunis, pegawai kesatuan sekerja masuk ke hutan, mengangkat senjata melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan.<sup>58</sup>

## Strategi Peperangan PKM

Dengan kegagalan Lai Tek hadir dalam perhimpunan mesyuarat Jawatankuasa Pusat PKM pada 6 Mac 1947, di Kuala Lumpur<sup>59</sup> dan beliau juga turut dituduh mengkhianati perjuangan PKM, setelah dituduh menjadi ‘triple agents’ kepada beberapa negara

<sup>55</sup> Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963.)*, hlm. 313.

<sup>56</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 201.

<sup>57</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 68-69. Lihat juga Abdullah C.D, Memoir Abdullah C.D, *Zaman Pergerakan Sehingga 1948*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2005, hlm. 266; Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 201; Tan Cheng Keang, ‘Pemberontakan PKM: Mengapa Berlaku?’ dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, *Darurat 1948-1960*, hlm. 40.

<sup>58</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG: Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 35.

<sup>59</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 182. Lihat juga C.C. Chin dan Karl Hack (edited), *Dialogues With Chin Peng: New Light on The Malayan Communist Party*, hlm. 12.

musuh asing. Lai Tek pernah dituduh menjadi ajen perisikan Perancis ketika beliau berkhidmat di IndoChina. Beliau juga dituduh sebagai ejen perisikan tentera Jepun di Tanah Melayu dengan mengkhianati ramai ahli parti kepada Kempeitai (polis rahsia Jepun), terutamanya ahli jawatankuasa pusat PKM di Singapura. Akibatnya, ramai daripada kalangan mereka ditangkap oleh Jepun. Beliau juga dituduh menyebabkan berlakunya pembunuhan 13 orang anggota Jawatankuasa Pusat PKM di Batu Cave, Selangor, sewaktu pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1942. Malahan, ketika pendudukan semula kuasa British di Tanah Melayu, beliau sekali lagi dituduh bekerjasama dengan kolonial British dan mengkhianati PKM.<sup>60</sup> Lai Tek dituduh melarikan bersama sejumlah besar wang parti iaitu berjumlah antara satu hingga dua juta dolar. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar ahli jawatankuasa pusat PKM berasa sangat kecewa. Setahun selepas kehilangan Lai Tek, Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM telah bermesyuarat pada 17-20 Mac 1948, dan memutuskan untuk menerima dasar perjuangan bersenjata menentang kerajaan British, bagi mencapai matlamat terakhir politik mereka. Chin Peng daripada golongan muda dengan menyertai parti lapan tahun sebelum itu, telah dilantik sebagai Setiausaha Agong PKM yang baru pada Mei 1947. Beliau menerima gesaan tersebut dan segera menukar dasar perjuangan komunis PKM daripada berjuang secara aman seperti mana di bawah kepimpinan Lai Teck kepada perjuangan secara kekerasan bersenjata bagi menentang kerajaan kolonial British.<sup>61</sup> Melalui perancangan tersebut, PKM membentuk satu strategi baru bagi menentang pemerintahan British di Tanah Melayu berdasarkan model yang digunakan oleh Parti Komunis China (PKC) di bawah pimpinan Mao Tze Tung,

<sup>60</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 169. Lihat juga Hanrahan Gene. Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 107; Ian Trenowden, *Malayan Operations Most Secret-Force 136*, 1983, hlm. 152 dan 153; J.H. Brimell, *A Short History of the Malayan Communist Party*, hlm. 14 dan 18; Richard Clutterbuck, *The Long Long War: The Emergency in Malaya, 1948-1960*, hlm. 18; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 63; Brian Moynahan, *Jungle Soldier*, London: Quercus, hlm. 233.

<sup>61</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm.181-182. Lihat juga C.C. Chin and Karl Hack (edt.), *Dialogues With Chin Peng: New Light on the Malayan Communist Party*, hlm. 126; Richard Stubbs, *Hearts and Mind in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 60-61. Lihat juga, J.J. Raj, Jr, *The War Years and After*, hlm. 88; Peter Dennis and Jeffry Grey, *Emergency and Confrontation: Australian Military Operation in Malaya and Borneo 1950-1966*, hlm. 10.

setelah mereka berjaya dalam perjuangan menentang Kuomintang dalam peperangan di negara tersebut. Pelan strategi Mao Tze Tung tersebut dapat dilihat dalam ‘Strategic Problem of China’s Revolutionary Wars’ yang pertama kali diterbitkan pada 1936. Strategi peperangan secara pemberontakan itu akan digunakan bagi mengusir imperialis British yang cuba mengekalkan penguasaan di Tanah Melayu dan seterusnya akan membentuk sebuah negara Republik Demokratik Rakyat Malaya.<sup>62</sup>

Dengan keluarnya doktrin dan arahan taktikal tersebut, PKM mula melancarkan perang terhadap British. Gelombang keganasan bermula pada awal Jun 1948. Pengurus ladang berbangsa Eropah dibunuhi, serangan dan serbuan bersenjata dilakukan ke atas balai polis dan pasukan keselamatan serta sistem komunikasi.<sup>63</sup> Strategi rancangan PKM melibatkan tiga fasa. Fasa pertama dengan melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu melalui serangan ke atas kawasan ladang dan lombong yang kebanyakannya terletak di kawasan pinggir hutan. Fasa kedua menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan yang dibebaskan dan diletakkan di bawah kawalan komunis. Fasa ketiga dengan membentuk tentera pembebasan yang akan menghubungkan kawasan yang dibebaskan itu, sehingga komunis menguasai keseluruhan Tanah Melayu.<sup>64</sup> Bagi mencapai matlamat tersebut, PKM menyusun strategi secara terancang dengan melakukan hasutan terhadap pekerja dan melancarkan pemberontakan terhadap kerajaan British. Semua kemudahan dan kepentingan British seperti ladang getah, kilang, lombong bijih timah, peralatan mesin, rumah kediaman pengurus ladang, kemudahan tempat tinggal pekerja akan dirosak atau dibakar. Komunis juga akan

<sup>62</sup> Gene. Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 109. Lihat juga J.M. Gullick. *Malaya*, (Second Edition), hlm. 97; John A. Nagl, *Counterinsurgency Lesson From Malaya and Vietnam*, hlm. 63; J.J. Raj, Jr. *The War Years and After*, hlm. 89; Stenson M.R., *Depression and Revolt: The Origin of the 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore*, Ohio University, Center for International Studies Papers in International Studies Southeast Asia Series No. 10, 1969, hlm. 29; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 45.

<sup>63</sup> Ibid., hlm. 111 dan 112.

<sup>64</sup> FO 371/69698. Not by the War Office on The Military Situation in Malaya, hlm. 1. Lihat juga J.M. Gullick. *Malaya*, (Second Edition), hlm. 97; Hanrahan Gene. Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 109; J.J. Raj, Jr. *The War Years and After*, hlm. 89; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 45.

menyerang dan membunuh pemimpin tempatan daripada kalangan orang Cina, India dan Melayu, terutamanya mereka yang terdiri daripada pengurus ladang getah dan lombong bijih timah, khususnya mereka yang berbangsa Eropah dan pemimpin-pemimpin tempatan Cina Kuomintang. Dengan itu, kawasan yang dibebaskan itu kemudiannya akan diisytiharkannya sebagai satu kawasan bebas dan diletakkan di bawah pengaruh komunis.<sup>65</sup> Dalam menjayakan strategi tersebut, PKM menjadikan sasaran utama mereka merupakan pengurus dan pegawai kanan British dan Eropah yang berkhidmat di kawasan ladang dan lombong bijih timah, serta pegawai perkhidmatan awam British serta kakitangan awam tempatan yang berkhidmat di Tanah Melayu. Berikutan dengan arahan dan strategi tersebut, beberapa siri serangan dan pembunuhan ke atas peladang Inggeris dan Eropah, berlaku di negeri Perak dan Johor.<sup>66</sup>

A key theme of MCP propaganda in the early emergency was to be that the British used tactics the Japanese began to employ from this point on, with widespread arrest, hooded informer, local auxiliaries and the burning of house.<sup>67</sup>

Dengan strategi keganasan komunis itu menyebabkan pengurus ladang dan lombong berketurunan Eropah akan segera meninggalkan kawasan berkenaan. Tanpa sumber pengeluaran dan pendapatan utama ekonomi negara, iaitu getah dan bijih timah, British dijangkakan akan segera keluar dari negara ini dan ketika itu pemerintahan negara akan diambil alih oleh komunis.<sup>68</sup> Berdasarkan Persidangan Ke-5, Comintern yang bertemakan *Regarding Decision on Struggle Strategy*, arahan telah dikeluarkan mengenai tindakan yang perlu diambil terhadap penjajah kapitalis:

<sup>65</sup> FO 371/69698. Not by the War Office on The Military Situation in Malaya, hlm. 1. Lihat juga J.J. Raj, Jr. *The War Years and After*, hlm. 89.

<sup>66</sup> Ibid. J.M. Gullick. *Malaya*, (second edison), hlm. 96-97. Lihat juga Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 41.

<sup>67</sup> C.C. Chin dan Karl Hack, *Dialogues With Chin Peng: 'New Light On The Malayan Communist Party'*, hlm. 8.

<sup>68</sup> John A. Nagl, *Counterinsurgency Lesson From Malaya and Vietnam*. hlm. 63.

Therefore warned when using the tool of violent destruction of enemy production, natural resources or commodities, consideration would be given to the workers support (to be carried out only when workers participate spontaneously or express sympathy) the repercussions on the livelihood...of the general masses (mainly the workers and peasants) and politic.<sup>69</sup>

Manakala, kawasan yang telah dibebaskan akan dihubungkan dengan kawasan pangkalan utama PKM. Dalam tempoh berkenaan pengambilan rekrut baru dan latihan diteruskan sehingga strategi fasa ketiga akan digunakan oleh PKM sekiranya British masih enggan keluar daripada Persekutuan Tanah Melayu. Pada peringkat ini peperangan secara konvensional akan dilakukan untuk mengusir keluar British sehingga kuasa tersebut berasa bosan disebabkan terpaksa menanggung banyak perbelanjaan dan kerugian akibat serangan komunis.<sup>70</sup>

Pada dasarnya, penentangan PKM terhadap kerajaan kolonial British bermula sejak awal Mac 1948. Bagaimanapun, perancangan yang disusun ditetapkan kepada dua peringkat. Peringkat pertama bermula pada bulan April 1948, dengan melakukan kekacauan dalam industri dan melakukan pembakaran yang disengajakan serta pembunuhan bagi mengukuhkan tindakan mereka. Oleh itu, sepanjang tahun 1948, terutamanya tempoh enam bulan pertama tahun tersebut, negara dipenuhi dengan suasana tegang oleh tindakan mogok oleh kesatuan perdagangan yang didominasikan oleh PKM, melalui badan induk kesatuan sekerja di Tanah Melayu iaitu Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU) dan kesatuan satelitnya di setiap negeri di Persekutuan.<sup>71</sup> Manakala, enam bulan terakhir tahun tersebut bermula pada awal Jun 1948, merupakan kesan pengisytiharan undang-undang darurat dan pemberontakan

<sup>69</sup> John A. Nagl, *Counterinsurgency Lesson From Malaya and Vietnam*. hlm. 64..

<sup>70</sup> Ibid., hlm. 63 dan 64.

<sup>71</sup> *The Straits Times*, 5 Ogos 1948, hlm. 5.

bersenjata komunis terhadap kerajaan British serta berakhirnya PMFTU dan cawangan satelitnya di setiap negeri di Persekutuan Tanah Melayu.<sup>72</sup>

### Pemberontakan PKM

Bagi PKM, Persidangan Asia di New Delhi pada tahun 1946, telah digunakan untuk mengumpul kekuatan dan sokongan untuk menentang imperialisme dan kolonialisme, bagi maksud mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>73</sup> Berdasarkan dua persidangan komunis di Calcutta, India, iaitu Persidangan Belia Asia Tenggara pada Februari 1948, dan Kongres Ke-2 Parti Komunis India pada Februari-Mac 1948, persidangan tersebut telah menyatakan perlunya parti-parti komunis di seluruh dunia agar mengambil tindakan lebih militan terhadap penjajah.<sup>74</sup> Dengan itu, persidangan tersebut telah membuka jalan kepada PKM untuk berjuang secara kekerasan menggunakan bersenjata menentang pemerintahan British. Lawrence Sharkey, Presiden Parti Komunis Australia telah memaklumkan arahan hasil Persidangan di Calcutta, India, kepada PKM agar melakukan pemberontakan pemerintah.<sup>75</sup> Dengan itu, adalah jelas bahawa arahan pemberontakan bersenjata PKM di Tanah Melayu adalah arahan yang diterima daripada komunis antarabangsa. Taktik yang sama juga digunakan seperti negara-negara Asia Tenggara yang lain.<sup>76</sup>

Pada Februari 1948, pasukan gerila bersenjata PKM telah ditukar nama kepada Malayan National Liberation Army (MNLA). Manakala, berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Pusat PKM pada Mei 1948, Chin Peng mengeluarkan arahan berdasarkan resolusi yang dicapai, supaya semua pemimpin PKM peringkat tempatan membuat

<sup>72</sup> *The Straits Times*, 5 Ogos 1948, hlm. 5. Lihat juga, Annual Report 1948. LAB-TPG 2-49, hlm. 10.

<sup>73</sup> Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, hlm. 63.

<sup>74</sup> N.E. Balaram, *A Short History of The Communist Party of India*, hlm. 50. Lihat juga Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963.)*, hlm. 313; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 26.

<sup>75</sup> John A. Nagl, *Counterinsurgency: Lesson From Malaya and Vietnam*, hlm. 62 dan 63.

<sup>76</sup> D.M.S. (F.M.), Conf. 31/1948. State of Emergency due of Communist Campaign of Terrorism in Malaya, hlm. 1.

persediaan segera bagi memulakan perjuangan bersenjata mereka.<sup>77</sup> Bagaimanapun, sebelum proses persediaan itu berjalan dengan sempurna, sebahagian pemimpin cawangan PKM telah mengambil tindakan terlebih dahulu dengan memulakan penentangan bersenjata mereka.<sup>78</sup> Dengan itu, bermulalah keganasan PKM. PKM mula menyerang dan mereka yang dijadikan sasaran, terutamanya pengurus ladang British dan Eropah, pegawai perkhidmatan awam daripada kalangan penduduk tempatan dan orang Inggeris, termasuk juga pekerja ladang yang enggan memberi sokongan kepada kegiatan komunis serta mereka yang memberi maklumat kegiatan komunis kepada pasukan keselamatan.<sup>79</sup> Mereka yang menjadi mangsa pembunuhan komunis termasuklah pengurus Kilang Getah Gee Seng, beliau berketurunan Cina, telah dibunuh, disebabkan tidak bersikap mesra kepada aktiviti komunis di kilang miliknya. Di Subur Estate, Taiping, Pengurus ladang melakukan prosiding mahkamah bagi pengusiran terhadap beberapa orang penoreh getah berketurunan Cina yang melancarkan mogok. Bagaimanapun, mereka enggan meninggalkan ladang. Tindakan tersebut menyebabkan para pekerja tersebut telah ditangkap dan dihantar ke penjara kerana didapati menghina mahkamah. Sewaktu pengisytiharan darurat pengurus tersebut telah dibunuh.<sup>80</sup>

Pada akhir Mei 1948, situasi menjadi semakin merosot di Sungai Siput, sehingga kerajaan terpaksa menghantar pasukan polis dan tentera untuk melindungi nyawa dan harta benda ke kawasan tersebut. PKM didapati mengugut kontraktor Cina dan pekerja yang enggan menurut kehendak parti. Keadaan yang sama berlaku di Lima Blas Estate dan Klapa Bali Estate di Slim River, dua ladang pengeluar utama hasil getah dan

<sup>77</sup> Richard Stubbs, *Heards and Mind in Guerrilla Warfare; The Malayan Emergency 1948-1960*, hlm. 6. Lihat juga keterangan J.J. Raj, Jr. *The War Years and After*, hlm. 88.

<sup>78</sup> J.J. Raj, Jr. *The War Years and After*, hlm. 89.

<sup>79</sup> Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 41.

<sup>80</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49, hlm. 38. Lihat juga *The Malay Mail*, 17 Jun 1948, hlm. 3.

minyak sawit. Sepasukan besar anggota polis dihantar ke kawasan tersebut. Tindakan secara paksaan diambil bagi menyelesaikan mogok pekerja India yang dihasut oleh komunis. Pihak berkuasa bertindak mengusir keluar semua pekerja India sehingga mereka terpaksa berkhemah di kampung berdekatan. Manakala pemimpin buruh mereka telah ditahan. Pada tanggal 4 Jun 1948, sebanyak 29 buah ladang di seluruh negeri di Persekutuan telah mengadakan mogok protes selama satu hari terhadap penahanan pemimpin kesatuan tersebut. Pada 11 Jun 1948, beberapa mogok tambahan terus berlaku di Elphil Estate, Phin Soon Estate, dan Lintang Estate, semuanya bertempat di Sungai Siput.<sup>81</sup> Dengan itu, laporan mengenai ancaman bunuh yang diterima itu telah dibuat oleh Incorporated Society of Planters (ISP) ketika pertemuan diadakan dengan Pesuruhjaya Tinggi, Sir Edward Gent.<sup>82</sup> Pada 16 Jun 1948, di Sungai Siput Perak, pada pukul 8.30 pagi, sekumpulan tiga daripada dua belas orang pengganas komunis bersenjatakan stan gun dan pistol telah menembak mati Arthur E. Walker, iaitu seorang pengurus ladang berbangsa Inggeris di Elphil Estate. Beliau merupakan salah seorang pengurus kanan dalam Harrison and Crosfield Group. Kemudian, diikuti dengan pembunuhan ke atas seorang lagi pengurus ladang berbangsa Inggeris, John Allison serta penolong pengurusnya Ian D. Christison. D. Christison adalah mantan kapten pasukan Gurkha Rifles dan pernah berkhidmat di Pulau Jawa dan Sumatera, Indonesia dalam operasi Tentera Bersekutu di negara tersebut. Beliau baharu sahaja sebulan menamatkan perkhidmatan dalam pasukan tersebut. Kejadian berlaku di Phin Soon Estate (Sungai Siput Rubber Estate?) yang terletak 23 km daripada tempat kejadian pembunuhan pertama, oleh sekumpulan 12 orang gerila komunis yang sama. Manakala di Johor, Ernest Vaughan Dabb, seorang pengurus di Idris Hydrolic Tin Ltd, telah dibunuh. Polis turut memperoleh maklumat, usaha untuk membunuh penolong

<sup>81</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49, hlm. 38. Lihat juga *The Malay Mail*, 17 Jun 1948, hlm. 3.

<sup>82</sup> *The Malay Mail*, 17 Jun 1948, hlm. 5.

pengurus Consolidated Eastern Plantation di Renggam, Johor. Di negeri tersebut, tiga orang pengurus ladang Cina juga telah mati dibunuhi.<sup>83</sup> Dengan berlakunya peristiwa serangan dan pembunuhan terhadap pengurus ladang berbangsa Eropah tersebut, kerajaan British telah mengambil tindakan segera melalui pengisytiharkan Undang-Undang Darurat.<sup>84</sup> Pada 16 Jun 1948, Undang-Undang Darurat diisytiharkan di kawasan Ipoh dan Sungai Siput di Perak dan daerah Kluang, Muar, Kulai, serta Plentong di Johor. Pada keesokannya, 17 Jun 1948, Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan dengan meliputi keseluruhan kedua-dua negeri tersebut (Perak dan Johor). Pada 18 Jun 1948, Undang-Undang Darurat telah dikuatkuasakan untuk keseluruhan Persekutuan Tanah Melayu bagi menangani pemberontakan bersenjata PKM secara menyeluruh. Manakala, Undang-Undang Darurat diisytiharkan di Singapura, lima hari kemudiannya, 23 Jun 1948.<sup>85</sup>

Dengan pengisytiharan Undang-Undang Darurat tersebut, bersamaan 23 Julai 1948, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu yang baru dilantik, Sir Alexander Theodore Newboult,<sup>86</sup> bagi mengantikan Sir Gerard Edward James Gent (Sir Edward James) setelah beliau pulang ke United Kingdom untuk berunding dengan Setiausaha Tanah Jajahan. Sebaik sahaja menerima nasihat daripada Majlis Eksekutif, Sir Alexander Theodore Newboult telah mengisytiharkan bahawa PKM yang menjadi

<sup>83</sup> Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49, hlm. 38. Lihat juga Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 214; *The Sunday Mail*, 2 Januari 1949, hlm. 1; *The Malay Mail*, 10 dan 16 Jun 1948; J.J. Raj, JR. *The War Years and After*, hlm. 89-90; C.C. Chin dan Karl Hack, *Dialogues With Chin Peng: 'New Light On The Malayan Communist Party'* hlm. 116; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 27; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 151.

<sup>84</sup> Diisytiharkan Undang-Undang Darurat di bawah B.M.A (Essential Regulation) Proclamation. Antaranya peraturan yang memberi kuasa yang lebih kepada kerajaan untuk mengenakan hukuman berat ke atas penganas, termasuk hukuman mati kepada sesiapa yang membawa senjata api. Rujuk CO 941/1 Annual Report 1948, hlm. 109.

<sup>85</sup> Annual Report 1948, LAB-TPG. 2-49, Annual Report of the Labour Department for the Year 1948; hlm. 13. Lihat juga Suriani Abdullah, *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, Nan Dao Publisher: Hong Kong, 1999, hlm. 21; Peter Dennis and Jeffrey Grey, *Emergency and Confrontation*, hlm. 10; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 27-28 dan 53; Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 112; Ho Hui Ling, 'Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960'. Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme Ke Arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm. 15.

<sup>86</sup> Beliau juga dilantik untuk tempoh sementara menggantikan Sir Gerard Edward James Gent (Sir Edward Gent) yang kemudiannya terbunuh dalam kemalangan udara pada 4 Julai 1948, ketika pulang ke United Kingdom untuk berunding dengan Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, sebelum Sir Henry Lovell Goldworthy Gurney (Sir Henry Gurney) dilantik secara rasmi memegang jawatan tersebut pada 6 Oktober 1948.

dalang utama pemberontakan bersenjata dan keganasan, serta beberapa badan gabungannya, seperti MPAJA Ex-Comrades Association, kerana didapati membekalkan gerila dan senjata kepada PKM, telah diharamkan. Pengharaman itu dilakukan atas kesalahan pertubuhan tersebut terlibat dalam kegiatan keganasan dan pembunuhan dengan tujuan menjatuhkan kerajaan. Manakala, New Democratic Youth League dan beberapa parti Melayu berhaluan kiri lainnya, seperti Angkatan Pemuda Insaf (API),<sup>87</sup> Pembela Tanah Air (PETA),<sup>88</sup> Angkatan Wanita Sedar (AWAS),<sup>89</sup> PKMM,<sup>90</sup> dan Hizbul Muslimin, turut diharamkan oleh kerajaan British kerana pertubuhan berkenaan dikatakan mempunyai kaitan dengan kegiatan PKM. Premis mereka turut digeledah dan ahli-ahli mereka yang tidak mlarikan diri ditahan.<sup>91</sup> Lanjutan daripada pengisyiharan darurat itu, pada 20 Jun 1948, dan 21 Jun 1948, pihak berkuasa British membuat pengeledahan bersepada secara besar-besaran di seluruh negara terhadap tempat yang disyaki menjadi lokasi persembunyian anggota komunis terutamanya kawasan rumah, ladang, lombong dan pejabat.<sup>92</sup> Ramai anggota PKM, termasuk juga tokoh politik nasionalis berhaluan kiri ditangkap dan mereka dihukum penjara.<sup>93</sup> Antara anggota PKM yang ditahan dan dipenjarakan ialah Rashid Maidin, Kamarulzaman Teh, Mahmud bin Baginda dan Samsuddin bin Salleh serta turut sama lima puluh orang lagi anggota PKMM dan API.<sup>94</sup> Sehubungan itu, pada 20 Jun 1948,

<sup>87</sup> Dipimpin oleh Ishak Haji Muhammad.

<sup>88</sup> Dipimpin oleh Wahi Anuar, seorang aktivis komunis. Rujuk, *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 27.

<sup>89</sup> *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, hlm. 25.

<sup>90</sup> Dalam Kongres Ke-3 PKMM, di Singapura, Ahmad Boestamam telah mengambil alih jawatan Presiden PKMM daripada Dr. Burhanuddin al Helmy, secara tanpa bertanding setelah dipersekutui dengan sebulat suara daripada perwakilan kongres, setelah Dr. Burhanuddin dikatakan bersifat kurang revolusiner. Naib Presiden disandang oleh Taha Talu dan Dr.Burhanuddin dilantik sebagai penasihat. Lihat *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, hlm. 24 dan 30.

<sup>91</sup> Annual Report 1948, LAB-TPG. 2-49, Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 2. Lihat juga Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 13 dan 14, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948; *The Straits Times*, Singapore, 24 Julai 1948, hlm. 1; Ho Hui Ling, 'Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960'. Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme Ke Arahan Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm.16; Peter Dennis and Jeffry Grey, *Emergency and Confrontation: Australian Military Operation in Malaya and Borneo, 1950-1966*, hlm. 5; Andaya Watson Barbara dan Leonard Y. Andaya *A History of Malaya*, hlm. 258; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*, hlm. 151.

<sup>92</sup> Chin Peng, *My Side of History*, hlm. 221. Lihat juga Suriani Abdullah, *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, hlm. 21; Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples' Independence Struggle*, hlm. 63

<sup>93</sup> Suriani Abdullah, *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, hlm. 21.

<sup>94</sup> Ibid., hlm. 32-33. Lihat juga Buletin, Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 22, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948; Antaranya Ishak Haji Muhammad (Ahmad Boestamam), ketua PKMM. Beliau ditangkap dan ditahan oleh kerajaan British kerana dituduh berkerjasama dengan komunis untuk menggulingkan

PKM telah bertindak balas dengan mengisyiharkan perang terhadap kerajaan British di Persekutuan Tanah Melayu.<sup>95</sup>

Bagaimanapun, kerajaan Britain memaklumkan bahawa pengisytiharan perang PKM terhadap pemerintahan kerajaan British di Tanah Melayu telah pun bermula sejak Mei 1948. Ini berikutan dengan berlakunya beberapa siri pembunuhan dan ugutan pembunuhan berlaku hampir setiap hari terhadap pengurus dan kaki tangan ladang berbangsa Eropah dan Asia berketurunan Cina. Peningkatan ancaman komunis juga berlaku melalui tuntutan buruh ladang yang tidak berpuas hati di seluruh negara, terutamanya di Perak dan Johor. Gerila Cina MPAJA dahulunya menentang Jepun, kini beralih menentang British. Komunis juga telah memiliki akhbar harian mereka Min Sheng Pau, yang dibeli sejak 1 Jun 1948, dengan beribu pejabat di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Akhbar berkenaan didapati menggalakkan keganasan dan melakukan serangan ke atas orang Eropah. Kemasukan penjahat Cina yang dihantar ke Tanah Melayu dari Bangkok melalui sempadan antara kedua-dua negara adalah sukar dikawal serta penentangan komunis ke atas kerajaan British telah pun dilakukan secara terbuka. Semua keadaan yang berlaku bermula setelah kalahnya komunis di Jerman dan Itali. Dengan itu, Soviet Rusia mula menumpukan perhatiannya ke Asia Timur terutamanya bagi mengordinasikan parti-parti komunis di kawasan Asia Tenggara dengan membuka kedutaannya di Bangkok.<sup>96</sup> Berikutan dengan pengisytiharan Undang-Undang Darurat itu, GOC yang baharu dilantik, Mejaz General A.C. Bauchen, telah

---

kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (British) melalui kekerasan. Lihat BMA. SCAO., 60-1945, Party Kebangsaan Melayu Sa-Malaya, hlm.2; Malayan Union No.4290/1947. Che Mahmud bin Baginda, Ex Overseer P.W.D., Kuala Lipis. Surat The Federal Treasury, Kuala Lumpur kepada The Deputy Chief Secretary, Federation of Malaya, Kuala Lumpur. Che Mahmud bin Baginda telah ditahan di bawah Undang-Undang Darurat, di Kem Tahanan, Melaka; Ramlah Adam, Ahmad Boestamam; *Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 208, 210 dan 217; Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan dan Tokoh Kiri; Kamarulzaman Teh dalam Kancan Perjuangan Kemerdekaan*, Petaling Jaya Malaysia: SIRD, 2006, hlm. 135.

<sup>95</sup> Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, hlm. 133. Lihat dalam *New Straits Times*, Singapore, 19 Jun 1948.

<sup>96</sup> *The Straits Times*, 19 Jun 1948, hlm. 12. Lihat juga Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 16, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948. Lihat juga Amran Zakir Saad, ‘Security Intelligence Organisation in the Far East (S.I.F.E): Kajian Awal Peranannya di Tanah Melayu, 1946-1949’, dalam *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 40-2012, hlm. 64.

mengadakan taklimat khas sulit kepada wakil UPAM dan MPIEA di Kuala Lumpur, pada 29 Jun 1948, mengenai situasi darurat tersebut.<sup>97</sup> Bagaimanapun, fasa keganasan komunis sebenarnya dianggap bermula sebelum terjadinya beberapa peristiwa pembunuhan tersebut.<sup>98</sup> Komunis berharap dengan pembunuhan tiga pengusaha ladang berketurunan Eropah di Jalan Lintang berhampiran Sungai Siput dan tiga pelombong Eropah, diikuti dengan pembunuhan beberapa orang kontraktor buruh Cina menyebabkan pengusaha ladang dan pelombong akan meninggalkan ladang dan lombong kepunyaan mereka, serta tenaga pekerja mereka. Kawasan tersebut kemudiannya akan dikuasai oleh komunis. Bagaimanapun, ternyata komunis gagal sepenuhnya dalam mencapai objektif mereka tersebut.<sup>99</sup>

Di bawah kuasa Undang-Undang Darurat, pihak polis diberi kuasa yang lebih luas untuk menahan dan menangkap serta membuat serbuan terhadap premis kesatuan dan aktivis politik.<sup>100</sup> Tujuan penguatkuasaan Undang-Undang Darurat tersebut bagi mengawal keadaan yang tidak stabil, kekacauan dan keganasan bersenjata yang dicetuskan oleh PKM dalam usaha mereka melemah dan menjelaskan pentadbiran dan sosio ekonomi di Tanah Melayu sehingga rakyat hilang keyakinan terhadap pentadbiran British. Matlamatnya bagi membolehkan komunis mengambil alih pemerintahan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>101</sup> Selepas pengharaman ke atas PKM, ramai pemimpin parti tersebut telah bertindak menghilangkan diri sama ada ditahan oleh pihak berkuasa atau terbunuh dalam operasi yang dilancarkan oleh kerajaan. Terdapat

<sup>97</sup> *The Malay Mail*, 30 Jun 1948, hlm. 4.

<sup>98</sup> Annual Report 1948, LAB-TPG. 2-49, Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 38 dan 39. Lihat juga CO. 941/1. Annual Report, 1948, hlm 11; Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, hlm. 27-28 dan 53; Hanrahan, Gene Z, *The Communist Struggle in Malaya*, hlm. 112; Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM.), di Tanah Melayu, 1930-1960’. Kertas Kerja, Seminar Sepagi Komunikasi Komunisme Ke Arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, hlm. 15. Di Singapura Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan pada 23hb. Jun 1948.

<sup>99</sup> Annual Report 1948, LAB-TPG. 2-49, Annual Report of the Labour Department for the Year 1948, hlm. 39.

<sup>100</sup> Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples’ Independence Struggle*, hlm. 63.

<sup>101</sup> Ho Hui Ling, ‘Pendaftaran Kebangsaan dan Penggunaan Kad Pengenalan: Usaha Kerajaan Dalam Menangani Masalah Komunis di Tanah Melayu Pada Zaman Darurat dan Reaksi Komunis’, *Malaysia dari Segi Sejarah*, bil. 34, 2006, hlm. 103.

juga dalam kalangan mereka yang bersembunyi di dalam hutan.<sup>102</sup> Dengan Pengisytiharan Undang-Undang Darurat tersebut, PKM mula bertindak dengan menyerang pasukan keselamatan kerajaan, membunuh orang awam yang menyalurkan maklumat kegiatan komunis kepada pasukan keselamatan, menyerang kampung, ladang getah, lombong, dan balai polis.<sup>103</sup> Di Melaka, pada 12 Julai 1948, komunis menyerang Devan Estate dan Semantan Estate, menyebabkan seorang kontraktor dan pekerja janya terbunuh, manakala beberapa pekerja janya yang lain telah cedera. Sebuah bangunan, peralatan dalam bangunan dan jentera yang dimiliki turut dimusnahkan.<sup>104</sup> Komunis turut mula menyerang dan membunuh pemimpin KMT di beberapa buah perkampungan dan daerah.<sup>105</sup> Pada tarikh yang sama pada 12 Julai 1948, berlaku kejadian mogok yang didalangi oleh PKM di lombong Batu Arang, Selangor, sehingga menyebabkan berlaku kerosakan peralatan lombong dan kehilangan bahan letupan. Dalam peristiwa tersebut lima orang berketurunan Cina terbunuh.<sup>106</sup>

Pada tanggal 21 Julai 1948, dianggarkan seramai 50 orang pemberontak bersenjata PKM menyerbu Elphil Estate di Sungai Siput dan membakar setor simpanan getah dan bangsal pengeringan getah. Setor simpanan getah tersebut mengandungi kira-kira 15 tan getah siap untuk dieksport, manakala di bangsal pengeringan getah terdapat antara 40,000 hingga 45,000 lbs (paun) getah yang sedia untuk dieksport. Pada waktu yang sama, sekumpulan lain anggota komunis menyerbu dan membakar pusat pembungkusan getah dan gudang yang terdapat di Cheil Estate dan Mobe Estate di Sungai Siput. Dalam kejadian tersebut kumpulan tersebut telah meninggalkan risalah

<sup>102</sup> CO. 941/1. Annual Report, 1948, hlm 10.

<sup>103</sup> Wawancara dengan Ng Ah Kaw, 23 Jun 2010. Lihat juga wawancara dengan Mohd Noor bin Zakari, 15 Februari 2010; Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 16, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>104</sup> Federal Secretariat 11054/1948. Devan Estate (Malacca) Ltd. Semantan Estate. Claim Detailing Loss and Damage Sustained During an Attack by Communist.

<sup>105</sup> *The Straits Times*, 19 Jun 1948, hlm. 12.

<sup>106</sup> Sel. Sec 462/1949, Annual Report, 1948-Mines Department, Selangor, hlm. 2, dalam Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British, dalam Malaysia dari segi Sejarah, hlm. 21.

yang membuktikan mereka merupakan anggota komunis PKM.<sup>107</sup> Ramai mereka yang disyaki sebagai tali barut British telah diserang dan dibunuh oleh komunis. Antaranya, beberapa orang Melayu di Kampung Dendang, Kampung Tualang dan kawasan ladang getah Paya Besar, Ulu Dendang, Beruas, Perak. Mangsa pembunuhan itu dikenali sebagai Ahmad Jidan, Mat Jam, Abdul Rashid bin Awalluddin. Beberapa orang mangsa lagi mengalami kecederaan.<sup>108</sup> Pada 3 Ogos 1948, PKM telah mengisyiharkan Persekutuan Tanah Melayu sebagai Republik Komunis Malaya. Pengisytiharan tersebut telah didedahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, melalui siaran media pada malam, hari Selasa berikutnya.<sup>109</sup> Sepanjang tahun 1948, PKM telah melancarkan 47 kali serangan terhadap kemudahan keretapi bagi menganggu kemudahan sistem pengangkutan yang disediakan oleh kerajaan. Bagaimanapun, tidak berlaku sebarang kemalangan jiwa daripada tindakan komunis tersebut.<sup>110</sup>

Berdasarkan maklumat lisan oleh Ng Ah Kaw, salah satu sebab utama PKM menentang kerajaan British, kerana sebelum berlakunya pemberontakan tersebut, kedua-dua pihak telah berjuang bersama-sama menentang pendudukan Jepun. Bagaimanapun, krisis bermula setelah British enggan menyerahkan negeri Perak dan Johor, seperti mana yang dituntut oleh PKM. Kedua-dua negeri tersebut adalah penting kepada British. Negeri Perak dianggap kaya dengan sumber galian emas. Manakala, negeri Johor dikatakan mempunyai kedudukannya yang strategik, kerana berhampiran dengan Singapura.<sup>111</sup> Dengan keengganan British memenuhi tuntutan, menyebabkan PKM mengambil keputusan untuk menarik semula kerjasama mereka dengan kerajaan

<sup>107</sup> *Sunday Times*, 22 Julai 1948, hlm. 7.

<sup>108</sup> Wawancara dengan Basri bin Karjo, pada 08 Mei 2010. Lihat juga Ahmad Zaki bin Mohd Johari, Tesis MA Sejarah Malaysia ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Beruas-Pantai Remis, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2011, hlm. 84, 85, dan 101.

<sup>109</sup> *The Straits Times*, 5 Ogos 1948, hlm. 5.

<sup>110</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British’, hlm. 21.

<sup>111</sup> Wawancara dengan Ng Ah Kaw, 23 Jun 2010. Pendapat tersebut merupakan pandangan dan juga maklumat peribadi tokoh berkenaan, seperti yang diterima oleh beliau daripada sumber PKM.

British yang sudah terjalin sejak awal peperangan dengan Jepun dan kini mereka melancarkan pemberontakan bersenjata menentang kuasa imperialis-kapitalis tersebut. Salah satu penentangan dilakukan oleh komunis dengan menyerang polis. Balai polis yang menjadi sasaran komunis ketika itu adalah balai polis Batu 26, Sungai Rotan di Trong, balai polis Manong di Kuala Kangsar, balai polis Sitiawan, balai polis Sungai Siput, dan balai polis Batu Gajah. Semua balai polis tersebut terletak di negeri Perak. Manakala, pada 28 November 1948, balai polis Segari, berhampiran Pantai Remis, Perak yang baru siap dibina dan akan dirasmikan pembukaan pada esoknya, cuba dibakar oleh tiga orang anggota komunis.<sup>112</sup> Berikut adalah transkripsi wawancara dengan Ng Ah Kaw:

Dulu ha, komunis lawan [tentang] orang Jepun, orang putih campur [bekerjasama dengan] komunis. Dua [komunis dan British] lawan Jepun, *last minit*, Jepun sudah *surrender*, komunis mahu minta dia [British] Perak campur [dan] Johor, dua tempat [negeri] kasi dia orang [komunis] jaga [perintah]. Orang putih mana boleh kasi [tidak mahu beri]. Ha, dia mana mahu kasi [bagi]. Ha, Perak, emas banyak. Johor ha, sana tempat dekat Singapore, dia tak kasi. tak kasi itu jam [ketika itu] komunis tak mahu turun la [tidak lagi mahu bekerjasama]. Dia [PKM] lawan orang putih [British] la.

itu jam wa [saya], wa sekali [bersama] itu Hok Lee, Sho Kui, Ah Piaw semua komunis punya, dulu dia orang belum *surrender*, dia orang itu jam [masa] hentam [serang] Sungai Rotan punya balai polis, Manong punya balai polis, Sitiawan punya balai polis, Sungai Siput balai polis, semua dia hentam. Batu Gajah balai polis dia pun hentam, kemudian [selepas] dia orang putih [British], dia tak bagi kasi pangku [memerintah] tempat-tempat kasi la [diminta], dia orang [komunis] lawan la.<sup>113</sup>

<sup>112</sup> Wawancara dengan Ng Ah Kaw, 23 Jun 2010. Lihat juga wawancara dengan Mahmud bin Hamzah, Batu 36, Jalan Sitiawan, Beruas, Perak. 21 Oktober 2010; Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 16, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948; Pk. Sec 3216/48. 140 in SB/PK/Gen. 34. Perak State Intelligence Sitrep For The 24 Hours Ending. 29.11.48. Para 1(b); Ahmad Zaki bin Mohd Johari, Tesis MA ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan’, Tesis MA., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 24.

<sup>113</sup> Ibid.

Pada 30 Disember 1948, sekumpulan sepuluh orang komunis lengkap berpakaian seragam telah memasuki Kampung Alang (Kampung Tualang?), satu kilometer dari Kampung Dendang, Beruas, Perak dan membunuh dua orang lelaki berbangsa Melayu.<sup>114</sup> Pada tarikh yang sama, 30 Disember 1948, komunis turut membunuh seorang lelaki dan mencederakan dua lagi di Ulu Dendang, Beruas, Perak.<sup>115</sup> Komunis telah membakar sehingga mati seorang lelaki Melayu iaitu Abdul Rashid bin Awalludin dan mencederakan dua orang lagi iaitu Sekuk dan Mat Banjar di Ulu Dendang kerana disyaki menyampaikan maklumat kegiatan komunis kepada pasukan keselamatan.<sup>116</sup> Pada tanggal 26 Julai 1948, separuh pekan Pantai Remis, Sitiawan, Perak telah dibakar oleh pihak komunis pada awal pagi. Tindakan komunis itu, menyebabkan lebih daripada 500 orang telah kehilangan tempat kediaman setelah dua deret rumah kedai yang mengandungi 47 buah kedai dua tingkat berbungking atap telah musnah sama sekali dalam masa 45 minit. Kejadian bermula pada awal pagi sekitar pukul 2:00.<sup>117</sup> Keadaan ini disebabkan, sebahagian peniaga Cina di Pantai Remis didapati tidak memberi sokongan sepenuhnya kepada komunis. Sokongan yang diberi oleh mereka sama ada dalam bentuk makanan ataupun beras kepada komunis tanpa kerelaan. Sebahagian besar peniaga Cina juga tidak mahu terlibat secara langsung dengan kegiatan komunis kerana kepentingan perniagaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati komunis terhadap peniaga tersebut.<sup>118</sup> Komunis juga bertindak membakar kenderaan perkhidmatan bas awam, disebabkan tidak berpuas hati terhadap perkhidmatan kerana gagal membantu membawa barang-barang keperluan komunis sebagaimana yang diminta dan rungutan pengguna yang tidak berpuas hati terhadap

<sup>114</sup> 3216/1948, Perak Secretariat, Ref: 173 in SB/Pk./Gen. 34. Perak State Intelligent SITREP for The 24 Hour Ending 31.12.1948. Para 3(c).

<sup>115</sup> Ibid.

<sup>116</sup> Wawancara dengan Zawiyah binti Abdul Rashid, Kampung Dendang, Beruas, Perak, pada 27 Mei 2010. Lihat juga wawancara dengan Ahmad Tajuddin bin Hashim, 27 Disember 2010; Ibrahim bin Syafie, 21 Mei 2010; Abdul Wasit bin Mohd Nasir, 11 Julai 2010.

<sup>117</sup> *The Straits Times*, 27 Julai 1948, hlm. 1. Lihat juga, J.J. Raj, Jr. *The War Year and After*, hlm. 117.

<sup>118</sup> Wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, 25 Mei 2010.

perkhidmatan yang disediakan. Peristiwa berlaku di Sungai Siput, Perak. Bas-bas berkenaan dibawa ke kawasan kuari dan dibakar.<sup>119</sup>

Panggil itu bas, masuk dalam [kuari], taruk api bakar la. Panggil itu orang turun [turun dari bas], bakar la. Semua bakar sana, bakar dua tiga ada, selalu bakar. Pasai itu bas dia panggil angkat [bawa] barang kadang-kadang tak berani, bakar ini bas la. Kadang-kadang tak “syok”, orang mari *complaint* sikit, dia pun mari bakar la.<sup>120</sup>

Terdapat juga kalangan orang Melayu yang dibunuhi kerana enggan memberi bantuan dan bekerjasama kepada komunis serta menganggu kegiatan mereka.<sup>121</sup> Bagaimanapun, kebanyakan mangsa terdiri daripada orang Cina dan India kerana menjadi ejen kerajaan British bagi mendapatkan sejumlah wang, bernilai \$2,000 yang ditawarkan oleh kerajaan, satu tawaran yang sangat lumayan terhadap mereka yang memberi maklumat mengenai kegiatan komunis pada masa tersebut.<sup>122</sup> Terdapat juga individu yang bertindak membuat laporan kepada pihak berkuasa disebabkan tidak berpuas hati dengan tindakan komunis yang mengugut dan mengancam keselamatan keluarga mereka.<sup>123</sup> Pada 18 November 1948, pada pukul 3 pagi, segerombolan komunis seramai 20 hingga 30 yang bersenjatakan rifle, sten dan pistol telah menyerang empat orang Melayu di Sungai Gelam, Pasir Panjang, Segari, Perak ketika mereka sedang memancing. Kejadian itu menyebabkan seorang terbunuhi dan dua orang lagi tercedera dan seorang lagi berjaya melarikan diri tanpa mengalami sebarang kecederaan. Sebab berlaku serangan kerana kumpulan lelaki Melayu tersebut didapati telah menganggu kegiatan komunis mengeluarkan senjata dan menceroboh tempat

<sup>119</sup> Wawancara dengan Ng Ah Kaw, 23 Jun 2010.

<sup>120</sup> Ibid.

<sup>121</sup> Wawancara dengan Abu Bakar bin Lebai Hashim, 1 April 2010.

<sup>122</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 5, 6(A) dan 6(B), dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948. Lihat Wawancara dengan Ng Ah Kaw, 23 Jun 2010; Wawancara dengan Abdul Mutualib bin Mohamed, 16 Disember 2009.

<sup>123</sup> Wawancara dengan Abdul Wasit bin Mohd Nasir, 11 Julai 2010. Lihat juga wawancara dengan Ismail bin Mohd Syed, 07 Mei 2010.

kegiatan mereka sehingga berlakunya pergaduhan.<sup>124</sup> Mangsa yang terbunuh adalah berketurunan Melayu, dikenali sebagai Che' Ros bin Ali. Mangsa mati ditembak di tempat kejadian. Dua lagi mangsa, iaitu Mohd Zain bin Jahaya cedera ditembak di kaki, Saad bin Napiah cedera di dada dan bahu akibat ditetak. Manakala, Saidin bin Nan didapati terselamat.<sup>125</sup> Manakala, di Beruas, Perak, pada Selasa, 28 Disember 1948, dua penoreh getah iaitu Ahmad Jidan dan Mat Jam dilaporkan hilang ketika menoreh. Mereka disyaki diculik dan dibunu oleh komunis. Manakala pada Khamis, 30 Disember 1948, sekumpulan sepuluh orang komunis telah membunuh dua lelaki Melayu bersaudara iaitu, Yun bin Uda Liat dan Yang bin Uda liat di Buluh Akar Estate.<sup>126</sup> Hasil maklumat penduduk kampung kepada pihak kerajaan British mengenai kegiatan komunis di kawasan Ulu Dendang dan Kampung Dendang Beruas, Perak. Pada 21 Disember 1948, tentera British daripada pasukan Beaufighter dan Spitfire daripada R.A.F, dengan dibantu oleh 4<sup>th</sup> Hussar, telah membuat serangan besar-besaran dengan menggunakan meriam, bom dan mesingun terhadap kedudukan komunis di utara Batu 31 (Kampung Tualang), Jalan Beruas-Parit, Beruas, Perak. Tindak balas pasukan keselamatan itu menyebabkan lima orang pengganas komunis ditangkap, dua buah kem persembunyian komunis turut ditawan bersama sejumlah ubat-ubatan, makanan dan senjata. Di kem pertama yang ditemui, dua orang anggota komunis telah ditangkap dan tiga anggota komunis di kem kedua.<sup>127</sup> Pada 30 Disember 1948, sepuluh orang komunis lengkap berpakaian seragam komunis telah memasuki Kampung Alang (Kampung

<sup>124</sup> Perak Secretary. 3216/1948, Ref: 129 in SB / Pk. / Gen. 34. Perak State Intelligence SITREP for 24 Hours Ending 18.11.1948. Para 2(a). Lihat juga dalam 3216 / 1948, Perak Secretary. Ref: 130 in SB / PK. / GEN. 34. Perak State Intelligence SITREP for 24 Hours Ending 19.11.1948. Para 2 (a).

<sup>125</sup> Wawancara dengan Nah binti Jahaya, Batu 10, Segari, 10 November 2010. Lihat juga Wawancara dengan Saad bin Ariffin, Sungai Batu Pantai Remis, Perak, 11 Mei 2010.

<sup>126</sup> *The Malay Mail*, Kuala Lumpur: Khamis, 30 Disember 1948, Isnin, 3 Januari 1949, hlm. 5. Lihat juga *Utusan Melayu*, Singapore: 31 Disember 1948, hlm. 1; *The Straits Times*, Singapore: Jumaat, 31 Disember 1948; *The Straits Times Echo and Times of Malaya*, Jumaat, 31 Disember 1948, hlm. 1. Perak Secretariat, 3216/1948, Ref: 173 in SB/PK./GEN. 34. Perak State Intelligent SITREP for The 24 Hour Ending 31.12.1948. Para 3(c). Lihat Perak Secretariat, 3216/1948. Ref: 172 in SB/Pk./Gen. 34; Perak State Intelligent SITREP for The 24 Hour Ending 30 .12 .1948. Para 3(b); Ibrahim bin Syafie, wawancara pada 21 Mei 2010; Rodiah binti Mohd Nordin, temu bual pada 21 Mei 2010; Abdul Wasit bin Mohd Nasir, temu bual pada 11 Julai 2010.

<sup>127</sup> Perak Secretariat, 3216/48, 163. Ref: 173, in SB/PK/GEN, 34. Perak State Intelligence SITREP. For 24 Hour Ending. 21.12.1948. Para. 1. Lihat juga, *The Straits Echo and Times of Malaya*, Penang: Khamis, 23 Disember 1948, hlm. 3; *Utusan Melayu*, 23 Disember 1948, hlm. 1.

Tualang?), terletak satu kilometer dari Kampung Dendang, menembak ke arah rumah kedai menyebabkan seorang lelaki Melayu terbunuh dan seorang tercedera. Pada tarikh yang sama 30 Disember 1948, seorang penduduk di Kampung Paya Besar, Ulu Dendang, Beruas dibunuh dan dua lagi cedera ditembak oleh komunis.<sup>128</sup> Dalam kejadian tersebut Abdul Rashid bin Awalludin telah terbunuh, mangsa dibakar bersama-sama dengan rumah kongsi pekerja dan hasil getah torehan pekebun getah penduduk kampung. Manakala, Sekuk dan Mat Banjar cedera ditembak, tetapi mereka sempat melarikan diri. Kejadian berlaku di Kampung Ulu Dendang, Beruas. Mangsa disyaki menyampaikan maklumat kegiatan komunis kepada pasukan keselamatan.<sup>129</sup> Petikan berikut adalah maklumat lisan yang diperoleh daripada temu bual dengan informer mengenai situasi tersebut:

Pak Kulup Kadir [Abdul Rashid bin Allawudin] tu, jadi depa [mereka] tu rajin masuk hutan, cari rotan, dia tu jumpa la kem komunis dekat Hulu Dendang nu [sana], jumpe tu, *report* ke balai, *report* ke balai. Datang masa tu orang putih, masuklah askar, masuk askarnya, lepas tu dalam kapal terbang tu, saya ada la situ, masa tu askar gurkha, ha [jadi] tu tengok kapal terbang tu pergi bom sana, ha tu la, komunis dua orang baring [terlentang atau tertiarap] di situ, askar orang putih dah bawak la tu, dah mati dah, bawak keluar, awak [saya] tengok.<sup>130</sup>

Peristiwa penculikan dan pembunuhan terhadap dua orang lelaki penoreh getah iaitu anak dan menantu kepada Haji Abdul Kadir bin Haji Salleh (Tok Janggut) telah menyebabkan berlakunya pergaduhan kaum. Orang Melayu bertindak menyerang penduduk Cina di Kampung Dendang dan Tanah Empat Ratus, di Beruas. Pada awal kejadian, seramai tujuh orang Cina termasuk tiga wanita dan seorang kanak-kanak di

<sup>128</sup> Perak Secretary. 3216/1948, Ref: 129 in SB / Pk. / Gen. 34. Perak State Intelligence SITREP for 24 Hours Ending 18.11.1948. Para 2(a). Lihat juga dalam 3216 / 1948, Perak Secretary. Ref: 130 in SB / PK. / GEN. 34. Perak State Intelligence SITREP for 24 Hours Ending 19.11.1948. Para 2 (a).

<sup>129</sup> Ibid., Para 3(c). Lihat juga wawancara dengan Zawiyah binti Abdul Rashid, Kampung Dendang, Beruas, Perak, 27 Mei 2010; Ahmad Tajuddin bin Hashim, 27 Disember 2010; Ibrahim bin Syafie, 21 Mei 2010; Abdul Wasit bin Mohd Nasir, 11 Julai 2010.

<sup>130</sup> Wawancara dengan Abdul Wasit bin Mohd Nasir, 11 Julai 2010.

Kampung Dendang terbunuh. Dalam kejadian itu, empat buah rumah dibakar dan enam buah lagi mengalami kerosakan. Kejadian menyebabkan pasukan keselamatan memindahkan penduduk Cina daripada perkampungan tersebut.<sup>131</sup>

### **British Memerangi PKM**

Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat 1948, merupakan suatu peruntukan yang memberi kuasa khas yang luas kepada penjaga undang-undang tersebut. Bagaimanapun, British menyatakan bahawa undang-undang yang menimbulkan kegelisahan kepada penduduk tersebut akan ditarik semula setelah penganas komunis dapat dihapuskan. Peruntukan dalam Undang-Undang Darurat 1948 tersebut adalah berkenaan dengan:

**1. Perhimpunan:**

Larangan membuat perjumpaan atau perhimpunan yang mengandungi lima (5) orang atau lebih. Pegawai polis berpangkat sarjan atau berpangkat lebih tinggi, boleh mengarahkan perhimpunan itu bersurai.

**2. Hebahan:**

Larangan melekatkan atau menghebahkan sebarang pelekat, surat pekeliling atau surat-surat bertulis lainnya yang mengandungi hasutan atau unsur-unsur kekerasan atau menasihati orang ramai agar tidak menuruti undang-undang atau membawa sebarang bencana kepada keamanan.

---

<sup>131</sup> Perak Secretariat, 3216/1948, Ref: 171 in SB/Pk/Gen. 34. Perak State Intelligent SITREP for The 24 Hour Ending 29. 12 .1948. Para (b). Lihat juga *The Straits Times*, 31 Disember 1948, hlm. 1; *The Malay Mail*, 30 Disember 1948, hlm. 1, dan 3 Januari 1949, hlm.3; *The Malay Mail*, 6 Januari 1949, hlm. 5. Satu deligasi masyarakat Cina yang diketuai oleh Lau Pak Khuan serta Cheong Chee, Leong Yew Koh, Pn. Wong Kin Sun, C.H. Yin, F. W. Liew, dan Wong Kim Long, mengadap DYMM Sultan Perak di Kuala Kangsar pada hari Isnin, 3 Januari 1949, memohon kepada baginda sultan, agar dapat mewujudkan semula keharmonian antara kedua-dua kaum tersebut di Beruas, yang terjejas akibat tindakan orang Melayu yang menyerang dan membunuh orang Cina di Kampung Dendang dan Tanah Empat Ratus dengan bersenjatakan parang. Turut dibincang mengenai tindakan pasukan keselamatan tentera dan polis dan tentera memindahkan orang Cina dari Kampung tersebut untuk sementara waktu bagi tujuan keselamatan. Lihat dalam *The Sunday Mail*, 2 Januari 1949, hlm. 3. Lihat juga Ibrahim bin Syafie. Wawancara pada 21 Mei 2010; Rodiah binti Mohamad Nordin, 21 Mei 2010; Abdul Wasit bin Mohd Nasir, 11 Julai 2010.

**3. Harta benda:**

Undang-undang membenarkan seorang pegawai polis untuk mengambil sebarang bangunan, kereta, sampan atau seumpamanya untuk keselamatan orang ramai dan wang sagu hati akan dibayar sekiranya bangunan, kereta, sampan dan sebagainya itu digunakan.

**4. Tahanan:**

Ketua sekretari boleh memerintahkan sebarang orang untuk ditahan tidak lebih daripada setahun.

**5. Pemeriksaan:**

Pihak polis berkuasa untuk memasukkan dan memeriksa sebarang rumah dan menahan serta memeriksa sebarang kereta atau orang sama ada di tempat orang ramai atau tidak, jika disyaki terdapat kesalahan atau senjata berbahaya di kawasan tersebut.

**6. Tempat yang dikawal:**

Bangunan dan tempat-tempat lain yang boleh diisyiharkan sebagai tempat kawalan. Oleh itu jika terdapat amaran sedemikian orang ramai dinasihatkan supaya menjauhkan diri daripada kawasan tersebut.

**7. Penutupan jalan raya atau mengeluarkan (memindahkan penduduk di sesuatu kawasan):**

Seorang pegawai polis daerah berkuasa untuk menutup jalan raya atau memindahkan penduduk di kawasannya.

**8. Perintah berkurung:**

Seseorang itu hendaklah tinggal di dalam rumah sepanjang masa sepanjang perintah berkurung, kecuali mendapat surat kebenaran daripada polis untuk keluar.

**9. Senjata:**

Orang ramai tidak dibenarkan memiliki atau membawa senjata api atau bahan bahan letupan tanpa sebarang surat kebenaran polis. Melanggar arahan tersebut boleh dijatuhi hukuman mati, termasuklah tidak memberi tahu kepada pihak polis terhadap mereka yang memiliki senjata api atau peluru atau bahan letupan atau didapati bersama dengan mereka yang memiliki bahan-bahan tersebut, boleh dijatuhi hukuman sepuluh (10) tahun penjara.

**10. Tawaran hadiah:**

Hadiah wang ringgit bernilai \$2,000.00 akan diberi kepada sesiapa yang memberi maklumat kepada kerajaan atau pihak polis terhadap penghasut dan penjahat, maklumat mereka adalah dirahsiakan.<sup>132</sup>

Mengenai hukuman mati ke atas mereka yang membawa senjata api atau bahan letupan tanpa kebenaran pihak berkuasa polis, perkara tersebut dibahaskan dalam Parlimen Britain. Hal tersebut telah diperjelaskan oleh Setiausaha Tanah Jajahan, Arthur Creech Jones kepada P.W. Donner (Squadron Leader) mengenai langkah tambahan kerajaan bagi menangani keganasan dan jenayah oleh komunis di Persekutuan Tanah Melayu. Menurut beliau hukuman mati seperti mana yang diumumkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British itu merupakan langkah sementara kerajaan bagi menangani keadaan yang tidak terkawal setelah berlaku banyak keganasan serta ugutan, terutamanya di bahagian selatan dan tengah, Perak serta bahagian tengah, Johor.<sup>133</sup> Di bawah peruntukan Undang-Undang Darurat 1948, pihak polis diberi kuasa lebih luas untuk menangkap dan menahan mereka yang disyaki sebagai anggota komunis dan mereka yang bersubahat atau bersimpati dengan mereka. Jumlah mereka

---

<sup>132</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 5, 6(A) dan 6 (B), dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>133</sup> *The Straits Times*, 8 Jun 1948, hlm. 3.

dianggarkan berjumlah seramai 1000 orang. Premis kesatuan diserbu dan ratusan aktivis politik ditahan.<sup>134</sup>

Pada 17 Jun 1948, pejabat akhbar harian PKM iaitu Min Sheng Pao atau ‘Suara Rakyat’, akhbar rasmi PKM yang diterbitkan di Kuala Lumpur, telah diarahkan tutup oleh pihak polis dan akhbar tersebut diharamkan penerbitannya. Turut terlibat adalah syarikat pencetak akhbar tersebut Da Zhong Printing Press. Pengurus akhbar tersebut Liew Yit Fan, juga adalah bekas Setiausaha Rejimen Ke-2 MPAJA dan juga ahli perwakilan PKM Selangor sejak pertengahan tahun 1947, telah ditahan atas tuduhan menghasut. Kakitangan lain akhbar tersebut yang ditahan terdiri daripada editor, penolong editor, wartawan, penyusun huruf dan pengedar. Semuanya berjumlah 64 orang termasuk lima orang wanita.<sup>135</sup> Tindakan telah dibuat berdasarkan beberapa artikel yang diterbitkan oleh ketua pengarangnya yang bertajuk “Oppose Searching”, “Oppose Arrest” dan “A Debt of Blood”. Ianya telah disebut di mahkamah pada 7 Jun 1948. Perkara tersebut termasuklah satu artikel yang diterbitkan dalam akhbar itu pada 15 Jun 1948. Oleh itu, mereka semuanya ditahan di bawah Undang-Undang Hasutan (Sedition Enactment).<sup>136</sup> Pada 28 Ogos 1948, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, menawarkan ganjaran wang sebanyak \$120,000 kepada sesiapa yang dapat memberi maklumat sehingga tertangkapnya 12 orang pemimpin PKM,<sup>137</sup> kerana mendalangi kegiatan keganasan. Mereka yang sangat dikehendaki oleh pihak berkuasa ialah Wu Tien Wang, ketua propaganda PKM, Lee Soong @ Chuan Siew Ngan, Pang Kun Yin, Foong Chun Loy, Choo Ah Kong, Teng Fook Leong (komander Rejimen Ke-2

<sup>134</sup> Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan Peoples’ Independence Struggle*, hlm. 63.

<sup>135</sup> *The Straits Times*, 17 Jun 1948, hlm. 8. Lihat juga. Translation of a Petition Addressed to the British Adviser, Perak, from the ‘Support Liu Committee’ at Ayer Kuning, Kampar dalam Pk. Secretariat. 1759/1948. Liu Yit Fan, Representative of the Malayan Communist Party. Petition Regarding the Prosecution of the..?; Shan Ru Hong *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 141; John A. Nagl, *Counterinsurgency Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 63; Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats*, hlm. 60; Khong Kim Hoong, *Merdeka; British Rule And The Struggle for Independence in Malaya*, hlm. 149.

<sup>136</sup> *The Malay Mail*, 11 Jun 1948, hlm. 5. Lihat juga *The Straits Times*, 17 Jun 1948, hlm. 8; Shan Ru Hong *Gold in the South: The Story of an Immigrant*, hlm. 141; Indrajaya Abdullah, *Ringkasan Sejarah Tentara Anti-Jepun Rakyat Malaya*, hlm. 186.

<sup>137</sup> *The Straits Times*, 28 Ogos 1948, hlm. 25. Lihat juga *Sunday Times*, 25 Julai 1948, hlm. 7.

MPAJA), Chan Tien @ Lau Kow (komander Rejimen Ke-7 MPAJA), Lau Mah (kapten dan setiausaha Regimen Ke-5 MPAJA), Ong Cheng Hwa (ahli Rejimen Pertama MPAJA), Soon Yong Heng (ahli Rejimen Ke-6 MPAJA), Pai Tze Mok (komander Rejimen Ke-8 MPAJA), dan Wong Ching (komander Rejimen Ke-6 MPAJA). Tujuh orang daripada mereka adalah penerima anugerah ‘Victory Parade as Representative of the MPAJA’ di London. Mereka dikatakan memainkan peranan penting terhadap kempen keganasan yang dilakukan oleh pihak komunis di Persekutuan Tanah Melayu.<sup>138</sup>

Pada 15 Ogos 1948, di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan pada 19 Julai 1948, seramai 5 orang anggota komunis telah dijatuhi hukum gantung, empat orang berbangsa Cina iaitu Teoh Ah Long, Cheong Hung Peng, Yuk Lun Tian dan Tan Seng Ann, manakala seorang lagi berbangsa Indonesia, iaitu Abdul Manan bin Haji Latif. Mereka dituduh memiliki atau membawa senjata api.<sup>139</sup> Manakala pada 11 Ogos 1948 hingga 26 Ogos 1948, empat orang anggota komunis iaitu Lui Cha Lu, Wang Heng, Kun Kui Seng dan Hui Wah Meng telah dihukum gantung di Penjara Pudu atas pelbagai kesalahan berat dengan menembak dan mencederakan pasukan keselamatan polis dan tentera, membawa senjata api serta peluru. Dalam pertempuran antara pasukan keselamatan ketika itu, dianggarkan sejumlah 20 orang anggota komunis telah terbunuh, sejumlah lagi telah cedera dan lebih 40 orang ditawan.<sup>140</sup> Dalam pada itu, gerila komunis juga telah dilabelkan oleh kerajaan British sebagai ‘bandits’ atau penjahat. Arahan seterusnya dikeluarkan oleh kerajaan British dengan

<sup>138</sup> *The Straits Times*, 28 Ogos 1948, hlm. 4. Lihat juga *Sunday Times*, 25 Julai 1948, hlm. 7; Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, hlm. 52.

<sup>139</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 25, dalam Bulletins Public Relation Office Kuala Lumpur 1948. Lihat juga Selangor Secretariat. 1276/1948. Emergency Meeting of the State Executive Council, Rabu, 11<sup>th</sup> ogos 1948, hlm. 2A

<sup>140</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 24, 36 dan 49, dalam Bulletins Public Relation Office Kuala Lumpur 1948. Lihat juga FO 371/69698. General/Messages for the President of The Council of Minister on the Communist Situation in Malaya, hlm. 51.

melabelkan komunis sebagai ‘terrorist’ atau pengganas dengan istilah yang lebih jelas iaitu pengganas komunis.<sup>141</sup> Hukuman buang negeri termasuk terhadap rakyat British yang lahir di negara ini tetapi tidak dikehendaki, telah dilaksanakan setelah mereka yang tersabit didapati bersalah oleh mahkamah. Pada Julai 1948, sejumlah 95 orang telah dibuang negeri dan jumlah ini adalah angka tertinggi berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya.<sup>142</sup>

Manakala, pada September 1948, seramai 60 orang telah dibuang negeri dan ini menjadikan pada tahun 1948 sahaja, jumlah mereka yang dibuang negeri adalah seramai 606 orang, berbanding tahun 1947, mereka yang kena hukuman buang negeri adalah seramai 193 orang. Daripada jumlah tersebut (606 orang), seramai 436 orang merupakan golongan pendatang (penghijrah) dan 17 orang adalah rakyat British setelah mereka didapati bersalah oleh mahkamah. Antaranya Liew Wei Chung (Kolonel I-Tu), beliau ditangkap berhampiran Mantin pada awal pengisytiharan darurat dan dihantar pulang ke negara China.<sup>143</sup> Mahkamah juga kemudiannya mendapati 152 orang pendatang (penghijrah) dan seorang rakyat British adalah wajar dipindahkan untuk faedah dan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>144</sup> Pindaan No. 9 Undang-Undang Darurat, telah disahkan pada bulan Disember 1948, bagi memberikan kerajaan kuasa menghantar 233 orang pendatang dan 7 orang rakyat British peranakan pendatang, pulang ke negeri asal mereka masing-masing.<sup>145</sup> Manakala, jumlah orang yang ditangkap dan ditahan mengikut Undang-Undang 24, Darurat 1948, sehingga 20 September 1948, seramai 5,266 orang telah ditahan, daripada jumlah tersebut yang

<sup>141</sup> Chin Peng, *My side of History*, hlm. 105.

<sup>142</sup> Ibid., Lihat juga *The News Straits Times*, 14 Jun 1948.

<sup>143</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 45, dalam Bulletins Public Relation Office Kuala Lumpur 1948. Lihat juga *Sunday Times*, Kuala Lumpur: 25 Julai, hlm. 7; Kevin Blackburn and Karl Hack, *War Memory, and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, hlm. 115; John A. Nagl, *Counterinsurgency Lesson from Malaya and Vietnam*, hlm. 63.

<sup>144</sup> Ibid.

<sup>145</sup> Ibid., hlm. 63,

dibebaskan seramai 1,310 orang. Manakala, mereka yang masih ditahan adalah seramai 3,356 orang.<sup>146</sup> Mahkamah juga mendapati, 152 orang pendatang dan seorang rakyat British elok dipindahkan untuk faedah Persekutuan Tanah Melayu, berbanding tahun 1947, mereka yang kena hukuman buang negeri adalah seramai orang 193.<sup>147</sup> Di Perak, sejak 4 November 1948, beberapa serangan telah dilakukan oleh pihak tentera dan polis terhadap komunis, terutamanya di kawasan Sungai Siput. Di kawasan itu sahaja, 14 orang pengganas telah dibunuh, 28 orang lagi ditangkap dan 13 buah khemah pengganas komunis telah dibakar, lebih 1000 orang penanam sayur disiasat dan dipindahkan dari kawasan berkenaan. Manakala, 68 orang daripada mereka dihantar pulang ke negeri China. Sungai Siput adalah kawasan utama kegiatan komunis di negeri itu. Oleh itu, kerajaan akan bertindak menghapuskan kegiatan komunis di kawasan tersebut. Manakala di Kantan, Kuala Kangsar, pada 20 November 1948, 455 orang telah disiasat dan 14 orang daripada mereka ditahan kerana disyaki sebagai komunis. Di Chemor, seramai 1536 orang Cina telah disiasat dan 7 orang daripadanya ditahan. Di kedua-dua kawasan tersebut, pihak tentera British sedang melakukan serangan. Di negeri Kedah, tentera kerajaan telah memperhebatkan serangan di kawasan-kawasan yang sukar dimasuki dan memperoleh kejayaan. Di negeri Selangor, pihak tentera dan polis memperhebatkan serangan di kawasan Kachu dan Bruga. Kawalan keselamatan diadakan di merata-rata tempat sehingga komunis kurang mendapat bantuan daripada penanam sayur dan kekuatan mereka semakin lemah. Di Negeri Sembilan, kawasan tenggara Tampin, dua orang komunis telah terbunuh dan seorang cedera. Peristiwa berlaku pada 5 November 1948. Pada tarikh yang sama, dua orang anggota komunis telah dibunuh di Astralisia Estate. Pada 19 November 1948, seorang komunis turut dibunuh di ladang tersebut dan beberapa pondok yang

<sup>146</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 45, dalam Bulletins Public Relation Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>147</sup> Ibid., hlm. 63.

digunakan oleh komunis telah dibakar. Di Pahang, lebih banyak anggota tentera dihantar bagi menghadapi serangan komunis yang melakukan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan melalui pinggir jalan. Di Johor, kerajaan telah memperoleh kejayaan besar dengan membunuh seramai 36 orang anggota komunis dan 5 orang pula mengalami kecederaan, semua mereka ditahan. Sejumlah 324 orang ditahan dan 69 orang daripada mereka didapati membawa senjata serta membantu komunis. Banyak tempat persembunyian dan pondok pengganas yang ditemui telah dibakar, turut ditemui berapa surat penting mengenai kegiatan komunis serta senjata dan peluru.<sup>148</sup> Menurut Pesuruhjaya Tinggi British pada 7 Julai 1948, keganasan yang berlaku di Tanah Melayu adalah sebahagian daripada rancangan yang telah diatur oleh komunis bagi menimbulkan kekacauan dengan tujuan merampas kerajaan yang ada melalui kekerasan. Oleh itu kekerasan yang digunakan oleh komunis akan balas dengan kekerasan oleh pihak kerajaan British. Bagi tindakan segera, pasukan polis dan tentera termasuklah pasukan Askar Melayu, Askar Melayu Angkatan Udara Diraja, dan Askar-Askar Melayu Simpanan telah dipanggil semula untuk berkhidmat untuk ditugaskan menyerang dan memusnahkan komunis. Bagaimanapun sebahagian besar anggota polis dan tentera tersebut akan mengawal kawasan yang berlaku kekacauan. Sebelum itu tugas tersebut diberi kepada tentera British dan Gurkha. Manakala, tentera British dan Gurkha, akan ditugaskan memburu komunis. Pihak tentera melancarkan serangan, di samping mengawal jalan raya, hutan dan kawasan ladang bagi menentang komunis. Kerajaan juga telah menukuhan pasukan Polis Khas sepenuh masa atau Special Constables (SC) dan pasukan Polis Bantuan (Auxiliary Police).<sup>149</sup> Tujuannya bagi

<sup>148</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 57, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>149</sup> Ditubuhkan di bawah Kuasa Khas (Auxiliary Police) Peraturan 1948 (G.N. 2067). Berkhidmat tanpa diberi bayaran. Mana-mana kumpulan AP yang berjaya membunuh anggota komunis akan menerima hadiah wang \$1000.00, sekiranya berjaya membunuh atau mencederakan komunis kerana dikategorikan sebagai anggota polis yang memberi khidmat cemerlang. Lihat Annual Report CP/FM/485/48/093. Police Headquarters, Kuala Lumpur 1949, hlm. 1 dan 2; Wawancara dengan Abdul Mutualib bin Mohamed, 16 Disember 2009; Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 57, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948; ); Ahmad Zaki bin Mohd Johari, Tesis MA ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di

menggantikan peranan tentera di kawasan kampung, lombong, dan ladang, iaitu kawasan berlakunya kekacauan sehingga melibatkan pergaduhan kaum serta keganasan yang dicetuskan oleh komunis. Manakala, pasukan tentera menumpukan kepada operasi memerangi komunis.<sup>150</sup> Pasukan tentera darat dan tentera udara akan bekerjasama dan kekuatan mereka ditambah. Manakala, Tentera Melayu juga ditambah dari dua batalion kepada tiga batalion. Kekuatan satu batalion mengandungi 900 anggota. Tentera dari luar negara dibawa masuk, satu pasukan tentera dari Singapura telah dipindahkan ke Persekutuan Tanah Melayu dan disertai 3,500 anggota tentera Gurkha dengan dibantu oleh satu batalion tentera dari Hong Kong serta disertai oleh satu pasukan Rejimen Husass dari England yang dilengkapi peralatan senjata berat. Kekuatan Tentera Udara Di-Raja, telah diperkuatkan dengan penambahan anggota baru dan menggunakan perkhidmatan pesawat pejuang Dakota bagi perkhidmatan mengangkat anggota tentera dan polis serta peluru. Manakala, pesawat pejuang Spitfire digunakan untuk menyerang dan memusnahkan tempat musuh.<sup>151</sup>

Pada 26 Julai 1948, kekuatan anggota polis Persekutuan Tanah Melayu telah ditambah kepada 3,000 orang dan 450 anggota baru telah didaftarkan. Mereka dilatih cara penggunaan senjata dan dilengkapi dengan kemudahan *wireless* dan kenderaan *patrol*. Pasukan polis khas (Special Constables) turut ditubuhkan pada 26 Jun 1948. Pada peringkat awalnya, seramai 5,000 orang telah diambil berkhidmat, 50 orang daripadanya adalah berpangkat pegawai dan 259 orang pegawai rendah. Sehingga 3 Ogos 1948, seramai 9,589 orang anggota Polis Khas dan 3,000 anggota polis bantuan (Auxiliary Police) juga telah diambil bertugas. Pada 10 Oktober 1948, bilangan anggota

---

Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan', Disertasi MA., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 70.

<sup>150</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 7, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>151</sup> Ibid., hlm. 7 dan 23.

polis, polis khas dan polis bantuan telah ditambah. Jumlah pegawai adalah seramai 245, merinyu 237, sarjan British 450, mata-mata 14,291 dan 2,000 anggota dalam latihan, polis khas 22,000 dan polis bantuan 8,000 dengan dibantu 800 buah kereta. Pada masa yang terdekat jumlah tersebut akan ditambah sehingga 1,270 buah. Manakala, jumlah senjata yang diserahkan oleh tentera Persekutuan Tanah Melayu untuk kegunaan polis seperti senapang rafles 31,700 laras, sten gun 4,600, bren gun 350, pistol signal 500, bom tangan 3,000, peluru 3.3 mm berjumlah 4,800,000 dan peluru 9.mm berjumlah 1,800,000. Semua jumlah senjata ini tidaklah termasuk yang diterima daripada kerajaan Britain dan Australia. Kerajaan Australia juga bersedia memberi bantuan seperti yang diminta oleh kerajaan persekutuan dalam bentuk latihan untuk anggota polis, operator perhubungan wayarles, juruteknik kelengkapan peralatan dan bantuan-bantuan lain yang diperlukan.<sup>152</sup> Senjata-senjata dikeluar daripada simpanan dan diedarkan oleh kerajaan untuk kegunaan orang awam bagi menjaga kawasan lombong, ladang dan kampung. Senjata yang dikeluarkan untuk digunakan adalah berjumlah 2,143 laras senapang patah, 14,450 rifel, beberapa ratus sten gun dan 259 pucuk pistol revolver dan banyak lagi senjata yang dibawa masuk dari luar negeri.<sup>153</sup>

Kerajaan British turut menghalang kemasukan pemimpin komunis dari luar negara, sama ada dari Australia, Thailand, Indonesia dan Britain, termasuk ahli Parlimen Britain yang berfahaman komunis ke Persekutuan Tanah Melayu dengan merujuk kepada Willie Galacher dan Phil Piratin. Mereka merupakan ahli Parlimen Britain berfahaman komunis dengan mewakili Parti Komunis Great Britain dan memenangi pilihan raya umum di Great Britain pada tahun 1945.<sup>154</sup> Kerajaan British

<sup>152</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 16, 24, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948. Lihat juga FO 371/69698. Record Conversation Between Mr Noel-Baker and Mr Scott on Assistance From Australia and New Zealand, hlm. 52.

<sup>153</sup> Ibid., hlm. 16, 24.

<sup>154</sup> Pada tahun 1945, Parti Buruh memenangi pilihan raya umum (*General Election*) Britain dengan Clement R. Attlee dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Winston S. Churchill. Manakala, dua orang wakil daripada Parti Komunis Great Britain,

juga bertindak menubuhkan Pasukan Sempadan dan Pasukan Kawalan Pantai bagi menahan kemasukan orang asing ke negara ini secara tidak sah serta menghalang kemasukan senjata, peluru, dan bahan tertentu daripada sampai ke tangan komunis. Kawasan perairan pantai Persekutuan Tanah Melayu dikawal oleh kapal perang British dan kapal kecil milik polis bagi memeriksa kapal dan barang yang dibawa supaya tidak ada senjata dan peluru ataupun orang yang tidak dikehendaki dibawa masuk ke negara ini secara haram dan membuat kekacauan.<sup>155</sup> Kerajaan British juga mewujudkan kawasan larangan bagi kawasan tertentu. Orang ramai dilarang berada atau berjalan di kawasan berkenaan antara pukul 7.00 pm hingga 7.00 am.<sup>156</sup> Bagi memudahkan pasukan keselamatan membezakan orang awam dan anggota komunis, undang-undang pendaftaran kawasan telah diperkenal dan diletakkan di bawah kuasa tiap-tiap negeri. Menteri Besar dan Residen di setiap negeri boleh mengisyiharkan sebarang kawasan atau di beberapa kawasan tertentu dan di kawasan tersebut semua penduduknya dimestikan mendaftarkan diri di balai polis berhampiran atau di mana-mana tempat pihak berkuasa yang terlibat dalam proses pendaftaran tersebut. Pada peringkat awal peraturan pendaftaran diri ini hanya melibatkan semua penduduk berumur lebih 12 tahun, di kawasan yang tertentu sahaja dengan diberi sekeping surat pengenalan diri.<sup>157</sup>

Pada pertengahan Oktober 1948, seluruh penduduk di Tanah Melayu yang telah mencapai usia 12 tahun, dimestikan mendaftarkan diri dan mereka diberi kad pengenalan diri. Tujuannya bagi memudahkan pasukan keselamatan mengesan golongan penjahat dan warga asing yang datang membuat kekacauan di Tanah Melayu

---

turut memenangi pilihan raya tersebut dengan mewakili Parti Buruh. Willie Gallacher memenangi kawasan *Western Fife* dengan memperoleh undi sebanyak 17,636 (42.1 peratus) dan Phil Piratin mewakili kawasan *Mile End Stepney*, memperoleh undi sebanyak 5,075 (47.6 peratus). *The Straits Times*, Singapore, 8 Jun 1948, hlm. 3. Lihat juga Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 7, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948, hlm. 1, No 32; Roger Eatwell, *The 1945-1951: Labour Governments*, London: Batsford Academic, hlm. 37; F.W.S. Craigh, *British Parliamentary Election Results 1918-1949* (edited), London: The Macmillan Press Ltd, 1977, hlm. 52 dan 624.

<sup>155</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 16, 18, 38, dan 44, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>156</sup> Ibid.

<sup>157</sup> Ibid., hlm. 15.

terutamanya pihak komunis.<sup>158</sup> Pada 21 Disember 1948, pesawat Beaufighter dan Spitfire daripada R.A.F dan Rejimen 4<sup>th</sup> Hussar, dengan bantuan meriam, bom dan mesingun digunakan untuk menyerang kedudukan komunis di utara Batu 31, iaitu Kampung Tualang yang terletak di Jalan Beruas-Parit, Perak. Kawasan tersebut merupakan pusat kegiatan komunis terbesar di Beruas. Serangan tersebut menyebabkan lima orang pengganas komunis berjaya ditangkap, manakala dua buah kem persembunyian komunis telah ditawan bersama sejumlah ubat-ubatan, makanan dan senjata.<sup>159</sup>

Dengan tindakan pasukan keselamatan dengan melakukan serangan secara besar-besaran tersebut mengakibatkan, ramai anggota komunis terbunu, tercedera dan ditangkap. Menurut pernyataan Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, M.O. Neal, yang dibaca oleh Menteri Besar Perak, Dato' Panglima Bukit Gantang, beliau menyatakan bahawa usaha telah dilakukan di negeri tersebut bagi menghalang komunis daripada membentuk kumpulan yang lebih besar untuk mengelak berlakunya kejadian yang lebih serius sebagaimana yang berlaku di Johor dan Selangor.<sup>160</sup> Akibat tindakan British tersebut, gerila komunis terpaksa berpecah kepada kumpulan kecil dengan mengubah taktik peperangan. Komunis mula melakukan serangan pada waktu malam ke atas jana kuasa elektrik, stesen keretapi, merosakkan jalan keretapi dan serangan hendap terhadap pasukan keselamatan yang melakukan rondaan serta menganggu proses pendaftaran diri yang sedang dijalankan ke atas setiap penduduk.<sup>161</sup> Secara keseluruhannya, sejak Undang-Undang Darurat diisyiharkan pada 16 Jun 1948 sehingga 31 Disember 1948, melalui tindakan pasukan keselamatan menyerang

<sup>158</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 39, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>159</sup> Perak Secretariat, 3216/48, 163. in SB/PK/GEN, 34. Perak State Intelligence SITREP. For 24 Hour Ending. 21.12.1948. Para. 1. *The Straits Echo and Times of Malaya*, 23 Disember 1948, hlm. 3; *Utusan Melayu*, 23 Disember 1948, hlm. 1.

<sup>160</sup> *The News Straits Times*, 27 Julai 1948, hlm. 4.

<sup>161</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 49, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

tempat persembunyian komunis, telah mengakibatkan sejumlah 409 anggota komunis terbunuh, 268 orang ditawan dan 62 orang telah mengalami kecederaan. Bilangan tersebut berkemungkinan lebih besar, kerana terdapat anggota komunis yang cedera atau terbunuh telah dibawa lari oleh rakan-rakan mereka. Ini berdasarkan penemuan kubur-kubur mangsa.<sup>162</sup>

Di beberapa kawasan yang aktif dengan kegiatan PKM, kerajaan telah diisyiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan perintah berkurung dan kawasan hitam disebabkan berlakunya ancaman serius daripada pihak komunis di kawasan itu. Ramai penduduk baik daripada kalangan orang Cina, India dan Melayu di kawasan perkampungan turut menjadi mangsa pembunuhan komunis dan penyokong komunis.<sup>163</sup> Ini disebabkan mereka disyaki menyampaikan maklumat kegiatan PKM kepada pihak keselamatan tentera dan polis, sehingga kem dan tempat persembunyian gerila PKM diserang dan digempur oleh tentera British.<sup>164</sup>

Mengenai perjalanan kesatuan sekerja, pada Julai 1948, Pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menghantar notis kepada semua pertubuhan dengan memberi amaran, bahawa kegagalan kesatuan mematuhi peruntukan ordinan yang telah dikuatkuasakan itu akan menyebabkan sesebuah pertubuhan itu dibatalkan. Hasil penguatkuasaan ordinan tersebut pada September 1948, walaupun terdapat sedikit notis yang masih tertangguh, sebanyak 95 buah kesatuan telah ditamatkan pendaftaran, kebanyakannya merupakan kesatuan yang dikuasai komunis. Manakala, 166 buah kesatuan sekerja mula menjalankan aktiviti secara normal dengan mendapat sokongan penuh

<sup>162</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 63, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

<sup>163</sup> Wawancara dengan Basri bin Karjo, 8 Mei 2010.

<sup>164</sup> Ahmad Zaki bin Mohd Johari, Disertasi MA Sejarah Malaysia ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Beruas-Pantai Remis, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 104.

kerajaan. Pada akhir September 1948, anggaran ahli-ahli kesatuan sekerja di Tanah Melayu berjumlah 75,564 orang iaitu berkurangan lebih separuh daripada jumlah pada April 1948, iaitu seramai 154,434 orang.<sup>165</sup> Pada Oktober 1948, 12 sijil pendaftaran bagi penubuhan kesatuan telah dibatalkan oleh Pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja, selepas siasatan menunjukkan kesatuan itu didapati berhenti untuk menamatkan kesatuan mereka, manakala dua buah kesatuan dibubarkan disebabkan kekurangan sokongan. Pada bulan November 1948, sebanyak sembilan buah kesatuan sekerja telah berhenti berfungsi, empat buah daripada kesatuan tersebut dibatalkan atas alasan tidak lagi wujud, dua buah kesatuan membubarkan sendiri kesatuan mereka disebabkan kekurangan dana dan minat, manakala tiga buah kesatuan membuat penyelesaian untuk bergabung dalam masyarakat. Berdasarkan angka tersebut memberi sedikit gambaran mengenai sejauh mana PKM telah memperoleh kawalan ke atas sebahagian besar pergerakan kesatuan.<sup>166</sup>

Dengan pengisytiharan darurat itu kerajaan British telah mendedahkan bahawa kegiatan kesatuan sekerja di Tanah Melayu boleh dikategorikan dalam dua bentuk. Bentuk pertama merupakan kesatuan sekerja yang diwujudkan atas perjuangan sebenar untuk pekerja. Kesatuan sekerja berkenaan meneruskan matlamat dan kewujudan mereka, walaupun dalam keadaan darurat diisyiharkan. Manakala, bentuk kesatuan sekerja kedua, merupakan kesatuan sekerja yang ditubuhkan untuk disenggarakan dan dipergunakan bagi kepentingan komunis. Bagaimanapun, kewujudan dan kegiatan kesatuan sekerja bentuk kedua yang dipengaruhi komunis itu, telah berakhir dengan tindakan kerajaan British melaksanakan undang-undang darurat tersebut.<sup>167</sup>

<sup>165</sup> CO 941. Annual Report, 1948, hlm. 11. Lihat juga, Communist Banditry in Malaya, 1948-1949, Extracts From Speeches by the High Commissioner Sir Henry Gurney, hlm. 2 dan 3.

<sup>166</sup> Ibid.

<sup>167</sup> Pejabat Perhubungan Raya, Persekutuan Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Ogos 1948, hlm. 11, dalam Bulletins Public Relations Office Kuala Lumpur 1948.

## **Kesimpulan**

Sepanjang tahun 1948, situasi politik dan ekonomi di Tanah Melayu dalam keadaan tegang. Ini berikutan tindakan mogok yang dilancarkan oleh kesatuan sekerja bagi menuntut kenaikan gaji dan pelbagai kemudahan bekerja yang lebih baik. Sebenarnya tuntutan komunis berselindung disebalik perjuangan kesatuan sekerja dan parti politik berhaluan kiri. Malahan tuntutan mereka kemudiannya menjadi lebih bersifat politik. Tindakan kesatuan dan parti politik tersebut itu sebenarnya menjadi agenda PKM untuk menentang dan melemahkan kerajaan British. British terpaksa menggunakan tindakan menghukum melalui ketegasan penguatkuasaan undang-undang terhadap individu dan pemimpin PKM yang terlibat. Ramai antara mereka yang ditangkap dan dipenjarakan. Malah, ramai juga yang dikenakan tindakan buang negeri ke negara asal mereka. Bagaimanapun, dengan pengisytiharan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, dan dengan keengganan kerajaan British menerima cadangan Perlembagaan Rakyat yang diajukan oleh AMCJA-PUTERA yang mendapat disokong kuat oleh PKM. Ini diikuti dengan tindakan pengharaman terhadap PMFTU serta kesatuan sekerja lain yang dikuasai komunis ketika itu telah menjadi titik berakhirnya dan tamatnya saki baki hubungan kerjasama yang wujud antara kerajaan British dan PKM. Selepas tempoh itu, sejarah hubungan PKM-British adalah diwarnai dengan episod peperangan antara kedua-dua pihak, selepas perang yang tidak diisyiharkan telah dibuat oleh PKM terhadap kerajaan kolonial tersebut pada Mei 1948.

## **BAB 7**

### **KESIMPULAN**

Sejajar dengan perkembangan ideologi komunis di Soviet Union, fahaman komunis kemudiannya berkembang ke China, Eropah, Amerika Syarikat, termasuk di Britain serta di beberapa buah negara tanah jajahannya. Sekitar tahun 1921, Tanah Melayu dan negara rantau Asia Tenggara, turut merasai kemasukan ideologi tersebut. Umumnya, fahaman komunis adalah memperjuangkan golongan proletariet yang ditindas oleh penguasaan ekonomi golongan borjuis-kapitalis. Oleh itu, komunisme dengan tegasnya menentang sistem imperialis-kapitalis yang diamalkan oleh beberapa buah negara barat, termasuklah Britain. Justeru itu, di Tanah Melayu, penularan komunisme didapati mengancam penguasaan ekonomi dan politik British, melalui tindakan kaum buruh yang mereka kuasai hampir sepenuhnya. Kehadiran ideologi komunis di Tanah Melayu, sememangnya tidak disenangi oleh kerajaan British. Menyedari situasi sedemikian, komunis mula bergerak secara rahsia, agar tindakan mereka tidak dapat dikesan oleh pemerintah, sehingga penubuhan PKM pada penghujung April 1930, dilakukan di luar pengetahuan British, tanpa mengikut saluran undang-undang pertubuhan. Keadaan ini menambahkan lagi ketegangan antara kedua-dua pihak dengan tindakan PKM yang bergerak secara haram tanpa dapat dikawal oleh kerajaan.

Namun keadaan sebaliknya berlaku di Britain, Parti Komunis Great Britain, bergerak sebagai sebuah pertubuhan politik yang sah dan bertanding pilihan raya umum di negara tersebut. Pada 1945, kerajaan Parti Buruh yang diketuai oleh

Clement R. Attlee telah memenangi pilihan raya. Parti Komunis Great Britain segera menyertai Parti Buruh bagi membentuk kerajaan. Lai Tek, dilihat cuba mengambil langkah yang sama dengan pendekatan bekerjasama dengan kerajaan British, terutamanya setelah merasakan kedudukan mereka terancam dengan dasar perluasan kuasa Jepun. Bagaimanapun, suasana politik telah berubah setelah tercetusnya Perang Dunia Kedua. PKM didapati berpeluang untuk berada bersama dalam kerajaan dengan melalui hubungan kerjasama dengan British. Kesempatan itu terhasil setelah meletusnya Perang Dunia Kedua, 1941-1945. Dengan kemaraan pantas tentera Jepun dan kemungkinan jatuhnya Tanah Melayu ke tangan kuasa fasis tersebut. Tawaran diajukan oleh PKM kepada British, untuk membentuk kerjasama ketenteraan bagi menentang Jepun. Matlamat Lai Tek sememangnya berjaya dengan menggunakan saat genting tersebut. PKM akhirnya bukan sahaja berjaya membentuk kerjasama ketenteraan dengan British, malah parti tersebut turut diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan politik yang sah oleh British. Malah, ketika awal era pasca perang, sewaktu peralihan kuasa pemerintahan, PKM diberi kuasa untuk menguruskan pentadbiran di Tanah Melayu. Ketika pemerintahan BMA, wakil daripada PKM turut dilantik dalam Majlis Penasihat Negeri, hampir di setiap negeri Melayu. Bagaimanapun, matlamat komunis untuk bergerak lebih jauh dalam kerajaan yang memerintah tidak tercapai, akibat provokasi, hasutan dan mogok yang mereka lakukan terhadap British, adalah jelas menunjukkan hasrat mereka sebenar untuk menggulingkan kerajaan yang memerintah dan menubuahkan sebuah negara republik komunis, seperti yang diwar-warkan dalam manifesto parti tersebut. Dalam pada itu, situasi politik dunia turut berubah dengan berakhirnya Perang Dunia Kedua. Permusuhan antara blok komunis dengan Amerika Syarikat dan sekutunya Britain serta negara-negara Eropah barat yang lain semakin meruncing. Keadaan ini

menyebabkan hubungan PKM dengan kerajaan British turut terjejas. Golongan komunis menggerakkan pelbagai tuntutan kaum pekerja terhadap pihak majikan dan kerajaan British, sehingga menimbulkan ketegangan yang semakin meruncing antara kedua-dua pihak. British sedar bahawa ideologi komunis sedang berkembang di peringkat antarabangsa dan di Tanah Melayu, sememangnya amat bertentangan dengan amalan ekonomi kapitalis British, yang mengaut sebanyak mungkin keuntungan. Keadaan ini tentu akan menjasaskan perkembangan ekonomi Britain dan kuasa politik mereka di negara ini.

Oleh itu, kerajaan British terpaksa mengambil tindakan bagi menyekat ideologi komunis daripada terus berkembang dan menular terhadap penduduk. Tindakan tegas dilakukan melalui penguatkuasaan undang-undang, penangkapan serta pengusiran terhadap pemimpin-pemimpin dan aktivis komunis pulang ke negara asal mereka. Jepun ternyata telah menyatukan Britain berideologi kapitalisme dengan PKM yang menganuti komunisme. British mendapati hanya PKM memiliki kekuatan kerana memiliki organisasinya yang lebih tersusun, jumlah anggota yang ramai serta mendapat sokongan penduduk. PKM diharap satu-satunya organisasi yang dapat membantu British memberi tentangan bersenjata secara berkesan terhadap pendudukan Jepun, setelah kerajaan kolonial tersebut kehilangan sokongan daripada Indian National Army (INA), yang berpaling tadah menyokong Jepun. Kerjasama dengan pihak British menjadikan organisasi PKM semakin kuat setelah mendapat bantuan kewangan, senjata, menyusun organisasi sayap tenteranya MPAJA di samping mereka diberi latihan ketenteraan. Malah PKM diberi kesempatan mengurus tadbir negara untuk seketika. Namun segalanya itu tidak berkekalan. Kedua-dua pihak memiliki matlamat politik yang bertentangan. Mereka menjadi rakan karib

untuk seketika atas keperluan yang terdesak sahaja. Ketika British di ambang kekalahan perang, British bukan sahaja menerima tawaran PKM untuk bekerjasama dalam ketenteraan, tetapi juga menerima syarat-syarat yang diletakkan oleh PKM. Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, PKM dianggap sebagai sebuah pertubuhan haram, disebabkan penubuhannya tidak mengikut Undang-Undang Pertubuhan 1928. Bagaimanapun, dengan pengguguran pengharaman tersebut kini bererti, PKM menjadi sebuah pertubuhan politik yang sah dari sudut undang-undang. Keadaan ini membolehkan kerajaan British berurusan secara telus dengan parti komunis tersebut selama lebih empat tahun sehingga tertubuhnya kerajaan Malayan Union pada 1 April 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, telah meranapkan impian PKM untuk memerintah Tanah Melayu atau sekurang-kurangnya untuk berkongsi kuasa pemerintahan dengan British. Tujuannya untuk menyerang kedudukan tentera Jepun dalam usaha membantu Kerajaan Britain menawan semula Tanah Melayu di bawah Operasi Zipper. Oleh itu, adalah jelas menunjukkan, pasukan bersenjata PKM sememangnya diwujudkan oleh British untuk setelah pasukan itu diberi latihan dan persenjataan serta pelbagai keperluan lain, bagi menyayangi tindakan Jepun yang berjaya mempengaruhi INA yang terdiri daripada tentera India-British serta beberapa parti kiri orang Melayu seperti KMM yang bersifat anti-British untuk bekerjasama menyebelahi mereka.

Ketika pendudukan Jepun, sekitar tahun 1943 hingga 1944. British berusaha menghubungi PKM bagi meninjau keperluan dan kekuatan pasukan tersebut. Dengan itu, dua buah perjanjian ditandatangani antara SEAC bagi mewakili kerajaan Britain yang diwakili oleh Force 136 dengan PKM yang diwakili oleh pasukan gerila bersenjatanya iaitu MPAJA. Melalui perjanjian tersebut, PKM memperoleh

kelebihan dengan mendapat pelbagai keperluan yang membolehkannya mengukuhkan kekuatan organisasi mereka dengan menerima pelbagai kemudahan daripada British. Bagaimanapun, daripada sudut lain, perjanjian tersebut merupakan suatu kejayaan besar kepada British. British berjaya mengikat PKM dan kini PKM kini tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh SEAC, dengan menerima arahan daripada pegawai Force 136 yang mewakili kerajaan Britain sebagai *Commander in Chief*. PKM juga bersedia membubarkan pasukan MPAJA dan memulangkan semula senjata yang diterima kepada British sebaik perang berakhir. Malah, kegagalan PKM mengisyiharkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada kerajaan Britain dengan menjadikan negara ini sebuah negara republik komunis sebaik tamatnya perang amat berkaitan dengan perjanjian yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak sebelum itu. Walaupun perjanjian tersebut menjadikan PKM sebuah organisasi yang dilindungi daripada sudut perundangan oleh kerajaan British. Sebarang tindakan kejam dan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh anggota PKM ketika era pendudukan Jepun dan zaman peralihan kuasa antara PKM dan British sehingga 12 September 1945, dianggap sebagai tindakan yang sah. Oleh itu, tidak ada sebarang tindakan perundangan yang boleh diambil terhadap mereka seperti mana yang diambil terhadap ramai pemimpin tentera Jepun yang didakwa di mahkamah antarabangsa sebagai penjenayah perang.

Bagaimanapun, konflik kembali tercetus semula setelah PKM menerbitkan dan mengusulkan gagasan Lapan Prinsip (Eight Principles). Gagasan tersebut jelas menunjukkan hasrat dan cita-cita sebenar PKM yang mahu agar British keluar dengan seberapa segera daripada negara ini. PKM mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara baru ‘New Malaya’. Sebuah negara yang mengamalkan sistem

demokrasi seperti yang diamalkan oleh Soviet Union. Oleh itu, British diminta agar mematuhi deklarasi Persidangan San Francisco. Deklarasi tersebut telah memutuskan agar negara-negara kolonialis hendaklah memberi kemerdekaan terhadap negara tanah jajahan mereka. Bagaimanapun, gagasan Lapan Prinsip yang diutarakan oleh PKM itu menimbulkan rasa kurang senang kerajaan Britain. Sejak itu, konflik mula tercetus antara kedua-dua pihak. Mogok demi mogok dalam kalangan pekerja dianjurkan oleh PKM bagi menyatakan ketidakadilan kerajaan British pekerja. PKM dengan lantang mengkritik pentadbiran BMA dengan menuntut hak kebebasan bersuara, berpersatuan dan kebebasan membuat penerbitan, di sebalik usaha meluaskan lagi propaganda dan pengaruh mereka terhadap penduduk. British dengan tegas bertindak terhadap tuntutan PKM tersebut. Ramai yang menyertai mogok ditangkap dan dipenjarakan yang cedera dan mati ditembak, termasuk anggota MPAJA. Beberapa akhbar Cina yang pro-komunis yang mengkritik dasar-dasar kerajaan British juga diarah tutup. Pekerja-pekerja dan editornya turut ditangkap dan dihukum penjara sehingga beberapa tahun. Semuanya berlaku dengan pantas, sekitar bulan Oktober hingga November 1945, sebaik sahaja kerajaan British menguasai semula Tanah Melayu. Keadaan tersebut menyebabkan PKM berasa sangat tidak berpuas hati terhadap layanan kerajaan British terhadap mereka, hingga terdapat cadangan daripada pemimpin PKM, mahu parti tersebut menarik semula sokongan mereka terhadap kerajaan British.

Bagaimanapun, bagi menghormati jasa PKM membantu kerajaan Britain menawan semula Tanah Melayu dan Singapura daripada Jepun. Pada 1 Disember 1945, semua anggota dan pemimpin MPAJA di setiap daerah dan negeri-negeri Melayu telah diberi penghormatan, seiring dengan pembubaran pasukan tersebut

sebagaimana yang diputuskan dalam perjanjian sebelum itu. Pemimpin Rejimen Pembebasan MPAJA, dijemput ke Singapura untuk diraikan dan menerima pingat kebesaran. Mereka juga dijemput untuk menyertai Perarakan Kemenangan (*Victory Parade*) di London pada Jun 1946. Bagaimanapun, ternyata fahaman komunis yang dianuti oleh pemimpin MPAJA itu tidak luntur walaupun diberi penghormatan yang cukup besar oleh Kerajaan Britain. Sekembalinya mereka ke Tanah Melayu, ternyata ideologi komunis yang mereka anuti semakin kuat. PKM merasakan bahawa kini mereka telah mendapat sokongan antarabangsa. Dengan itu, tentangan mereka terhadap kerajaan British di Tanah Melayu semakin kuat. PKM mendominasikan tindakan mogok pekerja terutamanya di sektor perladangan, perbadanan pelabuhan, perlombongan, peniaga-peniaga kecil, pengangkutan awam dan majlis perbandaran. PKM menguasai kebanyakan kepimpinan kesatuan sekerja di setiap negeri dan pusat. Tindakan komunis telah mencapai satu tahap berbahaya kepada ekonomi negara dan kekuasaan British. Jika tidak dibendung ekonomi negara akan terjejas. Kesatuan-Kesatuan Majikan telah mendesak kerajaan British supaya mengambil tindakan lebih tegas terhadap pekerja-pekerja yang dipengaruhi oleh komunis. Kerajaan British terpaksa mengambil langkah tegas bagi membendung pengaruh komunis dalam kesatuan-kesatuan sekerja. Ramai pemimpin kesatuan telah ditangkap. Mereka yang didapati bersalah dihantar pulang ke negara asal mereka.

Pada 6 Mac 1947, Chin Peng mengambil alih kepimpinan PKM daripada Lai Tek setelah gagal muncul dalam dan dituduh mengkhianati perjuangan PKM. Kegagalan tuntutan PKM terhadap kerajaan terutamanya cadangan Perlembagaan Rakyat oleh PUTERA-AMCJA, serta beberapa tekanan lain oleh kerajaan British dengan memperkenalkan undang-undang kesatuan sekerja yang baru, bertujuan

menyekat kegiatan PKM yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Dalam keadaan yang terdesak dan kekecewaan terhadap tuntutan yang tidak diterima oleh kerajaan British, dengan segera PKM melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Oleh sebab pemberontakan bersenjata PKM didapati amat serius, kerana dilihat mahu menggulingkan kerajaan yang memerintah secara kekerasan melalui pembunuhan, merosakkan harta benda dan memudaratkan ekonomi negara. Dengan itu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terpaksa mengisytiharkan Undang-Undang Darurat pada 16 Jun 1948 dan pada 23 Jun 1948. Dengan itu, PKM dan beberapa parti berhaluan kiri yang didapati menyokong kegiatan PKM, diharamkan oleh kerajaan British. Dengan kuasa undang-undang tersebut membolehkan kerajaan British bertindak secara langsung terhadap anggota dan parti tersebut. Dengan itu, ramai daripada kalangan anggota parti tersebut telah ditangkap dan dipenjarakan. Sebahagian mereka ditembak mati dalam serbuan-serbuan dan pertempuran yang berlaku antara kedua-dua pihak. Ramai juga daripada kalangan pemimpin dan anggota PKM diusir keluar dari Tanah Melayu. Bagaimanapun, dengan pengharaman ke atas PKM pada 23 Jun 1948, bukanlah bererti berakhirnya organisasi dan perjuangan parti tersebut. PKM terus bergerak sebagai sebuah pertubuhan haram, sebagaimana yang berlaku ke atas parti tersebut ketika era sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. British mengharamkan parti tersebut lanjutan daripada tindak balas PKM dengan mengisytiharkan perang secara rasmi terhadap kerajaan British secara rasmi pada pada 20 Jun 1948.

Oleh itu, rumusan kajian mendapati, hubungan kerjasama antara PKM dan British, yang berlangsung selama sekitar empat tahun setengah daripada Disember 1941 hingga Jun 1946, hanyalah berjalan bersandarkan atas kepentingan, desakan dan muslihat antara kedua-dua pihak. Ternyata, kedua-dua kuasa politik itu memiliki

strategi bagi memenangi ideologi dan kepentingan politik masing-masing. Akhirnya, British menggunakan kekuatan mereka sebagai pemerintah bagi menghalang gelombang kebangkitan komunis tempatan dan juga antarabangsa yang menjadi satu ancaman besar kepada sistem kapitalisme kuasa Barat tersebut di Tanah Melayu dan Singapura ketika itu.

## **RUJUKAN**

### **REKOD PEJABAT KOLONIAL**

CO 1180/297, Annual Report On The 1947: Census of Population.

CO 1022/178, Ext Act From F.M. CID Intelligence Report August-September 1948.

CO 1022/187, Petikan Akhbar Times, 19 Februari, 1952.

CO 1022/187, The Enemy in Malaya, A Military Force Under Political Direction.

CO 537/1581, HQ Malaya Command Weekly Intelligence Summary.

CO 537/1582, HQ Malaya Command Weekly Intelligence Summary.

CO 537/2140, HQ Malaya Command Fortnightly Intelligence Review No. 54.

CO 537/2148, Reactions to Constitutional Proposals: Counter Proposals by PUTERA and AMCJA.

CO 537/2149, Reactions to Constitutional Proposals: Anti-Hartal Legislation.

CO 537/2150, SAVINGRAM Governor Malayan Union To Secretary of State for the Colonies, 9 January 1947.

CO 537/2151, From Malayan Union Secret 428.

CO 537/3753, Malaya: Political Intelligence Journals.

CO 574/88-90, British Military Administration Malay Gezette of the Malay Peninsula, No 11, Vol. 1, Kuala Lumpur, Thursday 1<sup>st</sup> November 1945.

CO 941/1. Annual Report 1948.

CO 941/1. Public Record Office Annual Report on Federation of Malaya, 1948.

FO 371/27734/China/Kuomintang and San Ming Chu I Youth Corps in Malaya.

FO 371/69698, General/Messages for the President of the Council Of Minister on the Communist Situation in Malaya.

FO 371/69698, Record of Conversation Between Mr Noel Baker and Mr Scott on Assistance From Australia and New Zealand in Malaya.

## **REKOD KERAJAAN PERSEKUTUAN**

AL Adviser (M.P.) No. 117/1946, MU / 3211/47. Conformation of Sentences Under Sec. 8 (2) of The Court Proclamation Perak Criminal Trial, 32/46.

Annual Report 1948. LAB-TPG. 2-49. Annual Report of the Labour Department for the Year 1948.

Annual Report 1947. Trade Union Registry, Malayan Union.

Attorney General's Chambers, F.M., No. 179/49.

British Military Administration, Malaya Gazette, November 2, 1945.

British Military Administration Malaya, Proclamation No. 4 (Malaya Peninsula), SP 18/8B/42. 22 September 1945.

British Military Administration. Region No. 4. Sel CA, File No.335/1945 (1), British Military Administration (Malaya), Advisory Council Perak, Report Proceeding.

British Military Administration. Region No. 4. Sel CA, File No. 335/1945 (2), British Military Administration (Malaya), Advisory Council Perak, Report Proceeding.

British Military Administration, S.C.A.O. Region No. 9. Chinese Resistance Organisations, File No. 9/45.

BMA, S.C.A.O., 35/1945, B.M.A, Policy With Regard to Meetings and Associations.

BMA, S.C.A.O., PHG. 436/1945, Advance for Force 136 at Bentong and Kuantan.

BMA, S.C.A.O., Confidential 60-1945, Party Kebangsaan Melayu Sa-Malaya.

BMA, Sel. C.A., No. 62/1946. District Advisory Council Klang.

CA(MPU)War Off. M.G.D ADM 8/1 (Chinese Affairs) Review of During Occupation.

CA(MPU)War Off. M.G.D ADM 8/2 (Chinese Affairs) Review of During Occupation.

CA(MPU)War Off. M.G.D ADM 330: Administration-Information, Cession of Malay State to Siam by Japanese.

D.C.C.A.O., 227/45. Resistance Force, Force 136.

D.C.C.A.O., No 227/45. Discipline-Malayan People Anti-Japanese Army.

Departmental Papers. H.C.O., No 344-29. C.P 417/47. Correspondence From and to H.B Malaya's Consul-General Canton, Regarding Communist in Malaya Forward for Transmission to the British Adviser, Kedah.

D.G. Kent, SGT. P.L.O., Operation Carpenter Green, Report on General Situation of AJUF in Malaya, Disember 1945.

D.M.S.(F.M.), Conf. 31/1948. State of Emergency due to Communist Campaign of Terrorism in Malaya.

D.O.K.M., 32/1368. Emergency Repatriation of Aliens Who Assist Communist Terrorists. Departments of Public Relations, Kuala Lumpur, 19.12.1948 - 18.2.1368?

Federal Secretariat 11054/1948. Devan Estate (Malacca) Ltd, Damage to Semantan Estate. Claim Detailing Loss and Damage Sustained During an Attack by Communist.

Fed. Sec. 13617/1949, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Period 1<sup>st</sup> Jan. to 31<sup>st</sup> Dec. 1948.

General Dept. /8/22. Rice Control Board (Malaya) Minutes of Meeting.

General: MLF/261. Dal Force, Notes on the Volunteers During the Japanese Occupation.

General: MLF/150. Report on Johore Volunteer Force.

Labour 250/46: Labour Conditions in the Malayan Union 1946. Malayan Union, No. 1763/1946, CP/MU, AGMU 310/46. Aziah binte Haji Hassan, Batu Pahat, 23.6.46: Request That Enquiry be Held Regarding the Murder of Her Late Husband Yahya bin Haji Bakri.

Malayan Union, No. 4290/1947, Che Mahmud bin Baginda, Ex Overseer PWD, Kuala Lipis. Surat dari Federal Treasury, Kuala Lumpur kepada Deputy Chief Secretary, Federation of Malaya, Kuala Lumpur.

M.G. Div. General B. Dept. /2/15: Singapore Dock Strike.

M.G. Div. General B. Dept. /2/23: Labour and Immigration. Memorandum and Labour Problems.

Military Govt. Div. ADM/704. Public Relation; Chinese Affairs, Notes on Chinese in Malaya.

M.U. 517/47. Commissioner for Labour Malayan Union: Labour Department Report.

NAB. 1084, HS 1/107, SOE Far East Malaya No. 72.

Personnel and Reconstruction RP/55. Singapore Advisory Council.

Proposal Formation of 10 Platoon of Chinese Jungle Squads, SP 3/A/31. 09 .10. 1948.

RCP. MU. 930/1947, M.U.S., KL. 24. 6 . 47. Court Enquiry on Shooting Incident at Kedah.

R.C.TR. Registration of Trade Union, 4 September 1947.

Secretariat ADM 8/64. Propaganda: Propaganda in Support of Constitutional Change.

Secretariat Dept./2/26. Labour Office Hours.

Straits Settlements Secret. CBO CF. 158/1941.

### **REKOD KERAJAAN NEGERI**

Negri Sembilan, No. 2531 / 1946, Anniversary of Disbandment of the Malayan People Anti-Japanese Army.

N.S. 1129/1940. Banishment of Lee Ping alias Lee Kui, son of Lee Chong, a Hakka Chinese Communist.

N.S. Secretariat, 237/1938. Annual Report, 1937.

N.S. Secretariat, 237/1940. The Trade Union Bill, 1940.

Perak Secretariat, 1909/47, 1947.

Perak Secretariat, 1862/47.

Perak Secretariat, 2/1946. Communal Disturbances.

Perak Secretariat, 811/1948. Banishment Ordinance, 1948.

Perak Secretariat, Pk. Sec. (G) 7949/1946. Incident at Sitiawan on 10.10.46, The Communist Party of Malaya Petition.

Perak Secretariat, Pk. Sec. 517/48/ 1B, Dindings District Annual Administration Report, 1947.

Perak Secretariat, Pk. Sec. 1862/47. Chinese Padi Planters in Sitiawan.

Perak Secretariat, Pk. Sec. 3216/1948. Perak State Intelligent SITREP for The 24 Hour Ending.

PK. Secretariat. 1759/48. Liu Yit Fan, Representative of the Malayan Communist Party. Petition Regarding the Prosecution of ?

Pahang Confidential 42/37. Efforts to Deal With Communist.

PHG. Conf. 103/47., MPAJA Amnesty.

Sel. C.A. 162/45. The Selangor State Committee The Communist Party Of Malaya; The Selangor State Committee C.P.M (18); Petition Regarding the Food Problem.

Sel. Civil Affairs. 162/1945. The Selangor People Representatives Conference II The CPM.

Selangor Confidential. 58/30. Communist Activities in Kuala Lumpur

Selangor Confidential. 66/29. Imprisoner Against Tan Kim and Toh Deck, Communist.

Sel. Sec. 2123/1948. Detention of Ahmad Boestamam Under the Emergency Regulation.

Sel. Sec. G. 915/1932. Petition Against the Arrest of her Husband Oh Giok on a Charge of Fixing a Communist Flag at the Public Latrine.

R.C. Sel. 327/1946. Minutes of Meeting of the Advisory Council of the Malayan Union.

## **BULETIN**

Bulletins Public Relation Office, Kuala Lumpur, 1948.

Communist Banditry in Malaya, Extract Speeches by the High Commissioner, Sir Henry Gurney.

F 3281, Difference of Opinion between Mr. Donald and Chiang Kai Shek, 1940.

## **LAPORAN**

Post Surrender Tasks, Section E Of the Report To the Combined Chiefs Of Staff By The Supreme Allied Commander SOUTH EAST ASIA 1943-1945. Vice Admiral The Earl Mountbatten Of Burma, London: Her Majesty Stationery Office.

## **MEMORANDUM dan SURAT-SURAT PERSENDIRIAN**

Memorandum daripada Jawatankuasa PKM Negeri Selangor kepada Secretary Commissioner Malayan Union pada 11 Jun 1946, dalam Petition Regarding the Food Problem.

Surat Abdullah C.D kepada Ahmad Fuad bin Mohd Khalil, dalam ‘Pergaduhan Kaum di Kampung Bekor, Kuala Kangsar Perak selepas Pendudukan Jepun’: Sejarah Kajian Tempatan bagi Pengijazahan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Pulau Pinang, 1999/2000.

Surat Gerald de Cruz kepada Malayan Democratic Union dan Setiausaha Agong PUTERA dan AMCJA, pada 4 Januari 1948.

Surat Menyurat Tun Tan Cheng Lock dengan Mr. Gerald De Cruz Mengenai Malayan Union Constitutional, 29 Ogos 1948 - 28 September 1948.

Surat Menyurat Tun Tan Cheng Lock dengan Mr. K.W. Blackburne, Director Information Service Colonial Office London, 13.8.1948 hingga 15.1.1949.

Surat Mustapha bin Hussain, Vice-President, Kesatuan Melayu Muda, Taiping kepada Raja Kamarulzaman, 30 Mac 1942 (Versi Inggeris) dalam K.M.M., Headquarters, Taiping.

Surat Pekeliling Rahsia ‘Offences of Murder, Abduction etc., by Members of MPAJA up to 12/9/1945’. Lt. Col. F.R. Massey, Legal Officer BMA (MP), HQ BMA, Kuala Lumpur, kepada SCAO Major Wylie, Legal Department, Kuala Lumpur.

Surat Rahsia R. Rendle, CAO Kinta kepada SCAO Perak, Mengenai Civil Disturbances, dalam SCAO, PK. 2/46, Surat Bertarikh 11 Mac 1946.

Surat Terjemahan, daripada Presiden Sasaran Rakyat kepada Pegawai Hal Ehwal Awam Selangor bertarikh 7.6.1946. Dalam Sel. C.A. 162/45.

Surat Tun Tan Cheng Lock kepada Loh Beng Hian, Secretary General Trade Union, bertarikh, 9 November 1946.

## **BUKU**

Abdullah C.D, *Memoir Abdullah C.D; Perjuangan di Sempadan dan Penamatan Terhormat*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2009.

Abdullah C.D, *Memoir Abdullah C.D; Zaman Pergerakan Sehingga 1948*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2005.

Abdullah C.D, *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong: Nan Dao Publisher (Cetakan Pertama), 1998.

Abdullah C.D, *Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.

Abraham, Colin. "The Finest Hour" *The Malaysian-MCP Peace Accord in Perspective*, Petaling Jaya: SIRD, 2006.

Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora, 1972.

Akashi, Yoji (edited), *New Perspectives on the Japanese Occupation in Malaya and Singapore, 1941-1945*, Singapore: Nur Press, 2008.

Andaya, Barbara Watson. *A History of Malaya*, (edisi kedua), London: Palgrave, 2001.

Andaya, Barbara Watson. *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan, 1983.

Archives and Oral History Department, *Road To Nationhood Singapore, 1819-1900*, Singapore: Singapore News and Publication Limited, 1984.

Attlee, Clement Richard. *Empire into Commonwealth*, Oxford University Press: New York, 1961.

Aun Gwee Hock, M.E.S., *The Emergency in Malaya*, Penang: Sinaran Brothers Limited, 1966.

Bah Kah Choon. *Rehearsal for War: The Underground War against the Japanese*, Singapore: Horizon Books, 2002.

Balaram, Nhaliveettle Edavalath. *A Short History of The Communist Party of India*, Prabhath Book House: Trivandrum-Alleppey-Ernakulam-Kozhikode-Cannanore, 1967.

Barber, Andrew. *Kuala Lumpur at War, 1939-1945: A History of Kuala Lumpur and Selangor during World War Two*, Karamoja: Kuala Lumpur-Malaysia, 2012.

Bayly, C.A. (Christopher Alan) dan Harper, T.N (Timothy Norman). *Forgotten Armies: Britain's Asian Empire and The With Japan*, New York: Penguin Books, 2005.

Blackburn, Kevin. *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*, Singapore: NUS Press, 2012.

Bose, Romen. *Secrets of the Battlebox*, Singapore: Marshall Cavendish, 2011.

Brimmell, Jack Henry. *A Short History of the Malayan Communist Party*, Singapore: Donald Moore, Tarikh ?

Bunge, Federica M. *Malaysia: A Country Study*, Washington USA: The American University, 1984.

Chin, C.C. and Karl Hack, *Dialogues With Chin Peng: New Light On The Malayan Communist Party* (edited), Singapore: Singapore University Press, 2005.

Chapman, F. Spencer. *The Jungle is Neutral*, Singapore: Times Edition International, 1997.

Cheah Boon Kheng. *Red Star Over Malaya; Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1948*, National University of Singapore: Singapore University Press, 1983.

Cheah Boon Kheng. *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu, 1925-1945*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

Chin, Aloysius. *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*, Kuala Lumpur: Vinpress (Sdn Bhd.), 1994.

Chin Peng. *My Side of History*, Singapore: Media Masters, 2003.

Chung Gi Kwei, *The Kuomintang-Communist Struggle in China, 1922-1949*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1970.

Chye, Kooi Loong. *The British Battalion in The Malayan Campaign, 1941-1942*, Kuala Lumpur: Documentation and Publication Unit Department of Museums and Antiquities Malaysia, 2002.

Clutterbuck, Richard L. *Riot and Revolution in Singapore And Malaya, 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited, 1973.

Clutterbuck, Richard L. *The Long, Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*, London: Cassell and Company LTD, 1967.

Comber, Leon. *13 May 1969: A Historical Survey of Sino-Malay Relations*, Singapore 0718: Graham Brash (Pte) Ltd, 36-C Prinsep Street, 2001.

Comber, Leon. *13 May 1969: The Darkest Day in Malaya History*, Singapore: Marshall Cavendish Editions, 2012.

*Communism in Malaysia and Singapore*, Pengarang dan Penerbit ? Kuala Lumpur: 1971.

Cooper, Bryan C. *Decade of Change; Malaya and The Straits Settlement 1936-1941*, Singapore: Grahams Brash, 1998.

Corfield, Justin J. *The Fall of Singapore: 90 Days, November 1941-February 1942*, Singapore: Talisman Publishing Pte. Ltd, 2012.

Craig, F.W.S. *British Parliamentary Election Results 1918-1949*, London: The Macmillan Press LTD, 1977.

Cruickshank, Charles. *SOE in the Far East*, Oxford New York: Oxford University Press, 1983.

Dennis, Peter., Grey, Jeffrey. *Emergency and Confrontation: Australian Military Operation in Malaya and Borneo, 1950-1966*, Australia: Allen and Unwin, Australia War Memoir, 1996.

Director Oral History Department, *Oral History Manual*, Singapore: Oral History Department 140 Hill ST Singapore 0617, 1988.

Dobree, Peter George James, *Hujan Panas Bawa Bencana*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Eatwell, Roger. *The 1945-1951: Labour Government*, London: Batsford Academic, 1979.

Emerson, Rupert. *Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (cetakan ketiga), 1979.

Feis, Herbert. *Between War and Peace: The Postsdam Conference*, London: Oxford University Press, 1960.

Feuerwerker, Albert. *Modern China*, New Jersey: Eaglewood Cliffs, 1964

Fic, Victor M. *Peaceful Transition to Communism in India: Strategy of the Communist Party*, Nachiketa Publications: Bombay India, 1969.

Great Britain. Ministry of Defence (NAVY), *War With Japan: Background to the War* (Volume 1), London: HMSO, 1995.

Gullick, J.M. *Malaya*, London: Ernest Benn Limited, 1964.

Hack, Karl. *Defence and Decolonisation in Southeast Asia: Britain Malaya and Singapore*, Cornwall: Curzon Press, 2001

Hack, Karl. *Did Singapore Have To Fall?: Churchill and the impregnable fortress*, London and New York: Routledge, 2003.

Hanrahan, Gene Z. *The Communist Struggle in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1971.

Hembrey, Boris. *Malayan Spymaster: Memoirs of a Rubber Planter, Bandit Fighter and Spy*, Singapore: Monsoon Books Pte. Ltd, 2011.

Ho Hui Ling. *Darurat 1948-1960, Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2004.

Ho Hui Ling. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2010.

Hogan, Micheal J. *The Marshall Plan: America, Britain, and the Reconstruction of Western Europe, 1947-1952*, Cambridge: Cambridge University Press, Tahun?

Ibrahim Chik, Memoir Ibrahim Chik, *Dari Api ke Rejimen Ke-10*, Petaling Jaya, Malaysia: Strategic Information Research Development, 2010.

Indrajaya Abdullah (terjemahan dan adaptasi), *Ringkasan Sejarah Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya*, Petaling Jaya Malaysia: SIRD, 2014.

*Islam Melayu Komunis*; Wawancara dengan Abdullah C.D, Rashid Maidin, Abu Samah, Petaling Jaya, Malaysia: Strategic Information Research Development, 2005.

Jackson, Robert. *The Malayan Emergency; The Commonwealth's War 1948-1966*, London and New York: Routledge, 1991.

Kamus Dewan, (edisi Keempat), Kuala Lumpur: Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Kennedy, J. *History of Malaya*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007.

Khong, Kim Hoong. Merdeka: *British Rule And The Struggle For Independence In Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Strategic Information Research Development (SIRD.), 1984.

Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence, in Malaya, 1945-1957*, Kuala Lumpur: Institute for Social Analysis (INSAN), 2003.

Kitti Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*, Bangkok, Thailand: Duangkaew Publishing House, 1996.

Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang, (edited), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984.

Kratoska, Paul H. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945: A Social and Economic History*, Honolulu: University of Hawai'i Press, 1997.

Kratoska, Paul H. *Malaya and Singapore During The Japanese Occupation*, (edited), 'Journal of Southeast Asian Studies Special Publication Series No. 3', Singapore: Singapore University Press, 1995.

Kua Kia Soong, *Patriots and Pretenders: The Malayan People's Independence Struggle*, Petaling Jaya Selangor: Suaram Komunikasi, 2011.

Kubek, Anthony, *How the Far East was Lost: American Policy and the Creation of Communist China, 1941-1949*, Chicago: Henry Regnery Company, 1963.

Lau, Albert. *The Malayan Union Controversy, 1942-1948*, Singapore: Oxford University Press, 1991.

Lebra, Joyce C. *Japanese Trained Armies in Southeast Asia*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.

Lee, Cecil. *Sunset of the Raj-Fall of Singapore 1942*, Edinburg: The Pentland Press Limited, 1994.

Leong Yee Fong. *Labour and Trade Unionism in Colonial Malaya; A Study of the Socio-Economic and Political Bases of the Malayan Labour Movement, 1930-1957*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1999.

Lewis, T.P.M. (penterjemah; Mohd Noor Long), Changi: Tahun-Tahun Gerhana, 1941-1945, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1992.

Lim Pui Huen dan Diana Wong (edited), *War and Memory in Malaysia and Singapore*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2000.

Louis, Allen. *Singapore, 1941-1942*, London: Davis-Poynter, 1977.

Lyon, Peter. *War and Peace in South-East Asia*, London: Oxford University Press, 1969.

Macfarlane, L.J. *The British Communist Party: Its Origin and Development Until 1929*, London: Macgibbon and Kee, 1966.

Masykur Arif Rahman, *Tan Malaka; Pahlawan Besar yang Dilupakan Sejarah*, PALAPA: Jogjakarta, 2013.

McKie, Ronald, *The Emergence of Malaysia*, Westport, Connecticut: Greenwood Press Publisher, 1963,

*Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Miller, Harry. *The Story of Malaysia*, Kuala Lumpur: Synergy Media, 2007.

Milne R.S. dan Mauzy Diane. K. *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.

Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows. *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd., dan Yayasan Pelajaran Islam (Edisi Kedua), 2007.

Mohd Isa Othman. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., 2002.

Mohd Reduan Haji Asli. *Pemberontakan Bersenjata komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Mohamed Salleh Lamry. *Gerakan dan Tokoh Kiri: Kamarulzaman Teh Dalam Kancang Perjuangan Kemerdekaan*, Petaling Jaya Malaysia: SIRD, 2006.

Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

*Mountbatten Eighty Years in Picture*, London: Macmillan, 1979.

Montgomery Brian, *Shenton of Singapore: Governor and Prisoner of War*, London:

Leo Cooper, Secker and Warburg, 1984.

Moynahan, Brian. *Jungle Soldier: The True of Freddy Spencer Chapman*, London:

Ellipsis Books Limited, 2009.

Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur, Abdullah Zakaria Ghazali (edt.), *Historia*,

Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1984.

Newton Kenneth, *The sociology of the British Communism*, London: Allen Lane The Penguin Press, 1969.

Ngal John A. *Counterinsurgency Lesson From Malaya and Vietnam*, Westport Connecticut London: Praeger, 2002.

Ong Chit Chung, *Operation Matador: World War II, Britain's Attempt to Foil the Japanese Invasion of Malaya and Singapore*, Singapore: Eastern Universities Press, 2003.

Ong Hak Ching, *Chinese Politics in Malaya 1942-1955: The Dynamics of British Policy*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.

Othman Mohd Yatim, *Dinding Jajahan Istimewa di Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1994.

Owen Frank, *The Fall of Singapore: Great True Stories of World War Two*, London:

Micheal Joseph Ltd, 1960.

Palmer, R.R (Robert Roswell), Colton Joel, Kramer Llyod, *A History of the Modern World*, New York: McGraw-Hill, 2002.

Ping Chia Kuo (terjemahan, Drs. Li Chuan Siu) *Tiongkok*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965.

Poeze, Harry A. *Tan Malaka, Gerakan Kiri dan Revolusi Indonesia* (Edisi Pertama, 2014), Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2014.

Price, Harry Bayard. *The Marshall Plan and Its Meaning*, Ithaca, New York: Cornell University Press, 1955.

Purcell, Victor. *Orang-Orang Cina di Tanah Melayu*, (terjemahan), Nik Hasnaa Nik Mahmood, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1997.

Purcell, Victor. *The Chinese in Malaya*, London: Oxford University Press, 1967.

Qasim Ahmad (penyelenggara), *Kekerasan Dalam Sejarah, Masyarakat dan Pemerintah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Raj, J.J. Jr. *The War Year and After*, Selangor Darul Ehsan: Pelanduk Publications, 1995.

Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam; Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Rashid Maidin, *From Armed Struggle to Peace*, Petaling Jaya: Strategik Information and Research Development Centre, 2009.

R.M. Affandi, *Revolusi Yang Menempa Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1974.

Rousset, David. *The Legacy of The Bolshevik Revolution; A Critical History of The USSR*, Volume 1, London-New York: Allison and Busby, 1982.

Rustum A. Sani, *Asal Usul Sosial Golongan Kiri Melayu; Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2011.

Schmitt, Hans A. *The Path to European Union; From the Marshall Plan to the Common Market*, United State of America: Louisiana State University Press, 1962.

Shamsiah Fakeh, *Dari AWAS ke Rejimen Ke-10*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

Shan Ru Hong, *Gold in The South: The Story of an Immigrant*, Kuala Lumpur: Penerbitan Abad Dua Puluh Satu, 2007.

Sharul Anuar. Biografi Mubarak Melaka, *Datuk Hj. Ahmad Bin Hj. Joned, Pejuang Force 136*, Universiti Teknikal Malaysia Melaka: Penerbit Universiti Kampus Bandar UTMM, 2008.

Shaw, Antony dan Westwell, Ian. *World in Conflict 1914-45*, London: Fitzroy Dearborn Publishers, 2000.

Shennan, Margaret. *Out the Midday Sun: The British in Malaya, 1880-1960*, London: University Press, Cambridge, 2000.

Shih Toong Siong. *The Foochows of Sitiawan; A Historical Perspective*, Sitiawan: Persatuan Kutien Daerah Manjung, 2004.

Shinozaki, Mamoru. *Syonan-My Story: The Japanese Occupation of Singapore*, Singapore: Asia Pacific Press, 1975.

Short, Anthony. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Limited, 1975.

Silver, Lynette Ramsay, *The Heroes of Rimau*, Singapore: Cultured Lotus, 2001.

Simon C. Smith. *British Relation With The Malay Rulers From Decentralization to Malayan Independence, 1930-1957*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995.

Stenson, Micheal. *Class, Race and Colonialism in West Malaysia; The Indian Case*, Queensland: University of Queensland Press, 1980.

Stenson M.R. (Micheal Roger), *Depression and Revolt: The Origin of the 1948 Communist Insurrection in Malaya and Singapore*, Ohio University, Center for International Studies Papers in International Studies Southeast Asia Series No. 10, 1969.

Stenson M.R. (Micheal Roger), *Industrial Conflict in Malaya: Prelude to the Communist Revolt 1948*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977.

Steward, Brian. *Smashing Terrorism in The Malayan Emergency: The Vital Contribution of the police*, Subang Jaya Selangor: Pelanduk Publication, 2004.

Stockwell, A.J. (Anthony John). *British Policy and Malay Politic during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1979.

Stubbs Richard, *Hearts And Minds In Guerrilla Warfare; The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

Suriani Abdullah, *Memoir Suriani Abdullah, Rejimen ke-10 dan Kemerdekaan*, Hong Kong: Nan Dao Publisher (Cetakan Pertama), 1999.

Suriani Abdullah, *Memoir Suriani Abdullah; Serikandi Suriani Abdullah*, Petaling Jaya Malaysia: Strategic Information Research Development (SIRD), 2005.

Suriani Abdullah, *Setengah Abad Dalam Perjuangan*, Petaling Jaya: Strategic Information Research Development (SIRD), (cetakan Pertama), 2006.

Tan Chong Tee, *Force 136: Story of WWII Resistance Fighter* (English Edition), Singapore: Asiapac Books, 1995.

Tan Malaka, *Dari Penjara ke Penjara* (Bahagian III), Jakarta: TePlok Press, 2000.

Taufiq Ahmad Nizami, *The Communist Party and India's Foreign Policy*, New Delhi-5: Associated Publishing House, 1971.

Thomson, David. *Eropah Sejak Napoleon*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978.

Trenowden, Ian. *Malayan Operations Most Secret-Forces 136*, Singapore: Heinemann Asia, 1983.

Tsuneo Watanabe dan Auer, James E (Edited). *From Marco Polo Bridge to Pearl Harbor: Who was Responsible?* Tokyo: The Yomiuri Shimbun, 2006.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, *Malaysia The Road to Independence*, Subang Jaya, Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd. 2007.

Turnbull C.M, *A History of Singapore, 1819-1975*, Singapore: Oxford University Press, 1977.

Vaizey, John. *The Squandered Peace, The World: 1945-1975*, London: Hodder and Stoughton, 1983.

Wan Hashim Wan Teh, *Perang Dunia Kedua: GERILA MELAYU FORCE 136*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.

Williams, Francis. *Twilight of Empire: Memoirs of Prime Minister Clement Attlee*, Westport, Connecticut: Greenwood Press Publishers, 1961

Wong, James Wing On. *From Pacific War To Merdeka: Reminiscences of Abdullah C.D, Rashid Maidin, Suriani Abdullah and Abu Samah*, Petaling Jaya: SIRD, 2005.

Yong, C.F. (Ching Fatt)., McKenna, R.B., *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*, Singapore: Singapore University Press, 1990.

Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, Petaling Jaya: Penerbitan Lajmeidakh Sdn. Bhd, 1987.

## JURNAL

Ho Hui Ling, ‘Keadaan Hubungan Kaum di Tanah Melayu, 1948-1960: Satu Tinjauan’, *Purba*. Bilangan 26, 2007.

Ho Hui Ling, ‘Pendaftaran Kebangsaan dan Penggunaan Kad Pengenalan: Usaha Kerajaan Dalam Menangani Masalah Komunis di Tanah Melayu Pada Zaman Darurat dan Reaksi Komunis’, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia. Bilangan 34, 2006.

Lim Seng Haw, Gerakan Kesatuan Sekerja dan Penubuhan Parti Buruh Malaya, *Malaysia dari segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2006.

Mahmud Embong, ‘Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu 1924-1938’, *Purba*. Bilangan 11, 1992.

Mahmud Embong, ‘Golongan Revolusioner Komunis Indonesia di Tanah Melayu dan Kesan Awal Ke Atas Pergerakan Komunis Melayu 1924-1942’, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia. Bilangan 32, 2004.

Suffian Mansor, ‘Persidangan Yalta dan Kesannya ke Atas Asia Timur,’ Sejarah, Jurnal Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

Malaysia dari segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1972.

Malaysia dari segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1992.

Malaysia dari segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2012.

Malaysia dari segi Sejarah, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2015.

## **TESIS/DISERTASI**

Ahmad Zaki bin Mohd Johari, ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan’, Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Ho Hui Ling, ‘Keadaan Sosial di Tanah Melayu 1948-1960’, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Ishak bin Saat, ‘Radikalisme Melayu dari Perak 1945-1970: Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan’. Tesis Ph.D, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, 2007.

Khoo Kay Kim, ‘The Beginnings Of Political Extremism In Malaya, 1915-1935’ Disertasi MA, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1973.

Mahmud Embong, ‘Regimen ke-10 Parti Komunis Malaya, 1948-1989’, Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2007.

Rosli bin Jamaluddin, ‘Darurat di Perak, 1948’, Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Leong, Stephen Mun Yoon, ‘Sources, Agencies and Manifestations of Overseas Chinese Nationalism in Malaya, 1937-1941’, Tesis Ph.D., University of California, Los Angeles, 1976. (Xerox University Microfilms, 300 North Zeeb Road Ann Arbor, Michigan, 48108.

## **KAJIAN TEMPATAN**

Ahmad Fuad bin Mohd Khalil, 1999/2000. ‘Pergaduhan Kaum di Kampung Bekor, Kuala Kangsar Perak selepas Pendudukan Jepun’, Sejarah Kajian Tempatan bagi Pengijazahan Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Pulau Pinang, 1999/2000.

## **KERTAS KERJA SEMINAR**

Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Komunikasi dan Komunisme di Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1960: Kempen Memenangi Jiwa dan Pemikiran Penduduk’, dalam Seminar Sepagi Komunikasi dan Komunisme; Ke arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 Mac 2010.

Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Dari Malayan Union ke Persekutuan Tanah Melayu: Hidup Melayu, UMNO dan Dato’ Onn bin Jaafar’, dalam Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato’ Onn Jaafar, Anjuran Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan

Yayasan Warisan Johor dengan Kerjasama GAPENA, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademi Pengajian Melayu, 1-4 Disember 2006.

Abdullah Zakaria Ghazali, ‘Chin Peng dan Komunis: Satu Perbicaraan Akademik’, Kertas Kerja Seminar, Wacana Sejarah Semasa, Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 11 Oktober 2013.

Ho Hui Ling, ‘Sejarah Perkembangan Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu, 1930-1960’, Kertas Kerja Seminar Sepagi Komunikasi dan Komunisme; Ke arah Memperingati 50 Tahun Tamatnya Darurat, Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 Mac 2010.

Ho Hui Ling, ‘Chin Peng dan PKM’, Kertas Kerja Seminar, Wacana Sejarah Semasa, Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 11 Oktober 2013.

## AKHBAR

*Berita Ahad*, 24 Oktober 1948.

*BMA / Johore Newssheets No. 10*, 31 Mac 1946.

*BMA News in Picture*, 23 Januari 13.

*BMA News Peninsula*, edition 1946.

*BMA News Peninsula*, 13 Mac No. 4.

*BMA News Peninsula*, 27 Mac No. 2.

*Majlis*, 10 Oktober 1945.

*Malai Sinpo*, April-Jun 2603 (1943).

*Sunday Times*, 25 Julai 1948.

*The Malay Mail*, 5 September 1945; 10 Januari 1946; 14 Januari 1946; 2 Mac 1946; 10 Jun 1948; 11 Jun 1948; 14 Jun 1948; 15 Jun 1948; 16 Jun 1948; 17 Jun 1948; 30 Disember 1948; 3 Januari 1949; 6 Januari 1949.

*The Malaya Tribune*, 18 Oktober 1945; 9 Januari 1946; 18 Januari 1946; 22 Januari 1946; 11 Mac 1946; 6 Januari 1949.

*The Malay Weekly Mail*, 1 April 1937.

*The Straits Echo and Times of Malaya*, 23 Disember 1948; 30 Disember 1948; 31 Disember 1948.

*The Straits Times*, 10 September 1945; 27 Oktober 1945; 3 Disember 1945; 8 Disember 1945; 9 Mac 1946; 27 Julai 1948; 28 Ogos 1948; 31 Disember 1948; 10 Februari 1950.

*The Sunday Mail*, 2 Januari 1949.

*The Sunday Tribune*, 13 Januari 1946; 20 Januari 1946; 22 Januari 1946.

*Utusan Melayu*, 23 Disember 1948.

## WAWANCARA

Abdullah Aris bin Abbas, Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak. 16 September 2012.

Abdullah bin Said, Kampung Tengah, Panchor, Pantai Remis, Perak. 11 November 2010.

Abdul Aziz bin Shaari, Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak. 24 Januari 2011.

Abdul Mutualib bin Mohamed, Kampung Gelong Pepuyu, Beruas, Perak. 16 Disember 2009.

Abdul Wasit bin Mohd Nasir, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 11 Julai 2010.

Abu Bakar bin Lebai Hashim, Kampung Batu 51, Sungai Batu, Pantai Remis, Perak, 01 April 2010.

Abu Bakar bin Yahya, Kampung Tersusun, Beruas, Perak. 01 Mei 2010.

Ahmad bin Othman, Kampung Sungai Wangi, Sitiawan, Perak. 19 Mac 2010.

Ahmad bin Said, Kampung Bumi Hijau, Pengkalan Bharu, Pantai Remis, Perak. 02 Jun 2010.

Ahmad Tajuddin bin Hashim, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 26 Mei 2010.

Ariffin bin Yahaya, Kampung Mandi Upah @ Batu 36, Jalan Sitiawan, Beruas, Perak. 10 Julai 2010.

Basri bin Karjo, Kampung Tualang, Beruas, Perak. 08 Mei 2010.

Fatimah binti Abidin, Kampung Batu 51, Sungai Batu, Pantai Remis, Perak. 20 Ogos 2010.

Ibrahim bin Syafie, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 21 Mei 2010.

Ismail bin Mohd Syed, Kampung Jalan Haji Ali, Pantai Remis, Perak. 07 Mei 2010.

Lim Ah Lai, Beruas, Perak. 05 Jun 2010.

Mahmud bin Hamzah, Batu 36 Jalan Sitiawan, Beruas, Perak. 21 Oktober 2010.

Mohd Ariffin bin Abu Seman, Kampung Sitiawan, Sitiawan, Perak. 24 Januari 2011.

Mohd Noor bin Hamzah, Pengkalan Baharu, Pantai Remis, Perak. 15 Februari 2010.

Mohd Nordin bin Omar, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 15 Februari 2010.

Mohd Noor bin Zakari, Pengkalan Bharu, Pantai Remis, Perak, 15 Februari 2010.

Nah binti Jahaya, Kampung Batu 10, Segari, Lumut, 10 November 2010.

Ng Ah Kaw, Pantai Remis, Perak, 23 Jun 2010.

Osman bin Ibrahim, Kampung Redang Ponggor, Ayer Kuning Kampar, Perak. 6 Julai 2013.

Othman Lob bin Husin, Kampung Ulu Licin, Beruas, Perak. 25 September 2010.

Othman bin Kulub Alang, Kampung Bekor, Kuala Kangsar, Perak. 16 September 2012.

Othman bin Yusof, Kampung Batu 51, Pantai Remis, Perak., 20 Ogos 2010.

Rodiah binti Mohd Nordin, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 21 Mei 2010.

Saad bin Ariffin, Kampung Sungai Batu, Pantai Remis, Perak. 11 Mei 2010.

Sarimin bin Sariban, Kampung Sungai Ramai, Ayer Tawar, Sitiawan, Perak. 19 Mac 2010.

Zainuddin bin Sulaiman, Kampung Pengkalan Damar, Beruas, Perak. 11 Julai 2010.

Zawiyah binti Abdul Rashid, Kampung Dendang, Beruas, Perak. 26 Mei 2010.

## SENARAI LAMPIRAN


### LAMPIRAN 1



Sampul surat yang digunakan oleh PKM untuk menghantar surat kepada Gabenor Malayan Union, bertarikh, 20 Oktober 1946


Sumber: Malayan Union No. 7949/1946: The Communist Party of Malaya Office, Kuala Lumpur, 20.10.46. Incident at Sitiawan on 10.10.46, The Communist Party of Malaya Petition.

## LAMPIRAN 2



### Surat Rasmi PKM kepada Gabenor Malayan Union


Sumber: Malayan Union No. 7949/1946: The Communist Party of Malaya Office, Kuala Lumpur, 20.10.46. Incident at Sitiawan on 10.10.46, The Communist Party of Malaya Petition.



## **Surat daripada Beberapa Kesatuan Sekerja dan Ex-Comrade Association MPAJA, Sungai Siput, Perak, kepada Gabenor Malayan Union**


Sumber: Malayan Union No. 7949/1946: The Communist Party of Malaya Office, Kuala Lumpur, 20.10.46. Incident at Sitiawan on 10.10.46, The Communist Party of Malaya Petition.

## LAMPIRAN 4



Peta Sempadan Kawasan Lingkungan Operasi S.E.A.C

Maklumat dipetik daripada Post Surrender Tasks Section E of the Report to the Combined Chiefs of Staff by The Supreme Allied Commander South East Asia 1943-1945: Vice-Admiral The Earl Mountbatten of Burma.



**British menggambarkan perilaku orang Melayu daripada Angkatan Pemuda Insaf (API) yang berwatak samseng**

Sumber: CO 537/2140 HQ Malaya Command Fortnightly Intelligence Review No. 54

LAMPIRAN 6

*Granted 1929-45* / *Batu Pahat* / *S/100*  
**ORIGINAL.** Nº 04555

**GUERRILLA FORCES DISCHARGE CERTIFICATE.**

UNIT..... 5<sup>th</sup> Patrol 4<sup>th</sup> Independent Regt.....

NAME { English..... Ah Chee ..... Chinese..... 亞枝 ..... Village..... Batu Pahat .....

Age..... 38 ..... Married or Single..... Single ..... No. of Children.....

Is Vocational Training Required..... No ..... If so, what Type..... Labourer .....

Remarks on Training:.....

Discharge Payment (amount) \$350/- (Date) 2/2/42 (Signature) ..... 亞枝 .....


(Signature) ..... C.J. Jewell ..... Liaison Officer. (Signature) ..... T.P. ..... Patrol Leader.

Force 176  
Date..... Time.....

650-200/100 bk-14-11-45-R 51/7-B.M.A. Press, K.L.

**Sijil Pengesahan tanda Berakhirnya Penglibatan Anggota MPAJA dalam Pasukan tersebut serta bayaran yang diterima oleh mereka**

Sumber: Malayan Union No. 1763/1946. CP/MU. 569/46 AGMU. 310/46.




**Mahkamah Rakyat PKM di Pantai Remis, Perak**

Di Mahkamah Rakyat tersebut dua orang berketurunan Cina, suami dan isteri, telah didakwa dan dijatuhi hukuman mati kerana menyampaikan maklumat kegiatan pasukan MPAJA/PKM kepada tentera Jepun. Sumber: Haji Ismail bin Mohd Syed.

Ilustrasi dipetik daripada Ahmad Zaki bin Mohd Johari, Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan', Disertasi MA,Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.


## LAMPIRAN 8



**Mahkamah Rakyat PKM di Beruas, Perak**


Di Mahkamah Rakyat itu, tiga mangsa, dua orang adalah berketurunan Melayu dan seorang anggota polis berketurunan Sikh telah didakwa dan dijatuhi hukuman mati. Sumber: En. Abu Bakar bin Yahya, Ariffin bin Yahaya, Mahmud bin Hamzah.

Ilustrasi dipetik daripada Ahmad Zaki bin Mohd Johari, ‘Kegiatan Parti Komunis Malaya di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berdasarkan Sumber Lisan’, Disertasi MA, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.



**Laksamana Lord Louis Mounbatten, bersalam erat tangan anggota MPAJA dalam suatu Majlis Perarakan Anugerah di Singapura, pada 6 Januari 1946**

Sumber: Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History*. Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd., dan Yayasan Pelajaran Islam (Edisi Kedua), 2007, hlm. 24.



**Kontijen MPAJA yang diketuai oleh Liew Yau, ketika diraikan dalam suatu majlis Perarakan Kemenangan ‘Victory Parade’ di London, pada 8 Jun 1946.**

Sumber: Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd., dan Yayasan Pelajaran Islam (Edisi Kedua), 2007, hlm. 25.

L



**Kubur Mangsa Pembunuhan Beramai-Ramai Penduduk Kampung Bekor,  
Mukim Senggang, Kuala Kangsar, Pada 6 Mac 1946**

Antara kubur mangsa yang terbunuh dalam pertempuran antara orang Melayu dan Cina di Kampung Bekor, Mukim Senggang, Kuala Kangsar. Dua orang mangsa tersebut merupakan anak dan ayah. Mangsa ialah Mat Shaari bin Hj. Amin dan anak lelakinya Mohd Taib bin Mat Shaari.

Sumber: Wawancara dengan Haji Abdul Aziz bin Shaari, Kampung Bekor, Mukim Senggang, Kuala Kangsar, 24 Januari 2011. Beliau adalah anak kepada Mat Shaari bin Amin. Beliau bagaimanapun terselamat daripada kecelakaan itu setelah sempat terjun ke Sungai Perak untuk menyelamatkan diri walaupun cuba dihalang oleh bapa saudaranya yang kemudiannya turut terbunuh dalam pertempuran tersebut.